JABATAN KESIHATAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN

LAPORAN TAHUNAN 2020



Isi Kandungan

Perutusan Pengarah Kesihatan Negeri

Kata Alu-Aluan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

Pengurusan Tertinggi JKNNS

Sidang Pengarang

Carta Organisasi

Visi, Misi, Objektif Kualiti dan Dasar Kualiti

BAHAGIAN PENGURUSAN
1.1 Unit Sumber Manusia
1.2 Unit Pentadbiran
1.3 Unit Perolehan dan Pengurusan Aset
1.4 Unit Kewangan
1.5 Unit Latihan
1.6 Unit Pembangunan
1.7 Unit Teknologi Maklumat
1.8 Unit Psikologi
1.9 Unit Kejururawatan
1.10 Unit Penolong Pegawai Perubatan

BAHAGIAN KESIHATAN AWAM
2.1 Unit Perkembangan Kesihatan Awam
2.2 Unit Kesihatan Keluarga
2.3 Unit Primer
2.4 Unit Penyakit Berjangkit
2.5 Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor
2.6 Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit
2.7 Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar
2.8 Unit Pencegahan dan Kwalan AIDS / STI dan HEP
2.9 Unit Tibi Kusta
2.10 Unit Pemakanan
2.11 Unit Promosi Kesihatan
2.12 Unit Insprktorat dan Perundangan Negeri

BAHAGIAN KEJURUTERAAN
3.1 Unit Bekalan Air Dan Kebersihan Alam Sekitar (BAKAS)
3.2 Unit Program Kawalan Mutu Air Minum Kebangsaan (KMAM)
3.3 Unit Operasi Hospital
3.4. Unit Operasi Klinik

BAHAGIAN PERUBATAN
4.1 Unit Perkembangan dan Amalan Perubatan
4.2 Unit Kualiti Perubatan
4.3 Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta
4.4 Unit Rekod Perubatan

BAHAGIAN PERGIGIAN

BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI

BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN



Perutusan

Assalamualaikum Waramahtullahi Wabaraktuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya semua perancangan tahun 2020 ini berjalan dengan lancar dan sempurna walaupun penuh dengan dugaan dan sejarah tersendiri serta kita diperkenalkan dengan kelaziman baharu yang kini menjadi cara hidup dan budaya yang perlu sentiasa dipatuhi.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung yang telah bertungkus lumus dalam menghasilkan Laporan Tahunan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Ini adalah merupakan kompilasi dokumentasi pelaksanaan aktiviti dan hasil segala usaha pencapaian semua bahagian iaitu Bahagian Pengurusan, Bahagian Perubatan, Bahagian Kesihatan Awam, Bahagian Kesihatan Pergigian, Bahagian Farmasi dan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan sepanjang tahun 2020 yang penuh dengan informasi berguna dan manfaat serta dapat memberi gambaran jelas kepada semua pihak di semua peringkat di JKNNS mahupun agensi-agensi luar mengenai fungsi dan peranan JKNNS sebagai agensi penggerak utama dalam menyokong dan merealisasikan kecekapan dan pengurusan perkhidmatan kesihatan di negeri ini dalam menjalankan dasar-dasar kesihatan negara. Ukuran kecekapan dan kecemerlangan JKNNS adalah terletak kepada sejauh mana mutu perkhidmatan kita diterima dan diakui oleh pelanggan. Dengan ini kita perlu berusaha untuk merapatkan jurang perbezaan antara harapan pelanggan dengan realiti perkhidmatan yang diberikan dengan mengaturkan perancangan dan melaksanakan strategi yang lebih efektif dan efisien. Saya yakin penerbitan laporan ini dapat dijadikan bahan dokumentasi yang penting dan punca rujukan pihak berkepentingan di masa akan datang.

Tahniah dan syabas kepada semua warga kerja JKNNS, semoga segala usaha gigih dan kecekalan dalam mengharungi cabaran dan dugaan yang ditunjukkan dalam melaksanakan program dan aktiviti sepanjang tahun 2020 ini dapat menjadi pemangkin untuk berusaha dengan lebih gigih lagi pada tahun berikutnya. Semoga kejayaan dan pencapaian yang didokumenkan sepanjang tahun ini akan diberkati bagi membolehkan kita memperoleh kejayaan yang lebih cemerlang sebagai penanda aras bagi memastikan kualiti perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada semua penduduk negeri ini dapat disediakan pada tahap piawaian yang ditetapkan pada tahun-tahun yang akan datang. Semangat kerja berpasukan, komitmen dan momentum hendaklah dikekalkan sepanjang masa. Budaya kerja **Kami Sedia Membantu** tanpa mengira situasi perlu sentiasa dipratikkan oleh semua warga jabatan ini.

Akhir kata marilah kita bersama-sama menggembleng kekuatan dan kecekalan untuk melangkah ke tahun baru 2021 dengan semangat yang lebih kental. Saya berharap semoga kejayaan yang dicapai dapat diteruskan lagi dengan gandingan tenaga semua warga kerja JKNNS supaya perkhidmatan kepada pesakit dan pelanggan dilaksanakan secara berhemah mengikut tatacara, garis panduan, visi dan misi yang telah ditetapkan dan seiring dalam usaha merealisasikan objektif jabatan ini. Semoga tugas yang dilaksanakan dipermudahkan dan diberkati Allah. Wassalam.

Datin Dr. Harlina Binti Abd Rashid
Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

PENGURUSAN TERTINGGI

PENGURUSAN TERTINGGI
JABATAN KESIHATAN NEGERI SEMBILAN



DATIN DR. HARLINA BT. ABDUL RASHID
PENGARAH KESIHATAN NEGERI



BAHAGIAN PENGURUSAN

EN. ABD JALIL BIN ISMAIL

Timb. Pengarah Kesihatan Negeri



BAHAGIAN PERUBATAN

DR. MOHD FEROUS BIN ALIAS

Timb. Pengarah Kesihatan Negeri



BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

DR. HJ MOHAMMAD FAID B ABD RASHID

Timb. Pengarah Kesihatan Negeri



BAHAGIAN FARMASI

PN. SAIDATUL RAIHAN BINTI IBRAHIM

Timb. Pengarah Kesihatan Negeri



BAHAGIAN PERGIGIAN

DR AMDAH BINTI MAT

Timb. Pengarah Kesihatan Negeri



BAHAGIAN KES. DAN KUALITI MAKANAN

PN. JAMILAH BINTI SALIKIN


Timb. Pengarah Kesihatan Negeri

SIDANG PENGARANG

Penasihat	**Datin Dr. Harlina binti Abdul Rashid** Pengarah Kesihatan Negeri Negeri Sembilan Darul Khusus
Pengerusi	**Dr. Mohd Ferous bin Alias** Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
Ahli-ahli Jawatankuasa:	
Bahagian Pengurusan	**Pn. Thelagavathy Naidu A/P Ramasamy**
Unit Sumber Manusia	Pn. Noraini binti Mohd Awal
Unit Pentadbiran	Pn. Norzarimah binti Mohamed Hussain Al-Bakri
Unit Perolehan Dan Aset	Pn. Mastura binti Maarop
Unit Kewangan	En. Mohd Hedzuan bin Abu Bakar
Unit Pembangunan	En. Azuwan bin Azahar
Unit Latihan Dan Kualiti	Pn. Devamalini a/p Raja Gopalu
Unit ICT	En. Rashdan bin Md Noor
Unit Kejururawatan	Matron Suria binti Aziz
Unit Pen. Pegawai Perubatan	Tn. Hj Sulaiman bin Dalimi
Unit Psikologi	Pn. Sri Hanum binti Othman
Bahagian Kesihatan Awam	**Dr. Suriyati binti Abd Aziz**
Unit Perkembangan Kesihatan Awam	Dr. Rosmala binti Mohamad
Unit Kesihatan Keluarga	Dr. Noraziah binti Aboo Bakar
Unit Kesihatan Primer	Dr. Noor Azimah binti Hassan
Unit Kawalan Penyakit Berjangkit	Dr. Muhamad bin Ismail
Unit Tibi Dan Kusta	Dr. Norliza binti Ahmad
Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit	Datin Seri Dr Norzakiah binti Mohd Tahir

Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar	Dr. Zuraida binti Mohamed
Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor	Dr. Netty Darwina binti Mohd Dawam
Unit HIV/ STI/ HEP	Dr. Sharifah Nor binti Ahmad
Unit Pemakanan	Pn. Norliza binti Zainal Abidin
Unit Promosi	En. Mohd Fadhil bin Madzlan
Unit Inspektorat dan Perundangan Negeri	En. Shanmugam a/l Kandasamy
Unit Kejuruteraan	Pn. Norlyana binti Zulkifli Pn. Annur Faizi binti Muhamad Yatim En. Mohd Tarmizi Syazwan bin Ab. Aziz
Bahagian Perubatan	**Dr. Bhawani a/p Thangaratnam**
Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta	Dr. Noraziah binti Abd. Rahman
Unit Perkembangan Amalan Perubatan	Dr. Nur Ain binti Rahim
Unit Kualiti Perubatan	Dr. Siti Hanisah binti Zainal
Unit Rekod Perubatan	Pn. Maznah binti Mahat
Bahagian Pergigian	**Dr. Nurul Ain binti Azmi**
Bahagian Perkhidmatan Farmasi	**Pn. Adibah Husna binti Ahmad Maher** **En, Nor Hamidi bin Shahirudin**
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan	**Pn. Nor Azura binti Ja'afar**
Urusetia / Suntingan	Cik Nor Linda binti Mokhtar Pn. Maznah binti Mahat Pn. Rosni binti Ahmad Pn. Siti Hajar binti Md Yunos

CARTA ORGANISASI
JABATAN KESIHATAN NEGERI SEMBILAN



SINGKATAN

PKD - PEJABAT KESIHATAN DAERAH
PPD - PEJABAT PERGIGIAN DAERAH

TARIKH KEMASKINI 05.02.2021

Menjalankan visi selaras dasar Kementerian Kesihatan Malaysia : Negara menggembeleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik

MISI

Ibu Pejabat, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus komited dalam merancang, mengurus dan mengawal selia penyampaian perkhidmatan kesihatan melalui promosi, pencegahan, perawatan dan pemulihan secara profesional, berkualiti serta efisien ke arah peningkatan tahap kesihatan masyarakat yang lebih berkualiti.

OBJEKTIF

Membantu individu dan keluarga mencapai dan mengekalkan taraf kesihatan yang optima bagi membolehkannya menjalankan kegiatan ekonomi dan sosial yang produktif dengan menyediakan kemudahan asas dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Tumpuan diberi kepada rakyat yang kurang bernasib baik

DASAR KUALITI

Ibu Pejabat, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus akan memastikan bahawa sistem pengurusan yang diamalkan mematuhi keperluan MS ISO 9001:2015 dan beriltizam ke arah pengurusan, perancangan dan pemantauan program-program yang berkesan melalui promosi kesihatan, pencegahan penyakit, rawatan penyakit, pemulihan dengan berpaksikan pelanggan *(client-centered*) dan penambahbaikan yang berterusan.



BAHAGIAN PENGURUSAN

1.1 UNIT SUMBER MANUSIA

PENGENALAN

Unit Sumber Manusia adalah salah satu unit di bawah Bahagian Pengurusan, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Unit Sumber Manusia bertanggungjawab memastikan segala urusan dilaksanakan berdasarkan dasar-dasar pengurusan perjawatan dan perkhidmatan personel berlandaskan peraturan-peraturan serta pekeliling-pekeliling yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa.

VISI

Memastikan Unit Sumber Manusia menjadi organisasi terbaik dalam pembangunan sumber manusia yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti dalam meningkatkan mutu perkhidmatan yang cemerlang demi kepuasan pelanggan.

MISI

Memastikan Unit Sumber Manusia mempunyai anggota yang cekap, bertanggungjawab, berpengetahuan dan berkemahiran berasaskan budaya kerja yang cemerlang.

Memastikan perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia dapat dilaksanakan dengan berkesan bagi menentukan organisasi mempunyai sumber manusia yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti bagi mencapai objektif Bahagian Pengurusan.

OBJEKTIF

Untuk memastikan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS) khasnya dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amnya mempunyai sumber dan struktur organisasi yang sempurna dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang kepada semua anggota.

FUNGSI

Melaksanakan dasar-dasar pengurusan perjawatan dan perkhidmatan personel berlandaskan peraturan-peraturan, pekeliling-pekeliling yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa.

Jadual 1 : Kedudukan Perjawatan dan Pengisian Kakitangan JKNNS Mengikut Program, 2020

Bil.	Program	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
1.	Pengurusan	121	113	8
2.	Kesihatan Awam	4,175	3,830	345
3.	Perubatan	6,620	6,233	387
4.	Pergigian	942	870	72
5.	Farmasi	40	38	2
6.	Keselamatan dan Kualiti Makanan	75	71	4
	Jumlah	**11,973**	**11,155**	**818**


Jadual 2 : Ringkasan Kedudukan Perjawatan Mengikut Kumpulan di JKNNS, 2020

Bil.	Kumpulan	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
1.	JUSA	49	39	10
2.	Pengurusan dan Profesional	2,416	2,353	63
3.	Sokongan 1	7,026	6,545	481
4.	Sokongan 2	2,482	2,218	264
Jumlah		**11,973**	**11,155**	**818**

Jadual 3 : Kedudukan Perjawatan Mengikut Kumpulan dan Program di JKNNS, 2020

Bil.	Kumpulan	Program					
		Pengurusan	Kesihatan Awam	Perubatan	Pergigian	Farmasi	BKKM
1.	JUSA	1	10	34	4	0	0
2.	Pengurusan dan Profesional	19	860	1,254	242	27	14
3.	Paramedik dan Auksiliari	0	2,245	3,320	436	0	52
4.	Sokongan 1	81	188	654	42	4	4
5.	Sokongan 2	20	872	1,358	218	9	5
Jumlah		**121**	**4,175**	**6,620**	**942**	**40**	**75**

Rajah 1 : Kedudukan Perjawatan dan Pengisian di JKNNS, 2020



	Pengurusan	Kesihatan Awam	Perubatan	Pergigian	Farmasi	BKKM
Pengurusan & Professional	19	860	1,254	242	27	14
Paramedik & Auksiliari	0	2,245	3,320	436	0	52
Sokongan 1	81	188	654	42	4	4
Sokongan 2	20	872	1,358	218	9	5

Jadual 4 : Latihan Unit Sumber Manusia, 2020

Bil.	Kursus	Tarikh	Kumpulan Sasaran	Jumlah Anggota
1.	Bengkel Pelaksanaan Pengurusan Penilaian Prestasi Peringkat JKNNS	11.2.2020	Pengurus Sumber Manusia, Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK)	60
2.	Bengkel Perjawatan : Pengemaskinian Data MySMPP	18.2.2020 - 21.2.2020	Pengurus Sumber Manusia PTJ	30
3.	Kursus Penulisan Buku Rekod Perkhidmatan	12.3.2020 - 13.3.2020	Kakitangan Unit Sumber Manusia JKNNS dan Pengurus Sumber Manusia PTJ	45
4.	Taklimat Fungsi Pertukaran Dalam HRMIS Bagi Pegawai Skim Paramedik dan Auksiliari	11.8.2020	Ketua Profesion dan Pengurus Sumber Manusia JKN dan PTJ	60
5.	Taklimat Tatatertib	22.7.2020 & 20.10.2020	Ketua-ketua PTJ dan Pengurusan Tertinggi JKNNS	27
6.	Hari Semakan Buku Rekod Perkhidmatan Peringkat JKNNS	2.9.2020 - 4.9.2020	Pegawai dan Anggota (CO) JKNNS	396

Jadual 5 : Pencapaian Aktiviti Unit Sumber Manusia, 2020

Bil.	Aktiviti	Pencapaian
1.	Bilangan Pengesahan Pelantikan Diproses	39
2.	Bilangan Pengesahan Perkhidmatan Diproses	4
3.	Bilangan Urusan Naik Pangkat Diproses	1,025
4.	Bilangan Permohonan Ke Luar Negeri Diproses	33
5.	Bilangan Permohonan Pertukaran Diproses	1,544
6.	Bilangan Permohonan Tanggung Kerja Diproses	329
7.	Bilangan Permohonan Persaraan Diproses	121
8.	Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) JKNNS	2 kali
9.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS KKM	1 kali
10.	Mesyuarat Pertukaran / Penempatan Sumber Manusia	12 kali
11.	Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)	2 kali
12.	Laporan Perjawatan ke KKM	4 kali
13.	Laporan Tatatertib Dihantar ke KKM	4 kali
14.	Naziran Perkhidmatan dan Perjawatan ke PTJ	4 kali

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, Unit Sumber Manusia telah dapat melaksanakan sasaran yang ditetapkan sebagaimana dirancang pada tahun 2020. Usaha penambahbaikan dari masa ke semasa tetap diteruskan bagi memantapkan lagi pengurusan sumber manusia dan juga dalam penyampaian perkhidmatan kepada anggota di Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan.

1.2 UNIT PENTADBIRAN

Seksyen Pentadbiran antara komponen utama yang menyokong kepada penyampaian perkhidmatan di Bahagian Pengurusan khasnya dan Ibu Pejabat Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan di bawah Bahagian Pengurusan. Seksyen Pentadbiran bertanggungjawab mengurus perjalanan pentadbiran am termasuk merancang, menyelaras dan melaksanakan urusan mengemaskini seperti urusan surat-menyurat dan pengeposan, sistem kawalan rekod kehadiran, pengurusan kenderaan dan pengurusan kontrak perkhidmatan seperti pembersihan, keselamatan, penghawa dingin, kafeteria, urusan makan dan minum untuk mesyuarat, mesin fotostat, mesin air minuman, peralatan *hygiene*, penyelenggaraan lif dan rawatan sistem penghawa dingin.

Bagi memberikan perkhidmatan sokongan kepada semua, Seksyen Pentadbiran juga bertanggungjawab terhadap pengurusan keselamatan bangunan, kerosakan kecil bangunan, pengurusan rekod dan fail, pengurusan penyewaan premis, penyelenggaraan bangunan termasuk keperluan utiliti seperti telefon, bekalan elektrik dan air. Di samping itu, Seksyen Pentadbiran juga bertanggungjawab sebagai urusetia dalam majlis-majlis rasmi Jabatan dan mesyuarat-mesyuarat utama Pengurusan.

Sebagai Penyelaras Aduan dan Korporat JKN Negeri Sembilan pula, Seksyen Pentadbiran turut berfungsi sebagai *frontliner* dalam menyelesaikan aduan dan maklum balas yang diterima dari pelbagai sumber samada akhbar, media sosial, emel, surat, panggilan telefon atau hadir sendiri bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada *stakeholders* di samping mengekalkan imej Jabatan melalui pelbagai petunjuk.

VISI

Mewujudkan perkhidmatan pentadbiran yang dinamik, profesional dan mesra pelanggan.

MISI

Menyediakan perkhidmatan yang cekap berkesan dan selari dengan keperluan pelanggan.

OBJEKTIF

Menyokong pelaksanaan aktiviti Jabatan Kesihatan Negeri dengan menggunakan segala sumber yang ada berdasarkan pekeliling, peraturan dan prosedur yang berkuatkuasa.

PELAKSANAAN AKTIVITI TAHUN 2020

Sepanjang tahun 2020 aktiviti utama telah dilaksanakan oleh Seksyen Pentadbiran mengikut sasaran yang ditetapkan. Aktiviti yang dijalankan secara kerjasama dengan agensi luar tidak dapat dilaksanakan akibat pandemik Covid-19 yang telah menular di seluruh negara.


Jadual 1 : Ringkasan Aktiviti Pentadbiran, 2020

Bil.	Aktiviti	Pencapaian
1.	Pengurusan Surat-menyurat	- 1,482 surat diterima melalui sistem eSurat, diasing dan diagihkan. - Surat-surat yang dihantar melalui perkhidmatan pos : • Pos biasa : 4,538 • Pos berdaftar : 918 • Pos laju : 84
2.	Pengurusan Fail	- Pendaftaran Fail Baru • Peribadi : 1,300 • Am : 580 - Permohonan pelupusan : 1,518 Jumlah Fail : 34,753
3.	Keselamatan • Pas Keselamatan / Akses	Sejumlah 362 bilangan yang diselenggarakan.
4.	1. Naziran Pengendalian Dokumen Terperingkat 2. Naziran Pematuhan Pengurusan Kenderaan 3. Pemeriksaan Mengejut Kenderaan 4. Pemeriksaan Mengejut Daftar Pos dan *Franking*	1. Naziran telah dibuat pada 27.7.2020 di Bahagian Kesihatan Awam dan Seksyen Pembangunan serta di PKD Kuala Pilah pada 11 Ogos 2020. 2. Dilaksanakan pada Ogos di HTAN dan Oktober 2020 di PKD Jempol. 3. Dilaksanakan 1 kali setahun melibatkan 2 buah kenderaan. 4. Telah dilaksanakan 2 kali setahun pada 7 Januari dan 3 Julai 2020.
5.	Pelaksanaan *Mystery Shopping*	Telah diadakan di Klinik Kesihatan Port Dickson, Klinik Kesihatan Bagan Pinang dan Klinik Kesihatan Lukut.
6.	Pengurusan Bengkel	Bengkel Pengurusan Dokumen Terperingkat pada 13 sehingga 14 Oktober 2020 di Dewan Merbau, Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan.
7.	Mesyuarat yang diadakan pada tahun 2020	i. Mesyuarat Pagi : 6 kali ii. Mesyuarat Pengurusan Ketua Jabatan : 3 kali iii. Mesyuarat TPKN Pengurusan Bersama Pengurusan Pusat Tanggungjawab : 4 kali iv. Mesyuarat Pemilihan Pencalonan Pingat & Darjah Kebesaran : 1 kali v. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aduan Awam : 2 kali vi. Mesyuarat Ketua Unit Pengurusan : 6 kali
9.	Penggunaan Sistem Biometrik Kehadiran	Mulai 1 Disember 2020
10.	Ke arah projek Digital Dokumen Management System (DDMS)	28 September 2020
11.	Melestarikan Lanskap Jabatan (tanaman nenas)	Di sekitar bangunan Jabatan mulai Jun 2020


PRESTASI PENGURUSAN ADUAN

Selaras dengan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia supaya semua agensi kesihatan menggunakan aplikasi Sistem Pemantauan Aduan Awam Bersepadu (SiSPAA) secara atas talian dalam pengurusan aduan, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan telah melaksanakan pemantauan aduan melalui SiSPAA mulai Januari 2014 dan diteruskan pada tahun 2020. Melalui aplikasi tersebut, sebanyak 351 aduan telah diterima pada tahun 2020 dan sebanyak 96.87% aduan telah berjaya diambil tindakan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam KPI Jabatan.


Jadual 2 : Jumlah Penerimaan Aduan Bagi Tahun 2020



Jadual 3 : Trend Analisis Aduan 2018 – 2020



Jadual 4 : Statistik Aduan Tertinggi Mengikut Kategori BPA



PENGURUSAN MAJLIS RASMI JABATAN

Sepanjang tahun 2020, Unit Pentadbiran diberi tanggungjawab dalam pengurusan Majlis Rasmi Jabatan. Senarai majlis yang berjaya dijalankan sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut:

Jadual 5 : Senarai Majlis Rasmi Jabatan, 2020

Bil.	Program	Tarikh
1.	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019 dan Majlis Jasamu Dikenang 2019, Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan	4 Februari 2020
2.	Perhimpunan Bulanan Jabatan sebanyak 2 kali	13.1.2020 dan 7.2.2020

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, Seksyen Pentadbiran tidak dapat melaksanakan sasaran yang ditetapkan sebagaimana dirancang pada tahun 2020 kerana pandemik Covid-19 yang telah menular di seluruh negara. Walau bagaimanapun, usaha tetap dilaksanakan dengan mematuhi norma baharu dan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan melalui syarat Perintah Kawalan Pergerakan seluruh negeri. Penambahbaikan dari semasa ke semasa tetap diteruskan bagi memantapkan lagi perkhidmatan. Dedikasi pegawai-pegawai Seksyen Pentadbiran merupakan aset yang amat berharga dalam menjayakan sasaran tersebut.

1.3 UNIT PEROLEHAN DAN PENGURUSAN ASET

PENGENALAN

Unit Perolehan dan Pengurusan Aset diwujudkan pada awal tahun 2012 dan telah ditukar nama menjadi Seksyen Perolehan dan Pengurusan Aset pada tahun 2019. Seksyen ini bertanggungjawab mengendalikan semua urusan yang berkaitan dengan tatacara perolehan, pengurusan aset dan stor secara cekap, telus dan berintegriti. Pada masa ini, Seksyen Perolehan dan Pengurusan Aset mempunyai 11 orang anggota dan berikut merupakan tugasan utama yang dilaksanakan oleh Seksyen ini:

i. Melaksanakan urusan berkaitan perolehan seperti rundingan terus, sebutharga dan tender.
ii. Menjadi urusetia dalam Mesyuarat Sebutharga dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK).
iii. Menyelaras Perancangan Perolehan Tahunan.
iv. Menyelaras Mesyuarat Barangan Import peringkat Jabatan.
v. Melaksanakan urusan berkaitan aset seperti penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan, pemeriksaan, penyelenggaraan dan pelupusan aset.
vi. Memantau dan menyediakan laporan bagi kes-kes kehilangan dan hapuskira.
vii. Mengurus perlantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasatan.
viii. Mengurus dan memantau urusan pemverifikasi stor.
ix. Menyelaras laporan-laporan suku tahun dan tahunan bagi Aset Jabatan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ)
x. Melaksanakan urusan naziran ke Pusat Tanggungjawab (PTJ).

VISI

Memperkasakan program/ aktiviti Perolehan dan Pengurusan Aset yang sistematik, berkualiti, cekap dan penuh integriti dalam memenuhi keperluan Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan.

MISI

Mencapai piawaian kualiti yang tinggi dalam pengurusan Perolehan, Aset dan Stor.

OBJEKTIF

Merancang, mengurus dan melaksana aktiviti perolehan, pengurusan aset dan stor bagi memenuhi keperluan jabatan selaras dengan dasar- dasar sedia ada. Memantau dan menilai aktiviti perolehan, pengurusan aset dan stor bagi memastikan kecekapan dalam mematuhi jangka masa dan piawaian.

PENCAPAIAN

PEROLEHAN

Tahun 2020 merupakan tahun di mana Malaysia berdepan dengan fasa Pandemik Covid-19. Oleh yang demikian, sepanjang tahun ini Unit Perolehan telah melaksanakan Perolehan Darurat yang melibatkan pembelian *Personal Protective Equipment* (PPE) bagi kegunaan petugas barisan hadapan. Jumlah keseluruhan pembelian tersebut adalah sebanyak **RM3,084,973.00**.

Di samping itu, perolehan lain turut dijalankan seperti perancangan dan Mesyuarat Sebutharga bagi Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan telah memperakukan perolehan seperti di **Jadual 1** dan pecahannya seperti di **Jadual 2.**

Jadual 1 : Bilangan Tender dan Sebut Harga yang Diuruskan oleh Unit Perolehan sepanjang tahun 2020

Perkara	Bil. Perolehan
Sebutharga	31
Tender	14
Rundingan Terus	9
Jumlah	**54**

Jadual 2 : Pecahan Urusan Perolehan Sebutharga dan Tender di Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan

Jenis Aktiviti Perolehan	Tender	Sebut harga
Reagen	4	2
Kawalan Keselamatan	6	0
Bahan Mentah Basah Kering	1	0
Perkhidmatan Sokongan Hospital	1	1
Sewaan	1	1
Komputer dan Rangkaian	1	2
Perkhidmatan (*Cooling Tower*/Elektrik/Pagar/Pintu Masuk)	0	3
Peralatan Perubatan	0	11
Percetakan	0	2
Bekalan (Toner/Alat Tulis/Bukan Perubatan/Racun)	0	5
Bekalan Pakai Buang	0	1
Kerja-Kerja	0	3
Jumlah	**14**	**31**

PENGURUSAN ASET ALIH DAN STOR KERAJAAN

Kedudukan Aset Alih Kerajaan

Sehingga 31 Disember 2020, kedudukan keseluruhan Aset Alih Kerajaan (Harta Modal dan Aset Bernilai Rendah) bagi Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan adalah berjumlah sebanyak **RM543,499,900.00** dengan **145,776** butiran dan perincian seperti **Jadual 3** berikut:

Jadual 3 : Kedudukan Aset Alih Kerajaan sehingga 2020

Jenis Aset Alih	Bilangan Aset	Nilai Perolehan Asal (NPA)
Harta Modal (HM)	33,526	493,400,304.00
Aset Bernilai Rendah (ABR)	112,250	50,099,596.00
Jumlah	**145,776**	**543,499,900.00**

Pelupusan

Pada tahun 2020, jumlah keseluruhan pelupusan aset alih bagi kategori peralatan perubatan, peralatan pergigian, peralatan am, kenderaan dan perabot bagi nilai yang **diluluskan oleh Pengarah Kesihatan Negeri Negeri Sembilan** bagi aset yang nilai perolehan asalnya setiap satu tidak melebihi RM50,000.00 dan nilai agregatnya tidak melebihi RM500,000.00 adalah sebanyak **RM1,351,607.80 dengan 446 butiran,** di mana 104 butiran merupakan harta modal yang bernilai RM1,205,339.08 dan 342 Aset Bernilai Rendah (ABR) bernilai RM146,268.72. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 4**.

Manakala pelupusan aset bagi nilai perolehan tidak melebihi RM200,000.00 setiap satu atau nilai agregatnya tidak melebihi RM2,000,000.00 dan **diluluskan oleh Setiausaha Bahagian Perolehan dan Penswastaan KKM** adalah sebanyak 6 butiran yang berjumlah **RM955,600.00** seperti di **Jadual 5**.

Jadual 4 : Pelupusan Aset yang Diluluskan oleh Pengarah JKNNS

Jenis Aset	Bilangan Aset yang Dilupuskan		Nilai (RM)
Alat Perubatan	H	37	914,132.08
	I	72	18,948.00
Alat Pergigian	H	24	190,896.00
	I	22	26,280.00
Alat Am/ Elektronik/ Elektrikal	H	43	100,311.00
	I	122	40,104.59
Kenderaan	H	-	-
Perabot	H	-	-
	I	126	60,936.13
Jumlah	**446**		**1,351,607.80**

H = Harta Modal** **I = Inventori

Jadual 5 : Pelupusan Aset yang Diluluskan oleh Setiausaha Bahagian Perolehan dan Penswastaan KKM

Jenis Aset	Bilangan Aset yang Dilupuskan		Nilai (RM)
Alat Perubatan	H	6	955,600.00
	I	-	-
Alat Pergigian	H	-	-
	I	-	-
Alat Am/ Elektronik/ Elektrikal	H	-	-
	I	-	-
Kenderaan	H	-	-
Perabot	I	-	-
Jumlah	**6**		**955,600.00**

H=Harta Modal** **I=Inventori

Hadiah

Selain itu, sepanjang tahun 2020 Jabatan ini juga telah menerima banyak sumbangan daripada pelbagai pihak seperti Pertubuhan, Syarikat dan Individu yang menyumbang kepada Petugas Barisan Hadapan berikutan pendemik Covid-19. Jadual 6 di bawah merupakan pecahan kelulusan permohonan sumbangan tersebut yang terdiri daripada kategori aset bagi tujuan penambahbaikan operasi di Jabatan dan PTJ serta sumbangan Covid-19 yang terdiri daripada peralatan pakai buang, PPE dan makanan.

Jadual 6 : Kelulusan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan bagi hadiah kurang RM10,000.

ASET		SUMBANGAN COVID-19	
PERMOHONAN	JUMLAH (RM)	PERMOHONAN	JUMLAH (RM)
57	195,788.40	38	1,082,912.58



Gambar 1: Sumbangan Lions Club



Gambar 2: Sumbangan Bank Islam Malaysia Berhad

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, pada tahun 2020 Seksyen Perolehan dan Pengurusan Aset telah berhadapan dengan cabaran yang sangat besar berikutan pandemik Covid-19 di mana terdapat mesyuarat, naziran, lawatan tapak dan taklimat perolehan terpaksa ditunda dan dibatalkan demi menjaga kemaslahatan dan keselamatan semua pihak. Walau bagaimanapun, Seksyen ini sentiasa mengambil pendekatan yang terbaik bagi memantapkan dan memperkemaskan urusan-urusan yang dilaksanakan di Seksyen ini bagi mencapai objektif Seksyen ini secara lebih khusus dan menggunapakai sepenuhnya medium digital sebagai perantara.

1.4 UNIT KEWANGAN

PENGENALAN

Seksyen Kewangan adalah satu seksyen di bawah Bahagian Pengurusan, Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan. Seksyen Kewangan bertanggungjawab memastikan segala urusan berkaitan hal-hal kewangan berjalan dengan sempurna dan mengikut peraturan dan prosedur kewangan yang berkuatkuasa dengan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dalaman dan luaran.

VISI

Peneraju Pengurusan Kewangan yang cemerlang ke arah pencapaian visi Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan.

MISI

- Merancang semua aktiviti di bawah pengurusan kewangan dengan teratur dan efisyen.
- Menggunakan sumber manusia dan lain-lain sumber secara berkesan untuk melaksanakan pengurusan kewangan yang berkesan.
- Membuat kawalan dan pemantauan prestasi perbelanjaan dan kutipan hasil.
- Menguatkuasakan semua peraturan kewangan.

OBJEKTIF

- Bertanggungjawab memberikan khidmat sokongan pengurusan kewangan Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi membolehkan semua aktiviti dalam program pengurusan berjalan lancar, sempurna dan berkesan ke arah pencapaian objektif Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan selaras dengan peraturan-peraturan Kewangan yang masih berkuatkuasa.

FUNGSI UTAMA

Fungsi utama Seksyen Kewangan Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan:

- Agihan Peruntukan
- Pengurusan Perbelanjaan
- Pengurusan Perolehan
- Pinjaman Komputer
- Pinjaman Kenderaan
- Pengurusan Gaji dan Elaun-elaun
- Pengurusan Hasil
- Naziran Pengurusan Kewangan
- Pemeriksaan Mengejut Terimaan ke Pemungut Kecil

Bil.	Aktiviti	Bilangan	
		2020	2019
1.	Bilangan Baucar Bayaran	3,617	4,505
2.	Bilangan Pesanan Tempatan	1,175	988
3.	Bilangan Tuntutan Panjar Wang Runcit	174	169
4.	Bilangan Pinjaman Komputer	158	241

PENCAPAIAN SEKSYEN KEWANGAN

Pada tahun 2020 Sekyen Kewangan telah merima kunjungan daripada beberapa pihak untuk diaudit iaitu :

Bil.	Nama Jabatan / Agensi	Tajuk Naziran	Keputusan
1.	Jabatan Audit Negara, Negeri Sembilan	Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan dan Akaun	Baik
2.	Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Putrajaya	Verifikasi Laporan Prestasi Pengurusan Kewangan dan Akaun (LPPKA)	Baik

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS MENGIKUT PROGRAM, 2020

Bagi tahun 2020, Seksyen Kewangan telah menguruskan sejumlah **RM1,062,328,730** peruntukan Bajet Mengurus yang diagihkan oleh Kementerian Kesihatan seperti berikut :

Bil.	Program	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Perbelanjaan (%)
1.	Pengurusan	12,847,024	13,858,462	107.87
2.	Perubatan	577,326,552	604,638,736	104,73
3.	Kesihatan Awam	291,818,516	314,268,083	107.69
4.	Kesihatan Pergigian	56,511,863	58,705,396	103.88
5.	Farmasi	4,633,315	4,514,593	97.44
6.	Penyelidikan dan Sokongan Teknikal	4,318,315	4,101,879	94.99
7.	Keselamatan dan Kualiti Makanan	2,413,369	2,728,966	113.08
8.	Emolumen Kakitangan Kontrak	93,297,469	95,590,833	97.54
9.	Tuntutan Rawatan Ubat Pesara	9,011,192	8,952,191	99.35
10.	Pengoperasian Fasiliti Baru	7,337,500	7,321,585	99.78
11.	Aset/ Harta Modal/ Kenderaan	2,813,615	2,645,568	94.03
	Jumlah	**1,062,328,730**	**1,117,326,292**	**105.18**

KESIMPULAN

Secara keseluruhan Seksyen Kewangan telah berjaya mencapai objektif dalam melaksanakan aktiviti pengurusan kewangan dan khidmat nasihat berkaitan tadbir urus kewangan bagi tahun kewangan 2020.

1.5. UNIT LATIHAN DAN KUALITI

PENGENALAN

Unit Latihan dan Kualiti merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Pengurusan yang bertanggungjawab mengendalikan sepenuhnya aspek pengurusan latihan di Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS). Fungsi dasar Unit Latihan dan Kualiti adalah menyelaraskan dan mengendalikan kursus-kursus :

- Latihan Dalam Perkhidmatan (Generik dan Fungsional)
- Latihan Asas Dalam Perkhidmatan
- Program-program kualiti kualiti JKNNS (EKSA, KIK & myPortfolio)

Unit Latihan dan Kualiti menjadi urusetia dan menyelaras mesyuarat peringkat negeri seperti :

- Mesyuarat Jawatankuasa Latihan Pos-Basik
- Mesyuarat Jawatankuasa CPD
- Mesyuarat Jawatan Kuasa *Joint Management Committee* (JMC)
- Mesyuarat Jawatan Kuasa EKSA (DIY)

Unit Latihan dan Kualiti menyelaras sebagai Pentadbir sistem :

- e-Pelatih
- e-Latihan
- e-Tempahan
- myCPD

VISI

Melaksanakan dasar latihan yang berkualiti bagi melahirkan anggota sumber manusia yang berkompetensi dan berteraskan pembangunan insaniah.

MISI

Menghasilkan pegawai dan anggota yang berkemahiran dan cekap serta berkualiti.

OBJEKTIF


Membangunkan modal insan yang cemerlang melalui Pelan Latihan yang strategik serta peningkatan kualiti Jabatan secara keseluruhan.

PENCAPAIAN TAHUN 2020

a. **Laporan Prestasi menghadiri kursus sekurang-kurangya satu (1) hari berkursus mengikut Bahagian di Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan**
   Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam menggalakkan setiap anggota perkhidmatan awam mengikuti kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dalam setahun selaras dengan usaha untuk melahirkan anggota sumber manusia yang berkelayakan dan berkebolehan.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan dasar tersebut telah ditangguhkan seperti arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, surat Bil JPA(1)S.175/4/1-1 klt.22(38) bertarikh 29 Februari 2016 melalui surat edaran KSU KKM.500-5/11/1 (6) bertarikh 31 Mac 2016. Susulan itu, warga Jabatan diwajibkan untuk menghadiri kursus sekurang-kurangya satu (1) hari dalam setahun sebagai kawalan dalaman untuk menambah pengetahuan dan kemahiran warga bagi memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi.

Rajah 1 : Peratusan Warga JKNNS yang Menghadiri Kursus Sekurang-kurangnya Satu (1) hari




b. Pelaksanaan Kursus Tahun 2020

Unit Latihan dan Kualiti telah menyelaraskan kursus Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) dan Program Transformasi Minda (PTM) sepanjang tahun 2020. Kursus dan latihan dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kompetensi anggota perkhidmatan awam supaya berkebolehan dan berkeupayaan melakukan tugas dengan cepat dan menepati standard umum yang ditentukan oleh organisasi.

Manakala, PTM dilaksanakan supaya anggota perkhidmatan awam yang baru dilantik diberi pengenalan dan pendedahan kepada budaya kerja dan nilai-nilai positif anggota perkhidmatan awam. Di samping itu, ia juga bertujuan meningkatkan kemahiran sedia ada dan mendedahkan kemahiran baru bagi meningkatkan kompetensi anggota perkhidmatan awam.

Bagi tahun 2020, susulan daripada penularan pandemik Covid-19, atas dasar mengelakkan penularan dikalangan penjawat awam, pelaksanaan Program Transformasi Minda di Kementerian Kesihatan Malaysia bagi kumpulan pelaksana telah ditangguhkan melalui siaran pekeliling Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia KKM.500-5/1/14 Jld.16 (68), bertarikh 10 Julai 2020. Walau bagaimanapun Program Transformasi Minda bagi Pegawai Perubatan Siswazah (*Housemen*) anjuran Bahagian Pengurusan Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia diteruskan atas sebab-sebab keperluan kritikal bagi menampung perkhidmatan Pegawai Perubatan untuk menangani penularan pandemik Covid-19 di Negeri Sembilan.

Rajah 2 : Bilangan Kursus Latihan Dalam Perkidmatan (LDP) dan Program Transformasi Minda (PTM) yang Dilaksanakan, 2020



c. Penyelarasan Mesyuarat Peringkat Negeri Tahun 2020

i. **Mesyuarat Jawatan Kuasa *Joint Management Committee* (JMC) Bersama IPTA/IPTS**

- Bagi tahun 2020, mesyuarat telah ditangguhkan ke tahun 2021, berikutan penularan pandemik Covid-19 dan pematuhan kepada arahan SOP semasa Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang tidak membenarkan aktiviti bersemuka dilaksanakan.

ii. **Mesyuarat Jawatankuasa Latihan (Pos Basik)**

- Mesyuarat bagi Kursus Pengkhususan/ Diploma Lanjutan Siri Mac/Mei 2020 telah diadakan pada 20 Disember 2019.
- Tiada tawaran baru Pos Basik dibuka sepanjang tahun 2020.

KESIMPULAN

Kemajuan anggota Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan sememangnya harus disulami dengan pembangunan insaniah dan kompetensi yang tinggi. Unit Latihan dan Kualiti akan sentiasa memberi penekanan terhadap penyediaan latihan dan kursus yang menjurus kepada aspek pembangunan tersebut tanpa mengabaikan kualiti dalam perlaksanaannya dengan amalan norma-norma baharu selaras dengan situasi semasa yang sedaang melanda negara.

1.6. UNIT PEMBANGUNAN

PENGENALAN

Seksyen Pembangunan bertanggungjawab bagi memastikan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian *outcome* semua projek-projek pembangunan Jabatan termasuk projek-projek di bawah peruntukan Kerja-Kerja Naiktaraf dan Pembaikan berjalan dengan lancar serta mengikut prosedur yang ditetapkan.

VISI

Untuk menjadikan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan sebuah negeri yang mempunyai individu, keluarga dan masyarakat yang sihat dan sejahtera melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan untuk program-program kesihatan, perubatan dan pergigian secara profesional, efisien, saksama dan mesra.

MISI

Seksyen Pembangunan akan memberikan komitmen sepenuhnya ke atas pelaksanaan program perkhidmatan kesihatan, perubatan dan pergigian yang merangkumi bidang promosi, pencegahan, perawatan dan pemulihan ke arah peningkatan taraf hidup berkualiti.

OBJEKTIF

Mengurus prestasi fizikal dan kewangan bagi projek-projek pembangunan kesihatan di Negeri Sembilan.

LATAR BELAKANG

Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11, Rolling Plan Ke-4 (RMK-11, RP4) telah diluluskan peruntukan sebanyak **RM689,287,000.00** iaitu sebanyak **RM644,287,000.00 adalah bagi projek sambungan,** manakala **RM45,000,000.00 adalah bagi projek baru.**

Siling perbelanjaan peruntukan pelaksanaan projek-projek tersebut bagi tahun 2020 adalah sebanyak **RM34,481,020.00.** Berdasarkan bilangan jumlah projek, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan diluluskan adalah sebanyak **9 projek,** di mana **8 adalah projek sambungan** dan **1 adalah projek baru.** Kedudukan peruntukan dan bilangan projek adalah seperti pada Jadual 1 dan 2:-

Jadual 1 : Bilangan Projek RMK-11

Butir-butir Projek	Projek RMK-11 (Rolling Plan Keempat)	
	Projek Sambungan	Baru
BP 00100 Latihan		
00101 Pembinaan Baru		
00102 Naiktarafaraf		
BP 00200 Kesihatan Awam		
00201 Kesihatan Luar Bandar	3	
00203 Kesihatan Bandar	1	1
BP 00300 Kemudahan Hospital	3	
BP 00400 Hospital Baru		
BP 00900 Kemudahan Anggota		
00901 Kuarters Luar Bandar		
00904 Pejabat		
00110 Peralatan	1	
Jumlah	**8**	**1**

Jadual 2 : Siling Peruntukan RMK-11 Mengikut Butiran Projek

Butir-butir Projek	Projek Sambungan (RM)	Projek Baru (RM)	Jumlah (RM)
BP 00100 Latihan	-	-	-
00101 Pembinaan Baru	-	-	-
00102 N/Taraf	-	-	-
BP 00200 Kesihatan Awam	-	-	-
00201 Kesihatan Luar Bandar	75,789,000.00	-	75,789,000.00
00203 Kesihatan Bandar	30,000,000.00	45,000,000.00	75,000,000.00
BP 00300 Kemudahan Hospital	516,138,000.00	-	516,138,000.00
BP 00400 Hospital Baru	-	-	-
BP 00900 Kemudahan Anggota	-	-	-
00901 Kuarters Luar Bandar	-	-	-
00904 Pejabat	-	-	-
00110 Peralatan	22,360,000.00	-	22,360,000.00
Jumlah	**644,287,000.00**	**45,000,000.00**	**689,287,000.00**

(a) Latihan (00100)

Tiada Peruntukan yang diluluskan bagi RMK-11 (RP4) bagi butiran ini.

(b) Kesihatan Awam dan Pergigian (00200)

Peruntukan sebanyak **RM105,789,000.00** di bawah **Kesihatan Awam dan Pergigian** adalah bagi 4 projek sambungan dan peruntukan sebanyak **RM45,000,000.00** adalah bagi 1 projek baru seperti pada Jadual 3.

Jadual 3 : Butiran Projek Kesihatan Awam dan Pergigian

Bil.	Tajuk Projek	Status Projek (Sambungan/ Baru)	Peruntukan RMK-11 (RM)	Penjadualan Pelaksanaan
1.	KK 3 Palong 7& 8	Sambungan	35,000,000.00	Dalam Pelaksanaan Jadual : 63% Sebenar : 43%
2.	KK 5 Lenggeng	Sambungan	10,789,000.00	Dalam Pelaksanaan Jadual : 96% Sebenar : 70%
3.	KK Rompin (Jenis 4)	Sambungan	30,000,000.00	Dalam Pelaksanaan Jadual : 45% Sebenar : 45%
4.	Pusat Pakar Pergigian Seremban	Baru	30,000,000.00	- Borang Permulaan Projek (BPP) dari KKM telah dikeluarkan pada 19.4.2019. Lawatan tapak pada 12.6.2019 oleh JKR CKK. - Taklimat Tender dan Lawatan Tapak yang dijadualkan pada 16.10.2020 telah dibatalkan selaras dengan arahan PKPB. Terdapat pindaan pada Iklan Tender, JKR dan MyProcurement sedang dilaksanakan dengan menetapkan bahawa tiada taklimat tender dan lawatan tapak untuk projek ini.
5.	KK 2 Tampin	Baru	45,000,000.00	Tarikh Borang Permulaan Projek (BPP) dari KKM: 12.11.2019. Skop Projek: a. Melibatkan kerja-kerja meroboh sebahagian bangunan lama Hospital Tampin. b. Pembinaan bangunan Klinik Kesihatan (Jenis 2) beserta perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan. - Lawatan Tapak : 20.1.2020. - Pengesahan Susunatur Tapak telah disahkan oleh Bahagian Perancangan, KKM. - Urusan perpindahan Unit Makmal dan Unit Inspektorat ke Bangunan Warga Emas Tampin dan Blok Asrama Hospital Tampin (Lama). - Lawatan bersama JKRNS ke KK2 Batu Berendam pada 20.10.2020. - Permohonan penambahan skop CCTV telah dikemukakan ke KKM pada 23.10.2020 dan 9.12.2020. - Lawatan pemeriksaan sistem bekalan elektrik di Bangunan Pergigian Tampin pada 9.11.2020. - Iklan tender pada 20.10.2020 dan tarikh luput sah laku tender pada 31.1.2021.

(c) Kemudahan Hospital (00300)

Jumlah projek yang diluluskan bagi butiran ini adalah 3 projek sambungan dengan peruntukan yang diluluskan bagi RMK 11 (RP4) sebanyak **RM516,138,000.00.** Butiran projek-projek adalah seperti dalam **Jadual 4**.

Jadual 4 : Butiran Projek Kemudahan Hospital

Bil.	Tajuk Projek	Status Projek (Sambungan/ Baru)	Peruntukan RMK-11 (RM)	Penjadualan Pelaksanaan
1.	Blok Baru Perkhidmatan Kepakaran Hospital Port Dickson	Sambungan	157,838,000.00	Taklimat tender telah dibuat pada 16.7.2020
2.	Naik Taraf Sistem Bekalan Gas Perubatan, Sistem Pendingin Hawa Berpusat, Sistem Pencegahan Kebakaran, Sistem Pendawaian Elektrik Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Bangunan Utama, Hospital Tuanku Ja'afar, Negeri Sembilan	Sambungan	158,300,000.00	Borang Permulaan Projek (BPP): 12.11.2019 Pengabungan projek naiktaraf penghawa dingin, sistem gas perubatan dan sistem elektrikal. - Mesyuarat Permulaan Projek telah diadakan pada 11.12.2019. - EPU, JPM telah mempertimbangkan permohonan pengecualian pelaksanaan Makmal Pengurusan Nilai (VM) bagi projek naiktaraf Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ) selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dikuatkuasakan mulai 18 Mac 2020 sebagai langkah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek. Bahagian Pembangunan, KKM telah memohon beberapa maklumat tambahan dari pihak JKN dan HTJ bagi tujuan pembentangan. - **Mesyuarat Penyelarasan** bagi memuktamadkan Skop dan Kos Projek telah diadakan pada 1-3 September 2020. - **Mesyuarat Penyelarasan EMR** pada 30.9.2020 pembentangan dibuat oleh Bahagian Perkembangan KKM mengenai cadangan projek. EMR yang akan melibatkan 7 hospital, 44 klinik kesihatan dan 12 klinik pergigian yang akan mengambil masa 36 bulan bermula 2021 hingga 2023. Projek rintis ini adalah setelah cadangan kali ke-3 diangkat untuk kelulusan EPU dan dijangkakan *Value Mangement* akan diadakan pada Oktober/ November 2020. Integrasi projek ini akan dijalankan secara kluster iaitu melibatkan kluster HTJ dan kluster HTAN. Mesyuarat dimaklumkan bahawa kerja-kerja bagi projek ini yang melibatkan HTJ adalah selama 8 hingga 12 bulan.

Bil.	Tajuk Projek	Status Projek (Sambungan/ Baru)	Peruntukan RMK-11 (RM)	Penjadualan Pelaksanaan
3.	Blok Bangunan Wad dan Naiktaraf Sistem Bekalan Elektrik, HTAN	Sambungan	200,000,000.00	Tarikh Borang Permulaan Projek (BPP): 20.4.2016. - Mesyuarat Penyelarasan Tender Semula Projek pada 29.9.2020 a. perlu semakan semula CBoR dan TBoR b. semakan semula kos yang perlu dimasukkan ke dalam PDA - Penangguhan lawatan tapak projek pada 14.10.2020 ditangguhkan kerana arahan pematuhan PKPB.

(d) Hospital Baru (00400)

Hospital Rembau (76 katil) telah siap pada 10 Oktober 2019.

(e) Kemudahan Anggota (00900)

Tiada Peruntukan yang diluluskan bagi RMK 11 (RP4) bagi butiran ini.

(f) Peralatan (00110)

Jumlah peralatan yang diluluskan dengan peruntukan **RM22,360,000.00** adalah bagi kegunaan Hospital Rembau.

Bil.	Tajuk Projek	Status Projek (Sambungan/ Baru)	Peruntukan RMK-11 (RM)	Penjadualan Pelaksanaan
1.	Peralatan Hospital Rembau	Sambungan	22,360,000.00	Dalam pelaksanaan
		Jumlah	**22,360,000.00**	

Prestasi Kemajuan Fizikal Projek RMK-11, RP4 (sehingga Disember 2020) adalah seperti berikut:

Butir-butir Projek	Siap	Dalam Perancangan	Dalam Pelaksanaan			Jumlah
			IJ	LJ	BM	
BP 00100 Latihan	0	-	-	-	-	0
BP 00200 Kesihatan Awam	0	2	-	3	-	5
BP 00300 Kemudahan Hospital	0	3	-	-	-	3
BP 00400 Hospital Baru	0	-	-	-	-	0
BP 00900 Kemudahan Anggota	0	-	-	-	-	0
BP 00110 Peralatan	0	-	1	-	-	1
Jumlah	**0**	**5**	**1**	**3**	**0**	**9**

Prestasi Kemajuan Kewangan RMK 11, RP4 (sehingga Disember 2020) adalah seperti berikut:

Butir-Butir Projek	Bil. Projek	Peruntukan RMK-11, RP4	Peruntukan Tahun Semasa Kemaskini (2020)	Perbelanjaan Semasa (sehingga Disember 2020)	% Perbelanjaan (Pindaan)
BP 00100 Latihan	-	-	-	-	0%
BP 00200 Kesihatan Awam dan Pergigian	5	150,789,000.00	12,627,000.00	5,940,921.00	47.05%
BP 00300 Kemudahan Hospital	3	516,138,000.00	16,500,000.00	588,069.00	3.56%
BP 00400 Hospital Baru	-	-	-	-	0%
BP 01100 Peralatan	1	22,360,000.00	5,354,020.00	3,725,683.00	69.59%
JUMLAH	**9**	**689,287,000.00**	**34,481,020.00**	**10,254,673.00**	**29.74%**

Rumusan

Prestasi perbelanjaan bagi Projek RMK-11 Rolling Plan 4 adalah sebanyak **9 projek**. Terdapat **4 projek sedang dalam pembinaan, 5 projek di dalam perancangan dan dokumentasi.** Secara keseluruhan, jumlah siling peruntukan adalah sebanyak **RM689,287,000.00.** Peruntukan tahun semasa 2020 adalah sebanyak **RM34,481,020.00** dan prestasi perbelanjaan Januari sehingga Disember 2020 adalah sebanyak **RM10,254,673.00 (29.74%).**

** Prestasi Kemajuan Kewangan RMK 11, RP4 adalah mengikut SPPII*

Prestasi Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan di Bawah RMK-11, 2016 - 2020

BUTIR PROJEK	PERUNTUKAN (2016)	PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (2017)	PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (2018)	PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (2019)	PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (2020)	PERBELANJAAN
BP00100 LATIHAN	1,933,412.00	1,889,623.31	946,262.00	945,627.15	593,882.10	573,160.96	1,572,761.42	1,571,333.35	443,084.29	442,650.69
BP00200 KESIHATAN AWAM	4,200,000.00	849,250.00	12,100,000.00	4,892,081.00	14,000,000.00	9,118,764.00	952,612.00	918,734.20	1,056,002.00	877,534.00
BP00300 KEMUDAHAN HOSPITAL	6,400,000.00	6,400,000.00	5,450,000.00	1,014,516.00	9,569,278.00	8,007,584.00	6,236,290.00	6,239,290.00	1,194,000.00	1,194,000.00
BP00400 HOSPITAL BARU	23,732,100.00	15,788,505.00	34,746,493.61	34,746,493.61	35,000,000.00	30,827,489.00	0.00	0.00	0.00	0.00
BP00500 PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN	323,800.00	293,741.74	243,050.00	243,046.99	32,100.00	31,577.36	18,800.00	18,799.50	113,537.00	71,351.38
BP00900 KEMUDAHAN ANGGOTA	790,000.00	774,000.00	0.00	0.00	0.00	0.00	420,000.00	419,466.06	1,150,000.00	769.528.70
BP01100 PERALATAN & KENDERAAN & MEET	7,134,013.00	7,005,141.53	9,168,160.00	9,165,876.59	15,000,000.00	13,268,027.36	22,506,296.20	22,380,438.09	23,115,350.22	14,980,297.90
JUMLAH	**20,781,225.00**	**33,000,261.58**	**62,653,965.61**	**51,007,641.34**	**74,195,261.10**	**61,826,602.68**	**31,706,759.62**	**31,548,061.20**	**27,071,973.51**	**17,565,833.97**

Prestasi Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan adalah mengikut IGFMAS

GAMBAR-GAMBAR PROJEK RMK 11 JABATAN KESIHATAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN

KK3 PALONG 7,8





KK5 LENGGENG





KK4 ROMPIN





1.7 UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

PENGENALAN

Seksyen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (STMK), Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS) telah diwujudkan pada tahun 2003 dengan satu jawatan Juruteknik FT17 dan disusuli dengan jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F32 dan Pegawai Teknologi Maklumat F41 serta Pembantu Tadbir (P/O) N17 pada tahun 2004. Pada tahun 2008, perjawatan baru Pegawai Teknologi Maklumat F44 diwujudkan dan pada awal tahun 2010 pula dua perjawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29 telah ditambah di Seksyen Teknologi Maklumat dan Komunikasi sehingga kini.

Seksyen Teknologi Maklumat dan Komunikasi diwujudkan bertujuan untuk mengawasi, menyelaras dan menjalankan tugas-tugas pengurusan teknologi maklumat mengikut arahan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) khususnya dan Kerajaan Malaysia secara amnya. Ini memastikan tiada kecacatan atau ketidakupayaan penggunaan teknologi maklumat bagi mencapai taraf negara maju pada 2020 dan TN50, di mana terdapat pelbagai aplikasi dan sistem teknologi, komunikasi dan maklumat digunakan dalam KKM.

Justeru itu, kewujudan Seksyen Teknologi Maklumat dan Komunikasi adalah berperanan sebagai institusi pentadbiran pusat yang juga dikenali sebagai Pusat Tanggungjawab Peringkat 1 (PTJ 1) bagi merangka, melaksana, mengawal dan menyelia perkhidmatan kesihatan di seluruh Negeri Sembilan yang meliputi 3 peringkat penyeliaan iaitu:

Peringkat Negeri : Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan
Peringkat Hospital : Hospital-hospital di Negeri Sembilan
Peringkat Daerah : Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan Pejabat Pergigian Daerah (PPD)

Sehubungan dengan itu, satu organisasi yang sistematik telah diwujudkan dari aspek pentadbiran bagi memastikan setiap usaha yang dijalankan mendapat perhatian dan kawal selia yang sepatutnya bersama seksyen-seksyen lain di JKNNS.

VISI

- Memaksimakan fungsi, peranan dan penggunaan teknologi maklumat serta komunikasi di JKNNS.
- Meningkatkan kualiti dan keselamatan data sistem maklumat serta meningkatkan taraf dan kecekapan perkhidmatan pelanggan dengan penggunaan ICT.

MISI

Memberikan perkhidmatan dan kemudahan ICT untuk memenuhi keperluan Jabatan dan mewujudkan serta menyelenggara sistem maklumat yang berkualiti dan automasi pejabat bagi meningkatkan mutu, produktiviti, kecekapan pengurusan dan pentadbiran kakitangan. Memberi pendedahan dan meningkatkan tahap kesedaran terhadap penggunaan ICT dan memberikan perkhidmatan sokongan kepada kakitangan.

OBJEKTIF

Untuk memberikan sokongan teknikal ICT dan aplikasi kepada JKNNS bagi memastikan kemudahan dan perkhidmatan ICT dapat digunakan dalam membantu Jabatan menjalankan fungsi-fungsinya dengan cekap dan berkesan.

PENCAPAIAN SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI, 2020

UNIT PEMBANGUNAN APLIKASI

PENGURUSAN EMEL MyGovUC

Jumlah akaun emel sedia ada sehingga 31 Disember 2020 = 5,898

PENGURUSAN LAMAN WEB RASMI

Laman web baharu telah dilancarkan pada 19 Jun 2020.

PENGURUSAN SISTEM *IN-HOUSE*

Semua sistem seperti senarai di bawah diselenggara dari masa ke masa bagi memantapkan kestabilan sistem mengikut permohonan pemilik.

Bil.	Sistem	Keterangan	Status Terkini	Pencapaian
1.	eprestasi.jkn.ns Sistem Maklumat Kakitangan (ePrestasi - 2007)	Mempercepatkan pengurusan persidangan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan penilaian APC.	Status : Aktif	Digunakan pada persidangan PPSM tahun 2020.
2.	esurat.jkn.ns (Sistem eSurat - 2009)	Meningkatkan kecekapan dalam pengendalian surat.	Status : Aktif	• Masih digunakan di Hospital Port Dickson. • Peluasan ke Hospital Tuanku Ampuan Najihah pada 9 Oktober 2020.
3.	epelatih.jkn.ns Sistem Penempatan dan Pemantauan Pelatih IPT (ePelatih - 2010)	Memudahkan urusan penempatan pelatih-pelatih IPT dengan mengurangkan masalah kebanjiran pengambilan pelatih-pelatih IPT.	Status : Aktif	Sebanyak **13,989** transaksi penempatan pelajar telah dilakukan sepanjang tahun 2020.
4.	ekenderaan.jkn.ns (Sistem eKenderaan - 2010)	Pemantauan rekod dan penyelenggaran serta pengendalian tempahan kenderaan.	Status : Aktif	Sebanyak **1,626** transaksi tempahan kenderaan telah dilakukan sepanjang tahun 2020.

Bil.	Sistem	Keterangan	Status Terkini	Pencapaian
5.	emaintenance.jkn.ns Sistem Maklumat Penyelenggaraan Peralatan & Perkakasan ICT (eMaintenance - 2010)	Membantu pengendalian rekod pembaikan peralatan ICT dengan penjanaan laporan dan pengiraan kos pembaikan yang terlibat	Status : Aktif	Sebanyak **446** transaksi aduan pengguna telah dilakukan sepanjang tahun 2020.
6.	eknowledge.jkn.ns Sistem e-Knowledge (eKnowledge - 2011)	Memudahkan capaian maklumat yang dimuatnaik seperti dokumen dan perisian.	Status : Aktif	Masih digunakan di Hospital Tuanku Ja'afar Seremban.
7.	etempahan.jkn.ns Sistem Tempahan Fasiliti (eTempahan - 2011)	Memudahkan pengendalian permohonan tempahan makmal ICT, dewan dan bilik seminar.	Status : Aktif	Sebanyak **440** transaksi tempahan makmal & bilik mesyuarat JKNNS dan Klinik Kesihatan Rasah telah dilakukan sepanjang tahun 2020.
8.	latihanv1.jkn.ns Sistem Latihan (elatihan - 2013)	Meningkatkan kaedah pemantauan 7 hari berkursus dan membantu penyediaan laporan kursus bagi semua jawatan.	Status : Aktif	Seramai **3,612** pengguna menggunakan sistem elatihan untuk mendaftarkan maklumat kursus yang dihadiri sepanjang tahun 2020.
9.	apc.jkn.ns Sistem Penerima Anugerah Perkidmatan Cemerlang (eAPC - 2013)	Sistem persiapan untuk majlis APC - pengeluaran surat jemputan, susunan nombor kerusi, sijil, kehadiran semasa majlis APC dan paparan biodata serta gambar penerima.	Status : Aktif	Digunakan di kaunter pendaftaran di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2020.
10.	ijejak.jkn.ns Sistem iJejak (iJejak - 2014)	Merekodkan maklumat ibu semasa mengandung, maklumat kelahiran anak dan suntikan measles 9 dan 12 bulan bagi tujuan mengurangkan kadar kematian ibu dan home visit selepas bersalin serta menjana pelbagai laporan termasuk laporan remaja hamil.	Status : Aktif	Sebanyak **8,620** transaksi telah dilakukan sepanjang tahun 2020.
11.	eborangv2.jkn.ns Sistem Borang MaklumBalas (eMaklumbalas - 2015)	Pengguna sistem *in-house* merekod aduan dan maklumbalas. Mempercepatkan proses memberi maklumbalas penyelesaian kepada sebarang permasalahan pengguna sistem.	Status : Aktif	Sebanyak **68** aduan sistem telah dilakukan dan diselesaikan sepanjang tahun 2020.

Bil.	Sistem	Keterangan	Status Terkini	Pencapaian
12.	ethalassemia.jkn.ns Sistem Elektronik Kesihatan *Thalassemia (eThalassemia - 2015)*	Memudahkan untuk membuat analisis bilangan pesakit Thalassemia di Negeri Sembilan.	Status : Aktif	Sebanyak **2,552** pendaftaran telah dilakukan sepanjang tahun 2020.

UNIT OPERASI TEKNIKAL DAN PUSAT DATA

Bil.	Tugas	Penerangan	Pengguna	Pencapaian
1.	Pembaikan Komputer Berpusat	Membuat pembaikan peralatan ICT yang rosak.	**603** pembaikan peralatan komputer.	Semua pembaikan dan penyelengaraan peralatan ICT selesai.
2.	Rangkaian MyGovNet	Menyelia dan memantau rangkaian dan talian internet rasmi kerajaan untuk penggunaan internet dan akses kepada sistem-sistem rasmi kerajaan.	Semua pengguna dari **175** fasiliti kesihatan yang menggunakan perkhidmatan MyGovNet.	100% capaian Internet ke semua fasiliti yang disambung pada MyGovNet.
3.	Projek KKM	Penyelia projek peringkat negeri untuk semua projek rasmi KKM yang berkaitan peralatan, rangkaian dan sistem ICT.	• **57** fasiliti menggunakan PHIS dan CPS. • **6** daripada 51 Klinik Kesihatan menggunakan sistem TPC. • **31** daripada 43 Klinik Pergigian menggunakan sistem OHCIS.	Sistem telah digunakan sepenuhnya di fasiliti-fasiliti kesihatan.

KESIMPULAN

Seksyen Teknologi Maklumat Dan Komunikasi, JKNNS berfungsi bagi memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan di jabatan seiring dengan perkembangan teknologi maklumat. ICT sebagai *'enabler'* dapat membantu jabatan meningkatkan mutu perkhidmatan yang mana segala urusan dapat dijalankan dengan efektif dan efisien dengan adanya infrastruktur, sistem dan rangkaian yang sistematik.

Seksyen Teknologi Maklumat dan Komunikasi, JKNNS juga menyediakan kemudahan dan membantu pihak pengurusan memahami sesuatu aspek pengetahuan berkaitan teknologi dan sistem yang dapat digunakan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan sesebuah organisasi.

1.8 UNIT PSIKOLOGI

PENGENALAN

Unit Psikologi Kaunseling Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan bertanggungjawab memberi perkhidmatan kaunseling secara individu dan kelompok kepada seluruh kakitangan sama ada secara sukarela mahupun dirujuk oleh Ketua Jabatan. Perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk memberi perkembangan positif serta produktif terhadap peribadi, interpersonal, kerjaya dan persekitaran.

VISI

Perkhidmatan Psikologi Penggerak Modal Insan Sejahtera.

MISI

Membangun modal insan melalui aplikasi psikologi pembangunan personel.

OBJEKTIF

- Membantu organisasi untuk mengekalkan suasana kerja yang harmoni dan produktif.
- Membantu penjawat awam untuk mencapai tahap kesihatan fizikal dan psikologi yang optimum.

FUNGSI

Menggunakan Aplikasi Psikologi dalam Intervensi
Perkhidmatan disampaikan dalam bentuk kaunseling bersemuka secara individu atau berkelompok melalui hubungan secara sukarela atau melalui rujukan yang diterima daripada Ketua Jabatan / Ketua PTJ.

Mengaplikasi Pendekatan Psikologi dalam Pembangunan Personel
Perkhidmatan yang disampaikan melalui program, kursus atau bengkel yang dirangka bagi meningkatkan kesedaran dan kemahiran diri bagi membolehkan individu menguruskan emosi, pemikiran dan tingkahlaku, seterusnya menggunakan potensi yang dimiliki demi mencapai kecemerlangan dalam bidang yang diceburi.

Melaksanakan Penilaian Personnel
Perkhidmatan yang disediakan adalah untuk membantu dalam mengenalpasti potensi diri, personaliti, tahap kemahiran, keupayaan, minat, nilai dan sikap seseorang yang diukur menggunakan alat-alat ujian psikologi *(psychometric test)* yang berbentuk ujian, inventori, indikator dan indeks.

AKTIVITI 2020

1. **Program Saringan Pengurusan Kewangan *(Profiling)* Terhadap Kakitangan Yang Tersenarai dalam Keterhutangan Serius Siri I dan Siri II**
   Tarikh : Julai 2020, September 2020 dan Oktober 2020 (susulan)
   Tempat : Melibatkan 7 Daerah di fasiliti kesihatan Negeri Sembilan
   Peserta : 128 peserta
   Sasaran : Kakitangan berpendapatan bersih kurang 40% dari pendapatan kasar dalam penyata gaji.

2. Program *Psychological First Aid (PFA)* dan *Mental Health and Psychosocial Support Services (MHPSS)*

Program PFA adalah program sokongan secara psikososial yang dijalankan kepada petugas yang bertugas di pusat-pusat kuarantin *COVID-19* dengan kerjasama Unit Penyakit Tidak Berjangkit (NCD), JKNNS dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Bermula pada 10 Mac 2020, Program PFA ini telah dijalankan kepada petugas yang bertugas di AKEPT, Bandar Enstek, Nilai yang bertujuan mengurangkan tekanan atau kecelaruan emosi disamping membantu mengurangkan kerisauan mereka terhadap pandemik *Covid-19.* PFA ini bukan hanya dikendalikan kepada petugas kesihatan sahaja malah turut dikendalikan kepada petugas-petugas lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), NADMA dan lain-lain.

Peningkatan kes *Covid-19* membawa pertambahan jumlah individu yang dikuarantin. Oleh yang demikian, Unit Psikologi dan Kaunseling turut bekerjasama dengan NCD Negeri untuk melaksanakan Program *MHPSS* kepada PUI (*Person Under* Investigation) dan PUS (*Person Under Surveillance*) secara atas talian dengan dibantu oleh Pegawai-pegawai Psikologi (Kaunseling) dari seluruh Negeri Sembilan.

3. Program Ziarah Kasih Ramadhan AKRAB sepanjang bulan Ramadhan

Tarikh	: 24 April 2020 sehingga 23 Mei 2020 (7 Daerah)
Tempat	: 7 daerah yang dijalankan oleh ahli AKRAB di setiap daerah masing-masing
Penerima Sumbangan	: 30 orang kakitangan
Sasaran	: Kakitangan yang mempunyai masalah kesihatan dan kakitangan yang memerlukan bantuan bagi tujuan meringankan beban kewangan.

STATISTIK PERKHIDMATAN SESI KAUNSELING BAGI TAHUN 2014 SEHINGGA 2020
(Fasiliti Kesihatan di Negeri Sembilan)

Tahun	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah Sesi	896	1,710	2,202	3,233	3,891	3,919	3,923 (termasuk peserta Covid-19)

KESIMPULAN

Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling semakin dikenali dan diterima oleh Ketua-ketua Jabatan di setiap PTJ dalam Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Diharapkan perkhidmatan yang disampaikan berjaya membantu kakitangan JKNNS dalam mempertingkatkan potensi diri ke arah yang lebih positif sekali gus mendorong kepada kecemerlangan imej dan pencapaian jabatan masing-masing.

1.9 UNIT KEJURURAWATAN

PENGENALAN

Bahagian Kejururawatan adalah bahagian yang bertanggungjawab dalam perkhidmatan kejururawatan merangkumi perkhidmatan pesakit dalam dan luar di Hospital dan Kesihatan Awam. Berperanan dalam merancang, menyelaras aktiviti, mengawal selia, menilai mutu serta memberi pengukuhan berkaitan keberkesanan penjagaan dan perkhidmatan yang diberi. Menjalankan penilaian dari semasa ke semasa untuk mengekalkan mutu serta memastikan kepatuhan kepada piawaian seterusnya membuat penambahbaikan secara berterusan.

VISI

Bersama-sama menggembeleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik melalui kecemerlangan profesionalisma kejururawatan.

MISI

Meningkatkan pengetahuan dan inovasi serta mendidik mentaliti kelas pertama. Memajukan profesyen kejururawatan ke tahap optimum. Mengurus isu kejururawatan secara konstruktif dan produktif. Menambahbaik dan mengekal piawaian kualiti perkhidmatan kejururawatan. Meningkat serta mengukuhkan mekanisma implementasi dan pemantauan perkhidmatan kejururawatan.

OBJEKTIF

Menyediakan jururawat yang proaktif dan kompeten dalam perawatan pesakit. Meningkatkan kualiti perkhidmatan kejururawatan yang menjurus kepada kepuasan pelanggan dan *Customer's Delight*. Memperkasakan penyeliaan dan pemantauan berkesan ke atas kualiti perkhidmatan kejururawatan.

PENCAPAIAN AKTIVITI UNIT KEJURURAWATAN SEPANJANG TAHUN 2020

1. PERJAWATAN KEJURURAWATAN 2020

Keperluan sumber manusia memainkan peranan yang amat penting dalam mencapai tujuan dan matlamat organisasi. Pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan akan menghasilkan individu yang berkualiti dan produktif. Pengisian sumber manusia juga akan turut menyumbang ke arah membentuk organisasi yang berjalan lancar dan berdaya saing. Sepanjang tahun 2020 adalah tahun yang sangat mencabar ini berikutan dengan penularan wabak pandemik Covid-19 diseluruh dunia dan termasuk negara kita.

Keperluan sumber tenaga manusia adalah sangat diperlukan terutama jururawat khasnya dalam sama-sama membantu menangani wabak ini. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh bahagian Kejururawatan KKM seperti menambah bilangan perjawatan dan turut membuat pengambilan Jururawat kontrak sebagai jururawat tambahan bagi menampung keperluan perkhidmatan perawatan dalam memastikan kesinambungan perkhidmatan berjalan lancar. Sepanjang tahun 2020, Unit Kejururawatan Negeri Sembilan telah menerima kenaikan tambahan perjawatan sebanyak 4.1% berbanding tanpa tambahan perjawatan pada tahun lepas.


Pertambahan ini adalah melibatkan pelbagai gred iaitu Gred U36, U32 dan U29. Bagi tambahan jururawat kontrak pula seramai 123 jururawat kontrak telah melapor diri secara berperingkat mulai pada bulan Mac 2020 yang lepas.

Inisiatif ini adalah sangat membantu kami dalam memastikan perkhidmatan yang diberi tidak terjejas. Agihan penempatan telah dibuat selepas mengambil kira keperluan lokasi-lokasi yang sangat memerlukan.


Jadual 1.1 : Bilangan dan Peratus Pertambahan Perjawatan Jururawat, 2019 - 2020

Jawatan / Gred	Jumlah Jawatan 2019	Jumlah Jawatan 2020	Peratus Kenaikan %
Gred U36	61	64	4.91%
Gred U32	276	291	5.43%
Gred U29	2,346	2,424	28.30%

Jadual 1.2 : Bilangan Pertambahan Jawatan Gred U36 dan U32, 2020




Jadual 1.3 : Bilangan Pertambahan Jawatan Gred U29, 2020



Jadual 1.4 : **Perbandingan Pengisian Sumber Manusia (Kejururawatan), 2019 - 2020**

Jawatan /Gred	2019	2020
U44	100.0%	100%
Flexi U41/ 42/ 44	90.7%	90.7%
U36	93.4%	81.3%
U32	99.6%	92.4%
U29	99.2%	98.0%
U26	100%	94.0%
U24	89.9%	92.5%
U19	88.3%	87.0%

Jadual 1.3 : Perbandingan Pengisian Sumber Manusia (Kejururawatan), 2019 - 2020



	U44	FLEXI U41/42/44	U36	U32	U29	U26	U24	U19
Tahun 2019	100%	91%	93%	100%	99%	100%	90%	88%
Tahun 2020	100%	91%	81%	92%	98%	94%	93%	87%

Graf di atas menunjukkan perbandingan pengisian sumber manusia bagi perjawatan anggota kejururawatan bagi tahun 2019 dan 2010.Peratusan pengisian telah menunjukkan sedikit penurunan ini adalah berikutan kesan dari beberapa pertambahan perjawatan yang masih belum diisi sepenuhnya bagi pelbagai kategori. Bagi gred U19 masih menunjukkan penurunan disebabkan tiada lagi pengambilan bagi jawatan Jururawat Masyarakat buat masa ini dan telah berlaku pelantikan mereka yang dari PSL(Peningkatan Secara latihan) ke gred U29 hakiki.

2. LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Unit kejururawatan telah menilai dan mengenalpasti keperluan kursus untuk semua kategori jururawat dan merancang serta melaksanakan mengikut peruntukan yang telah dipohon seperti yang disenaraikan. Pelbagai latihan dilaksanakan samada di peringkat hospital / daerah dan juga peringkat Jabatan Kesihatan Negeri. Bagi tahun 2019 berikutan dengan pendamik wabak Covid-19 banyak latihan dan kursus yang tertangguh dan tidak dapat dijalankan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Unit Kejururawatan Jabatan Kesihatan Negeri dapat melaksanakan hanya satu kursus sahaja pada tahun 2020 iaitu Bengkel Pementoran.


Jadual 2 : Kursus yang telah Dilaksanakan, 2020

Bil.	Kursus	Tarikh	Tempat	Peserta
1.	Bengkel Pemantapan Pementoran Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan	18 - 19 Ogos 2020	Dewan Kolej Perubatan Seremban	50
2.	Bengkel *Grooming* & kepimpinan dikalangan Penyelia Jururawat **(Tidak dilaksanakan)**	18 - 19 Mac 2020	Taiping Perak	45
3.	*Team Building* untuk Kejururawatan **(Tidak dilaksanakan)**	24 Sept 2020	Alson Klana Resort	50
4.	Seminar Kejururawatan Peringkat Jabatan Kesihatan N.Sembilan **(Tidak dilaksanakan)**	18 June 2020	Dewan PPP, Seremban	500
5.	Bengkel Pengurusan Aduan Peringkat Jabatan Kesihatan N.Sembilan **(Tidak dilaksanakan)**	16 Julai 2020	Dewan Sri Merbau	60


PPROGRAM PEMENTORAN

Program pementoran telah diperkenalkan pada tahun 2006. Pementoran adalah satu pendekatan dalam memberi bimbingan, sokongan dan bantuan secara profesional bagi meningkatkan pembangunan dan kompetensi anggota yang baru dilantik. Program ini telah membantu Jururawat lantikan baru yang ditempatkan di hospital dan kesihatan serta menyediakan Jururawat dari *novice* ke *advance beginner.* Program ini bermula dengan orientasi kepada anggota baru di Jabatan Kesihatan Negeri, di Peringkat Hospital/ PKD dan juga di peringkat unit. Sepanjang tahun 2020, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan telah menerima seramai 101 Jururawat U29 lantikan baru iaitu antara bulan Januari sehingga Disember 2020, yang telah menamatkan latihan daripada Institusi KKM. Keseluruhan 100% telah berjaya menamatkan program pementoran yang dilaksanakan.

Graf 3 : Bilangan Mentee Yang Telah Berjaya Menamatkan Program Pementoran, 2020



Graf 4 : **Bilangan Mentee Yang Telah Berjaya Menamatkan Program Pementoran, 2020**




Graf di atas menunjukkan bilangan mentee yang telah berjaya menamatkan program pementoran dari Hospital dan Kesihatan Awam di Negeri Sembilan bagi tahun 2020.

3. PENGURUSAN ADUAN KEJURURAWATAN JKNNS


Kepuasan pelanggan selain dengan melaksanakan kajian kami juga turut melaksanakan penganalisaan aduan yang diterima sepanjang tahun. Seperti yang ditunjukkan dalam graf di bawah menunjukkan sepanjang tahun (2016 sehingga 2020 menunjukkan peningkatan di kedua fasiliti iaitu di Hospital dan Kesihatan Awam. Faktor komunikasi dan kemahiran insaniah (*soft skill)* merupakan elemen utama menjadi penyumbang terbesar aduan di Negeri Sembilan dan kategori jururawat dari gred U29 merupakan kumpulan yang tertinggi iaitu sebanyak 14 orang diikuti Jururawat Masyarakat, Penyelia Jururawat dan Ketua Jururawat bagi sepanjang tahun 2020.

Graf 5 : Jumlah Aduan dari Unit Kejururawatan di Fasiliti Perubatan



Graf di atas menunjukkan prestasi aduan pada tahun 2020 di fasiliti hospital ada menunjukkan pengurangan 1 kes aduan.

Graf 6 : Jumlah Aduan dari Unit Kejururawatan di Fasiliti Kesihatan, 2016 - 2020




Graf di atas menunjukkan prestasi aduan pada tahun 2020 di fasiliti hospital ada menunjukkan pengurangan satu (1) kes aduan.

5. PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI KEJURURAWATAN

Jadual 3 : Pencapaian *National Indicator Approach* (NIA) bagi *To Reduce Patient Fall*, 2018 - 2020

Bil.	Hospital	Jumlah Kes Jatuh 2018	Jumlah Kes Jatuh 2019	Jumlah Kes Jatuh 2020	Reduction
1.	HTJS	89	118	93	Reduction
2.	HTAN	14	10	12	No Reduction
3.	HPD	10	8	9	No Reduction
4.	H.Tampin	2	3	3	No Reduction
5.	H.Jempol	1	4	8	No Reduction
6.	H.Jelebu	0	1	0	Reduction
7.	H.Rembau	0	0	0	No Reduction
	Jumlah	**116**	**144**	**125**	**No Reduction**

Graf 7 : Jumlah *Patient Fall* di Fasiliti Hospital, 2018 - 2020



Graf di atas menunjukkan pencapaian NIA - *To reduce patient fall* mengikut hospital bagi tahun 2018 dan 2020. Semua hospital tidak menunjukkan *reduction* kecuali HTJS dan HJEL (jika dibandingkan dengan insiden kes pesakit jatuh pada tahun 2019 sehingga 2020). Standard yang ditetapkan ialah *10% reduction from last year.*

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya tahun 2020 merupakan tahun yang penuh dengan cabaran sebagai pemberi khidmat kesihatan. Negara kita telah diuji dengan penularan wabak Covid-19 yang memerlukan perhatian di bahagian perawatan kepada pesakit khasnya. Walau bagaimanapun, perkhidmatan kesihatan perlu diteruskan dan Unit Kejururawatan Negeri Sembilan akan sentiasa komited dalam meneruskan usaha berterusan untuk meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan kejururawatan khasnya agar ianya dapat dirasai oleh *stake holder* dan juga masyarakat. Amalan budaya korporat kerja berpasukan, profesionalisma dan sikap penyayang yang diamalkan oleh setiap jururawat akan sentiasa diamalkan di samping mempunyai tahap pengetahuan yang luas, kompeten, bersikap positif, kreatif dan inovatif merupakan elemen utama peningkatan perkhidmatan kejururawatan.

1.10 UNIT PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

PENGENALAN

Unit Penolong Pegawai Perubatan di Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan telah ditubuhkan pada bulan Oktober 2014, selaras dengan kehendak Kementerian Kesihatan Malaysia melalui surat KKM - 87/A5/1/5/0(14) Jld. 2 bertarikh 23 Januari 2014. Unit PPP adalah bertanggungjawab pada Pengurusan dan Perkhidmatan profesion Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan di Negeri Sembilan.

Unit Penolong Pegawai Perubatan ini terdiri dari Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri (Pengurusan) dan Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri (Kesihatan Awam). Asas di dalam pengoperasian unit ini dibantu oleh Bahagian Perubatan dan Bahagian Kesihatan Awam.

OBJEKTIF UNIT PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN NEGERI

- Menguruskan sumber manusia di bawah kawalan dengan cekap, efektif dan mengoptimakan bilangan anggota di sebuah hospital/ pejabat daerah mengikut kepentingan perkhidmatan.
- Menyediakan Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan yang kompeten di dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pesakit/pelanggan sepanjang masa.
- Meningkatkan kualiti perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan di dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti sepanjang masa.

MISI

Melestarikan perkhidmatan profesion Penolong Pegawai Perubatan yang berkualiti untuk merealisasikan aspirasi Kementerian Kesihatan Malaysia.

- Meningkatkan peluang pendidikan bertaraf ijazah serta latihan pengkhususan.
- Memantapkan fungsi dalam bidang Perkhidmatan Penjagaan Pra-Hospital dan Ambulan, Kecemasan, bidang-bidang pengkhususan serta Kesihatan Primer.
- Meningkatkan imej profesion dengan penerapan konsep 3D *(Discipline, Documentation,Development)*.

VISI

Menjadikan pasukan sokongan perubatan yang kompeten, komited dan berdedikasi dengan sentiasa mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit dan keluarga pesakit secara berterusan.


PENCAPAIAN AKTIVITI UNIT SEPANJANG TAHUN 2020

1. PERJAWATAN


Jumlah perjawatan Penolong Pegawai Perubatan di Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan adalah seramai 906 orang. Daripada jumlah perjawatan tersebut, sebanyak 869 perjawatan telah diisi iaitu 96 peratus **(Rajah 1)**. Jumlah pencapaian pos-basik Penolong Pegawai Perubatan di Negeri Sembilan adalah sebanyak 41.8% di pelbagai disiplin. Daripada jumlah ini, sebanyak 31% adalah di Kesihatan Awam dan 69% di Perubatan **(Rajah 2)**.

Selain pengisian jawatan hakiki, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan juga menerima pengisian jawatan Penolong Pegawai Perubatan Kontrak bagi menampung keperluan di *"Niche Area"*. (**Rajah 3)**. Pada tahun 2020, JKN Negeri Sembilan telah menerima Penolong Pegawai Perubatan Kontrak seramai 129 orang dibahagikan kepada 2 Fasa. Pada Fasa 3, seramai 41 orang Penolong Pegawai Perubatan melapor diri, manakala Fasa 4 seramai 31 orang dan Fasa 5 dan 6 pula adalah seramai 57 orang **(Rajah 4).**

Rajah 1 : Pengisian Perjawatan Penolong Pegawai Perubatan Mengikut Gred di Negeri Sembilan




Rajah 2 : Pencapaian Posbasik Penolong Pegawai Perubatan Mengikut Program di Negeri Sembilan



Rajah 3 : Pengagihan Penolong Pegawai Perubatan Mengikut *"Niche Area"*

PRIORITY 1 (60%)	PRIORITY 2 (30%)	PRIORITY 3 (10%)
Hospital • Accident and Emergency • Pre-Hospital Care • Cardiology • Cardiothoracic • Nephrology • Orthopaedic • Anesthesiology (Perianesthesia) **Kesihatan Awam** • Klinik Komuniti • KK Type 6 • Perkhidmatan Domiciliary • Perkhidmatan Kecemasan dan Ambulan • Family Doctor Concept (Family Health Care Team) • KOSPEN	**Hospital** • Neurophysiology • Psychiatric • Opthalmology • Otorhinolaryngology • Forensic **Kesihatan Awam** • Klinik Kesihatan *Type 1 - 5*	**Hospital** • Neurosurgery • Paediatric • Gerontology • Oncology • Gastrointestinal Endoscopy • Obstetric and Gynaecology • Nuclear Medicine • Plastic Surgery

Rajah 4 : Pengisian Jawatan Penolong Pegawai Perubatan Kontrak Mengikut Program Di Negeri Sembilan



	FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4	FASA 5	FASA 6
PERUBATAN	13	29	22	17	15	18
KESIHATAN AWAM	9	10	19	14	10	14

2. PROGRAM PENEMPATAN WAJIB

Program Penempatan Wajib ini dilaksanakan bagi semua Penolong Pegawai Perubatan lantikan baharu Kementerian Kesihatan Malaysia selama 6 bulan di Jabatan Kecemasan dan Trauma di hospital berpakar yang telah dikenalpasti. Aktiviti Program Penempatan ini dilaksanakan secara berstruktur seperti garispanduan yang telah ditetapkan. Arahan pelaksanaan Program Penempatan Wajib ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.10/2007 bertarikh 27 Disember 2007. Program ini diletakkan di bawah Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri sebagai Penyelaras Negeri dengan dibantu oleh Ketua Penyelia Jabatan Kecemasan dan jawatankuasa program yang telah dilantik.


Objektif program ini adalah untuk :

1. Memberi pendedahan awal dalam aspek komunikasi yang lebih berkesan supaya mereka dapat menyesuaikan diri sebelum bertugas secara bersendirian.
2. Memantapkan kemahiran klinikal bagi menghadapi situasi kritikal dan membuat keputusan dengan bijaksana.
3. Memberi pendedahan latihan praktikal yang lebih sistematik mengikut *'standard operating procedure'* yang telah ditetapkan.

Di akhir penempatan, peserta-peserta Program Penempatan Wajib ini akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian yang ditubuhkan untuk memastikan tahap kompetensi dan layak untuk penempatan kedua di fasiliti-fasiliti kesihatan yang akan ditetapkan.

Di Negeri Sembilan, Program Penempatan Wajib Penolong Pegawai Perubatan dijalankan di Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah dan Hospital Port Dickson. Tiga (3) buah hospital berpakar ini menjadi nadi penggerak kepada Program Penempatan Wajib yang dijalankan. Sepanjang tahun 2020, seramai 62 orang Penolong Pegawai Perubatan dilatih dan berjaya menamatkan program yang dijalankan (**Rajah 5).**

Rajah 5 : Pelaksanaan Program Penempatan Wajib Penolong Pegawai Perubatan di Negeri Sembilan



3. "*KEY PERFORMANCE INDIKATOR*" (KPI) PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN


Unit Penolong Pegawai Perubatan menjalankan pemantauan pencapaian ke atas KPI yang telah ditetapkan untuk Penolong Pegawai Perubatan iaitu :

3.1 Respon panggilan ambulan adalah kurang 5 minit untuk semua hospital.
KPI ini menjalankan pemantauan ke atas respon panggilan ambulan (persediaan dan pergerakan ambulan) untuk setiap panggilan ambulan kecemasan primayi. Pencapaian sepanjang tahun 2020 ialah 90% **(Rajah 6).**


3.2 *"Inappropriate Triaging" (Under Triaging)* - Peratusan Jumlah Kes Kritikal (Merah) di *Triage* ke Zon Tidak Kritikal (Hijau).
KPI ini adalah bertujuan untuk menilai keberkesanan prosidur *"Triage"*yang dilakukan oleh Penolong Pegawai Perubatan di Kaunter Triage Jabatan Kecemasan dan Trauma setiap Hospital di dalam Negeri Sembilan. Sasaran yang ditetapkan untuk KPI ini adalah kurang 0.5% daripada jumlah kes yang di *triage*. Sepanjang tahun 2020, terdapat 6 kes dilaporkan daripada jumlah kedatangan seramai 257,874 **(Rajah 7).**

“Peak Expiratory Flow Rate (PEFR) implementation for Asthma Patients in Asthma Bay By AMO. PEFR adalah prosidur utama yang perlu dilakukan ke atas pesakit astma sebelum menjalankan rawatan Nebuliser. Prosidur ini dijadikan KPI untuk memastikan semua Penolong Pegawai Perubatan mengikut garispanduan yang telah ditetapkan di dalam mengendalikan pesakit asthma di Asthma Bay. Sasaran yang ditetapkan untuk KPI ini adalah 80% kes di Asthma Bay melakukan PEFR sebelum pengambilan Nebuliser. KPI ini juga berjaya dicapai sepanjang tahun 2020 **(Rajah 8).**


Rajah 6 : Pencapaian Dispatch dan Ambulan Preparedness untuk Panggilan Kecemasan Kurang 5 Minit bagi Tahun 2020



Rajah 7 : Pencapaian “Inappropriate Triaging *(Under Triaging)*, 2020



Rajah 7 : Pencapaian "Implementation for Asthma Patients in Asthma Bay By Amo", 2020



4. PENCAPAIAN PELAN TINDAKAN 2020

Bil.	Aktiviti	Sasaran	Pencapaian
1.	Mesyuarat Pengurusan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Hospital dan Daerah	3x setahun	29 Jan 2020 - tercapai 30 Jun 2020 - tercapai 18 November 2020 - tidak tercapai
2.	Kursus Pemantapan Penyeliaan, Penyelia PPP Hosital dan Daerah, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (PPP U32, U36, U41, U42, U44)	1x setahun	25 - 26 Ogos 2020
3.	Sambutan Hari Pembantu Perubatan Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2020	1x setahun	10 Mac 2020
4.	Menyelaras dan memantau perjalanan PPW di HTJS, HTAN dan HPD	2x lawatan Pemantauan Setiap Kumpulan	27 - 29 April 2020 (tidak dilakukan) PPW ditangguhkan lawatan Pemantauan 16 - 23 Jun 2020 Laporan akhir PPW telah dihantar ke CPPPP
5.	Mesyuarat Teknikal Pembantu Perawatan Kesihatan bersama Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri	2x setahun	25 Februari 2020 - tercapai 24 Sep 2020 - dibatalkan Covid-19 gelombang ketiga

RUMUSAN

Pada tahun 2020, fokus Unit Penolong Pegawai Perubatan Negeri adalah memberikan penumpuan kepada peningkatan peranan penyeliaan klinikal di kalangan Penolong Pegawai Perubatan. Pengurusan sumber manusia dan penyelarasan menjadi agenda utama ke arah memperkemaskan fungsi dan peranan setiap Penolong Pegawai Perubatan dan juga Pembantu Perawatan Kesihatan di Negeri Sembilan. Perancangan dan sasaran sepanjang tahun 2020 telah mencapai sepertimana yang telah dirancangkan kecuali beberapa perancangan terpaksa dibatalkan disebabkan pendemik covid-19.

BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

2.1 UNIT PERKEMBANGAN KESIHATAN AWAM

PENGENALAN

Unit Perkembangan Kesihatan Awam merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Kesihatan Awam yang bertanggungjawab dalam merancang, melaksana dan memantau keseluruhan aktiviti di bawah Program Kesihatan Awam. Unit Perkembangan Kesihatan Awam juga merupakan aktiviti penyokong kepada semua aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam Program Kesihatan Awam iaitu Perkembangan Kesihatan Awam, Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kawalan Penyakit, Promosi Kesihatan, Pemakanan dan Kejuruteraan.

OBJEKTIF UNIT

Objektif Unit Perkembangan Kesihatan Awam ialah untuk menyelaras dan memantau aktiviti-aktiviti Bahagian Kesihatan Awam dalam meningkatkan tahap kesihatan yang optima bagi individu, keluarga dan masyarakat.

Merancang, Melaksana dan Memantau :

1. Pengurusan kewangan Program Kesihatan Awam.
2. Pengurusan sumber manusia bagi program Kesihatan Awam.
3. Pengurusan keperluan latihan bagi program Kesihatan Awam.
4. Menggalakan dan memantau inisiatif kualiti dan inovasi dalam program Kesihatan Awam.
5. Menggalakkan dan memantau inisiatif penyelidikan saintifik, teknikal dan pembangunan (R&D) di dalam program Kesihatan Awam.
6. Merancang pembangunan dan perkembangan kepakaran/ subkepakaran kesihatan awam dan kemahiran semua profesyen di bawah program Kesihatan Awam.

PENCAPAIAN AKTIVITI UNIT

Peruntukan Mengurus

Sebanyak **RM71,671,084.00** peruntukan mengurus telah diterima pada tahun 2020 dan sebanyak **RM75,077,035.00** telah dibelanjakan.

Jadual 1: Peruntukan Program Kesihatan Awam Negeri Sembilan

Objek Am	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)	Baki Peruntukan (RM)	Peratus Baki (%)
20000 (Perkhidmatan dan Bekalan)	RM70,868,594.00	RM74,275,619.00	100%	***RM3,407,025.00**	
30000 (Aset)	RM802,490.00	RM801,416.00	99.8%	RM1,074.00	0.2%

Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)

Sepanjang tahun 2020 sebanyak 131 kursus telah dijalankan dengan menggunakan peruntukan LDP yang berjumlah **RM163,958.90.**

Jadual 2 : Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)

Bahagian/ Jabatan/ JKN/ Hospital/ Institusi	PRESTASI LDP								Peratus %
	Jumlah Peruntukan Pembangunan RMK-11 (Tahun 2020) (RM)	Bilangan Kursus Yang Dirancang	Bilangan Kursus Yang Dianjurkan	Bilangan Pegawai Kumpulan Sokongan Yang Menghadiri Kursus	Bilangan Pegawai Kumpulan P & P Yang Menghadiri Kursus	Jumlah Pegawai Yang Menghadiri Kursus (Keseluruhan)	Perbelanjaan (RM)	Baki Peruntukan (RM)	
Jabatan Kesihatan Negeri (Dalam Negara)									
Ibu Pejabat	68,958.90	37	28	782	647	1,429	51,814.50	17,144.40	75.1
PTJ	95,000.00	116	103	2,810	1,033	3,843	91,288.00	3,712.00	96.1
Jumlah Keseluruhan	**163,958.90**	**153**	**131**	**3,592**	**1,680**	**5,272**	**143,102.50**	**20,856.40**	**87.3**

Kedudukan Perjawatan Tahun 2020

Perjawatan Kepakaran

Jadual 3.1 : Perjawatan Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Bil.	PTJ	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan	
				Bil.	%
1.	JKN N.Sembilan	10	10	0	0
2.	PKD Seremban	3	3	0	0
3.	PKD Kuala Pilah	1	1	0	0
4.	PKD Port Dickson	1	1	0	0
5.	PKD Jempol	2	2	0	0
6.	PKD Rembau	1	1	0	0
7.	PKD Tampin	1	1	0	0
8.	PKD Jelebu	1	1	0	0
	Jumlah	**20**	**20**	**0**	**0.00**

Jadual 3.2 : Perjawatan Pakar Perubatan Kesihatan Keluarga

Bil.	PTJ	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan	
				Bil.	%
1.	PKD Seremban	11	14	-3	-27.27
2.	PKD Kuala Pilah	1	1	0	0
3.	PKD Port Dickson	1	2	-1	-100
4.	PKD Jempol	2	2	0	0
5.	PKD Rembau	2	1	1	50
6.	PKD Tampin	2	2	0	0
7.	PKD Jelebu	1	1	0	0
	Jumlah	**20**	**23**	**-3**	**-15.00**

Pengurusan dan Profesional (Gred 41 ke atas)

Jadual 4 : Perjawatan Pengurusan dan Profesional

Bil.	PTJ	Penjawatan	Pengisian	Kekosongan	
				Bil.	%
1.	JKN N.Sembilan	44	40	4	9.09
2.	PKD Seremban	351	343	8	2.28
3.	PKD Kuala Pilah	73	63	10	13.7
4.	PKD Port Dickson	90	81	9	10
5.	PKD Jempol	121	94	27	22.31
6.	PKD Rembau	64	41	23	35.94
7.	PKD Tampin	101	92	41	40.59
8.	PKD Jelebu	44	35	9	79.5
	Jumlah	**888**	**789**	**131**	**14.75**

Sokongan 1 (Gred 17 hingga 40)

Bil.	PTJ	Penjawatan	Pengisian	Kekosongan	
				Bil.	%
1.	JKN N. Sembilan	71	70	1	1.4
2.	PKD Seremban	776	727	49	6.31
3.	PKD Kuala Pilah	309	276	33	10.68
4.	PKD Port Dickson	298	283	15	5.03
5.	PKD Jempol	359	332	27	7.5
6.	PKD Rembau	182	167	15	8.24
7.	PKD Tampin	283	275	17	6
8.	PKD Jelebu	222	205	17	7.67
	Jumlah	**2,500**	**2,335**	**174**	**6.96**

Sokongan II (Gred 1 hingga 16)

Bil.	PTJ	Penjawatan	Pengisian	Kekosongan	
				Bil.	%
1.	JKN N. Sembilan	12	12	0	0%
2.	PKD Seremban	252	227	25	9.92
3.	PKD Kuala Pilah	129	119	10	7.75
4.	PKD Port Dickson	116	111	5	4.31
5.	PKD Jempol	110	103	7	2.7
6.	PKD Rembau	65	60	5	7.69
7.	PKD Tampin	116	104	12	10.34
8.	PKD Jelebu	80	72	8	10
	Jumlah	**880**	**808**	**72**	**8.18**

KESIMPULAN

Pada keseluruhannya, Bahagian Kesihatan Awam telah membelanjakan peruntukan Belanja Mengurus dan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) yang diberikan dengan baik. Pada tahun 2020, sebanyak 12.7% dari peruntukan LDP tidak dapat dibelanjakan serta dikembalikan. Bagi pengurusan data penjawatan, Bahagian Kesihatan Awam telah dilaksanakan secara berkala. Data perjawatan dikemaskini mengikut perubahan semasa.

2.2 UNIT KESIHATAN KELUARGA

PENGENALAN

Program Kesihatan Ibu dan Anak telah bermula sejak dari tahun 1956 serta telah mengalami perubahan dan berkembang menjadi Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga pada tahun 1995. Bagi Cawangan Kesihatan Keluarga, perkhidmatan yang diberi adalah komprehensif meliputi semua peringkat umur iaitu mulai lahir hingga ke akhir hayat (*from womb to tomb*).

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga adalah nadi perkhidmatan kesihatan di peringkat kesihatan primer bagi negara ini. Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga bertanggungjawab menjalankan dan membangunkan strategi dari pelbagai polisi yang diluluskan untuk dilaksanakan sebagai aktiviti di peringkat individu dan keluarga serta masyarakat.

Bagi Cawangan Kesihatan Keluarga, perkhidmatan yang diberi meliputi skop perkhidmatan terdiri dari Kesihatan Ibu, Kesihatan Bayi dan Kanak-kanak, Kesihatan Remaja dan Sekolah, Kesihatan Dewasa (Wanita) dan Warga Emas, Kesihatan Orang Kurang Upaya (OKU) dan Program SaringanTalasemia.

VISI UNIT

Untuk menjadikan Negeri Sembilan sebagai negeri yang mempunyai individu, keluarga dan masyarakat yang sihat sejahtera serta menikmati kehidupan berkualiti sepanjang hayat melalui pelaksanaan program kesihatan yang profesional, efisien, saksama dan mesra.

MISI UNIT

Unit Kesihatan Keluarga di bawah Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan akan melaksanakan program perkhidmatan kesihatan yang merangkumi bidang promosi, pencegahan, perawatan dan pemulihan ke arah peningkatan taraf hidup berkualiti bagi menghasilkan institusi keluarga yang sihat sejahtera.

OBJEKTIF UNIT

Objektif Perkhidmatan Kesihatan Ibu

Memastikan tahap optima kesihatan ibu melalui:

- Perkhidmatan pra-kehamilan kepada kehamilan yang dirancang serta penilaian risiko bagi pelbagai keadaan semasa pra kehamilan.
- Perkhidmatan antenatal kepada ibu hamil samada bagi kandungan biasa ataupun kandungan berisiko dalam memastikan kelahiran selamat dalam mengurangkan morbiditi dan mortaliti.
- Perkhidmatan post-natal serta mengenalpasti masalah selepas bersalin.

Objektif Perkhidmatan Kesihatan Bayi dan Kanak-Kanak

Memastikan tahap optima kesihatan kanak-kanak melalui Perkhidmatan Kanak-Kanak 0 - 6 tahun melalui:

- Saringan neonatal seperti G6PD dan serum thyroxine dalam mengesan awal keadaan G6PD dan congenital hypothyroidism dalam kalangan bayi.
- Penilaian perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak serta pengesanan kanak-kanak berkeperluan khas bagi tujuan rujukan dan intervensi awal.
- Perkhidmatan imunisasi di bawah Program Imunisasi Kebangsaan.

Objektif Perkhidmatan Kesihatan Remaja dan Kesihatan Sekolah

Menggalakkan cara hidup sihat melalui promosi kesihatan dan perkhidmatan kesihatan yang bersesuaian melalui:

- Perkhidmatan kesihatan remaja di klinik dan pemeriksaan kesihatan di sekolah oleh anggota kejururawatan dan Pegawai Perubatan bagi mengesan morbiditi dan masalah penglihatan dalam kalangan murid sekolah.
- Perkhidmatan imunisasi di peringkat sekolah rendah dan menengah.
- Pemberian imunisasi HPV dalam kalangan murid perempuan Tingkatan 1.
- Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 di sekolah.

Objektif Perkhidmatan Kesihatan Wanita

Menyediakan penjagaan kesihatan terhadap wanita dalam mencapai kehidupan berkualiti melalui:

- Perkhidmatan saringan pap smear dan pemeriksaan sendiri/ klinikal payudara bagi pengesanan awal kanser serviks dan kanser payudara.
- Perkhidmatan perancang keluarga.
- Aktiviti promosi kesihatan berkaitan wanita dengan penglibatan pelbagai sektor sama ada agensi kerajaan, swasta atau sukarela.

PENCAPAIAN AKTIVITI UNIT

I. KESIHATAN IBU

PERKHIDMATAN ANTENATAL

Perkhidmatan pemeriksaan kes antenatal menunjukkan penurunan kes baru antenatal bagi tahun 2020 berbanding 2019. Purata lawatan ke klinik adalah sebanyak 13 kali sejak dari tahun 2016 (Jadual 1).

Jadual 1 : Jumlah Kedatangan Baru, Baru dan Ulangan Dan Purata Lawatan Kes Antenatal Ke Klinik, 2016 - 2020 di Negeri Sembilan

Aktiviti	2016	2017	2018	2019	2020
Kedatangan baru antenatal	19,065	19,995	19,557	19,587	19,389
Kedatangan baru dan ulangan antenatal	253,177	261,218	262,122	270,590	260,241
Purata lawatan ke klinik	**13.3**	**13.1**	**13.4**	**13.8**	**13.4**

Sumber Data: KIB 201A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

KELAHIRAN SELAMAT

Peratus kelahiran selamat (tidak termasuk lain-lain dan BBA - *Born Before Arrival*) adalah salah satu indikator yang dipantau di bawah pencapaian indikator BPKK. Sasaran kelahiran selamat (%) adalah pada >95%. Untuk tempoh 2016 - 2020 pencapaian adalah >95%. Pencapaian bagi tahun 2020 adalah pada 99.92 % **(Jadual 2).**

Jadual 2 : Kelahiran Selamat (%) Mengikut Fasiliti Dan BBA/ Lain-lain (%), 2016 - 2020 di Negeri Sembilan

Kelahiran	2016	2017	2018	2019	2020
Hospital Kerajaan (%)	91.20	92.10	92.30	91.49	91.04
Hospital Swasta (%)	8.27	7.44	7.32	7.99	8.48
Bidan Kerajaan (%)	0.32	0.22	0.22	0.29	0.31
ABC (%)	0.14	0.16	0.05	0.14	0.09
Bidan Kampung (%)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Lain-lain (%)	0.03	0.07	0.05	0.04	0.06
BBA (%)	0.04	0.02	0.02	0.05	0.02
Jumlah	**16,247**	**16,584**	**16,980**	**15,948**	**16,241**

Sumber Data: KIB 202A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, N.Sembilan

PENJAGAAN LEPAS BERSALIN (POSTNATAL)

Jumlah lawatan ke rumah selepas bersalin (postnatal) menunjukkan penurunan bagi tahun 2020. Walau bagaimanapun purata lawatan bagi tahun 2016 - 2020 adalah pada jumlah lawatan optima **(Jadual 3).**

Jadual 3 : Bilangan Dan Purata Lawatan Postnatal Bagi Tahun 2016 - 2020 di Negeri Sembilan

Lawatan Postnatal	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah Lawatan Postnatal	178,238	179,937	174,091	164,959	159,545
Purata lawatan ke rumah	**9.0**	**9.4**	**9.3**	**9.3**	**9.1**

Sumber Data: KIB 206A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, N.Sembilan

Keperluan bilangan lawatan optima kes sepanjang tempoh postnatal adalah sebanyak 9 kali. Penjagaan postnatal berdasarkan konsep *Personalised Care* sentiasa diperkukuhkan bagi mempastikan liputan perkhidmatan adalah kepada semua ibu postnatal.

Purata perbandingan 2019 dan 2020 mengikut daerah menunjukkan semua daerah menunjukkan pencapaian lawatan optima kecuali Daerah Seremban dan Tampin **(Jadual 4)**. Bagi Daerah Jempol dan Kuala Pilah ianya menunjukkan penurunan purata bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019.

Jadual 4 : Bilangan dan Purata Lawatan Postnatal Mengikut Daerah Bagi Tahun 2016 - 2020 di Negeri Sembilan

Daerah	Jumlah Lawatan					Purata Lawatan				
	2016	2017	2018	2019	2020	2016	2017	2018	2019	2020
Jelebu	8,522	6,965	7,775	7,023	6,954	11.1	10.9	11.5	11.4	12.1
Jempol	30,551	30,225	27,743	26,487	24,441	8.5	9.2	10.2	10.2	9.8
Kuala Pilah	15,088	15,541	14,056	13,807	13,322	10.8	11.8	10.9	11.7	10.5
P.Dickson	18,048	17,229	18,125	16,009	17,721	10.2	9.4	9.3	9.3	10.0
Rembau	8,797	9,446	9,342	9,120	9,010	9.9	11.5	11.0	11.7	13.6
Seremban	81,335	84,147	80,670	76,512	74,782	8.5	8.8	8.4	8.3	8.1
Tampin	15,897	16,384	16,380	16,001	13,315	8.9	9.9	9.3	10.0	8.4
N.Sembilan	**178,238**	**179,937**	**174,091**	**164,959**	**159,545**	**9.0**	**9.4**	**9.3**	**9.3**	**9.1**

Sumber Data: KIB 206A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, N.Sembilan

II. KESIHATAN KANAK-KANAK

SARINGAN ENZIM G6PD

Pada tahun 2020 bilangan kes G6PD yang dikesan adalah 141 kes dari 14,771 jumlah bayi yang disaring G6PD berbanding 139 kes pada tahun 2019. Peratus (%) G6PD dikesan dari kelahiran hidup bagi tahun 2020 adalah 1.0% berbanding 0.9% pada tahun 2019 (Jadual 5). Maklumat bilangan disaring G6PD di bawah Sistem HMIS adalah bagi fasiliti kerajaan dan ianya tidak termasuk bilangan yang disaring di bawah fasiliti swasta. Bagi tempoh 2016 - 2020 peratus bayi dikesan G6PD di N.Sembilan adalah pada <2%.

Jadual 5 : Bilangan dan Peratus (%) Disaring dan Dikesan G6PD, 2016 - 2020

Tahun	Kelahiran*	Bil. Kelahiran Hidup Fasiliti Kerajaan	Bil. Disaring G6PD**	% Disaring G6PD	Bil. Dikesan G6PD	% G6PD Dikesan
2016	16,247	14,798	14,930	100.9	141	**0.9**
2017	16,584	15,246	15,302	100.4	179	**1.2**
2018	16,980	15,643	15,642	99.9	161	**1.0**
2019	15,948	14,583	14,525	99.6	139	**0.9**
2020	16,241	14,675	14,771	100.7	141	**1.0**

Sumber Data: KIB 202A KIB 203A KIB 205A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, N.Sembilan
*Kelahiran di semua fasiliti kerajaan dan swasta **Maklumat bilangan saringan di fasiliti kerajaan sahaja

SARINGAN *CONGENITAL HYPOTHYROIDISM*

Saringan *Congenital Hypothyroidism* merupakan Program Saringan Neonatal Kebangsaan yang memerlukan saringan dan rawatan dalam tempoh 14 hari apabila bayi baru lahir dikesan dengan abnormal paras TSH. Objektif rawatan awal adalah untuk mengurangkan kesan *mental disability* perkembangan kanak-kanak. Sasaran rawatan adalah 100% dirawat dalam tempoh 14 hari setelah dikesan *Congenital Hypothyroidism* (CH) **(Jadual 6)**.

Jadual 6 : Bilangan Congenital Hypothyroidism Dikesan Dan Dirawat, 2016 - 2020

Bilangan Kes	2016	2017	2018	2019	2020
Bil. kes dikesan CH	18	9	10	5	6
Bil. kes dirawat dalam tempoh 14 hari	18	9	10	5	6

Sumber Data: Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, N.Sembilan

PEMERIKSAAN KANAK-KANAK 0 – 6 TAHUN

Pemeriksaan kanak-kanak bagi semua kategori umur tidak mencapai bilangan pemeriksaan optima bagi tahun 2020. Walau bagaimanapun liputan (%) pemeriksaan kanak-kanak mengikut kategori umur menunjukkan pencapaian melebihi sasaran bagi kategori 0 - 1 tahun dan penurunan/ tidak mencapai sasaran bagi kategori 1 - 4 tahun dan 5 - 6 tahun liputan masing-masing 87.0%, 51.0% dan 17.7% **(Jadual 7)**.

Purata dan bilangan kedatangan ini boleh ditingkatkan lagi melalui pemeriksaan mengikut kumpulan umur bagi tujuan keperluan imunisasi, penilaian pertumbuhan dan perkembangan serta pengesanan ketidakupayaan e.g masalah penglihatan dan autism (pemeriksaan M-CHAT).

Pendekatan *Personalised Care* bagi setiap Klinik Kesihatan dan Klinik Desa di semua daerah sentiasa dipertingkatkan dalam memastikan liputan pemeriksaan dan bilangan lawatan bayi/ kanak-kanak mengikut kategori umur dapat dicapai.

Jadual 7 : Bilangan dan Purata Pemeriksaan Dan Liputan (%) Kedatangan Kanak-kanak Mengikut Kategori Umur, 2016 - 2020 di Negeri Sembilan

Tahun	Jenis Kedatangan	Kumpulan Umur					
		0 – <1 tahun	Liputan (%) Sasaran: 75%	1 – 4 tahun	Liputan (%) Sasaran: 52%	5 – 6 tahun	Liputan (%) Sasaran: 20%
2016	Baru	20,068	**82.5 (20,068/24,314)**	32,142	**46.4 (32,142/69,200)**	5,184	**16.1 (5,184/32,100)**
	Ulangan	137,986		93,548		6,519	
	Jumlah	158,054		125,690		11,703	
	Purata	7.9		3.9		2.3	
2017	Baru	19,243	**80.5 (19,243/23,895)**	33,294	**48.9 (33,294/68,100)**	5,897	**17.0 (5,897/34,600)**
	Ulangan	136,985		99,647		6,724	
	Jumlah	156,228		132,941		12,621	
	Purata	8.1		4.0		2.1	
2018	Baru	22,590	**95.4 (22,590/23,683)**	39,661	**56.8 (39,661/69,800)**	7,563	**22.8 (7,563/33,200)**
	Ulangan	140,571		99,647		6,724	
	Jumlah	163,161		132,941		12,621	
	Purata	7.2		4.0		2.1	
2019	Baru	21,461	**90.6 (21,461/23,683)**	40,921	**58.6 (40,921/69,800)**	7,245	**21.8 (7,245/33,200)**
	Ulangan	147,770		116,045		7,997	
	Jumlah	169,231		156,966		15,242	
	Purata	7.9		3.8		2.1	
2020	Baru	20,653	**87.0** (20,653/23,733)	35,214	**51.0** (35,214/69,000)	5,909	**17.7** (5,909/33,300)
	Ulangan	119,703		79,909		5,497	
	Jumlah	140,356		**115,123**		**11,406**	
	Purata	6.8		**3.3**		**2.0**	

Sumber Data: KKK 201A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, N.Sembilan
Nota: Jumlah pemeriksaan 0 - <1 tahun – 9 kali; 1 - 4 tahun - 6 kali; 5 - 6 tahun - 3 kali

LIPUTAN IMMUNISASI

Pencapaian liputan semua jenis imunisasi bagi tahun 2020 di bawah Program Imunisasi Kebangsaan adalah melebihi sasaran >95% **(Jadual 8)**. Mulai 1 April 2016 jadual imunisasi MMR adalah 2 dos (9 bulan dan 12 bulan) bagi kanak-kanak yang lahir pada 1 Julai 2015.

Jadual 8 : Liputan Imunisasi, 2016 - 2020

Imunisasi	2016	2017	2018	2019	2020
BCG*	99.6% (18,135/18,203)	99.6% (18,270/18,347)	98.2% (18,072/18,398)	95.9% (16,776/17,495)	99.2% (17,247/17,381)
DPT/Hib dos 3	103.2% (19,023/18,423)	98.1% (18,068/18,423)	103.4% (18,655/18,036)	100.1% (18,096/18,078)	100.5% (18,275/18,177)
Polio	103.2% (19,023/18,423)	98.1% (18,068/18,423)	103.4% (18,655/18,036)	100.1% (18,096/18,078)	100.5% (18,275/18,177)
Hep B dos 3	100.7% (18,545/18,423)	97.8% (18,011/18,423)	101.6% (18,321/18,036)	98.4% (17,783/18,078)	101.9% (18,530/18,177)
MMR dos 1	65.5% (12,074/18,423)	95.1% (17,520/18,423)	101.7% (18,346/18,036)	99.8% (18,035/18,078)	97.0% (17,642/18,000)
MMR dos 2	98.6% (18,151/18,400)	96.3% (17,727/18,400)	100.1% (17,723/17,700)	106.0% (17,909/16,900)	103.9% (17,350/16,900)

Sumber Data: KKK 202A dan 203A Unit Kesihatan Keluarga dan *Unit Tibi/ Kusta Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan
Denominator: Anggaran Kelahiran Hidup dan Anggaran Kanak-kanak 1 – 2 tahun, PIK, KKM

Pencapaian liputan (%) imunisasi MMR dos 1 dan dos 2 mengikut daerah bagi tahun 2020 (**Jadual 9**) yang tidak mencapai 95% adalah Daerah Jelebu, Jempol dan Tampin. Antara sebab pencapaian rendah ini adalah kerana denominator yang tinggi bagi kedua daerah tersebut.

Aktiviti pengesanan *defaulter* imunisasi MMR sentiasa dipertingkatkan di peringkat Klinik Kesihatan/ Klinik Desa dalam memastikan semua kanak-kanak yang layak mendapat imunisasi.

Jadual 9 : Liputan Imunisasi MMR Mengikut Daerah di Negeri Sembilan, 2020

MMR	Jelebu	Jempol	Kuala Pilah	Port Dickson	Rembau	Seremban	Tampin
Dos 1*	79.5%↓ (610/767)	73.7%↓ (1,899/2,577)	101.9% (1,030/1,010)	114.7% (2,180/1,901)	98.9% (807/816)	99.1% (9,716/9,802)	107.4% (1,400/1,304)
Dos 2**	74.5%↓ (596/800)	76.2%↓ (1,905/2,500)	105.9% (1,059/1,000)	98.7% (2,072/2,100)	104.8% (838/800)	115.4% (9,464/8,200)	94.4%↓ (1,416/1,500)

Sumber Data: KKK 203A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan
***Denominator : anggaran kelahiran hidup; **Denominator : anggaran kanak-kanak berumur 1 tahun**

KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS

Pengesanan awal ketidakupayaan dalam kalangan kanak-kanak 0-1 tahun merupakan indikator yang dipantau di bawah KPI Pegawai Kesihatan Daerah dan pencapaian indikator Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga.

- % Pengesanan Awal Ketidakupayaan Dalam Kalangan Kanak-kanak 0-1 Tahun
  Sasaran : 0.12% (Denominator - anggaran lahir hidup)

Bilangan kes baru ketidakupayaan bagi kategori umur 0-1 tahun yang disahkan pada 2020 adalah 35 kes (34.9%) dari keseluruhan 66 kes (0-18 tahun). Pencapaian % pengesanan adalah pada 0.19% berbanding anggaran kelahiran hidup (35/18,177).

Bagi semua kategori umur untuk tahun 2019, bilangan kes baru yang menjalani rehabilitasi adalah lebih tinggi di hospital berbanding klinik kesihatan, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti/ Pusat Jagaan Harian dan lain-lain di bawah lain-lain kategori (**Jadual 10**).

Jadual 10 : Bilangan Bayi / Kanak-kanak Berkeperluan Khas Dikesan, 2016 - 2020

Tahun	Kategori Umur (tahun)	Jumlah Kanak-kanak Bekeperluan Khas Dikesan dan Didaftar	Bilangan Kes Baru Mengikuti Program Rehabilitasi Mengikut Fasiliti			
			Hospital	Klinik Kesihatan	Rumah	*Lain-lain
2016	0 - <1	35	16	13	2	8
	1 - 18	87	20	26	1	47
2017	0 - <1	40	27	5	2	6
	1 - 18	59	27	9	2	21
2018	0 - <1	37	25	5	2	5
	1 - 18	69	21	47	0	1
2019	0 - <1	23	19	3	0	3
	1 - 18	46	20	21	0	1
2020	0 - <1	35	24	5	0	6
	1 - 18	31	25	5	0	1

Sumber Data: KKK 206 Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, N.Sembilan. Setiap kes boleh mempunyai >1 tempat Program Rehabilitasi
Nota: *Lain-lain termasuk PDK, Sekolah Khas/Kelas Khas,Pusat Jagaan Harian, NGO/Swasta/Tiada rehabilitasi

III. KESIHATAN WANITA

AMALAN PERANCANG KELUARGA

Pengambilan perancang keluarga merupakan salah satu indikator yang dipantau di bawah pencapaian indikator Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. Jumlah penerima baru perancang keluarga bagi tahun 2020 (4,055) menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2019 (4,269) (**Jadual 11**). Mulai tahun 2020 pengumpulan bilangan penerima perancang keluarga hanyalah data dari fasiliti KKM dan swasta sahaja (tidak termasuk data LPPKN dan fasiliti tentera).

Jadual 11 : Bilangan Penerima Baru, Ulangan Dan Jumlah Perancang Keluarga Mengikut Daerah Di Negeri Sembilan, 2016 – 2020

Tahun	Jenis Kedatangan	Daerah							
		Jelebu	Jempol	K.Pilah	P.Dickson	Rembau	Seremban	Tampin	Jumlah
2016	Baru	169	718	277	585	211	1,869	440	4,269
	Ulangan	6,850	14,690	9,107	7,114	3,746	19,462	9,399	70,368
	Jumlah	**7,019**	**15,408**	**9,384**	**7,699**	**3,957**	**21,331**	**9,839**	**74,637**
2017	Baru	134	747	269	493	172	1,569	353	3,737
	Ulangan	6,411	14,013	8,729	7,088	3,693	17,528	8,438	65,900
	Jumlah	**6,545**	**14,760**	**8,998**	**7,581**	**3,865**	**19,097**	**8,791**	**69,637**
2018	Baru	151	682	341	594	179	1,842	294	4,083
	Ulangan	5,558	13,124	8,048	6,712	3,304	17,096	7,887	61,729
	Jumlah	**5,709**	**13,806**	**8,389**	**7,306**	**3,483**	**18,938**	**8,181**	**65,812**
2019	Baru	115	662	277	591	183	2,122	319	4,269
	Ulangan	5,313	13,317	7,780	6,811	3,137	17,045	8,310	61,713
	Jumlah	**5,428**	**13,979**	**8,057**	**7,402**	**3,320**	**19,167**	**8,629**	**65,982**
2020	Baru	119	589	346	509	164	2,022	306	4,055
	Ulangan	5,025	12,432	7,321	6,382	3,145	16,800	7,230	58,335
	Jumlah	**5,144**	**13,021**	**7,667**	**6,891**	**3,309**	**18,822**	**7,536**	**62,390**

Sumber Data: PKW 201A Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

PEMERIKSAAN PAP SMEAR

Jumlah pengambilan pap smear di Negeri Sembilan bagi tahun 2020 adalah sebanyak 16,669. Peratus *unsatisfactory slaid* (sasaran <2.5%) dari jumlah slaid yang dilapor adalah 2.1% dengan *abnormal smear* 1.5% bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019 iaitu 0.6% bagi *unsatisfactory* dan *abnormal smear* 1.3% (**Jadual 12**).

Jadual 12 : Bilangan Pengambilan dan Keputusan Slaid Pap Smear, 2016 - 2020

Slaid Pap Smear	2016	2017	2018	2019	2020
Bil. slaid diambil	19,689	21,025	19,587	22,763	16,669
Bil. slaid dilapor	19,471	20,702	19,375	22,438	17,870
Bil. slaid *'unsatisfactory'*	24 (0.1%)	45 (0.2%)	206 (1.0%)	128 (0.6%)	371 (2.1%)
Bil. normal smear	19,162 (98.4%)	20,415 (98.6%)	18,960 (97.9%)	22,025(98.1%)	17,232(96.4%)
Bil. abnormal smear	285 (1.5%)	242 (1.2%)	209 (1.1%)	285 (1.3%)	267 (1.5%)

Sumber Data: PKW 203A Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

PEMERIKSAAN KLINIKAL PAYUDARA (PKP)

Pemeriksaan Klinikal Payudara (PKP) dijalankan sebagai salah satu aktiviti pengesanan awal kanser payudara dalam kalangan wanita. Jumlah PKP yang dijalankan bagi tahun 2020 adalah sebanyak 55,278 berbanding 68,616 pada tahun 2019 (**Jadual 13**). PKP normal sebanyak 55,121 (99.71%) dengan 0.29% (157 kes) adalah abnormal (**Jadual 14**).

Jadual 13 : Bilangan Pemeriksaan Klinikal Payudara (PKP) Mengikut Daerah di Negeri Sembilan, 2016 - 2020

Daerah	2016	2017	2018	2019	2020
Seremban	29,195	29,752	34,977	28,930	23,182
Kuala Pilah	10,752	11,807	10,451	10,795	10,263
Port Dickson	6,140	6,766	6,132	5,719	5,152
Tampin	5,730	6,662	6,683	6,363	5,587
Jempol	10,879	9,706	8,098	8,735	6,025
Jelebu	4,144	4,212	4,506	3,609	2,759
Rembau	4,217	3,856	3,345	4,465	2,310
N.Sembilan	**71,057**	**72,761**	**74,192**	**68,616**	**55,278**

Sumber Data: PKW 206 1/2010 Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

Jadual 14 : Bilangan Pemeriksaan Klinikal Payudara (PKP) dan Keputusan Mengikut Daerah di Negeri Sembilan, 2020

Daerah	Pemeriksaan PKP (n = 55,278)			Keputusan PKP	
	<20 thn	20 – 49 thn	≥ 50 thn	Normal	Abnormal
Jelebu	74	1,850	835	2,754	5
Jempol	113	5,335	577	6,014	11
Kuala Pilah	144	8,353	1,766	10,221	42
Port Dickson	87	4,087	978	5,132	20
Rembau	22	1,971	317	2,302	8
Seremban	344	21,124	1,714	23,157	25
Tampin	39	3,275	2,273	5,541	46
N.Sembilan	**823**	**45,995**	**8,460**	**55,121**	**157 (0.28%)**

Sumber Data: PKW 206 1/2010 Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

IV. PERKHIDMATAN KESIHATAN SEKOLAH

PEMERIKSAAN KESIHATAN MURID SEKOLAH

Peratus pemeriksaan murid-murid (berbanding enrolmen) bagi tahun 2020 oleh Jururawat melebihi 95%. Pemeriksaan oleh Pegawai Perubatan menunjukkan peningkatan di kalangan murid Pra-Sekolah, Tahun 1 dan Tahun 6 bagi tahun 2018 berbanding 2017.

Jumlah pemeriksaan murid Pra-Sekolah, Tahun 1, Tahun 6 dan Tingkatan 3 oleh Jururawat bagi tahun 2020 masing-masing adalah seramai 6,175 (94.9%); 18,293 (99.4%); 7,958 (98.7%); dan 16,979 (97.4%). Manakala oleh Pegawai Perubatan adalah seramai 2,734 (42.1%) murid Pra-sekolah; 16,726 (90.9%) murid Tahun 1; 5,553 (68.8%) murid Tahun 6; dan 14,550 (83.5%) murid Tingkatan 3 (**Jadual 15**).

Jadual 15 : Liputan Pemeriksaan (%) di Sekolah Mengikut Tahun oleh Jururawat dan Pegawai Perubatan di Negeri Sembilan Bagi, 2016 - 2020

Tahun	Pemeriksaan oleh Jururawat (%)					Pemeriksaan oleh Doktor (%)				
	2016	2017	2018	2019	2020	2016	2017	2018	2019	2020
Pra-Sekolah (enrolmen : 6,501)	98.2	96.0	97.2	98.6	94.9	8.7	13.9	17.2	17.9	42.1
Tahun 1 (enrolmen : 18,403)	99.9	99.6	99.7	99.7	99.4	86.8	86.9	88.6	90.4	90.9
Tahun 6 (enrolmen : 8,066)	99.3	98.6	99.3	99.4	98.7	75.9	75.5	78.5	81.8	68.8
Ting. 3 (enrolmen : 17,431)	99.7	99.5	99.7	99.7	97.4	73.8	76.3	75.9	85.8	83.5

Sumber Data: KSK 201A Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

LIPUTAN IMUNISASI MURID SEKOLAH

Pencapaian liputan Program Imunisasi Sekolah bagi tahun 2016 - 2020 adalah ≥ 95.0%. Pencapaian 2020 imunisasi MMR/ DT untuk murid Tahun 1 adalah 97.7% manakala liputan bagi Tetanus Toxoid murid Tingkatan 3 adalah juga pada 96.9%. Pemberhentian vaksin Oral Polio kepada murid sekolah bermula tahun 2016 (**Jadual 16**).

Jadual 16 : Liputan Imunisasi (%) MMR, Polio, Double Antigen Dan Tetanus Toxoid Murid Sekolah di Negeri Sembilan Bagi Tahun 2016 - 2020

Imunisasi	2016	2017	2018	2019	2020
MMR	99.8% (17,470/17,502)	99.8% (17,576/17,607)	99.5% (18,042/18,127)	99.6% (18,574/18,645)	97.7 % (17,986/18,403)
DT	99.8% (17,470/17,502)	99.8% (17,576/17,502)	99.5% (18,042/18,127)	99.6% (18,574/18,645)	97.7% (17,986/18,403)
Tetanus Toxoid	99.5% (17,618/17,709)	99.8% (17,197/17,231)	99.6% (17,311/17,379)	99.6% (17,439/17,505)	96.9% (16,895/17,431)

Sumber Data: KSK 202A Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

PROGRAM PELALIAN HPV DI SEKOLAH

Di Negeri Sembilan suntikan Pelalian HPV telah dimulakan pada 20 September 2010. Bermula 2015, dos HPV diberikan sebanyak 2 dos berbanding 3 dos pada tahun 2010 sehingga 2014. Bagi tahun 2020, sejumlah 8,830 (99.8%) murid perempuan tingkatan 1 memberikan kebenaran untuk suntikan HPV. Bagi kohort pertama, seramai 8,783 (99.5%) telah menerima suntikan dos pertama, manakala kohort kedua sebanyak 8,718 (98.7%) menerima dos kedua (**Jadual 17**).

Jadual 17 : Liputan (%) HPV Murid Tingkatan 1

Mengikut Daerah di N.Sembilan, 2016 - 2020

Tahun	Enrolmen murid perempuan	Murid perempuan yang ada kebenaran	% murid perempuan yang ada kebenaran	Murid yang mendapat suntikan	% Murid mendapat suntikan	Murid yang mendapat suntikan	% Murid mendapat suntikan
				Dos 1		Dos 2	
2016	9,047	8,916	98.5	8,913	99.9	8,794	98.6
2017	8,926	8,786	98.4	8,769	99.8	8,689	99.1
2018	8,786	8,785	99.9	8,609	98.0	8,560	99.4
2019	8,637	8,547	99.0	8,544	99.9	8,516	99.7
2020	8,847	8,830	99.8	8,783	99.5	8,718	98.7

Sumber Data: KSK/201/HPV Pindaan2016 Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

PROGRAM SARINGAN TALASEMIA MURID TINGKATAN 4 DI SEKOLAH

Program Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 bermula pada tahun 2016. Ianya dijalankan secara sukarela dan di bawah Pasukan Kesihatan Sekolah peringkat daerah. Perbandingan saringan Talasemia mengikut daerah bagi tahun 2019 - 2020 seperti di **Jadual 18**.

Peratus yang memberi kebenaran menjalani ujian meningkat bagi tahun 2020 (96.1%) berbanding 2019 (95.7%). Pencapaian negeri menunjukkan penurunan peratus menjalani ujian saringan bagi tahun 2020 (96.4%) berbanding 2019 (98.2%).

Pencapaian saringan berbanding enrolmen bagi tahun 2020 untuk semua daerah menunjukkan peratus saringan >60% iaitu pada 92.7% (14,631/15,790). Sasaran kebangsaan adalah pada >60%.

Jadual 18 : Perbandingan Saringan Talasemia Mengikut Daerah, 2019 - 2020

Daerah	2019						2020					
	% Kebenaran Jalani Ujian			% Saringan Ujian			% Kebenaran Jalani Ujian			% Saringan Ujian		
	Bil. kebenaran	Enrolmen	%	Bil. saring	Bil. Kebenaran	%	Bil. kebenaran	Enrolmen	%	Bil. Saring	Bil. kebenaran	%
Jelebu	776	797	97.4	776	776	100	1,238	1,345	92.0	1,211	1,238	97.8
Jempol	1,569	1,708	91.9	1,509	1,569	96.2	999	1,039	96.2	992	999	99.3
Kuala Pilah	1,078	1,084	99.4	1,040	1,078	96.5	1,058	1,069	99.0	1,039	1,058	98.2
Port Dickson	1,508	1,626	92.7	1,469	1,508	97.4	1,750	1,842	95.0	1,641	1,750	93.8
Rembau	1,278	1,278	100.0	1,192	1,278	93.3	1,184	1,189	99.6	1,168	1,184	98.6
Seremban	7,399	7,768	95.2	7,354	7,399	99.4	7692	8,019	95.7	7,324	7692	95.2
Tampin	1,265	1,283	98.6	1,261	1,265	99.7	1,256	1,287	97.6	1,256	1,256	100.0
N.Sembilan	**14,873**	**15,544**	**95.7**	**14,601**	**14,873**	**98.2**	**15,177**	**15,790**	**96.1**	**14,631**	**15,177**	**96.4**

Sumber Data: Sistem e-thal Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

V. PROGRAM KEPASTIAN KUALITI (*QUALITY ASSURANCE PROGRAMME*)

Indikator QAP yang dipantau di bawah Unit Kesihatan Keluarga adalah Kadar Jaundis Neonatal Teruk - *Severe Neonatal Jaundic*e (*SNNJ*).

Pencapaian 2020 adalah <50/10,000 ELB dan menunjukkan pencapaian <50/10,000 sejak dari tahun 2018. Pengesanan Murid Tahun 1 dengan masalah ketajaman penglihatan untuk tahun 2020 menunjukkan pengesanan adalah 7.1% iaitu melebihi sasaran >5% (Jadual 19).

Jadual 19 : Pencapaian Indikator QA Kadar Jaundis Neonatal Teruk (SNNJ) dan Peratus Murid Tahun 1 Dikesan Masalah Ketajaman Penglihatan di N.Sembilan, 2016 - 2020

Indikator QA	2016	2017	2018	2019	2020
	Jan - Dis	Jan - Dis	Jan - Dis	Jan - Dis	Jan - Dis
Kadar Jaundis Neonatal Teruk (*<50/10,000 ELB)	119.4 (220/18,423)	80.9 (146/18,036)	45.4 (82/18,078)	34.3 (62/18,078)	38.0 (69/18,177)
Peratus Murid Tahun 1 Dikesan Masalah Ketajaman Penglihatan (>5%)	4.9	5.9	6.5	6.8	7.1

Sumber Data: Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan
Denominator: Anggaran Kelahiran Hidup, PIK, KKM

2.3 UNIT KESIHATAN PRIMER

PENGENALAN

Unit Kesihatan Primer adalah salah satu unit di bawah Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Di peringkat KKM, Cawangan Kesihatan Primer adalah merupakan salah satu dari dua cawangan di bawah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. Unit Kesihatan Primer menyediakan perkhidmatan yang komprehensif meliputi semua golongan masyarakat melalui pelbagai fasiliti kesihatan awam statik dan perkhidmatan kesihatan bergerak. Skop perkhidmatan terdiri daripada :

i. Pelaksanaan Polisi Kesihatan Primer
ii. Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Primer
iii. Perkhidmatan kesihatan di Peringkat Komuniti/ Institusi
iv. Memperkukuhkan Perkhidmatan pada *Underserved Population*
v. Kualiti Perkhidmatan Primer
vi. Perkhidmatan Pra-Hospital dan Kecemasan Primer
vii. Penjagaan Perubatan Primer
viii. Kemudahan Infrastruktur Fasiliti Kesihatan
ix. Sokongan Klinikal dan Teknikal
x. Sistem Informatik Primer

Kesemua jenis perkhidmatan diberi melalui pelbagai fasiliti kesihatan statik yang berjumlah 160 buah fasiliti (KK,KD dan KKOM) atau melalui perkhidmatan bergerak yang berjumlah 8 unit yang diberikan oleh pasukan yang dikenalpasti dari Klinik Kesihatan di kawasan operasi. Sehingga kini purata jumlah kedatangan yang dilihat oleh fasiliti-fasiliti tersebut telah menjangkau 3 juta lebih setahun (sehingga tahun 2020).

Visi

Ke Arah Individu, Keluarga dan Masyarakat Sihat.

Misi

Menerajui perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Primer di Negeri Sembilan yang dinamik dengan memberi penekanan pada penyediaan perkhidmatan kesihatan yang bertahap tinggi, professionalisme dan kecemerlangan sejajar dengan isu dan masalah kesihatan semasa.

Objektif Umum

Untuk menyampaikan perkhidmatan primer di peringkat temu pertama ke arah pembentukan komuniti sihat dan kehidupan berkualiti dengan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian aktiviti-aktivitinya bertujuan untuk memberi perkhidmatan jagaan kesihatan yang komprehensif.

Objektif Khusus

- Untuk memberi perkhidmatan pesakit luar, promosi kesihatan, rawatan dan rehabilitasi kepada semua lapisan masyarakat pada *first point of contact* melalui pelaksanaan Polisi Penjagaan Kesihatan Primer.
- Menyediakan perkhidmatan sokongan klinikal yang komprehensif.
- Memberi respons kepada kes-kes kecemasan dengan cekap dan efisien.

- Memastikan peningkatan kualiti penjagaan Kesihatan Primer dan peningkatan kualiti. Memastikan infrastruktur fasiliti kesihatan yang memenuhi keperluan perkhidmatan.
- Untuk meningkatkan dan mengukuhkan penggunaan teknologi maklumat dalam sistem perkhidmatan selaras dengan teknologi digital semasa.

PENCAPAIAN UTAMA PERKHIDMATAN KESIHATAN PRIMER

PEMANTAUAN PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR

Perkhidmatan pesakit luar merupakan aktiviti utama dalam penjagaan Kesihatan Primer yang dikendalikan di 51 buah Klinik Kesihatan sehingga 2020. Jumlah kedatangan pesakit luar di klinik kesihatan di Negeri Sembilan telah meningkat dari tahun ke tahun. Namun pada tahun 2020, terdapat pengurangan kedatangan pesakit hampir ke semua klinik kesihatan kerana pandemik Covid-19.

Pada dasarnya pemantauan dari segi beban kedatangan dilakukan setiap bulan di mana proses ini amat penting di dalam menentukan kapasiti keanggotaan untuk menjalankan perkhidmatan tersebut.

Jadual 1 : Kedatangan Pesakit Luar di Klinik Kesihatan Mengikut Klinik, 2016-2020

Tahun / K.Kesihatan	2016	2017	2018	2019	2020
KK Jelebu	34,186	31,073	36,282	53.004	33,358
KK Pasoh 1	8,527	8,209	9,193	11.936	8,506
KK Pertang	25,259	24,590	24,518	28.035	17,831
KK Simpang Durian	21,208	21,452	21,156	22.311	16,121
KK Titi	15,118	14,165	14,413	25.235	15,549
KK Bahau	90,524	75,591	58,205	77,672	40,586
KK Bandar Seri Jempol	33,690	31,024	31,952	32,434	24,195
KK Lui Muda	15,450	17,107	17,497	20,487	14,741
KK Palong 4,5,6	29,410	31,626	31,784	39,564	27,175
KK Palong 7 & 8	15,116	17,076	17,029	21,223	17,316
KK Palong 9,10,11	14,445	14,390	12,810	17,192	14,367
KK Serting Hilir	19,431	19,347	22,183	28,689	15,135
KK Gunung Pasir	4,716	5,085	5,005	6,042	4,698
KK Johol	20,823	26,860	26,414	32,531	23,117
KK Juasseh	31,084	41,855	47,704	50,895	25,354
KK Kuala Pilah	91,951	96,035	89,368	104,341	61,322
KK Padang Lebar	11,057	9,583	7,978	10,906	8,803
KK Senaling	7,097	11,161	12,899	17,895	10,788
KK Seri Menanti	8,453	8,023	7,252	10,094	9,749
KK Terachi	7,369	8,056	9,234	11,729	7,119
KK Bukit Pelanduk	31,006	25,376	13,857	14,876	11,319
KK Linggi	23,890	27,277	26,597	33,166	23,949
KK Lukut	44,206	53,837	56,373	58,318	43,911
KK Pasir Panjang	25,565	28,739	29,827	41,107	25,715

Tahun / K.Kesihatan	2016	2017	2018	2019	2020
KK Port Dickson	136,915	134,911	129,661	136,790	105,761
KK Bagan Pinang	-	-	4,251	16,258	16,022
KK Astana Raja	14,793	14,118	14,406	22,144	16,573
KK Kota	9,495	8,058	9,335	9,631	8,602
KK Pedas	29,152	29,877	22,400	30,995	21,854
KK Rembau	42,609	43,547	47,496	62,269	38,133
KK Ampangan	82,985	107,824	100,334	117,496	77,126
KK Desa Rhu	20,283	23,870	27,662	41,448	27,784
KK Quarters KLIA	24,366	27,073	28,888	35,184	23,925
KK Lenggeng	19,831	16,693	15,771	21,256	15,310
KK Mantin	38,487	41,515	47,456	72,255	44,504
KK Nilai	59,489	63,114	64,711	83,506	71,043
KK Rantau	37,734	34,062	35,173	46,562	33,846
KK Senawang	146,826	112,352	116,608	169,731	119,909
KK Sendayan	23,994	23,341	24,169	32,114	19,877
KK Seremban	332,013	332,576	322,030	306,337	212,938
KK Seremban 2	104,374	108,759	112,576	151,374	109,396
KK Sikamat	48,161	50,089	52,197	68,260	48,212
KK UTC Seremban	-	4,184	47,433	32,621	14,545
KK Felda LBJ	-	-	-	-	1,275
KK Air Kuning Selatan	19,238	19,336	19,203	21,518	16,499
KK Bukit Rokan	7,343	8,329	5,980	6,995	5,559
KK Gemas	66,997	71,067	59,468	73,287	68,184
KK Gemencheh	39,919	71,067	61,459	74,012	56,092
KK Jelai	20,734	17,348	20,180	22,084	21,110
KK Tampin	112,468	115,833	112,548	148,479	119,019
Jumlah	**2,067,787**	**2,126,480**	**2,130,25**	**2,572,288**	**1,813,822**

Untuk perancangan infrastruktur Klinik Kesihatan di Negeri Sembilan, di bawah Rancangan Malaysia ke 11, terdapat 4 buah projek Klinik Kesihatan yang telah diluluskan iaitu Klinik Kesihatan Palong 7 dan 8 (Jenis 3) bersama kuarters, Klinik Kesihatan Lenggeng (Jenis 5), Klinik Kesihatan Rompin (Jenis 4) dan KK Tampin (Jenis 2) yang kini dalam pelbagai peringkat pembangunan.

Jadual 2 : Kedatangan Keseluruhan Pelanggan di Klinik Kesihatan, 2017 - 2020

Bil.	Klinik Kesihatan	2017	2018	2019	2020
1.	Klinik Kesihatan Jelebu	71,105	68,695	77,035	75,193
2.	Klinik Kesihatan Pasoh 1	14,512	14,846	15,457	20,724
3.	Klinik Kesihatan Pertang	44,853	40,301	38,697	41,059
4.	Klinik Kesihatan Simpang Durian	44,029	37,045	34,107	37,529
5.	Klinik Kesihatan Titi	26,621	25,189	33,623	36,307
6.	Klinik Kesihatan Chennah	474	5,408	7,877	8,075
7.	Klinik Kesihatan Bahau	134,793	139,728	151,990	122,324

Bil.	Klinik Kesihatan	2017	2018	2019	2020
8.	Klinik Kesihatan Bandar Seri Jempol	79,808	79,058	65,156	46,330
9.	Klinik Kesihatan Lui Muda	31,904	43,434	35,383	34,949
10.	Klinik Kesihatan Palong 4,5,6	85,741	57,040	53,948	43,675
11.	Klinik Kesihatan Palong 7 dan 8	39,420	41,148	40,572	37,924
12.	Klinik Kesihatan Palong 9,10,11	29,227	34,894	33,510	34,764
13.	Klinik Kesihatan Serting Hilir	46,146	50,614	47,868	30,819
14.	Klinik Kesihatan Gunung Pasir	7,602	7,721	8,576	8,311
15.	Klinik Kesihatan Johol	47,304	59,740	51,975	42,781
16.	Klinik Kesihatan Juasseh	76,928	97,978	80,707	56,815
17.	Klinik Kesihatan Kuala Pilah	15,9073	164,881	142,852	108,029
18.	Klinik Kesihatan Padang Lebar	16,318	17,090	16,813	17,628
19.	Klinik Kesihatan Senaling	22,335	29,157	29,613	24,295
20.	Klinik Kesihatan Sri Menanti	12,128	12,196	14,004	14,502
21.	Klinik Kesihatan Terachi	17,883	24,512	21,338	18,884
22.	Klinik Kesihatan Bukit Pelanduk	38,906	26,171	24,171	21,971
23.	Klinik Kesihatan Linggi	39,444	39,742	44,980	39,598
24.	Klinik kesihatan Lukut	92,040	89,136	90,934	81,337
25.	Klinik Kesihatan Pasir Panjang	52,154	51,009	56,416	48,634
26.	Klinik Kesihatan Port Dickson	180,87	17,3942	170,532	146,101
27.	Klinik Kesihatan Bagan Pinang	1,442	17,821	30,216	30,286
28.	Klinik Kesihatan Astana Raja	38,105	26,935	35,679	29,916
29.	Klinik Kesihatan Kota	12,101	14,696	14,755	13,772
30.	Klinik Kesihatan Pedas	66,198	56,423	59,298	52,215
31.	Klinik Kesihatan Rembau	122,245	147,273	114,621	85,915
32.	Klinik Kesihatan Ampangan	217,397	171,466	212,609	176,048
33.	Klinik Kesihatan Desa Rhu	75,575	58,185	77,748	74,275
34.	Klinik Kesihatan KLIA	60,644	54,519	62,936	50,561
35.	Klinik Kesihatan Lenggeng	32,862	25,330	33,447	30,063
36.	Klinik Kesihatan Mantin	106,428	75,831	118,232	96,849
37.	Klinik Kesihatan Nilai	18,0241	152,074	164,921	16,1071
38.	Klinik Kesihatan Rantau	81,360	63,930	79,927	75,760
39.	Klinik Kesihatan Senawang	29,3185	216,170	312,352	283,675
40.	Klinik Kesihatan Sendayan	69,126	56,516	66,182	57,183
41.	Klinik Kesihatan Seremban	50,1316	398,842	440,329	384,175
42.	Klinik Kesihatan Seremban 2	198,921	151,299	200,534	186,477
43.	Klinik Kesihatan Sikamat	103,365	86,516	104,056	104,395
44.	Klinik Kesihatan UTC	3,401	47,433	35,566	14,611
45.	Klinik Kesihatan LBJ	-	-	-	10,425
46.	Klinik Kesihatan Air Kuning	34,809	33,640	33,225	25,757
47.	Klinik Kesihatan Bukit Rokan Utara	14,075	14,370	13,407	12,054
48.	Klinik Kesihatan Gemas	14,550	152,268	138,951	107,987
49.	Klinik Kesihatan Gemencheh	139,157	146,177	120,488	86,230

Bil.	Klinik Kesihatan	2017	2018	2019	2020
50.	Klinik Kesihatan Jelai	92,939	94,940	96,813	69,716
51.	Klinik Kesihatan Tampin	224,400	230,370	237,489	184,319
	JUMLAH	**4,228,677**	**3,923,699**	**4,191,915**	**3,602,293**

Jadual 3 : Kedatangan Pesakit Luar Orang Asli ke Klinik Kesihatan Mengikut Daerah, 2016 - 2020

Daerah	2016	2017	2018	2019	2020
Jelebu	5,423	3,974	6,215	4,411	4,035
Seremban	1,821	1,133	1,063	1,380	940
Kuala Pilah	4,439	2,260	4,094	3,996	3,125
Port Dickson	565	599	808	905	839
Rembau	910	211	347	283	272
Jempol	2,798	2,216	1,098	1,182	1,225
Tampin	107	6	3	26	29
JUMLAH	**16,063**	**10,399**	**15,646**	**12,183**	**10,465**

Jadual 4 : Kedatangan Pesakit Luar ke Klinik Desa Mengikut Klinik, 2017 - 2020

Bil.	Klinik Desa	2017	2018	2019	2020
1.	Klinik Desa Felda Titi	85	59	123	134
2.	Klinik Desa Jambatan Serong	39	57	119	130
3.	Klinik Desa Jerang	92	73	15	61
4.	Klinik Desa Lakai	74	102	59	71
5.	Klinik Desa Pasoh 4	41	5	3	0
6.	Klinik Desa Peradong	98	62	101	90
7.	Klinik Desa Petaseh	86	180	147	141
8.	Klinik Desa Rangoi	130	70	50	41
9.	Klinik Desa Simpang Pertang	1,376	1,663	303	177
10.	Klinik Desa Ulu Jelebu	95	164	164	107
11.	Klinik Desa Ulu Klawang	49	44	107	59
12.	Klinik Desa Ulu Triang	52	42	49	54
13.	Klinik Desa Bengkahulu	78	519	444	331
14.	Klinik Desa Bukit Jalor	276	191	213	185
15.	Klinik Desa Bukit Rokan	99	115	209	99
16.	Klinik Desa Gedok	209	120	161	208
17.	Klinik Desa Gemencheh	60	135	115	147
18.	Klinik Desa Keru	161	161	102	157
19.	Klinik Desa Pasir Besar	635	811	408	437
20.	Klinik Desa Sungai Jernih	141	129	242	308
21.	Klinik Desa Sungai Kelamah	389	302	205	269
22.	Klinik Desa Tebong	157	146	89	73
23.	Klinik Desa Ulu Rokan	25	0	92	143
24.	Klinik Desa Kuala Jempol	124	100	125	161
25.	Klinik Desa Air Hitam	738	645	496	460
26.	Klinik Desa Batu Kikir	1,404	1,482	1,556	785
27.	Klinik Desa Bukit Rokan Barat	194	442	404	344
28.	Klinik Desa Ladang Gaddes	1,623	1,209	945	506

Bil.	Klinik Desa	2017	2018	2019	2020
29.	Klinik Desa Lui Barat	534	460	302	312
30.	Klinik Desa Lui Selatan	1,454	1,690	1,477	562
31.	Klinik Desa Lui Timur	380	358	423	434
32.	Klinik Desa Palong 1	323	151	51	230
33.	Klinik Desa Palong 12,13	359	235	234	351
34.	Klinik Desa Palong 14,15,16	566	939	826	342
35.	Klinik Desa Palong 2	228	117	73	488
36.	Klinik Desa Palong 3	200	142	63	334
37.	Klinik Desa Pasoh 2	460	389	317	312
38.	Klinik Desa Pasoh 3	418	360	405	402
39.	Klinik Desa Pulapah	1,490	2,995	1,067	1,046
40.	Klinik Desa Rompin	97	66	51	30
41.	Klinik Desa Serting Hilir	261	262	273	245
42.	Klinik Desa Serting Tengah	346	464	361	290
43.	Klinik Desa Serting Ulu	424	444	640	503
44.	Klinik Desa Sg. Lui	200	70	55	40
45.	Klinik Desa Ampang Tinggi	300	218	143	119
46.	Klinik Desa Ayer Mawang	133	111	230	386
47.	Klinik Desa Beting	751	431	417	257
48.	Klinik Desa Betong	232	142	79	110
49.	Klinik Desa Dangi	422	407	394	308
50.	Klinik Desa Felda Kepis	467	715	612	523
51.	Klinik Desa Gachong	313	293	255	98
52.	Klinik Desa Inas	217	186	98	123
53.	Klinik Desa Jelai	289	83	93	87
54.	Klinik Desa Kampong Tengah	261	340	309	254
55.	Klinik Desa Kampung Kepis	396	420	302	206
56.	Klinik Desa Melang Tengah	366	267	250	324
57.	Klinik Desa Pelangi	440	458	423	455
58.	Klinik Desa Rembang Panas	525	543	458	415
59.	Klinik Desa Sg. Dua	275	376	238	202
60.	Klinik Desa Talang	564	364	506	403
61.	Klinik Desa Tanjong Ipoh	617	405	309	228
62.	Klinik Desa Tengkek	545	40	209	284
63.	Klinik Desa Ulu Juasseh	233	191	149	145
64.	Klinik Desa Ulu Pilah	343	383	5,94	222
65.	Klinik Desa Chuah	18	0	37	0
66.	Klinik Desa Pengkalan Kempas	67	0	37	50
67.	Klinik Desa Sungai Raya	45	15	47	0
68.	Klinik Desa Tampin Linggi	71	5	2	14
69.	Klinik Desa Teluk Kemang	64	0	30	0
70.	Klinik Desa Chembong Halt	30	19	59	33
71.	Klinik Desa Gadong	0	3	0	0
72.	Klinik Desa Kampung Bongek	467	77	144	77
73.	Klinik Desa Kundor	77	59	96	76
74.	Klinik Desa Lubok China	27	3	24	14
75.	Klinik Desa Pedas Hilir	168	182	183	135
76.	Klinik Desa Pilin	147	137	184	63
77.	Klinik Desa Pulau Mampat	218	53	146	144
78.	Klinik Desa Sawah Raja	26	21	97	66
79.	Klinik Desa Selamak	100	72	107	117
80.	Klinik Desa Semerbok	8	11	0	0

Bil.	Klinik Desa	2017	2018	2019	2020
81.	Klinik Desa Sepri	114	180	146	34
82.	Klinik Desa Batu 9 Labu	73	57	101	109
83.	Klinik Desa Dacing	283	147	173	129
84.	Klinik Desa Felda LBJ	3,095	4,954	7,726	
85.	Klinik Desa Gadong Jaya	11	6	20	5
86.	Klinik Desa Jimah Lama	94	31	76	45
87.	Klinik Desa Kampung Jijan	121	41	38	31
88.	Klinik Desa Kg. Pulau	104	887	80	80
89.	Klinik Desa Kuala Sawah	199	186	179	311
90.	Klinik Desa Mambau	81	65	123	87
91.	Klinik Desa Mantin Dalam	46	55	173	301
92.	Klinik Desa Pajam	88	346	639	710
93.	Klinik Desa Pantai	283	333	415	381
94.	Klinik Desa Siliau	261	155	193	142
95.	Klinik Desa Sungai Machang	250	131	121	58
96.	Klinik Desa Ulu Beranang	361	247	319	137
	JUMLAH	**30,956**	**33,021**	**31,447**	**20,097**

PERKHIDMATAN KLINIK KOMUNITI

Perkhidmatan Klinik Komuniti adalah penjenamaan semula perkhidmatan K1Malaysia bermula pada tahun 2018. Bermula dengan 3 buah Klinik Komuniti pada tahun 2010, sebanyak 17 Klinik Komuniti telah memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk di Negeri Sembilan sehingga tahun 2019. Walau bagaimanapun, sebanyak 2 buah Klinik Komuniti telah ditamatkan operasinya *(*1 klinik di Port Dickson dan 1 klinik di Seremban*)* berdasarkan kriteria-kriteria yang diberikan oleh KKM iaitu kos efektif, bilangan pesakit yang tidak ramai dan kos penyelenggaraan yang tinggi. Manakala, 1 buah Klinik Komuniti telah digabungkan bersama klinik desa dan dinaik taraf perkhidmatan ke klinik kesihatan.

Jadual 5 : Kedatangan ke Klinik Komuniti Negeri Sembilan, 2016 - 2020

Bil.	KKOM	Tahun					Status Terkini
		2016	2017	2018	2019	2020	
1.	KKOM Taman Seremban Jaya	35,373	36,399	34,189	31,701	18,436	Operasi
2.	KKOM Rasah Jaya	35,433	31,200	26,920	23,607	16,328	Operasi
3.	KKOM Taman Semarak Nilai	17,499	17,978	19,720	17,273	8,539	Operasi
4.	KKOM Taman Gadong Indah	16,932	13,429	13,293	10,426	7,724	*Tutup 11/2020 naiktaraf ke KK LBJ*
5.	KKOM Jalan Pantai Sikamat	26,334	27,299	20,722	17,930	10,231	Operasi
6.	KKOM Taman Intan Perdana	14,042	11,181	11,983	8,090	6,880	Operasi
7.	KKOM Taman Cempaka	22,162	20,930	18,822	10,851	7,264	Operasi
8.	KKOM Taman Desa Melang	16,246	15,565	13,287	12,817	8,381	Operasi
9.	KKOM Taman Bukit Mika Seremban	13,361	12,503	10,028	14,201	1,331	*Perancangan tutup pada 1/2021*
10.	KKOM Kota Rembau	13,361	18,309	15,453	12,104	6,355	Operasi
11.	KKOM Gemas Tampin	17,895	17,467	12,136	15,873	8,776	Operasi
12.	KKOM Titi Jelebu	11,620	94,94	8,603	9,895	6,215	Operasi
13.	KKOM Dataran Segar	12,698	10,128	8,382	10,949	-	*Tutup 6/2019*

Bil.	KKOM	Tahun					Status Terkini
		2016	2017	2018	2019	2020	
14.	KKOM Taman Melor Rompin	12,142	12,427	10,630	11,840	6,816	Operasi
15.	KKOM Jasmin Senawang	12,810	13,206	11,917	10,213	2,032	*Perancangan tutup pada 1/2021*
16.	KKOM Kuala Sawah	10,844	12,280	12,773	2,204	9,126	Operasi
17.	KKOM Jasmin Nilai	13,142	13,176	14,969	7,092	7,426	*Perancangan tutup pada 1/2021*
	Jumlah	**301,894**	**292,971**	**263,827**	**227,066**	**117,615**	

PERKHIDMATAN KLINIK BERGERAK NEGERI SEMBILAN

Perkhidmatan Pasukan Klinik Bergerak di Negeri Sembilan telah berjaya diwujudkan di seluruh 7 daerah di Negeri Sembilan. Setiap daerah mempunyai sebuah pasukan Klinik Bergerak kecuali Daerah Jempol yang mempunyai 2 pasukan Klinik Bergerak.

Perkhidmatan Klinik Bergerak ini telah berjaya mencapai objektif perkhidmatannya walaupun pandemik Covid-19 melanda iaitu menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada *Underserved Population.* Perkhidmatan Klinik Bergerak ini masih diteruskan dan diberikan mengikut SOP. Ini dapat dilihat dari jumlah kedatangan pesakit ke perkhidmatan ini seperti di **Jadual 7**.

Perkhidmatan Klinik Bergerak di Negeri Sembilan menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat Orang Asli dan masyarakat di kawasan pedalaman. Sehingga Disember 2020, terdapat 57 dari 68 perkampungan Orang Asli di Negeri Sembilan telah diliputi oleh perkhidmatan Klinik Bergerak.

Jadual 7 : Kedatangan Pelanggan ke Perkhidmatan Klinik Bergerak Mengikut Daerah, 2015 - 2020

Bil.	Pasukan PKD	Tahun / Jumlah					
		2015	2016	2017	2018	2019	2020
1.	PKD Seremban	7,211	7,595	9,937	7,355	6,996	3,790
2.	PKD Kuala Pilah	3,799	3,973	4,855	4,631	6,331	4,174
3.	PKD Jempol	8,881	7,132	7,242	8,904	8,928	4,890
4.	PKD Tampin	2,571	3,894	3,779	3,139	3,123	2,269
5.	PKD Rembau	5,369	5,370	4,266	6,238	5,391	2,008
6.	PKD Port Dickson	2,666	3,167	3,067	3,392	3,933	2,467
7.	PKD Jelebu	6,675	7,806	9,140	8,478	8,273	7,543
	Jumlah	**37,172**	**38,937**	**42,286**	**42,137**	**42,975**	**27,141**

Jadual 7.1 : Penyampaian Perkhidmatan Pasukan Bergerak Orang Asli Di Kawasan Luar Bandar Dan Pedalaman, 2020

Daerah	Klinik Bergerak	Perkampungan OA	Cadangan Kekerapan Lawatan Sebulan	Pencapaian Sebenar Sebulan	Peratus
Jempol	BSJ	Kg. OA Sungai Lui	24	6	25%
		Kg. OA Sungai Sampo	24	17	71%
		Kg. OA Sungai Sot	14	8	57%
Jempol	Bahau	Kampung Sg Kelebang	12	9	75%
		Kampung Lubuk Lawang	22	14	64%
		Kampung Jeram Padang	24	13	54%
		Kampung Sg Raya	24	13	54%
		Kampung Temerom	24	13	54%
		Kampung Batu Peti	24	12	50%
		Kampung Sg Kelai	24	13	54%
		Kampung Lubuk Temenggalan	24	16	67%
		Kampung Panchor	14	10	71%
		Kampung Ayer Persom	12	7	58%
		Kampung Air Kuning	22	20	91%
Jelebu	Jelebu	Kampung Tohor	24	24	91%
		Kampung Bertam	24	24	100%
		Kampung Jeram Lesung	24	24	100%
		Kampung Banner Batinkoh	24	24	100%
		Kampung Putra	24	22	92%
		Kampung Sawah	24	23	96%
		Kampung Parit Gong	24	23	96%
		Kampung Ulu Lakai	24	23	96%
		Kampung Ranggoi	24	24	100%
		Kampung Ulu Kelaka	14	14	100%
		Kampung Renal	11	11	100%
		Kampung Batu Ibong	12	12	100%
Kuala Pilah	Kuala Pilah	Kampung Guntur	12	12	100%
		Kampung Chergun	12	12	100%
		Kampung Bari	12	12	100%
		Kampung Charik	12	12	100%
		Kampung Kelapi	12	12	100%
		Kampung Teriang	12	12	100%
		Kampung Simpang Tering	12	12	100%

KLINIK BERHENTI MEROKOK (KBM)

Klinik Berhenti Merokok merupakan salah satu pengukuhan aktiviti pencegahan di Klinik Kesihatan dijalankan di Negeri Sembilan. Pencapaian Kadar Berhenti Merokok di Klinik Kesihatan adalah merupakan ***Key Performance Indikator*** **(KPI)** Pengarah Kesihatan Negeri dan KPI utama KKM.

Pencapaian Kadar Berhenti Merokok mengikut daerah bagi tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 6**, di mana ianya telah melebihi sasaran kebangsaan yang ditetapkan iaitu 30% sehingga tahun 2020, di mana Negeri Sembilan telah mencapai indikator ini. Pada tahun 2020, KPI telah dinaikkan sasarannya kepada 35%.

Jadual 9 : Pencapaian Kadar Berhenti Merokok di Klinik Kesihatan Mengikut Daerah, 2020

Bil.	PKD	Pencapaian 2020	
1.	Seremban	129/213	60.6%
2.	Port Dickson	12/24	50.0%
3.	Kuala Pilah	28/56	44.6%
4.	Jempol	10/24	41.7%
5.	Jelebu	10/24	41.7%
6.	Tampin	20/34	58.8%
7.	Rembau	20/35	57.1%
Negeri Sembilan		**229/410**	**55.9%**

AKTIVITI PENGUKUHAN KAWALAN INFEKSI

Aktiviti kawalan infeksi telah dapat dilaksanakan di semua fasiliti kesihatan primer. Terdapat dua aktiviti utama yang digariskan di bawah aktiviti kawalan infeksi iaitu:

AUDIT KAWALAN INFEKSI

Bagi tahun 2020, berikutan dengan pandemik Covid-19 bilangan fasiliti audit dikurangkan oleh KKM untuk diaudit pada tahun ini. Bilangan fasiliti yang telah diaudit mengikut kategori fasiliti adalah seperti berikut :

Jenis Fasiliti	Bilangan yang Diaudit (%)
Klinik Kesihatan	10/51(19.6%)
Klinik Desa	5/95(5.3%)
Klinik Komuniti	2/11(18.2%)
Klinik Bergerak	2/8(25%)

Daripada 19 fasiliti yang telah diaudit semua fasiliti melebihi sasaran yang telah ditetapkan oleh KKM (markah < 80 %). Semua mencapai markah > 90 %.

i. HAND HYGIENE COMPLIANCE SURVEY (HHC)

Sebanyak 10 buah klinik telah dipilih untuk *menjalankan Survey HHC* antara bulan September hingga November 2020. Terdapat peningkatan markah audit bagi kategori Pegawai Perubatan iaitu 90.7%, Penolong Pegawai Perubatan 91.3% dan Pembantu Perawatan Kesihatan 88%. Manakala bagi kategori Jururawat kepada 93% dan Jururawat Masyarakat kepada 90%. Markah yang ditetapkan KKM ialah >75%.

TEKNOLOGI MAKLUMAT DI FASILITI KESIHATAN PRIMER

Bagi memastikan perkhidmatan kepada masyarakat berjalan lancar dan berkesan, Unit Kesihatan Primer juga telah memfokuskan untuk menaik taraf sistem teknologi maklumat sebagaimana saranan pihak kementerian. Antaranya membangunkan TPC-OHCIS. Sebanyak 6 buah KK telah terpilih untuk penggunaan sistem ini iaitu KK Seremban, KK Senawang, KK Seremban 2, KK Ampangan, KK Mantin dan KK Sikamat. Sistem ini telah dilaksanakan bermula bulan Mei 2017 dan terus dimantapkan pada tahun 2020 sehingga sekarang.

Sistem Maklumat Rekod Pesakit (SMRP) telah diguna pakai di Klinik Komuniti. Terdapat 16 buah Klinik Komuniti kini juga menggunakan sistem Hi-Data untuk rekod pesakit. Sistem TPC-OHCIS juga akan diperluaskan ke 44 buah klinik kesihatan bermula tahun 2021 selaras dengan perancangan projek rintis EMR kebangsaan yang akan dilaksanakan di Negeri Sembilan. Klinik kesihatan yang telah dikenalpasti kini dalam proses naiktaraf infrastruktur bagi tujuan tersebut.

PERKHIDMATAN PENJAGAAN LUKA *(MODERN WOUND DRESSING)*

Pada tahun 2018, perkhidmatan penjagaan luka di fasilti kesihatan primer telah diperkukuhkan lagi dengan perlaksanaan perkhidmatan penjagaan luka **(*modern wound dressing*)** yang lebih berkesan. Arahan Pelaksanaan Penubuhan Pasukan Luka di Klinik Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia ini dikeluarkan pada 23 Oktober 2017 sebagai tambahan kepada pekeliling berkaitan sedia ada.

Pada tahun 2020 sebanyak 47 buah Klinik Kesihatan telah menjalankan program ini. Sejumlah 114,508 luka telah dirawat sepanjang tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, seramai 98,446 (86%) telah dirawat menggunakan *modern wound dressing.*

Pada tahun 2020 juga telah diwujudkan ***Excellent Wound Care Centre*** (EWCC) yang terletak di Klinik Kesihatan Senawang. Selain memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan, EWCC juga menjadi tempat menjalani latihan secara sangkutan bagi pegawai-pegawai dari klinik kesihatan lain yang berminat.

Latihan dijalankan selama 2 minggu dan peserta dilatih menggunakan 10 modul yang telah ditetapkan. Selain dari itu, EWCC ini juga sering dikunjungi oleh pegawai dari negeri lain sama ada untuk lawatan sambil belajar atau menjalani latihan sangkutan di EWCC ini.

PROGRAM BEBAS KESAKITAN (*PAIN FREE PROGRAM*) DI KESIHATAN PRIMER

Program Bebas Kesakitan *(Pain Free Program*) di Klinik Kesihatan Negeri Sembilan telah dimulakan pada Julai 2018 dengan skop *Pain As 5th Vital Sign*.

Di Negeri Sembilan klinik yang telah terlibat mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah	Klinik Kesihatan Terlibat
Seremban	KK Mantin
Kuala Pilah	KK Kuala Pilah
Jempol	KK Bandar Seri Jempol
Tampin	KK Tampin
Rembau	KK Rembau
Port Dickson	KK Lukut
Jelebu	KK Jelebu

Bagi mengukuhkan dan mempeluaskan program ini di klinik kesihatan disasarkan semua klinik kesihatan dengan perkhidmatan pakar perubatan keluarga menjalankan skop *Pain As 5th Vital Sign* mulai tahun 2019.

Sehubungan itu, klinik kesihatan tambahan yang akan menjalankan skop *Pain As 5th Vital Sign* bagi tahun 2020 adalah seperti berikut :

Daerah	Klinik Kesihatan Terlibat
Seremban	1. KK Seremban
	2. KK Seremban 2
	3. KK Nilai
	4. KK Ampangan
	5. KK Sikamat
	6. KK Senawang
	7. KK Rantau
Kuala Pilah	8. KK Juasseh
	9. KK Kuala Pilah
Jempol	10. KK Bahau
	11. KK BSJ
Tampin	12. KK Gemas
	13. KK Tampin
Port Dickson	14. KK Port Dickson
	15. KK Lukut
Rembau	16. KK Rembau
Jelebu	17. KK Jelebu

Bilangan keseluruhan Klinik Kesihatan yang menjalankan perkhidmatan Program Bebas Kesakitan (Pain Free Program) dengan skop Pain As 5th Vital Sign sehingga 2020 adalah 17 klinik kesihatan.

PELAKSANAAN NORMA BARU BAGI PENGOPERASIAN FASILITI KESIHATAN PRIMER KKM SELARAS DENGAN WABAK PANDEMIK COVID-19

Negeri Sembilan telah melaksanakan norma-norma baru dalam perkhidmatan Kesihatan Primer selaras dengan arahan KKM pada Julai 2020.

Antara norma baru yang dilaksanakan pada tahun 2020 :

1. Pelaksanaan sistem syif di Klinik Kesihatan Seremban bagi mengurangkan kesesakan pesakit.
2. Sistem temujanji di klinik kesihatan sama ada secara manual atau *Online Appointment System (OAS)* di klinik kesihatan yang dikenalpasti.
3. Memperkukuhkan *primary triage* bagi saringan awal pesakit dan pelanggan yang hadir ke klinik dan mewajibkan *QR-Code* di setiap fasiliti kesihatan.
4. Pelaksanaan konsultasi pesakit melalui teknologi digital seperti *Virtual Clinic* di beberapa klinik kesihatan terpilih.

Di samping itu, amalkan prinsip asas norma baharu di kalangan anggota kesihatan sentiasa dipraktikkan bagi mengekang penularan pandemik di fasiliti kesihatan samada di kalangan pesakit ataupun anggota kesihatan.

KESIMPULAN

Perkhidmatan Kesihatan Primer telah melalui fasa pengukuhan pada tahun 2020, di mana fokus utama adalah mengoptimisasikan sumber sedia ada untuk memastikan perkhidmatan dapat diberikan dengan kualiti yang lebih baik. Perkhidmatan kesihatan Primer juga sentiasa konsisten dengan keperluan masalah kesihatan semasa sepertimana kini negara sedang menghadapi pandemik Covid-19.

2.4 UNIT PENYAKIT BERJANGKIT

PENGENALAN

Kawalan dan pencegahan penyakit berjangkit telah bermula di Malaysia sejak tahun 1961 lagi. Ia diwujudkan bagi memastikan setiap kejadian penyakit berjangkit dapat dikesan segera dan disusuli dengan tindakan kawalan dan pencegahan serta-merta.

Pemantauan kejadian penyakit berjangkit adalah berdasarkan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Penyakit berjangkit yang perlu dilaporkan adalah seperti yang tersenarai di dalam Jadual I dan Jadual II akta tersebut. Selain senarai tersebut, terdapat beberapa penyakit yang dikelaskan sebagai *emerging* dan *re-emerging disease* yang perlu dilaporkan jika ia ditemui.

Pemantauan penyakit berjangkit di negara ini dipantau melalui satu sistem survelan yang terdiri daripada *Mandatory Disease Notification* menggunakan sistem e-notifikasi, *Clinical Based Surveillance* (HFMD, AFP), *Laboratory Based Surveillance, Community Based Surveillance* dan Survelan yang dilakukan oleh agensi lain seperti FOMEMA dan Jabatan Veterinar.

OBJEKTIF

Objektif Umum
Untuk mengurangkan kadar kematian (mortaliti) dan kejadian (morbiditi) yang disebabkan oleh Penyakit Berjangkit.

Objektif Khusus
- Untuk mengurangkan kadar kematian (mortaliti) dan kejadian (morbiditi) yang disebabkan oleh Penyakit Berjangkit.
- Untuk memantau kejadian dan corak epidemiologi Penyakit Berjangkit bagi meramal serta mengesan kejadian awal wabak Penyakit Berjangkit.
- Untuk melaksanakan tindakan pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit.
- Untuk melaksanakan tindakan aktif semasa wabak.
- Untuk mencegah kejadian penyakit berjangkit dari peringkat awal supaya tidak menjadi masalah kepada kesihatan awam.

PENCAPAIAN PROGRAM PENYAKIT CEGAHAN VAKSIN

PROGRAM ERADIKASI POLIO KEBANGSAAN

Malaysia telah mendapat status bebas penyakit yang disebabkan oleh *Wild Polio Virus* pada 20 Oktober 2000. Bagi mengekalkan status tersebut, setiap negara haruslah memastikan kualiti survelan kes *Acute Flaccid Paralysis* (AFP) pada tahap yang tinggi seperti yang ditunjukkan pada **Jadual 1** dan semua indikator yang dipantau telah dicapai.

Jadual 1: Indikator Program Eradikasi Polio Kebangsaan

Bil.	Indikator	Sasaran	Pencapaian 2020
1.	Kes AFP bukan polio bagi setiap 100,000 penduduk berumur bawah 15 tahun	1 kes per 100,000 (6 kes)	3/100,000 penduduk 3 kes
2.	Peratusan kes AFP disiasat dalam tempoh 48 jam dari tarikh notifikasi	Lebih daripada 80%	100 % (3 kes)
3.	Peratusan kes AFP dengan 2 sampel najis yang "adequate" yang diambil selang 24 jam	Lebih daripada 80%	100% (3 sampel)
4.	Peratusan kes AFP lawatan susulan dibuat pada 60 daripada tarikh onset paralysis	Lebih daripada 80%	100% (3 kes)
5.	Peratusan kes AFP yang telah diklasifikasikan selepas 90 hari daripada tarikh onset paralysis	Lebih daripada 80%	100% (3 kes)

Jumlah Penduduk bawah 15 tahun : 99,700 orang

PROGRAM ELIMINASI MEASLES KEBANGSAAN

Pada tahun 2020, sebanyak 238 kes disyaki Measles telah dilaporkan di mana sebanyak 11 kes telah disahkan IgM Measles Detected, berbanding 2019 sebanyak 432 kes disyaki Measles telah dilaporkan di mana sebanyak 22 kes disahkan IgM Measles Detected.

Jadual 2: Pencapaian Indikator Program Eliminasi Measles

Bil.	Indikator	Sasaran	Pencapaian
1.	Kes yang disahkan measles	<1/1juta penduduk	9 /1 juta penduduk (11 kes)
2.	Kes bukan measles yang disyaki measles dilaporkan	≥ 2/100,000	20/100,000 penduduk (238 kes)
3.	Kes dinotifikasi dalam tempoh 24 jam	≥ 80%	99.6% (237 kes)
4.	Siasatan kes dilakukan dalam tempoh 48 jam	≥ 80%	95% (226 kes)
5.	Penghantaran sampel darah untuk ujian serologi dalam tempoh 28 hari daripada tarikh ruam	≥ 80%	99 % (235 sampel)

***** Analisa menggunakan database daripada eMeasles (SM2)
Jumlah Penduduk : 1,174,300 orang

LAIN-LAIN PENYAKIT CEGAHAN VAKSIN

Penyakit cegahan vaksin yang dilaporkan pada tahun 2020 ialah kes Hepatitis B sebanyak 177 kes dilaporkan pada tahun tersebut.

PENYAKIT BERJANGKIT MELALUI AIR DAN MAKANAN

Episod Keracunan Makanan

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 10 episod keracunan makanan telah dilaporkan berbanding 24 episod pada tahun 2019. Sebanyak lima (5) episod kejadian keracunan makanan berulang berlaku di Depot Tahanan Lenggeng, Negeri Sembilan pada tahun 2020. Semua episod telah dapat dikawal tanpa berlaku sebarang kematian.

Penyakit-Penyakit Bawaan Air dan Makanan Yang Lain

Penyakit lain yang dilaporkan adalah dua (2) kes Hepatitis A dan 22 kes Dysentry didaftarkan pada tahun 2020. Tiada kes kolera dilaporkan.

SURVELANS PENYAKIT BERJANGKIT

Penyakit Kaki, Tangan dan Mulut (HFMD)

Daerah	Kumulatif Hingga Minggu 53/2020	Kumulatif Hingga Minggu 52/2019	% Penurunan / Peningkatan Kes
Seremban	521	936	-44.3
Port Dickson	54	56	-3.6
Jempol	40	134	-70.1
Tampin	40	124	-67.7
Kuala Pilah	69	92	-25.0
Rembau	50	84	-40.5
Jelebu	10	87	-88.5
Negeri Sembilan	**784**	**1,513**	**-48.2**

Sepanjang tahun 2020, berlaku penurunan kes HFMD di Negeri Sembilan iaitu sebanyak 784 kes didaftarkan pada tahun 2020 berbanding 1,513 kes pada tahun 2019. Penurunan kes sebanyak 48.2%. Penurunan kes yang ketara berlaku di seluruh negara disebabkan berlakunya pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memutuskan rantaian penularan penyakit ini kepada individu lain.


BILANGAN KES YANG DIDAFTARKAN DI NEGERI SEMBILAN, 2016 - 2020

DIAGNOSIS	2016	2017	2018	2019	2020	JUMLAH
HFMD	1,382	918	3,128	1,513	784	7,725
Food poisoning	872	1,059	714	717	1,279	4,641
Viral hepatitis	472	532	523	531	465	2,523
Leptospirosis	169	219	308	357	221	1,274
Pertussis	14	8	19	13	0	54
Typhoid / Paratyphoid	2	5	0	2	0	9
Dysentry	1	4	2	7	0	14
Diphteria	5	2	0	0	0	7
Viral Encephalitis	3	1	1	2	0	7
Tetanus	0	1	0	1	0	2
Typhus	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	**4,936**	**4,766**	**6,713**	**5,162**	**4,769**	**16,256**

SURVELANS PENYAKIT BERJANGKIT

Survelans ILI

Graf 1: Trend Kadar Konsultasi ILI, 2019 - 2020



Sepanjang tahun 2020, berlaku penurunan kes ILI di Negeri Sembilan. Penurunan kes yang ketara berlaku di seluruh negara disebabkan Pandemik Covid-19.

KESIMPULAN

Penurunan kes yang ketara berlaku di seluruh negara disebabkan berlakunya pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memutuskan rantaian penularan penyakit ini kepada individu lain. Namun begitu, bagi tahun 2020 Negeri Sembilan telah mencatatkan sebanyak 8,010 kes.

2.5. PENCEGAHAN DAN KAWALAN TIBI / KUSTA

PENGENALAN

Program Kawalan Tibi Kebangsaan telah dilancarkan pada tahun 1961 sebagai program vertikal. Pada tahun 1995, program ini telah diintegrasikan ke Perkhidmatan Kesihatan Awam (Bahagian Kawalan Penyakit), Kementerian Kesihatan Malaysia.

Penekanan adalah diberikan terutamanya di dalam pengesanan kes, mencari kes tercicir rawatan dan memastikan kes tersebut menerima rawatan semula sehingga sembuh sepenuhnya. Malaysia komited bagi melaksanakan *The End TB Strategy* yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi menamatkan Tibi Epidemik menjelang tahun 2035.

Strategi ini mensasarkan penurunan kes sebanyak 90% dan penurunan bilangan kematian disebabkan oleh penyakit Tibi sebanyak 95% berbanding tahun 2015. Seterusnya mencapai eliminasi Tibi pada tahun 2050 dengan kadar insiden satu kes Tibi bagi setiap sejuta penduduk.

Unit Tibi/ Kusta Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan bertanggungjawab dalam melaksana dan memantau aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit Tibi dan Kusta di Negeri Sembilan.

VISI

Menjadikan Negeri Sembilan sebagai sebuah negeri yang bebas dari penyakit Tibi dan Kusta

MISI

- Melakukan pengesanan awal penyakit Tibi dan Kusta melalui saringan yang berterusan.
- Menyediakan perkhidmatan rawatan Tibi dan Kusta yang berkesan serta mesra pelanggan di klinik-klinik dan hospital-hospital kerajaan.
- Melaksanakan pendekatan baru DOTS dan MDT.
- Menyediakan perkhidmatan ujian makmal Tibi dan Kusta yang cepat, tepat dan berkualiti.
- Memastikan setiap rakyat tempatan mendapat imunisasi BCG bermula pada peringkat umur terawal.

OBJEKTIF PROGRAM


- Meningkatkan pengesanan kes melalui pengukuhan aktiviti saringan terutama di kalangan kumpulan berisiko tinggi Tibi.
- Memastikan pengurusan kawalan Tibi yang berkualiti melalui pemantauan kes, pengesanan kes cicir dan memastikan kes sukses rawatan.
- Memberi perlindungan kepada kanak-kanak daripada penyakit Tibi yang teruk melalui pelalian BCG.

PENCAPAIAN PROGRAM KAWALAN TIBI


PROGRAM SURVEILAN TIBI

Bilangan kes Tibi berdaftar di Negeri Sembilan pada tahun 2020 adalah sebanyak 572 kes, penurunan sebanyak 13.3% berbanding dengan kes Tibi pada tahun 2019. Kadar Notifikasi Tibi juga menunjukkan penurunan daripada 57/100,000 penduduk pada tahun 2019 kepada 48.7/100,000 penduduk pada tahun 2020. Kadar Insiden Tibi (Kes Baru dan Berulang) pada tahun 2020 ialah 47.2 per 100,000 penduduk, menurun berbanding dengan kadar pada tahun 2019 iaitu 54.8 per 100,000 penduduk. Rujuk **Graf 1** dan **Graf 2**.

Graf 1 : Jumlah Kes Tibi dan Kadar Notifikasi Tibi di Negeri Sembilan, 2014 - 2020



Graf 2: Jumlah Kes Tibi dan Kadar Insiden Tibi di Negeri Sembilan, 2012 - 2020



Jika dilihat dari segi kategori kes, 91.8% (525) dari kes Tibi yang dikesan untuk tahun 2020 adalah merupakan kes baru, 5.1% (29) adalah kes Tibi Berulang, 1.7% (10) Kes Tibi Setelah Gagal Rawatan dan 1.4% (8) Tibi Setelah Terhenti Rawatan.

Daerah Seremban mencatatkan bilangan kes Tibi tertinggi di Negeri Sembilan pada tahun 2020 dengan jumlah 308 kes (53.8%), diikuti oleh daerah Port Dickson 62 kes (10.8%), Jempol 61 kes (10.7%), Tampin 50 kes (8.7%), Kuala Pilah 47 kes (8.2%), Rembau 29 kes (5.1%) dan Jelebu 15 kes (2.6%).

Berdasarkan sub-diagnosa, di Negeri Sembilan terdapat sebanyak 348 kes Pulmonary TB (PTB) Kahak Positif (61.0%), 94 PTB Kahak Negatif (16.4%),1145 Extrapulmonary TB (20.1%) dan 14 Drug Resistant TB (2.4%).

Kes Tibi di Negeri Sembilan didominasi oleh golongan warganegara iaitu sebanyak 537 kes (93.9%) dan selebihnya oleh bukan warganegara sebanyak 35 kes (6.1%). Perincian kes Tibi bukan warganegara adalah berikut: Myanmar 11 kes (31.4%), Indonesia 8 kes (22.9%), Nepal 7 kes (20.0%), Bangladesh 3 kes (8.6%), India 3 kes (8.6%), Pakistan 1 kes (2.9%), Philipine 1 kes (2.9%) dan Vietnam 1 kes (2.9%).

KES TIBI ANGGOTA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Anggota kesihatan adalah antara yang berisiko dijangkiti Tibi di sepanjang perkhidmatan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Bilangan kes Tibi di kalangan anggota kesihatan KKM bagi tahun 2020 adalah sebanyak 8 kes (1.4% dari jumlah kes Tibi 2020) yang melibatkan 2 Pegawai Perubatan, 2 Penolong Pegawai Perubatan, 1 Jururawat Terlatih, 1 Juruteknologi Makmal Perubatan, 1 Jurupulih Anggota dan 1 Pembantu Perawatan Kesihatan.

Kes Tibi Kanak-Kanak

Kes Tibi kanak-kanak didefinisikan sebagai kes Tibi di kalangan kanak-kanak yang berusia dari lahir sehingga ke umur 14 tahun. Pada tahun 2020, terdapat 11 kes Tibi kanak-kanak di Negeri Sembilan. Jika dilihat dari segi subdiagnosa, 6 kes Tibi kanak-kanak tersebut merupakan kes Extra Pulmonari Tibi, 4 Tibi Pulmonari Kahak Negatif dan 1 kes Tibi Pulmonari Kahak Positif.

Kes Tibi Co-Morbid HIV

Terdapat sebanyak 31 Kes Tibi co-morbid HIV pada tahun 2020 yang menyumbang sebanyak 5.4% dari keseluruhan kes Tibi di Negeri Sembilan. Daripada 31 kes, 29 kes merupakan kes yang telah diketahui status HIV sebelum didiagnosa Tibi, manakala 2 kes status HIV diketahui selepas didiagnosa Tibi. Dari 31 kes TB co-morbid HIV, 58.1% dari kes TB co-morbid HIV adalah di daerah Seremban, 19.4% di daerah Port Dickson, 12.9% di daerah Jempol dan 3.2% masing-masing di daerah Jelebu, Rembau dan Tampin.

PROGRAM HASIL RAWATAN TIBI

Pesakit Tibi akan dipantau selama 6 sehingga 12 bulan sepanjang menerima rawatan. Bagi tahun 2020, seramai 465 daripada 523 orang kes Tibi yang berdaftar pada tahun 2019 telah sembuh dan sempurna rawatan. Ini menyumbang kepada Kadar Sukses Rawatan Tibi bagi warganegara untuk tahun 2020 sebanyak 88.9%. Bagi kes Tibi bukan warganegara, seramai 18 daripada 23 orang telah sembuh dan sempurna rawatan. Ini menyumbang kepada Kadar Sukses rawatan Tibi bagi bukan warganegara sebanyak 78.3%.

Terdapat seramai 56 (9.7%) pesakit Tibi meninggal dunia semasa dalam menerima rawatan Tibi pada tahun 2020. Dari jumlah ini, hanya seramai 11 (19.6%) orang telah disahkan kematian disebabkan Tibi, 30 (53.6%) orang telah disahkan kematian bukan disebabkan Tibi dan selebihnya 15 (26.8%) orang masih belum disahkan sebab kematian yang perlu dijalankan melalui Mesyuarat Kematian Tibi Daerah.

PROGRAM PELALIAN BCG

Pencapaian Pelalian BCG Bagi Bayi Baru Lahir

Pada tahun 2020, seramai 17,380 kelahiran yang melibatkan hospital kerajaan, swasta dan klinik kerajaan. Seramai 17,251 telah diberikan suntikan pelalian BCG mengikut rekod dari TBIS 203 A. Liputan pelalian BCG bagi Negeri Sembilan untuk tahun 2020 adalah 99.2%. Data berkaitan liputan pelalian BCG bayi baru lahir (sehingga umur < 3 bulan) 2020 (Januari-Disember) bagi Negeri Sembilan melibatkan semua bayi warganegara dan juga bukan warganegara.

Jumlah bayi yang tidak diberi pelalian BCG adalah seramai 129 orang (43 orang meninggal dunia, 35 orang enggan dan seramai 51 orang yang perlukan tindak susul rawatan seterusnya berikutan kes menerima rawatan lanjut di SCN).
Terdapat seramai 35 (0.2%) orang bayi yang tidak menerima pelalian BCG disebabkan penjaga enggan bayi disuntik vaksin tersebut. Antara alasan yang diberikan untuk keengganan tersebut adalah seperti berikut :

i) Meragui kandungan vaksin seramai 16 orang.
ii) Mengambil rawatan alternatif / homeopathi seramai 10 orang.
iii) Mempunyai alasan peribadi seramai 9 orang.

PROGRAM SARINGAN TIBI DI NEGERI SEMBILAN

Bagi mengukuhkan program Tibi di Negeri Sembilan, saringan penyakit Tibi dijalankan secara menyeluruh di semua klinik kesihatan dan hospital. Terdapat tiga jenis saringan utama dijalankan di Negeri Sembilan iaitu :

a) Saringan Makmal Tibi di klinik kesihatan dan hospital.
   i) Saringan di Jabatan Pesakit Luar menggunakan *Direct Smear Sputum Microscopy (DSSM) Acid Fast Bacilli* (AFB) semua klinik kesihatan dengan sasaran 5% dari jumlah kedatangan pesakit luar dengan simptom respiratori pada tahun 2019.
   ii) Saringan Tibi di hospital menggunakan *Direct Smear Sputum Microscopy (DSSM) Acid Fast Bacilli* (AFB) dengan sasaran 10% dari jumlah kemasukan pesakit baru dan kedatangan klinik pakar pada tahun 2019.
   iii) Pendiagnosan Tibi menggunakan Kaedah Genexpert.

b) Saringan golongan berisiko tinggi dijangkiti Tibi di klinik dan hospital dengan menggunakan X-Ray Dada.

c) Program Saringan dan Kesedaran Tibi di Komuniti.

Saringan Makmal Tibi di Klinik Kesihatan dan Hospital Kerajaan

Direct Smear Sputum Microscopy (DSSM)
Bagi tahun 2020 terdapat sebanyak 9,831 pesakit di Jabatan Pesakit Luar di semua klinik kesihatan di Negeri Sembilan telah disaring dengan kaedah ini berbanding 15,608 pada tahun 2019 (penurunan sebanyak 37%). Didapati 181 dari pesakit tersebut telah didapati positif Tibi dan menerima rawatan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

Saringan Tibi menggunakan sampel kahak juga telah dijalankan di semua hospital di Negeri Sembilan pada tahun 2020 di mana telah menyaring sebanyak 2,487 pesakit dan 377 telah didapati positif Tibi dan menerima rawatan. Secara keseluruhannya fasiliti kesihatan di Negeri Sembilan telah menyaring 1,049/100,000 penduduk dengan kaedah Direct Smear Sputum Microscopy.

Pendiagnosan Tibi menggunakan Genexpert MTB/RIF Assay
Pada tahun 2020 sebanyak 395 ujian Genexpert MTB/RIF Assay telah dijalankan di Hospital Tuanku Ja'afar Seremban. Ujian yang dijalankan adalah melibatkan sebanyak 215 spesimen Pulmonary dan 180 adalah spesimen Extrapulmonary. Dari 215 spesimen Pulmonary itu, Mycobaterium Tuberculosis Complex telah dikesan pada 60 (27.9%) spesimen tersebut dan 5 daripadanya adalah rentan terhadap Rifampicin. Bagi spesimen Extrapulmonary, 19(10.6%) spesimen telah dikesan memiliki Mycobaterium Tuberculosis Complex dan 2 daripadanya adalah rentan terhadap Rifampicin.

Saringan Golongan Berisiko Tinggi Tibi

Terdapat 13 golongan berisiko tinggi dijangkiti Tibi yang perlu disaring di komuniti. Golongan ini adalah seperti senarai di bawah :

i) Kontak pesakti Tibi
ii) Pesakit HIV
iii) Penghuni Penjara
iv) Penghuni CCRC/ PUSPEN
v) Pesakit Warga Emas
vi) Penghuni Rumah Warga Emas
vii) Pesakit End Stage Renal Failure yang menjalani Dialysis
viii) Pesakit Diabetes Mellitus
ix) Pesakit Chronic Obstructive Pulmonary Disease
x) Pesakit Klinik Methadone
xi) Pesakit Klinik Berhenti Merokok
xii) Pesakit Rheumatoid Arthritis yg menerima rawatan anti TNF
xiii) Anggota KKM

Bagi tahun 2020, seramai 19,314 pesakit berisiko tinggi dijangkiti Tibi telah disaring di Negeri Sembilan dan 110 (0.6%) darinya telah dikesan menghidap Tibi. Golongan yang mempunyai *yield* tertinggi semasa saringan adalah di kalangan penghuni penjara dan pesakit HIV. Bagi penghuni penjara, 19 (23%) dari 83 adalah positif Tibi dan bagi pesakit HIV, seramai 7(9%) orang dari 79 yang disaring adalah positif Tibi.

Program Saringan Tibi di Komuniti

Saringan Tibi di komuniti juga dijalankan di Negeri Sembilan dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat setempat berkaitan penyakit Tibi dan pergi mendapatkan rawatan awal di mana-mana klinik kesihatan di negeri ini.


Terdapat sebanyak 32 aktiviti kesedaran dan saringan Tibi telah dijalankan di Negeri Sembilan di sepanjang tahun 2020. Pecahan aktiviti mengikut daerah adalah seperti di bawah :

i) Jelebu 7 aktiviti
ii) Jempol 4 aktiviti
iii) Kuala Pilah 3 aktiviti
iv) Port Dickson 6 aktiviti
v) Rembau 4 aktiviti
vi) Seremban 5 aktiviti
vii) Tampin 3 aktiviti

PENCAPAIAN PROGRAM KAWALAN KUSTA

Pada tahun 2020, sebanyak 3 kes Kusta telah dilaporkan di kalangan warganegara Malaysia. Daripada 3 kes yang dilaporkan, 2 adalah kes baru dan 1 adalah kes berulang. Jenis kusta yang dikesan adalah 2 kes Multibacillary (*Lepromatous*) dan 1 kes Paucibacillary. Tiada kes Kusta dengan Kecacatan Gred 2 dilaporkan bagi kesemua kes kusta tahun 2020. 3 kes tersebut dirawat di Klinik Dermatologi, Hospital Tuanku Jaafar, Seremban.

Rajah 3: Bilangan Kes Kusta Dan Kadar Insiden Mengikut Daerah di Negeri Sembilan, 2015-2020



	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Kes Kusta Baru	2	4	7	5	3	2
Kadar Insiden	0.18	0.36	0.62	0.44	0.26	0.17

Jadual 8 : Pencapaian Program Kawalan Kusta Tahun, 2020

Bil	Perkara	Sasaran	Pencapaian
1.	Kadar Sempurna Rawatan Kusta PB/Kes Baru/Kohort 2019 = 0 kes MB/Kes Baru/Kohort 2018= 3 kes	≥80%	66.7% (2/3) (2 kes sempurna rawatan, 1 pindah keluar negara)

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Jumlah Peserta
1.	Kursus Latihan Siasatan dan Pengurusan Wabak Tibi Peringkat Negeri Sembilan	29/01/2020	Dewan Sri Merbau, JKN Negeri Sembilan	55
2.	Kursus Updates In Tuberculosis dan Latent Tuberculosis Infection (LTBI) Untuk Pakar Perubatan Keluarga dan Pegawai Perubatan Peringkat Negeri Sembilan	25/02/2020	Dewan Sri Merbau, JKN Negeri Sembilan	60
3.	Kursus Kawalan dan Pengurusan Penyakit Tibi untuk Paramedik Peringkat Negeri Sembilan	05/03/2020	Dewan Sri Merbau, JKN Negeri Sembilan	82
4.	Taklimat Pelaksanaan Ujian Saringan Tibi dengan Kaedah Interferon Gamma Release Assay (IGRA) bagi Program Kawalan Tibi Kebangsaan Peringkat Negeri Sembilan	07/09/2020	Auditorium Kolej Pembantu Perubatan Seremban	80
5.	Bengkel Kemaskini Data MYTB bagi Daerah Seremban Bil.1/2020	29/09/2020	Makmal ICT, Klinik Kesihatan Rasah	22
6.	Road Tour Taklimat Saringan Tibi Menggunakan Kaedah IGRA di Pejabat Kesihatan Daerah Tampin	28/09/2020	Pejabat Kesihatan Daerah Tampin	32

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Jumlah Peserta
7.	Kursus Road Tour Perlaksanaan Ujian Saringan Latent Tibi Dengan Kaedah Interferon Gamma Release Assay (IGRA) Bagi Program Kawalan Tibi Kebangsaan Peringkat Daerah Rembau	20/10/2020	Bilik Latihan Pejabat Kesihatan Daerah Rembau	28
8.	Kursus Road Tour Perlaksanaan Ujian Saringan Latent Tibi Dengan Kaedah Interferon Gamma Release Assay (IGRA) Bagi Program Kawalan Tibi Kebangsaan Peringkat Daerah Port Dickson	28/10/2020	Bilik Mesyuarat Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson	20
9.	Kursus Road Tour Perlaksanaan Ujian Saringan Latent Tibi Dengan Kaedah Interferon Gamma Release Assay (IGRA) Bagi Program Kawalan Tibi Kebangsaan Peringkat Daerah Seremban	01/10/2020	Klinik Kesihatan Nilai	44
10.	Kursus Asas Mikroskopik Acid Fast Bacilli (AFB) Kaedah Flourescence Untuk Juruteknologi Makmal Perubatan Peringkat Negeri Sembilan	17-18/10/2020	Bilik Mesyuarat Aras 1, Klinik Kesihatan Nilai	22
11.	Kursus Road Tour Perlaksanaan Ujian Saringan Latent Tibi Dengan Kaedah Interferon Gamma Release Assay (IGRA) Bagi Program Kawalan Tibi Kebangsaan Peringkat Daerah Jempol	4/11/2020	Bilik Mesyuarat Aras 1, Pejabat Kesihatan Daerah Jempol	30

LAMPIRAN AKTIVITI YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2020

Kursus Road Tour Perlaksanaan Ujian Saringan Latent Tibi Dengan Kaedah Interferon Gamma Release Assay (IGRA) Bagi Program Kawalan Tibi Kebangsaan Peringkat Negeri Sembilan di Auditorium PPP Seremban





Kursus Road Tour Perlaksanaan Ujian Saringan Latent Tibi Dengan Kaedah Interferon Gamma Release Assay (IGRA) Bagi Program Kawalan Tibi Kebangsaan Peringkat Daerah Tampin





Kursus Road Tour Perlaksanaan Ujian Saringan Latent Tibi Dengan Kaedah Interferon Gamma Release Assay (IGRA) Bagi Program Kawalan Tibi Kebangsaan Peringkat Daerah Seremban





Kursus Mikroskopi AFB Kaedah FM di Klinik Kesihatan Nilai pada 17 - 18.10.2020





Kursus Road Tour Perlaksanaan Ujian Saringan Latent Tibi Dengan Kaedah Interferon Gamma Release Assay (IGRA) Bagi Program Kawalan Tibi Kebangsaan Peringkat Daerah Kuala Pilah





Kursus Road Tour Perlaksanaan Ujian Saringan Latent Tibi Dengan Kaedah Interferon Gamma Release Assay (IGRA) Bagi Program Kawalan Tibi Kebangsaan Peringkat Daerah Jelebu





Kursus Road Tour Perlaksanaan Ujian Saringan Latent Tibi Dengan Kaedah Interferon Gamma Release Assay (IGRA) Bagi Program Kawalan Tibi Kebangsaan Peringkat Daerah Rembau





Kursus Road Tour Perlaksanaan Ujian Saringan Latent Tibi Dengan Kaedah Interferon Gamma Release Assay (IGRA) Bagi Program Kawalan Tibi Kebangsaan Peringkat Daerah Port Dickson pada 28 Okt 2020





Kursus Road Tour Perlaksanaan Ujian Saringan Latent Tibi Dengan Kaedah Interferon Gamma Release Assay (IGRA) Bagi Program Kawalan Tibi Kebangsaan Peringkat Daerah Jempol pada 4 Nov 2020









2.6 PROGRAM KAWALAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT

PENGENALAN

Program Pencegahan dan Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (PTB) mula dilaksanakan di seluruh Negeri Sembilan mulai tahun 1988. Di peringkat negeri, program ini dirancang, di pantau dan diselia oleh Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (PTB), Jabatan Kesihatan Negeri, manakala di peringkat daerah, program ini adalah di bawah pengurusan dan penyeliaan Pegawai Kesihatan Daerah dan Pengarah Hospital.

Unit ini terbahagi kepada 3 Sub Unit utama, iaitu :
1. Sub Unit Kawalan Penyakit Diabetes, Hipertensi dan Kardiovaskular.
2. Sub Unit Kesihatan Mental, Penyalahgunaan Substans, Keganasan dan Kecederaan (MeSVIPP) dan Kanser.
3. Sub Unit Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) dan Kawalan Hasil Tembakau.

OBJEKTIF UMUM

Untuk mengurangkan kadar penyakit (*morbidity*) dan kematian (*mortality*) yang disebabkan oleh faktor risiko atau penyakit tidak berjangkit yang disebabkan oleh persekitaran dan cara hidup yang tidak sihat, dan seterusnya mewujudkan masyarakat yang sihat di Negeri Sembilan.

OBJEKTIF KHUSUS

i. Untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran anggota kesihatan dan masyarakat umum mengenai faktor-faktor risiko PTB akibat keadaan dan cara hidup yang tidak sihat.
ii. Untuk menyediakan perkhidmatan saringan PTB (seperti saringan kardiovaskular, saringan diabetes) untuk mengesan PTB di peringkat awal.
iii. Untuk menjalankan perkhidmatan intervensi ke atas kumpulan berisiko tinggi / *pre-morbid*.
iv. Untuk mempromosi dan menanam tabiat sentiasa mengamalkan cara hidup yang sihat di kalangan masyarakat.
v. Untuk menggalakkan kerjasama dan penglibatan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam mengawal PTB.

PROGRAM PENCEGAHAN DAN KAWALAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT

Program-program Pencegahan dan Kawalan PTB yang telah dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, dan dilaksanakan di Negeri Sembilan ialah :
1. Program Pencegahan dan Kawalan Penyakit Diabetes dan Kebutaan
2. Program Pencegahan dan Kawalan Penyakit Kardiovaskular
3. Program Pencegahan dan Kawalan Hipertensi dan Strok
4. Program Pencegahan dan Kawalan Kesihatan Mental
5. Program Pencegahan dan Kawalan Kanser
6. Program Pencegahan dan Kawalan Penyalahgunaan Substan
7. Program Pencegahan dan Kawalan Keganasan dan Kecederaan
8. Program Pencegahan dan Kawalan Hasil Tembakau
9. Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN)

Pelaksanaan aktiviti pencegahan dan kawalan PTB di Negeri Sembilan dijalankan secara integrasi antara beberapa bahagian dan unit di Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, iaitu :

1. Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (penggubal dasar dan pemantau)
2. Unit Penjagaan Kesihatan Primer (pelaksana Bahagian Kesihatan Awam)
3. Hospital (pelaksana Bahagian Perubatan)
4. Unit Promosi Kesihatan (pelaksana aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan)
5. Unit Pemakanan (pelaksana aktiviti pemakanan)
6. Unit Inspektorat dan Penguatkuasaan (pelaksana aktiviti penguatkuasaan)

STRATEGI

Berdasarkan Pelan Strategi Penyakit Tidak Berjangkit Kebangsaan (*National Strategic Plan for Non-Communicable Diseases NSPNCD*), pencegahan dan kawalan PTB dilaksanakan melalui pendekatan berikut :

i. Pencegahan dan Promosi Kesihatan
ii. Rawatan Klinikal
iii. Pemerkasaan pesakit
iv. Kolaborasi bersama NGO, badan-badan profesional dan lain-lain pihak yang berkaitan
v. Pemantauan, penyelidikan dan survelan
vi. Bina insan (*capacity building*)
vii. Intervensi polisi dan peraturan-peraturan

Aktiviti promosi, pendidikan kesihatan, pemakanan dan penguatkuasaan PTB dijalankan di semua peringkat fasiliti KKM dan di dalam komuniti oleh pelbagai bahagian, unit dan pusat tanggungjawab. Promosi dan pendidikan kesihatan PTB dijalankan di Pusat Sumber NCD, manakala dalam komuniti dijalankan dalam bentuk sambutan hari-hari khas Kesihatan (Hari Tanpa Tembakau Sedunia, Hari Kesihatan Mental Sedunia, Hari Jantung Sedunia dan Hari Diabetes Sedunia), kem kesihatan, pameran kesihatan, dapur sihat masyarakat dan aktiviti kecergasan.

Aktiviti pembangunan modal insan berkaitan pencegahan dan kawalan PTB juga dijalankan di semua peringkat fasiliti KKM. Antara aktiviti latihan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020 Peringkat Negeri, termasuklah :

1. Kursus Training of Trainer (TOT) Non Pharmachological Dalam Pengurusan Diabetes Mellitus Peringkat Negeri Sembilan 2020 .
2. Kursus Pemerkasaan Pengurusan Penyakit Tidak Berjangkit Bagi Paramedik Peringkat Negeri 2020.
3. Kursus Kesedaran Garam Peringkat Negeri 2020.
4. Bengkel Training of Trainer (TOT) Program Tirume Peringkat Negeri 2020.
5. Perbincangan SIQ (Shortfall In Quality) setiap daerah dalam penambahbaikan Quality Care Diabetes 2020 di Klinik Kesihatan di seluruh Negeri Sembilan.
6. Kursus Refresher PRIS/SMRP Peringkat Negeri Sembilan.
7. Taklimat Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) Bagi COVID-19 peringkat Negeri Sembilan.
8. Taklimat Projek Rintis Penambahbaikan Saringan Minda Sihat Peringkat Negeri Sembilan 2020.
9. Kursus Penggunaan Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP) dan Ptient Registry Information System (PRIS) Dalam Notifikasi Kanser Peringkat Negeri Sembilan 2020.
10. Kursus Perluasan Program *One Stop Centre For Addiction* (OSCA) Peringkat Negeri Sembilan 2020.
11. Latihan Refresher Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2020.

PROGRAM KAWALAN PENYAKIT DIABETES, HIPERTENSI DAN KARDIOVASKULAR

Bagi mengurangkan prevalens *`undiagnosed diabetes'*, perkhidmatan saringan diabetes dilakukan di semua fasiliti Kementerian Kesihatan di Negeri Sembilan dan juga saringan dalam komuniti semasa kem kesihatan. Berikut adalah pencapaian saringan diabetes bagi tahun 2016 sehingga 2020.

Jadual 1 : Pencapaian Aktiviti Saringan Diabetes Negeri Sembilan, 2016 - 2020

Tahun	Bilangan Fasiliti KKM	Bilangan Disaring	Normal <5.6 mmol/L	Risiko Tinggi ≥ 5.6 mmol/L
2016	168	121,200	95,944(79%)	25,256(21%)
2017	168	99,857	79,521(80%)	20,336(20%)
2018	168	105,647	81,995 (78%)	23,652 (22%)
2019	168	123,416	96,343 (78%)	27,073 (22%)
2020	168	100,752	76,765 (76.2%)	23,987 (23.8%)

Jadual 1 di atas menunjukkan bilangan klien menjalani saringan diabetes dari tahun 2016 - 2020. Pada tahun 2020, sebanyak **23.8%** klien yang disaring didapati mempunyai risiko tinggi **≥ 5.6 mmol/L**. Mereka ini dirujuk untuk ujian pengesahan Diabetes dan dicadangkan untuk menyertai intervensi secara *non-pharmacological* dan *pharmacological*.

Penjagaan klinikal pesakit diabetes bermula dengan pendaftaran pesakit bagi menentukan beban diabetes di Negeri Sembilan. Berikut adalah taburan pesakit Diabetes berdaftar di fasiliti kerajaan **(Klinik Kesihatan)** di Negeri Sembilan sehingga Disember 2020 (**Jadual 2**).

Jadual 2 : Bilangan Diabetes Baru, Berdaftar dan Aktif Mengikut Daerah, 2020

Daerah	Bilangan Kes Diabetes Baru (Fasiliti Kesihatan)	Jumlah Diabetes Kumulatif *	Jumlah Diabetes Aktif (Peratus)*
Seremban	686	47,292	23,457 (49.6%)
Kuala Pilah	227	11,789	5,131 (43.5%)
Jempol	207	13,406	6,423 (47.9%)
Rembau	48	5,332	2,532 (47.4%)
Tampin	250	13,943	6,553 (47.0%)
Port Dickson	115	15,013	5,637 (37.5%)
Jelebu	161	6,899	3,245 (47%)
Negeri Sembilan	**1,694**	**113,674**	**52,978 (46.6%)**

*** Data dari National Diabetes Registry (NDR) sehingga 31 Disember 2020**

Seramai **1,694** kes baru Diabetes telah dikesan di Klinik Kesihatan di Negeri Sembilan pada tahun 2020. Berdasarkan jumlah diabetes kumulatif, sebanyak 46.6% pesakit yang aktif menjalani rawatan di Klinik Kesihatan. Pesakit diabetes aktif bermaksud pesakit hadir sekurang-kurangnya sekali di klinik kesihatan sepanjang setahun yang lepas.

Setiap pesakit diabetes akan menjalani ujian HbA1C sekurang-kurangnya sekali setahun sebagai pemantauan kualiti penjagaan diabetes mereka. Purata HbA1C pesakit diabetes 2020 bagi daerah di Negeri Sembilan adalah antara 7.4% hingga 7.8% (**Jadual 3**).

Jadual 3 : Purata Peratus HbA1c Mengikut Daerah Negeri Sembilan, 2016 - 2020

Daerah	2016	2017	2018	2019	2020
Seremban	7.8%	7.8%	7.9%	8.0%	7.8%
Kuala Pilah	7.7%	7.9%	7.8%	7.7%	7.6%
Jempol	8.0%	8.1%	8.1%	8.1%	7.8%
Rembau	7.8%	7.8%	7.7%	7.8%	7.7%
Tampin	7.6%	7.7%	7.8%	7.6%	7.4%
Port Dickson	8.1%	8.1%	7.7%	7.6%	7.4%
Jelebu	7.6%	7.8%	7.5%	8.0%	7.4%
Negeri Sembilan	**7.8%**	**7.9%**	**7.9%**	**7.9%**	**7.6%**

* Sumber Laporan Audit Klinikal Diabetes, NDR


Audit Klinikal Diabetes 2020 telah dijalankan untuk menilai kualiti penjagaan Diabetes serta menentukan pencapaian indikator *Quality Assurance Diabetes* di Klinik Kesihatan. Pada tahun 2020, audit ini dijalankan di semua Klinik Kesihatan kecuali di KK Seremban 2 dan KK Sikamat. Jadual 4 menunjukkan pencapaian audit klinikal Diabetes mengikut daerah. **Tahniah kepada Negeri Sembilan kerana kali pertama kesemua 7 daerah telah mencapai sasaran HbA1c ≥ 30 %** iaitu Daerah Seremban, Kuala Pilah, Jempol, Rembau, Tampin, Port Dickson dan Jelebu.

Jadual 4 : Pencapaian Audit Klinikal Diabetes Mengikut Daerah Negeri Sembilan, 2016 - 2020

Daerah	2016	2017	2018	2019	2020
Seremban	26.92%	26.28%	26.92%	26.52%	30.06%
Kuala Pilah	35.62%	32.65%	36.35%	36.36%	37.58%
Jempol	26.85%	27.76%	29.38%	34.09%	36.41%
Rembau	27.89%	29.57%	38.63%	33.44%	33.38%
Tampin	29.40%	27.65%	31.96%	36.14%	38.41%
Port Dickson	25.19%	21.25%	30.94%	28.80%	37.27%
Jelebu	32.44%	28.63%	38.00%	28.11%	40.08%
Negeri Sembilan	**28.55%**	**27.20%**	**30.93%**	**31.38%**	**36.08%**

***Sumber Laporan Audit Klinikal Diabetes, NDR**
***Sasaran QA/NIA Diabetes : Peratus sampel diabetes dengan HbA1c ≤ 6.5% ≥ 30%**

Rajah 1 : Pencapaian Audit Klinikal Diabetes Negeri Sembilan, 2016 - 2020




Jadual 5 : Pencapaian QA Diabetes di Klinik Kesihatan Negeri Sembilan, 2020

Daerah/ Negeri Sembilan	Klinik Kesihatan	Peratus HbA1c ≤ 6.5 %, Sasaran ≥ 30% (Capai)	Peratus HbA1c ≤ 6.5 %, Sasaran ≤ 30% (Tidak Capai)
Seremban	KK Mantin	38.78%	
	KK Ampangan	37.58%	
	KK Seremban	32.19%	
	KK Lenggeng		29.17%
	KK Desa Rhu		28.00%
	KK Senawang		26.89%
	KK Nilai		25.97%
	KK Quarters KLIA		21.74%
	KK Rantau		20.59%
	KK Sendayan		11.11%
	PKD Seremban	**30.06%**	
Kuala Pilah	KK Terachi	53.85%	
	KK Gunung Pasir	52.00%	
	KK Padang Lebar	50.00%	
	KK Johol	38.96%	
	KK Kuala Pilah	35.69%	
	KK Juasseh	34.43%	
	KK Senaling	32.76%	
	KK Sri Menanti	32.00%	
	PKD Kuala Pilah	**37.58%**	
Jempol	KK Palong 9,10, 11	48.94%	
	KK Serting Hilir	40.32%	
	KK Bandar Sri Jempol	39.44%	
	KK Palong 4, 5, 6	39.00%	
	KK Palong 7, 8	35.71%	
	KK Bahau	32.88%	
	KK Lui Muda	30.00%	
	PKD Jempol	**36.41%**	
Tampin	KK Jelai	46.15%	
	KK Gemas	42.93%	
	KK Tampin	36.43%	
	KK Gemenchih	32.73%	
	KK Air Kuning	32.00%	
	KK Bukit Rokan Utara		29.17%
	PKD Tampin	**38.41%**	
Rembau	KK Astana Raja	40.00%	
	KK Pedas	32.38%	
	KK Rembau	32.15%	
	KK Kota	32.00%	
	PKD Rembau	**33.38%**	
Port Dickson	KK Pasir Panjang	52.94%	
	KK Lukut	45.56%	
	KK Bukit Pelanduk	42.65%	
	KK Linggi	31.40%	
	KK Port Dickson		29.20%
	KK Bagan Pinang		27.27%

Daerah/ Negeri Sembilan	Klinik Kesihatan	Peratus HbA1c ≤ 6.5 %, Sasaran ≥ 30% (Capai)	Peratus HbA1c ≤ 6.5 %, Sasaran ≤ 30% (Tidak Capai)
Jelebu	KK Titi	51.11%	
	KK Simpang Durian	43.33%	
	KK Jelebu	37.76%	
	KK Pasoh 1	36.36%	
	KK Pertang	32.00%	
PKD Port Dickson		**40.08%**	
Negeri Sembilan		**36.08%**	

Pemantauan komplikasi diabetes juga dilaksanakan dalam penjagaan pesakit diabetes. Peratus komplikasi diabetes tertinggi adalah nefropati diikuti oleh retinopati dari tahun 2016 sehingga 2020.

Rajah 2 : Tren Peratus Pesakit Diabetes Aktif yang Mempunyai Komplikasi, 2016 - 2020



***Berasaskan jumlah pesakit aktif pada tahun semasa**
**** Sumber data: National Diabetes Register**

Selain daripada itu, sebanyak 3 ko-morbiditi yang dipantau bagi pesakit diabetes iaitu Hipertensi, Dislipidemia dan Status merokok. Data dikemaskini 2016 sehingga 2020 di dalam NDR adalah seperti di **Jadual 6** yang berikut. Hipertensi dan Dislipidaemia merupakan ko-morbiditi yang tinggi iaitu 75.22% dan 67.08% pesakit diabetes mempunyai ko-morboditi ini.

Jadual 6 : Peratus Pesakit Diabetes Yang Mempunyai Ko-Morbiditi, 2016 - 2020

Ko-Morbiditi	2016	2017	2018	2019	2020
Hipertensi	66.5%	67.67%	73.65%	74.32%	75.22%
Dislipidemia	52.7%	54.97%	63.27%	64.42%	67.08%
Status merokok	4.84%	5.87%	5.41%	5.43%	5.97%

***Sumber Data dari Audit Klinikal Diabetes dan Data Registri Report (co-morbid)**

Pendaftaran pesakit Hipertensi di Negeri Sembilan dijalankan secara *manual* dalam Buku Daftar Hipertensi seperti **Jadual 7** dibawah. Seramai 3,671 pesakit dikenalpasti mengidap Hipertensi (kes baru) sepanjang tahun

2020, manakala secara keseluruhannya terdapat **83,433** pesakit Hipertensi berdaftar secara kumulatif aktif di Negeri Sembilan sehingga 31 Disember 2020.

Jadual 7 : Bilangan Hipertensi Berdaftar Aktif Mengikut Daerah, 2020

Daerah	Bilangan Hipertensi Baru	Jumlah Kumulatif Hipertensi Berdaftar
Seremban	1,195	10,634
Kuala Pilah	534	9,811
Jempol	482	7,032
Rembau	129	5,252
Tampin	551	10,042
Port Dickson	314	5,979
Jelebu	466	7,068
Negeri Sembilan	**3,671**	**83,433**

*** Data daripada klinik kesihatan (reten manual Hipertensi NCD JKNNS) sehingga 31 Disember 2020**

PROGRAM PENCEGAHAN DAN KAWALAN KESIHATAN MENTAL


Program Pencegahan dan Kawalan Kesihatan Mental dijalankan melalui perkhidmatan berikut:

1. Perkhidmatan Saringan dan Intervensi Minda Sihat di Klinik Kesihatan
2. Projek Rintis Saringan Minda Sihat di Saringan Primer
3. Perkhidmatan Rawatan Pesakit Mental Stabil di Klinik Kesihatan

Perkhidmatan Saringan dan Intervensi Minda Sihat di Klinik Kesihatan

Perkhidmatan Saringan Minda Sihat dilakukan dengan menggunakan Borang Soal Selidik DASS 21. Klien yang mempunyai tanda-tanda stres, anzieti dan kemurungan akan diberi intervensi minda sihat atau dirujuk kepada Pegawai Perubatan, Pakar Perubatan Keluarga atau Pakar Psikiatri untuk rawatan jika perlu, serta kepada Pegawai Pemulihan Perubatan Carakerja. Secara keseluruhan, peratus klien mendapat skor DASS normal bagi setiap kategori stres, anzieti dan kemurungan adalah 93.1%, 91.2% dan 93.9% masing-masing. (**Rajah 3**).

Rajah 3 : Keputusan Saringan Minda Sihat di Klinik Kesihatan, 2020



	Stress	Anzieti	Kemurungan
Teruk/Sangat Teruk	265	511	328
Sederhana	339	329	223
Ringan	522	595	446
Normal	15242	14933	15371

PROJEK RINTIS SARINGAN MINDA SIHAT DI SARINGAN PRIMER

Projek Rintis Penambahbaikan Saringan Minda Sihat di Kesihatan Primer adalah susulan daripada persetujuaan mesyuarat teknikal diantra pakar Perubatan Kesihatan Awam, Pakar Psikiatri , pakar kesihatan Keluarga berserta wakil dan pegawai yang menjalankan aktiviti saringan kesihatan mental dilapangan pada 5 November 2019 yang lalu.


Saringan Whooley, PHQ-9 dan GAD-7 dipilih untuk menggantikan DASS-21 mengikut kajian *literature review* yang mendapati penggunaan saringan Whooley, PHQ-9 dan GAD-7 adalah lebih spesifik untuk mengesan masalah kemurungan dan kebimbangan individu. Ianya dilaksanakan di lima buah negeri iaitu Perlis, Kelantan, Selangor, Wilayah Persekutuan Kula Lumpur dan Negeri Sembilan.

Di Negeri Sembilan ianya dijalankan di satu klinik kesihatan di setiap daerah. Tempoh masa Projek Rintis ini adalah selama 3 bulan iaitu dari bulan Ogos 2020 sehingga Oktober 2020. Sasaran klien yang disaring adalah seramai 30 orang sebulan dan dikalangan klien penyakit tidak berjangkit (NCD), warga emas dan pesakit kanser

Jadual 8 : Data Projek Rintis Penambahbaikan Saringan Minda Sihat Whooley di Kesihatan Primer yang dijalankan

Daerah	Klinik Kesihatan	Sasaran/ Bulan	Bil Saringan (Ogos-Oktober 2020)	Peratus Pencapaian (%)
Seremban	KK Seremban	90	90	100%
Jempol	KK Palong 7 dan 8	90	88	97.8%
Port Dickson	KK Port Dickson	90	117	130%
Tampin	KK Tampin	90	90	100%
Kuala Pilah	KK Juasseh	90	90	100%
Rembau	KK Rembau	90	94	104.5%
Jelebu	KK Pertang	90	90	100%
Negeri Sembilan		**630**	**659**	**104.6%**

Rajah 4 : Peratus Saringan Projek Rintis Saringan Minda Sihat Whooley Ogos - Oktober 2020



Perkhidmatan Rawatan Pesakit Mental Stabil di Klinik Kesihatan

Perkhidmatan ini adalah untuk pesakit yang sesuai dirawat sebagai pesakit luar di klinik-klinik kesihatan bagi memudahkan rawatan dan pemulihan serta membantu mengurangkan stigma komuniti terhadap pesakit mental.

Rajah 5 : Bilangan Kes Mental Stabil Baru Diagnosa di Klinik Kesihatan dan Hospital



Rajah 5 menunjukkan terdapat 115 kes mental baru menerima rawatan pada tahun 2020. Terdapat 56 (49%) daripada jumlah ini merupakan kes yang telah didiagnosa di Klinik Kesihatan, Manakala selebihnya 56 (51%) didiagnosa di Hospital. pada tahun 2020. Pecahan jenis kes dapat dilihat pada **Rajah 6** dan majoriti adalah kes *Schizophrenia* Jumlah kes semasa bagi rawatan mental stabil di Klinik Kesihatan Negeri Sembilan pada tahun 2020 adalah 841 pesakit.


PROGRAM KAWALAN DAN PENCEGAHAN KEMUDARATAN ALKOHOL

Saringan dan pendidikan kemudaratan alkohol dijalankan di semua klinik kesihatan serta komuniti yang berisiko tinggi di Negeri Sembilan. Saringan dilakukan sebanyak dua kali di mana saringan kedua ketagihan alkohol dilakukan enam bulan selepas program pendidikan intervensi. Sepanjang 2020 sebanyak 1,226 kes baru disaring di klinik kesihatan, manakala sebanyak 60 kes disaring di komuniti.

PROGRAM KAWALAN DAN PENCEGAHAN KECEDERAAN DAN KEGANASAN


Pemantauan kes kecederaan dan keganasan adalah melalui Khidmat OSCC (*One Stop Crisis Centre*) dan kes SCAN (*Suspected Child Abuse and Neglect)* di hospital kerajaan.

Rajah 7 : Kes OSCC Yang Dilaporkan di Hospital Kerajaan di Negeri Sembilan, 2020



	Deraan Kanak-kanak Umur 0 -9 Thn	Deraan Kanak-kanak Umur 10 - 17 Thn	Deraan Kanak-kanak Umur 18 - 19 Thn	Deraan Dewasa
Fizikal	61	45	10	288
Seksual	35	100	12	23
Psikologi	3	0	0	5


Rajah 8 : Jenis Penderaan Yang Melibatkan Kanak-Kanak dan Remaja di Negeri Sembilan, 2020



Khidmat OSCC terdapat di semua hospital kerajaan di Negeri Sembilan bagi membantu mangsa-mangsa penderaan seksual (rogol, cabul, liwat), penderaan fizikal, domestik, psikologi dan sebagainya dalam memberi pemeriksaan dan rawatan kesihatan, kaunseling, perlindungan serta bantuan undang- undang. Pada tahun 2020, terdapat 316 kes penderaan melibatkan mangsa dewasa manakala 266 kes penderaan kanak-kanak dan remaja dilaporkan oleh hospital kerajaan di Negeri Sembilan (**Rajah 7 dan 8**). Definisi kes kanak- kanak dan remaja adalah bagi mangsa yang berumur bawah 19 tahun.

Bagi kes SCAN pula, 54 (52%) daripada 104 kes disyaki penderaan dan pengabaian kanak- kanak melibatkan kecederaan tisu lembut, 28 (27%) melibatkan kes rogol, 20 (19%) kes cabul manakala 2 (2%) adalah kes liwat (**Rajah 7**).

Rajah 9 : Jenis Kes Disyaki Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak di Negeri Sembilan, 2020



PROGRAM PENCEGAHAN DAN KANSER REGISTRI KANSER

Program Pencegahan dan Registri kanser ini dijalankan melalui perkhidmatan berikut:

1. Perkhidmatan Saringan Kanser Kolorektal
2. Registri Kanser

Perkhidmatan Saringan Kanser Kolorektal

Perkhidmatan saringan kanser kolorektal bermula di Negeri Sembilan sejak Ogos 2010 dan kemudian diperluaskan ke semua klinik kesihatan pada tahun 2012 sehingga kini. Kit iFOBT (*Immunofluorescent Faecal Occult Blood Test*) dibekalkan oleh KKM sebagai alat untuk saringan. Saringan ini dikhaskan untuk klien yang berumur 50 sehingga 75 tahun yang tidak mempunyai sebarang gejala. Klien yang positif iFOBT akan dirujuk ke Jabatan Pembedahan, Hospital Tuanku Jaafar, Seremban dan Hospital Kuala Pilah untuk pengesahan kanser melalui kolonoskopi.

Jadual 9 : Saringan Kanser Kolorektal di Klinik Kesihatan di Negeri Sembilan, 2020

Saringan	Positif iFOBT	Kes yang menjalani Kolonoskopi	Keputusan Kolonoskopi		
			Normal	Colonic Polyps	Kanser
2,222	135 (6.1%)	89 (71.8%)	82 (92.4%)	4 (4.5%)	3 (3.4%)

Pada tahun 2020, 135 (6.1%) daripada 2,222 klien yang menjalani saringan didapati positif iFOBT. Terdapat 3 kes (3.4%) yang dikesan kanser kolorektal manakala 4 kes (4.5%) dikesan *Colonic Polyps* selepas melakukan ujian pengesahan kolonoskopi.

REGISTRI KANSER NEGERI SEMBILAN

Pada tahun 2019, satu sistem mula digunakan bagi mendaftar kes kanser iaitu sistem MyHDW (Malaysian Health Data Warehouse). MyHDW merupakan satu pusat pengumpulan data kesihatan yang mengumpul data berkenaan kesihatan dari fasiliti kesihatan di seluruh Malaysia melalui Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP) dan Patient Registry Information System (PRIS). Data kanser didaftarkan oleh anggota kesihatan yang mendiagnos atau sebahagian daripada pasukan pesakit yang menghidapi kanser di hospital.

Jadual 10 : Bilangan Kes Kanser Didaftarkan Ke Dalam Sistem MyHDW Pada Tahun 2020 oleh Hospital Kerajaan dan Hospital Swasta di Negeri Sembilan

Hospital	Bilangan Kes Kanser Didaftar
Hospital Tuanku Jaafar Seremban	1,262
Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah	42
Hospital Tampin	84
NCI Cancer Hospital	15
Seremban Specialist Hospital Sdn. Bhd.	32
Columbia Asia Hospital-Seremban	6
JUMLAH	**1,452**

Program Verifikasi Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan


Program ini telah dimulakan pada Oktober 2017 di seluruh Malaysia. Tujuan utama sistem ini dilaksanakan adalah untuk menambah baik statistik penyebab dan pengesah kematian di Malaysia yang melibatkan kematian-kematian yang berlaku di luar hospital. Pelaksanaan sistem adalah dengan menjalankan temuramah kepada waris terdekat kepada si mati berpandukan soal selidik.

Waris terdekat akan ditemuramah bagi mendapatkan maklumat berkaitan penyakit dan keadaan kesihatan si mati sebelum meninggal dunia. Kes kematian bagi tahun 2019 dijalankan siasatan pada tahun 2020 dan telah selesai pada Julai 2020. Kes kematian diterima 6 bulan daripada tarikh sebenar kematian. Jumlah kes kematian di Negeri Sembilan adalah sebanyak 2953. Jumlah kes selesai disiasat adalah 2,868 manakala 85 mempunyai masih dalam siasatan.

Jadual 11 : **Bilangan dan Peratus Pencapaian Siasatan Kes Kematian yang Tidak Disahkan Secara Perubatan bagi Kematian, 2019**

Daerah	Seremban	Jempol	P.Dickson	Tampin	K.Pilah	Rembau	Jelebu	N.Sembilan
Jumlah Kes Kematian	1,282	396	302	351	281	162	179	2,953
Kes selesai disiasat	1,282	311	302	351	281	162	179	2,868
% Kes selesai disiasat	100%	78.5%	100%	100%	100%	100%	100%	97.13%
Kes masih dalam siasatan	0	85	0	0	0	0	0	85
% Kes masih dalam siasatan	0%	21.5%	0%	0%	0%	0%	0%	2.9%

Rajah 10 : Menunjukkan Status Kes Program Verifikasi Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan, 2019



PROGRAM PENCEGAHAN DAN KAWALAN TEMBAKAU

Program Kawalan Tembakau di Negeri Sembilan pada tahun 2020 berteraskan program di bawah dasar *Framework Convention on Tobacco Control (FCTC).* Di bawah strategi ini, program kawalan tembakau melibatkan pelbagai aktiviti yang berpandukan strategi **MPOWER** iaitu :

- ***M****onitor Tobacco use and prevention policies* (Memantau prevalen, tren merokok dan penggunaan tembakau)
- ***P****rotect people from tobacco smoke (*Pelindungan daripada asap rokok)
- ***O****ffer help to quit tobacco use* (Perkhidmatan berhenti merokok)
- ***W****arn about dangers of tobacco* (Amaran kemudaratan dan bahaya rokok)
- ***E****nforce bans on tobacco advertising, promotion and sponsorship* (Penguatkuasaan ke atas iklan, promosi dan tajaan berkaitan rokok dan syarikat rokok)
- ***R****aise taxes on tobacco* (Cukai rokok ditingkatkan).

Bagi perlaksanaan strategi perkhidmatan berhenti merokok, satu kerjasama di antara perkhidmatan awam dan swasta telah dilaksanakan pada tahun 2020. Program berhenti merokok mQuit adalah program Kerjasama di antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan agensi lain seperti Akademi Farmasi Malaysia, Johnson and Johnson Sdn Bhd, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaya. Terdapat tiga jenis perkhidmatan berhenti merokok ditawarkan di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta di seluruh Negeri Sembilan termasuk:

1. Program berhenti merokok di klinik kesihatan kerajaan di bawah seliaan Unit Kesihatan Primer, Bahagian Kesihatan Awam.
2. Program berhenti merokok di hospital kerajaan di bawah seliaan Unit Kualiti, Bahagian Perubatan.
3. Program berhenti merokok di fasiliti swasta di bawah seliaan Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit, Bahagian Kesihatan Awam.

Bagi program berhenti merokok di fasiliti swasta yang merupakan program di bawah seliaan Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit, terdapat 11 farmasi swasta pada tahun 2020 yang telah diberikan akreditasi untuk menawarkan perkhidmatan mQuit. Senarai farmasi persendirian yang terlibat adalah seperti berikut:

1. Caring Pharmacy (Palm Mall Seremban)
2. Alpro Pharmacy (Taipan Senawang)
3. Alpro Pharmacy (Ampangan)
4. Alpro Pharmacy (Jalan Dato' Sheikh Ahmad, Seremban)
5. Alpro Pharmacy Seremban Flagship
6. Alpro Pharmacy (Regina Mall, Port Dickson)
7. Alpro Pharmacy (Kuala Pilah)
8. Guardian Pharmacy Nilai
9. Guardian Pharmacy Seremban 2
10. Guardian Pharmacy Seremban
11. KPJ Seremban Specialist Hospital

Secara keseluruhannya, pencapaian program berhenti merokok di Negeri Sembilan pada tahun 2020 adalah 56.8% iaitu melepasi sasaran yang ditetapkan pada kadar lebih dari 35%. Namun demikian, pemantauan secara berterusan akan dijalankan bagi menambah baik perkhidmatan berhenti merokok di semua fasiliti yang terlibat dari masa ke semasa. Aktivti pemantauan pelaksanaan perkhidmatan berhenti merokok di ketiga-tiga fasiliti telah dijalankan pada tahun 2020. Pencapaian perkhidmatan berhenti merokok di ketiga-tiga fasiliti yang disenaraikan adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 12 : Pencapaian Program Berhenti Merokok, 2020

Daerah	Indikator pencapaian Januari – Disember 2020		
	Peratus klien berhenti merokok dalam tempoh 6 bulan di klinik kesihatan	**Peratus klien berhenti merokok dalam tempoh 6 bulan di hospital**	**Peratus klien berhenti merokok dalam tempoh 6 bulan di fasiliti swasta**
Seremban	129/213 = 60.6%	1/7 = 14.28%	4/4 = 100%
Kuala Pilah	28/56 = 44.6%	13/15 = 86.6%	0/2 = 0%
Tampin	20/34 = 58.8%	1/1 = 100%	NA
Port Dickson	12/24 = 50.0%	3/3 = 100%	NA
Jempol	10/24 = 41.7%	1/2 = 50.0%	NA
Jelebu	10/24 = 41.7%	0	NA
Rembau	20/35 = 57.1%	NA	NA
Negeri Sembilan	**229/410 = 55.9%**	**19/28 = 67.85%**	**4/6 = 56.8%**

Selain dari program berhenti merokok, aktiviti penguatkuasaan kawasan larangan merokok juga telah diteruskan di bawah **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004**. Berdasarkan peraturan ini, aktiviti penguatkuasaan telah dijalankan di bawah Peraturan (11), (PPKHT) 2004. Selain itu, penguatkuasaan juga dijalankan di bawah Peraturan 12(1) (a) dan 12(1) (b) PPKHT 2004 iaitu semua pemilik premis hendaklah memastikan tempat makan mereka bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok dengan tidak meyediakan peralatan seperti bekas abu rokok serta lain-lain kemudahan merokok.

Penguatkuasaan ini adalah selari dengan Perjanjian *World Health Organization Framework Convention on Tobacco Control (FCTC)* bagi memastikan kesihatan dan keselesaan segenap lapisan masyarakat di tempat awam. Aktiviti penguatkuasaan ini telah dijalankan secara berterusan dengan kerjasama Unit Inspektorat dan Penguatkuasaan (UIP), untuk aktiviti Operasi Bersepadu dan Penguatkuasaan di semua daerah di Negeri Sembilan.

Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) juga menyumbang kepada aktiviti kawalan tembakau melalui program seperti Rumahku Bebas Asap Rokok (RBAR), pemasangan tanda larangan merokok di premis-premis PPKHT, dan majlis rasmi bebas asap rokok di dalam lokaliti KOSPEN. Pada tahun 2020, sebanyak 178 kawasan atau premis yang diwartakan sebagai kawasan larangan merokok di bawah lokaliti KOSPEN telah memasang papan tanda larangan merokok.

Di samping itu, sebanyak 590 rumah di bawah lokaliti KOSPEN telah mendapat pengiktirafan “Rumah Bebas Asap Rokok” yang mana menyumbang kepada pencapaian melebih target yang telah ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 10 buah rumah mendapat pengiktirafan "Rumahku Bebas Asap Rokok" di dalam lokaliti KOSPEN.

Pencapaian perlaksanaan bagi setiap strategi aktiviti kawalan tembakau ini dibentangkan oleh setiap unit pelaksana dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Strategik Kawalan Tembakau 2015 sehingga 2020 peringkat Negeri Sembilan. Aktiviti kawalan tembakau akan terus dijalankan secara berterusan dengan kerjasama pelbagai pihak di semua peringkat untuk mencapai matlamat *The End Game* menjelang tahun 2045.

PROGRAM KOMUNITI SIHAT PEMBINA NEGARA (KOSPEN)

Program "Komuniti Sihat Pembina Negara" (KOSPEN) telah diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2013 dalam usaha menangani masalah peningkatan bebanan Penyakit Tidak Berjangkit di negara ini. Program ini berkonsepkan dari masyarakat untuk masyarakat, di mana kumpulan sukarelawan yang dilatih merupakan tunjang pelaksanaan aktiviti di lokaliti yang mengambil bahagian dengan objektif menggalakkan penglibatan ahli masyarakat dalam aktiviti kesihatan.

Pelaksanaan inisiatif ini adalah melalui pendekatan yang agresif dengan penubuhan pasukan sukarelawan GSiM daripada kalangan masyarakat di seluruh negara yang akan bertindak sebagai *agen penggerak kesihatan.* Objektif utama program KOSPEN adalah untuk menurunkan atau mengekang peningkatan prevalen penyakit tidak berjangkit melalui usaha yang agresif dan komprehensif ke arah peningkatan pemerkasaan dan penglibatan masyarakat dan individu dalam aktiviti pencegahan dan pengendalian kendiri faktor risiko penyakit tidak berjangkit. Antara modul pelaksanaan program KOSPEN termasuk:

1. Saringan kesihatan kendiri
2. Gaya hidup sihat
3. Amalan pemakanan sihat
4. Pengurusan berat badan
5. Amalan tidak merokok
6. Saringan minda sihat
7. Saringan kemudaratan alkohol di kalangan komuniti

Pada tahun 2020, terdapat sejumlah 76 lokaliti KOSPEN di seluruh Negeri Sembilan. Ini termasuk 46 lokaliti KOSPEN Perpaduan; 25 KOSPEN KPLB dan 1 KOSPEN Pusat Internet Desa (kerjasama bersama Kementerian

Komunikasi dan Multimedia Malaysia); 1 KOSPEN Orang Asli (kerjasama bersama JAKOA); dan 3 KOSPEN Pusat Internet (kerjasama bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia). Bilangan lokaliti yang terlibat mengikut agensi dan daerah adalah seperti **Jadual 13** dan **Jadual 14**.

Jadual 13 : Bilangan Lokaliti KOSPEN Di Negeri Sembilan Mengikut Agensi, 2013 sehingga 2020

TAHUN / AGENSI	KOSPEN KEMAS	KOSPEN JPNIN	LAIN-LAIN	JUMLAH
2013	23	-	-	23
2014	100	20	-	120
2015	100	20	-	120
2016	67	21	6	94
2017 - 2018	Tiada perubahan lokaliti		94	
2019	25	53	1	79
2020	25	46	5	76

Jadual 14 : Senarai Lokaliti KOSPEN Mengikut Daerah di Negeri Sembilan

Daerah	KOSPEN JPNIN	KOSPEN KPLB	LAIN-LAIN	JUMLAH
Seremban	22	7	3 KOSPEN Pusat Internet)	32
Jempol	4	4	-	8
Port Dickson	5	3	1 (KOSPEN OA)	9
Kuala Pilah	3	5	-	8
Tampin	3	3	-	6
Rembau	5	3	1 (KOSPEN Pusat Internet Desa)	9
Jelebu	4	0	-	4
Negeri Sembilan	**46**	**25**	**5**	**76**


Sehingga 31 Disember 2020, seramai 14,503 penduduk berumur 18 tahun dan ke atas di Negeri Sembilan telah disaring berdasarkan modul saringan kesihatan KOSPEN. Daripada jumlah penduduk yang disaring, sebanyak 1736 orang (11.97%) dikesan mempunyai faktor risiko bacaan tekanan darah >140/90 mmHg, 2,500 orang (17.24%) dikesan mempunyai paras gula dalam darah >5.6mmol/l, 2255 orang (15.55%) mempunyai BMI >25 kg/m^2 dan 587 orang (4.05%) adalah di kalangan yang merokok **(Jadual 15).**

Jadual 15 : Pencapaian Saringan Faktor Risiko Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) Program KOSPEN Negeri Sembilan, 2020

Daerah	Bil. Penduduk >18 Tahun Disaring	Bil. Penduduk >18 Tahun Mempunyai Faktor Risiko BMI (>35KG/M)	Bil.Penduduk >18 Tahun Mempunyai Faktor Risiko Tekanan Darah Tinggi (>140/90mmHg)	Bil. Penduduk >18 Tahun Mempunyai Faktor Risiko Paras Gula >5.6mmol/L	Bil.Penduduk >18 Tahun Disaring Merokok
Seremban	5,838	1,472 (25.21%)	1,766 (30.25%)	1,027 (17.59%)	41 (0.70%)
Kuala Pilah	1,018	20 (1.96%)	61 (5.99%)	95 (9.33%)	11 (1.08%)
Port Dickson	1,142	161 (14.09%)	113 (9.89%)	248 (21.72%)	83 (7.27%)
Jempol	2,944	0 (0%)	106 (3.60%)	99 (3.36%)	43 (1.46%)
Jelebu	574	27 (4.70%)	123 (21.43%)	306 (53.31%)	44 (7.66%)
Rembau	960	52 (5.42%)	299 (31.15%)	458 (47.71%)	365 (38.02%)
Tampin	2,027	4 (0.20%)	32 (1.58%)	22 (1.09%)	0 (0%)
Negeri Sembilan	**14,503**	**1,736 (11.97%)**	**2,500 (17.24%)**	**2,255 (15.55%)**	**587 (4.05%)**

Mereka yang dikesan mempunyai faktor risiko ini telah dirujuk ke Klinik Kesihatan oleh sukarelawan GSiM sendiri untuk tindakan lanjut. Sebanyak 1736 orang (87.0%) yang dikesan mempunyai BMI >35kg/m^2, 2500 orang (85.0%) yang mempunyai tekanan darah >140/90 mmHg, 2,255 orang (82.0%) dengan paras gula >5.6 mmol/L dan 587 (28.0%) perokok dikesan melalui saringan kesihatan telah dirujuk ke klinik kesihatan **(Rajah 11)**. Usaha oleh pasukan sukarelawan GSiM ini adalah terpuji kerana adalah diharapkan pengesanan awal ini dapat mengelakkan komplikasi penyakit tidak berjangkit daripada berlaku dan sekaligus mengurangkan beban penyakit tersebut di Malaysia.

Rajah 11 : Bilangan Rujukan Ke Klinik Kesihatan Melalui Saringan Kesihatan



Pembudayaan amalan hidup sihat melalui pemakanan sihat, gaya hidup aktif dan persekitaran sihat bebas asap rokok telah mula meresap ke dalam budaya sesebuah lokaliti KOSPEN. Hampir kesemua lokaliti KOSPEN yang terlibat mencapai sasaran indikator budaya hidup sihat yang telah ditetapkan. Ini termasuk amalan pemakanan sihat dengan meyediakan buah-buahan dan sayur- sayuran di majlis rasmi, mengasingkan gula daripada minuman panas dan menyediakan air kosong. Pembangunan prasarana seperti papan tanda trek 10,000 langkah di lokaliti KOSPEN juga dijalankan bagi menggalakkan gaya hidup aktif di kalangan msyarakat setempat. Bagi memastikan persekitaran yang sihat bebas asap rokok, kesemua kawasan awam yang telah diwartakan sebagai kawasan larangan merokok telah diletakkan papan tanda larangan merokok di samping penganugerahan rumah bebas asap rokok (RBAR) di kalangan lokaliti KOSPEN yang terlibat **(Jadual 16).**

Jadual 16 : Pencapaian budaya hidup sihat Program KOSPEN Negeri Sembilan 2020

SASARAN INDIKATOR PROSES	KOSPEN KEMAS	KOSPEN JPNIN
50% majlis rasmi menyediakan buah-buahan	15 (85.3%)	28 (93.2%)
50% majlis rasmi mengasingkan gula daripada minuman panas	25 (86.2%)	32 (90.2%)
50% majlis rasmi menyediakan air kosong	18 (92.2%)	29 (94.3%)
50% majlis rasmi menyediakan sayur-sayuran (sekiranya ada hidangan berat)	16 (96.1%)	33 (94.3%)
Sekurang-kurang satu (1) trek 10,000 langkah	25 (100%)	46 (100%)
100% kawasan awam yang diwartakan di bawah PPKHT meletakkan papan tanda larangan merokok	75 (100%)	103 (100%)
Mencapai sasaran 10 rumah RBAR/lokaliti	210 (84%)	380 (71.7%)

Pada tahun 2020, program KOSPEN telah dilaksanakan berlandaskan garis panduan norma baharu program selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan berikutan penularan wabak COVID-19.

Sehubungan dengan itu, projek pemerkasaan komuniti di mana sukarelawan KOSPEN bertindak agen penggerak kesihatan telah dijalankan dalam usaha mengekang penularan jangkitan COVID-19 di kalangan masyarakat setempat di Negeri Sembilan. Selaras dengan objektif utama program ini, maka peranan sukarelawan KOSPEN diangkat sebagai agen penggerak kesihatan di lokaliti KOSPEN masing-masing.

Selain dari aktiviti saringan faktor risiko penyakit tidak berjangkit yang dijalankan berdasarkan modul pelaksanaan program KOSPEN, para sukarelawan KOSPEN terlibat dalam membantu penularan jangkitan COVID-19 melalui aktiviti pemantauan dan pematuhan *SOP* di kalangan lokaliti KOSPEN masing-masing. Sukarelawan KOSPEN yang terlatih dilihat dapat membantu petugas kesihatan untuk memantau adaptasi komuniti terhadap garis panduan norma baharu sebagai langkah pencegahan jangkitan COVID-19 di kalangan masyarakat setempat.

Perjalanan program KOSPEN di Negeri Sembilan kini telah memasuki tahun keenam penubuhan. Program KOSPEN yang dijalankan secara berterusan ini telah berjaya mengenalpasti dan merujuk penduduk yang mempunyai faktor risiko penyakit tidak berjangkit ke fasiliti yang berdekatan agar ujian diagnostik dan rawatan awal dapat diberi. Program ini juga giat mengubah amalan budaya hidup sihat penduduk dari segi pemakanan sihat dan mewujudkan kawasan persekitaran yang menyokong gaya hidup aktif. Perlaksanaan program dan kesan jangka pendeknya telah dapat direliasasikan di semua peringkat. Skop pelaksanaan program KOSPEN di Negeri Sembilan dijangka akan terus dimantapkan dan diperluaskan pada tahun seterusnya.

2.7. UNIT KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR

PENGENALAN

Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar menjalankan dua Program utama iaitu Program Kesihatan Pekerjaan dan Program Kesihatan Alam Sekitar. Di bawah Program Kesihatan Pekerjaan, fungsi utama unit ini adalah bertanggungjawab di dalam hal-hal berkaitan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja khasnya kakitangan-kakitangan kesihatan melalui aktiviti-aktiviti seperti pengesanan serta notifikasi penyakit pekerjaan, kecederaan dan keracunan, latihan-latihan dan promosi berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta menjalankan pengawasan perubatan ke atas pekerja yang berisiko tinggi di klinik kesihatan pekerjaan.

Unit ini bekerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan lain terutamanya Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) serta Jabatan Pertanian di dalam menentukan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja-pekerja di industri berkaitan adalah terjamin.

Di bawah Program Kesihatan Alam Sekitar pula, fungsi utama unit ini adalah untuk membantu dalam hal-hal berkaitan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan persekitaran. Unit ini bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memastikan kesejahteraan alam sekitar.

VISI

Ke arah negeri yang sihat dan produktif melalui promosi kesihatan pekerja untuk mencapai kesihatan yang mampan bagi setiap individu.

MISI

Untuk mempromosikan taraf kesihatan yang berkualiti melalui pencegahan dan kawalan penyakit, kecederaan dan ketidakupayaan yang disebabkan oleh interaksi di antara manusia dan pekerjaan.

OBJEKTIF AM

i. Untuk memberi perkhidmatan kesihatan komprehensif kepada golongan pekerja dengan penekanan kepada aspek promosi, pencegahan dan penjagaan kesihatan.
ii. Mewujudkan persekitaran yang sihat dan kondusif untuk kesihatan fizikal dan mental masyarakat.

OBJEKTIF KHUSUS

Program Kesihatan Pekerjaan

i) Mempromosi kesihatan pekerjaan kepada anggota kesihatan dan masyarakat.
ii) Menjalankan survelan kemalangan, keracunan dan penyakit pekerjaan.
iii) Memberi perkhidmatan kesihatan pekerjaan melalui aktiviti-aktiviti dari peringkat pencegahan hingga ke peringkat penjagaan kesihatan.
iv) Menyediakan langkah-langkah pencegahan yang berkesan terhadap persekitaran tempat kerja yang berisiko.

Program Kesihatan Alam Sekitar

i) Mempromosi persekitaran yang selamat dan sihat kepada masyarakat.
ii) Menjalankan survelan hazad persekitaran dan menjalankan intervensi yang bersesuaian.

PENCAPAIAN AKTIVITI-AKTIVITI

PROGRAM KESIHATAN PEKERJAAN

Program Survelan Penyakit Pekerjaan


Di bawah program ini, tumpuan utama unit ini adalah mengumpul data mengenai penyakit-penyakit pekerjaan. Aktiviti ini juga adalah sebagai memenuhi kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994) dan Akta Pestisid 1974.

Kemalangan yang paling kerap berlaku di fasiliti kesihatan KKM adalah kecederaan tercucuk alatan tajam terutamanya jarum. Manakala, di antara penyakit-penyakit pekerjaan yang diberi tumpuan adalah penyakit respiratori pekerjaan, penyakit kulit pekerjaan, keracunan kimia/penyakit lain-lain, kekerasan anggota KKM dan juga kecederaan di kalangan anggota kesihatan. Borang notifikasi yang digunakan adalah seperti yang disediakan oleh Unit Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Jadual 1 : Bilangan Kes-kes Penyakit Pekerjaan, Kecederaan Termasuk Keracunan Kimia / Pestisid di Negeri Sembilan, 2016 - 2020

PENYAKIT PEKERJAAN	2016	2017	2018	2019	2020
Penyakit Kulit Bil. Kes	9	0	0	2	3
Penyakit Paru-paru Bil. Kes	16	6	4	6	80
Keracunan Kimia / Penyakit Lain Bil. Kes	3	5	3	7	8
Kecederaan Di Fasiliti Kesihatan KKM Bil. Kes	166	135	161	180	125
Bil. Kekerasan anggota KKM	-	16	39	13	13
NIHL	0	0	0	0	0
Ergonomik	0	0	0	0	0
JUMLAH	**194**	**162**	**207**	**208**	**229**

Graf 1 : Insiden dan Bilangan Kecederaan Alatan Tajam di Fasiliti Kesihatan KKM, 2016-2020



Jadual 2 : Jenis Kecederaan Pekerjaan di Fasiliti Kesihatan KKM Negeri Sembilan di Kalangan Anggota Kesihatan, 2016 - 2020

Tahun	2016	2017	2018	2019	2020
Bil. Tercucuk Jarum 'Hollow bore dan suture needle'	69	55	67	55	50
Bil. Tercucuk Alatan Tajam Lain (selain ' Hollow bore dan suture needle')	17	20	12	18	17
Bil. Kecederaan Lain	70	47	74	94	58
JUMLAH	**156**	**122**	**153**	**167**	**125**

Jadual 3 : Jenis Kecederaan Pekerjaan di Fasiliti Kesihatan KKM Negeri Sembilan di Kalangan lain-lain Anggota, 2020

Jenis Kecederaan	Operator Sinar Jernih	Pelatih Pen. Peg. Perubatan	Pengawal Keselamatan	Jumlah
Bil. Tercucuk Jarum 'Hollow bore dan suture needle'	5	0	0	5
Bil Tercucuk Alatan Tajam Lain (selain ' Hollow bore dan suture needle')	1	0	0	1
Bil. Kecederaan Lain	0	0	1	1
JUMLAH	**6**	**0**	**1**	**7**

Jadual 4 : Bilangan Kes-Kes Kecederaan Pekerjaan di Kalangan Anggota Kesihatan Yang Dilaporkan Mengikut Hospital, Kesihatan dan Pergigian di Negeri Sembilan, 2016 - 2020

Fasiliti	2016		2017		2018		2019		2020	
	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)
Hospital Tuanku Jaafar Seremban	78	46.9	57	46.0	78	46.9	57	46.0	42	33.6
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	16	9.6	10	8.1	16	9.6	10	8.1	8	6.4
Hospital Port Dickson	10	6.0	8	6.5	10	6.0	8	6.5	5	4.0
Hospital Tampin	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Hospital Jelebu	0	0	2	1.6	0	0	2	1.6	1	0.8
Hospital Jempol	0	0	1	0.8	0	0	1	0.8	4	3.2
Hospital Rembau	-	-	-	-	-	-	-	-	3	2.4
PKD Seremban	42	25.3	21	17.0	42	25.3	21	17.0	31	24.8
PKD Kuala Pilah	1	0.6	0	0	1	0.6	0	0	3	2.4
PKD Port Dickson	3	1.8	3	2.4	3	1.8	3	2.4	0	0
PKD Tampin	2	1.2	4	3.2	2	1.2	4	3.2	6	4.8
PKD Jelebu	3	1.8	4	3.2	3	1.8	4	3.2	8	6.4
PKD Jempol	0	0	1	0.8	0	0	1	0.8	0	0
PKD Rembau	2	1.2	1	0.8	2	1.2	1	0.8	4	3.2
Pergigian Seremban	5	3.0	7	5.6	5	3.0	7	5.6	5	4.0
Pergigian Kuala Pilah	1	0.6	1	0.8	1	0.6	1	0.8	2	1.6
Pergigian Port Dickson	0	0	0	0	0	0	0	0	2	1.6
Pergigian Tampin	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0.8
Pergigian Jelebu	0	0	3	2.4	0	0	3	2.4	0	0
Pergigian Jempol	3	1.8	1	0.8	1	0.6	0	0	0	0
Pergigian Rembau	0	0	0	0	0	0	1	0.6	0	0
JUMLAH	**166**	**100**	**135**	**100**	**161**	**100**	**180**	**100**	**125**	**100**

Jadual 5 : Bilangan Kes-Kes Kecederaan (Bukan Alatan Tajam) di Kalangan Anggota Kesihatan di Negeri Sembilan Mengikut Mekanisma, 2020

Mekanisma kecederaan	Kecederaan	
	Bil.	%
Percikan darah / cecair badan	6	10.3
Kemalangan kenderaan bermotor	35	60.3
Jatuh dari tempat tinggi	0	0
Jatuh / tergelincir di paras (*level*) yang sama	11	19.0
Cedera semasa mengendali/ mengangkat / membawa	2	3.5
Lain-lain	4	6.9
JUMLAH	**58**	**100.0**

Jadual 6 : Bilangan Kes-Kes Keracunan Yang Dilaporkan Mengikut Situasi Kejadian di Negeri Sembilan, 2020

Situasi Kejadian	Bilangan Kes Keracunan *Pestisid* / Kimia	Peratus (%)
Occupational	8	100
Suicide	0	0
Accidental (Non-Occupational)	0	0
Homicide	0	0
JUMLAH	**8**	**100**

PROGRAM PROMOSI KESIHATAN TEMPAT KERJA

Audit Keselamatan dan Kesihatan

Audit Keselamatan dan Kesihatan telah dimulakan pada tahun 2000. Di antara fasilti-fasilti kesihatan yang telah menjalankan audit pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

Jadual 7 : Bilangan Lokasi Audit Keselamatan Dan Kesihatan Yang Telah Dijalankan Mengikut Fasiliti Di Negeri Sembilan, 2020

FASILITI	BILANGAN LOKASI AUDIT KESELAMATAN DIJALANKAN
Pejabat Kesihatan Daerah Seremban	8
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Pilah	8
Pejabat Kesihatan Daerah Jempol	10
Pejabat Kesihatan Daerah Tampin	8
Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson	8
Pejabat Kesihatan Daerah Jelebu	8
Pejabat Kesihatan Daerah Rembau	6
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	4
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	17
Hospital Jempol	12
Hospital Tampin	11
Hospital Port Dickson	8
Hospital Jelebu	21
Pergigian Seremban	16
Pergigian Kuala Pilah	8
Pergigian Jempol	3
Pergigian Tampin	8
Pergigian Port Dickson	7
Pergigian Jelebu	4
Pergigian Rembau	3
JUMLAH	**178**

PROGRAM PENJAGAAN KESIHATAN DITEMPAT KERJA

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Sebanyak 46 Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah ditubuhkan di Pejabat-pejabat Kesihatan Daerah, Pergigian, Hospital-hospital, Klinik Kesihatan dan di Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan.

Jadual 8 : Bilangan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Mengikut Fasiliti di Negeri Sembilan, 2020

FASILITI	BILANGAN JKKP
Ibu Pejabat, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan	1
Pejabat Kesihatan Daerah Seremban	11
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Pilah	4
Pejabat Kesihatan Daerah Jempol	4
Pejabat Kesihatan Daerah Tampin	4
Ibu Pejabat, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan	1
Pejabat Kesihatan Daerah Seremban	11
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Pilah	4
Pejabat Kesihatan Daerah Jempol	4

FASILITI	BILANGAN JKKP
Pejabat Kesihatan Daerah Tampin	4
Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson	4
Pejabat Kesihatan Daerah Jelebu	3
Pejabat Kesihatan Daerah Rembau	1
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	1
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	1
Hospital Jempol	1
Hospital Tampin	1
Hospital Port Dickson	1
Hospital Jelebu	1
Hospital Rembau	1
Pergigian Seremban	1
Pergigian Kuala Pilah	1
Pergigian Jempol	1
Pergigian Tampin	1
Pergigian Port Dickson	1
Pergigian Jelebu	1
Pergigian Rembau	1
JUMLAH	**46**

Program Kepastian Kualiti *("Quality Assuarance Indikator")*

Satu indikator kebangsaan di bawah Program Kepastian Kualiti *("Quality Assurance Programme")* telah dibentuk iaitu indikator bagi tercucuk jarum *(needle stick injury)* di kalangan kakitangan kesihatan KKM. Jarum yang terlibat adalah dari jenis '*hollow bore'* dan '*suture needle'* sahaja. Indikator ini telah diguna pakai oleh KKM sejak Disember 1998. Berikut adalah Pencapaian Program Kepastian Kualiti bagi Negeri Sembilan pada tahun 2020.

Jadual 9 : Pencapaian Indikator Program Kepastian Kualiti ("Kadar Kejadian Tercucuk Jarum Di Kalangan Anggota Kesihatan KKM") bagi Kitaran 1 (Januari - Jun 2020)

Bil.	Nama Fasiliti	Jumlah kes NSI	Jumlah Kakitangan yang terdedah kepada jarum (HCWs at risk)	Kadar insiden bagi setiap 1000 mengikut kategori "Incidence Rate (Occupation Specific)"
1.	Hospital Tuanku Jaafar Seremban	12	2,949	12/2,949 x 1,000 = 4.1
2.	Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah	1	1,070	1/1,070 x 1,000 = 0.9
3.	Hospital Jelebu	1	207	1/207 x 1,000 = 4.8
4.	Hospital Jempol	1	218	1/218 x 1,000 = 4.6
5.	PKD Seremban	3	1,055	3/1,055 x 1,000 = 2.8
6.	PKD Jelebu	1	237	1/237 x 1,000 = 4.2
7.	PKD Tampin	2	326	2/326 x 1,000 = 6.1
8.	PKD Rembau	1	204	1/204 x 1,000 = 4.9
9.	Pejabat Pergigian Seremban	2	408	2/408 x 1,000 = 4.9
10.	Pejabat Pergigian Kuala Pilah	1	152	1/152 x 1,000 = 6.6
NEGERI SEMBILAN		**25**	**** 9,253**	**25/9,253 x 1,000 = 2.7**

***** Merupakan jumlah keseluruhan kakitangan KKM di Negeri Sembilan yang berisiko terdedah kepada jarum pada kitaran berkaitan***

Jadual 10 : Pencapaian Indikator Program Kepastian Kualiti ("Kadar Kejadian Tercucuk Jarum Di Kalangan Anggota Kesihatan KKM ") bagi Kitaran 2 (Julai - Disember 2020)

Bil.	Nama Fasiliti	Jumlah kes NSI	Jumlah Kakitangan yang terdedah kepada jarum (HCWs at risk)	Kadar insiden bagi setiap 1000 mengikut kategori "Incidence Rate (Occupation Specific)"
1.	Hospital Tuanku Jaafar Seremban	11	3,000	11/3,000 x 1,000 = 3.7
2.	Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah	1	1,136	1/1,136 x 1,000 = 0.9
3.	Hospital Port Dickson	2	558	2/558 x 1,000 = 3.6
4.	PKD Seremban	2	1,030	3/1,030 x 1,000 = 2.9
5.	PKD Kuala Pilah	1	351	1/351 x 1,000 = 2.8
6.	PKD Jelebu	1	240	1/240 x 1,000 = 4.2
7.	PKD Tampin	1	326	1/326 x 1,000 = 3.1
8.	Pejabat Pergigian Seremban	1	402	1/402 x 1,000 = 2.5
9.	Pejabat Pergigian Port Dickson	1	115	1/115 x 1,000 = 8.7
NEGERI SEMBILAN		**21**	****9,481**	**21/9481 x 1,000= 2.2**

***** merupakan jumlah keseluruhan kakitangan KKM di Negeri Sembilan yang berisiko terdedah kepada jarum kitaran berkaitan***

Klinik Kesihatan Pekerjaan

Klinik Kesihatan Pekerjaan telah dimulakan pada tahun 2002. Klinik tersebut terletak di Aras 2, Klinik Kesihatan Seremban dan telah dilengkapi dengan pelbagai peralatan yang diperlukan termasuk spirometri dan audiometri. Beberapa orang Pakar dan Pegawai Perubatan yang telah dilatih didalam bidang Kesihatan Pekerjaan dan seorang Jururawat mengendalikan klinik tersebut.

Pada tahun 2020, terdapat dua(2) tambahan Klinik Kesihatan Pekerjaan iaitu di Daerah Port Dickson dan Tampin. Klinik tersebut dikendalikan oleh Pegawai Perubatan yang telah dilatih dalam bidang Kesihatan Pekerjaan.

Jadual 11 : Bilangan Kes-Kes Yang Dikendalikan Oleh Klinik Kesihatan Pekerjaan, 2020

Bil.	Jenis Kes	Perkara	Jumlah
1.	Pesakit kes penyakit pekerjaan	Penyakit kulit pekerjaan = 3 Penyakit Paru-paru pekerjaan = 73 Penyakit hilang pendengaran akibat pendedahan bunyi bising di tempat kerja= 0 Penyakit lain = 8 Kes rujukan disyaki penyakit pekerjaan = 0	84
2.	Pemeriksaan Kospen Plus anggota KKM	Pejabat Kesihatan Daerah Seremban dan KK Seremban = 971/1,136 (85.5%)	971
		Pejabat Kesihatan Daerah Tampin dan KK Gemencheh = 142/143 (99.1%)	142
3.	Pengawasan Perubatan Bagi Anggota Kesihatan	i) Program Surveilan Perubatan bagi Anggota Vektor *(Foggers)* = 131 ii) Program Surveilan Perubatan bagi Kakitangan Makmal = 0 iii) Program Surveilan Perubatan bagi Kakitangan X-ray = 12	143
		JUMLAH	**1,340**

Program Pengukuhan Imunisasi Hepatitis B Bagi Anggota KKM

Program imunisasi hepatitis B bagi anggota KKM telah bermula sejak tahun 1989. Walau bagaimanapun pada bulan November 2006, pengukuhan program ini telah dilaksanakan di bawah tanggungjawab Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar bertujuan untuk meningkatkan liputan imunisasi dan memastikan ke semua anggota di dalam kategori berisiko tinggi dilindungi.

Keseluruhannya, pada tahun 2020, 60.6% anggota yang layak menerima imunisasi Hepatitis B telah lengkap menerima 3 dos imunisasi tersebut.

Jadual 12 : Pencapaian Program Pengukuhan Imunisasi Hepatitis B bagi Anggota KKM Di Negeri Sembilan, 2020

PTJ	Bilangan Anggota Yang Layak Menerima Vaksin	Bilangan Anggota Lengkap Dos Ke 3 / Dos 1 (Booster)	% Anggota Lengkap Dos
HTJ Seremban	76	11	14.5
HTAN Kuala Pilah	43	43	100
Hospital Port Dickson	22	16	72.7
Hospital Tampin	5	5	100
Hospital Jelebu	0	0	0
Hospital Jempol	22	2	9
PKD Seremban	28	16	57.1
PKD Kuala Pilah	10	9	90
PKD Port Dickson	14	14	100
PKD Tampin	10	10	100
PKD Jelebu	4	4	100
PKD Jempol	8	8	100
PKD Rembau	0	0	0
PPD Seremban	8	8	100
PPD Kuala Pilah	2	2	100
PPD Port Dickson	10	9	90
PPD Tampin	0	0	0
PPD Jelebu	11	9	81.8
PPD Jempol	4	2	50
PPD Rembau	0	0	0
NEGERI SEMBILAN	**277**	**168**	**60.6**

Program Saringan Tibi Bagi Anggota Kementerian Kesihatan

Anggota kesihatan adalah berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan Tibi di tempat kerja. Bagi mematuhi Peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994, di mana majikan perlu menjaga keselamatan dan kesihatan pekerja mereka, maka program saringan Tibi bagi anggota Kementerian Kesihatan telah dimulakan pada bulan Mac 2012.

Keseluruhannya, seramai 869 anggota telah disaring Tibi dengan menjalani Ujian Mantoux dan 3696 anggota disaring dengan menjalani x-ray dada . Ke semua x-ray dada adalah negatif dan terdapat 46 anggota positif ujian Mantoux. Kesemua mereka telah di rujuk bagi menjalani penyiasatan lanjut dan tiada anggota yang di kesan mengidap Tibi melalui saringan ini.

Jadual 13 : Pencapaian Program Saringan Tibi Bagi Anggota KKM Di Negeri Sembilan, 2020

PTJ	Jumlah anggota yg telah disaring Ujian Mantoux	Jumlah Mantoux positif	Jumlah anggota yg telah disaring X-ray dada	Jumlah X-ray dada positif
HTJ Seremban	225	23	585	0
HTAN Kuala Pilah	187	4	662	0
Hospital Port Dickson	37	0	171	0
Hospital Tampin	27	0	229	0
Hospital Jelebu	20	0	0	0
Hospital Jempol	7	0	0	0
PKD Seremban	122	11	670	0
PKD Kuala Pilah	11	0	183	0
PKD Port Dickson	5	0	140	0
PKD Tampin	33	1	142	0
PKD Jelebu	19	3	155	0
PKD Jempol	2	0	590	0
PKD Rembau	19	0	122	0
PPD Seremban	20	2	0	0
PPD Kuala Pilah	1	0	0	0
PPD Port Dickson	10	0	6	0
PPD Tampin	54	0	0	0
PPD Jelebu	13	2	30	0
PPD Jempol	14	0	11	0
PPD Rembau	13	0	0	0
NEGERI SEMBILAN	**869**	**46**	**3,696**	**0**

PROGRAM KESIHATAN ALAM SEKITAR

SANITASI ALAM SEKITAR

Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut :

i. Penilaian Kesihatan Persekitaran Institusi Berisiko Tinggi
ii. Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN)/ MFLS
iii. Depot Tahanan Imigresen Lenggeng
iv. Penjara
v. Pemeriksaan Sanitari Sekolah
vi. Perumahan / Ladang / Estet
vii. Penyiasatan Aduan Alam Sekitar

Jadual 14: Pencapaian Aktiviti-Aktiviti Kesihatan Alam Sekitar Di Negeri Sembilan Tahun 2016 Hingga 2020

Aktiviti	2016	2017	2018	2019	2020
1. Penilaian Kesihatan Persekitaran di Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN)/ MFLS					
Jumlah Kem PLKN	6	6	6	1	1
Jumlah Kem di periksa	6(100%)	6(100%)	6(100%)	1(100%)	1(100%)
2. Penilaian Kesihatan Persekitaran di Depot Tahanan Imigresen					
Jumlah Depot Tahanan	1	1	1	1	1
Jumlah Depot di periksa	1(100%)	1(100%)	1(100%)	1(100%)	1(100%)
3. Penilaian Kesihatan Persekitaran di Penjara					
Jumlah Penjara	2	2	2	2	2
Jumlah Penjara di periksa	2(100%)	2(100%)	2(100%)	2(100%)	2(100%)
4. Pengawasan Sanitasi Sekolah					
Jumlah Sasaran	479	499	479	421	435
Bilangan sekolah diperiksa	293(61.2%)	281(56.3%)	259(54.1%)	234(55.6)	202 (46.4%)
5. Pemeriksaan Sanitasi Perumahan Ladang					
Sasaran	60	56	61	60	57
Ladang diperiksa	37(61.7%)	20(35.7%)	28(45.9)	51(85%)	43 (75.5%)
6.Aduan Pencemaran Alam Sekitar					
Bil. Aduan diterima	26	24	17	20	12
Bil. Aduan disiasat	26(100%)	24(100%)	17(100%)	20 (100%)	12 (100%)

PEMANTAUAN PENYAKIT- PENYAKIT BERKAITAN PENCEMARAN UDARA (KONJUNTIVITIS, URTI DAN ASTHMA) DI KLINIK SENTINEL

Penyakit-penyakit berkaitan pencemaran udara yang di pantau adalah Asma, Konjuntivitis dan URTI. Di Negeri Sembilan, terdapat 6 buah fasiliti kesihatan yang menjalankan survelan bagi penyakit-penyakit berkaitan pencemaran udara.

i. Klinik Kesihatan Seremban
ii. Klinik Kesihatan Ampangan
iii. Klinik Kesihatan Nilai
iv. Klinik Kesihatan Port Dickson
v. Hospital Tuanku Jaafar Seremban
vi. Hospital Port Dickson

Pada tahun 2020, tiada kejadian jerebu teruk sehingga memberi impak kepada kesihatan berlaku di Negeri Sembilan.

KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI BENCANA BANJIR

Bagi kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir, sebanyak 8 Jawatankuasa Bencana Alam telah di tubuhkan di mana 1 diperingkat Ibu Pejabat Jabatan Kesihatan Negeri dan 7 masing –masing di peringkat Pejabat Kesihatan Daerah. Dalam tahun 2020, bilangan pasukan Kesihatan dan Perubatan yang telah di tubuhkan bagi kesiapsiagaan menghadapi banjir adalah seperti di jadual berikut:

Jadual 15: Bilangan Pasukan Kesihatan dan Perubatan Bagi Kesiapsiagaan Menghadapi Bencana Banjir 2020

Pasukan Kesihatan		Pasukan Perubatan		JUMLAH	
Bilangan	Ahli	Bilangan	Ahli	Bilangan	Ahli
108	416	11	41	119	457

LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Bagi meningkatkan pengetahuan mengenai kesihatan pekerjaan dan alam sekitar di kalangan anggota kesihatan, sebanyak 3 latihan/ kursus telah di anjurkan oleh Unit KPAS sepanjang tahun 2020 seperti di **Jadual 16** :

Jadual 16 : Senarai Kursus Yang Telah Dianjurkan, 2020

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh
1.	Kursus Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Peringkat Negeri Sembilan.	26 - 27 Februari 2020
2.	Kursus Kriteria Diagnostik Penyakit Pekerjaan Peringkat Negeri Sembilan	12 – 13 Ogos 2020
3.	Latihan Kursus Kesedaran Kesihatan Pekerjaan Dalam Kalangan Pemandu Peringkat Negeri Sembilan (5 sesi)	Sesi 1 : 26 Ogos 2020 Sesi 2 : 27 Ogos 2020 Sesi 3 : 3 September 2020 Sesi 4 : 8 September 2020 Sesi 5 : 10 september 2020

KESIMPULAN

Golongan pekerja terdedah kepada hazad yang ada di tempat kerja dan persekitaran mereka sendiri. Ini boleh menjejaskan kesihatan dan keselamatan mereka seterusnya menjejaskan produktiviti dan perkhidmatan yang diberikan *"service delivery"*. Jumlah anggota kesihatan di Negeri Sembilan pada tahun 2020 adalah dianggarkan seramai 11,168 orang dan mereka ini terdiri daripada anggota hospital, kesihatan dan pergigian dari pelbagai jawatan. Golongan ini seperti mana dengan pekerja-pekerja yang lain juga terdedah kepada berbagai-bagai hazad yang terdapat di kesemua fasiliti-fasiliti KKM.

Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan dan Alam Sekitar memerlukan penglibatan dan komitmen semua pihak samada intra atau inter agensi. Justeru itu, Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan akan terus bekerja keras dalam memberikan kesedaran kepada semua pihak mengenai kepentingan Kesihatan, Keselamatan Pekerjaan dan Persekitaran, seterusnya mencegah kejadian kemalangan dan penyakit akibat pekerjaan.

2.8. UNIT KAWALAN PENYAKIT BAWAAN VEKTOR

1.0 SITUASI PENYAKIT BAWAAN VEKTOR

Jadual 1 : Situasi Penyakit Bawaan Vektor Di Negeri Sembilan

Penyakit	Tahun / Bilangan Kes (Kematian)				
	2016	2017	2018	2019	2020
Denggi	2,852(23)	3,055(11)	1,863(6)	2,305(11)	2,891(10)
Malaria	11 (1)	36	41 (1)	37(1)	12
Jap.Encephalitis	3	0	0	3	0
Filariasis	35	73	33	25	27
Taifus	0	0	0	0	0
Hawar	0	0	0	0	0
Demam Kuning	0	0	0	0	0
Chikungunya	6	0	0	8	0
Kala-Azar	0	0	0	0	0

( ) kematian

Secara amnya, penyakit bawaan vektor di Negeri Sembilan adalah masih dalam keadaan terkawal. Kes denggi menunjukkan peningkatan kes pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 manakala dari segi bilangan kes kematian pada tahun 2020 menunjukkan penurunan berbanding tahun 2019 . Pada tahun 2020, penyakit Malaria menunjukkan penurunan kes berbanding tahun sebelumnya manakala penyakit Filariasis menunjukkan peningkatan kes berbanding tahun sebelumnya. Tahun 2020, tiada kes bagi jangkitan Japanese Encephalitis, Chikungunya, Taifus, Hawar, Demam Kuning dan Kala-Azar dilaporkan.

DENGGI

Sebanyak 2,891 kes denggi telah didaftarkan pada tahun 2020 berbanding 2,305 kes denggi pada tahun 2019. Ini menunjukkan peningkatan kes sebanyak 25.4%. Kadar insiden denggi bagi tahun 2020 adalah 246.2/100,000 penduduk berbanding 198.9/100,000 penduduk pada tahun 2019. Bilangan kematian denggi yang dilaporkan pada tahun 2020 adalah sebanyak 10 kematian dengan kadar kematian kes (*case fatality rate*) 0.35%.

Jadual 2 : Kadar Insiden denggi di Negeri Sembilan dari Tahun 2016 - 2020

Tahun	Bil. DD	Bil. DDB	Jumlah	Kadar Insiden
2016	2,849	3	2,852	256.2
2017	3,052	3	3,055	270.8
2018	1,860	3	1,863	163.0
2019	2,302	3	2,305	198.9
2020	2,891	2	2,891	246.2

Jadual 3 : Perbandingan Kes Denggi Mengikut Daerah di Negeri Sembilan Bagi Tahun 2019 dan 2020

Daerah	Bilangan Kes						Peratus % (+/-)
	2019			2020			
	DD	DDB	Jum (M)	DD	DDB	Jum (M)	
Seremban	1,846	3	1,849(8)	2,469	2	2,471(8)	33.6%
P. Dickson	107	0	107(1)	90	0	90	-15.9%
Jempol	82	0	82(1)	80	0	80(1)	-2.4%
Tampin	104	0	104	99	0	99	-4.8%
K. Pilah	51	0	51	26	0	26	-49.0%
Rembau	60	0	60	71	0	71(1)	18.3%
Jelebu	52	0	52(1)	54	0	54	3.8%
N.Sembilan	**2,302**	**3**	**2,305(11)**	**2,889**	**2**	**2,891(10)**	**25.4%**

( ) = kematian

Taburan kes Mengikut Etnik
Daripada 2,891 kes denggi yang dilaporkan, 1812 (62.7%) adalah Melayu, 469 (16.2%) Cina, 425 (14.7%) India, 43 (1.5%) dari lain-lain bangsa dan 142 (4.9%) adalah warga asing.

Taburan Kes Mengikut Jantina
Kebanyakan kes denggi iaitu 1,571 kes (54.3%) adalah terdiri daripada golongan lelaki sementara 1,320 kes (45.6%) adalah golongan perempuan dengan nisbah 1:0.84

Taburan kes Mengikut Umur
Kumpulan umur yang paling banyak dijangkiti penyakit demam denggi adalah di antara 20-54 tahun (1,709 kes). Ini diikuti oleh kumpulan umur 6-19 tahun (610 kes), lebih 55 tahun (421 kes) dan dibawah umur 5 tahun (151 kes). Kes demam denggi yang melibatkan kumpulan umur di alam persekolahan adalah sebanyak 468 kes (16.2%).

Taburan Kes Denggi Mengikut Kawasan
Berdasarkan taburan kes mengikut kawasan, bilangan kes denggi yang dicatatkan di kawasan bandar adalah lebih banyak berbanding di kawasan luar bandar iaitu 2,599 kes (89.9%) berbanding 292 kes (10.1%). Ini adalah kerana penyakit ini lebih cepat disebarkan di kawasan bandar yang padat penduduknya.

Keputusan Serologi
Daripada 2,891 kes yang dilaporkan, sebanyak 2,574 (89%) kes didapati mempunyai keputusan serologi yang positif. Bermula pada 01 Januari 2015 semua kes yang didaftarkan hendaklah mempunyai keputusan serologi positif.

Aktiviti Pencegahan dan Kawalan Denggi
Aktiviti pencegahan dan kawalan denggi dijalankan secara berterusan bagi membendung penularan penyakit ini. Pencapaian aktiviti pada tahun 2020 adalah sebagaimana Jadual 4.


Jadual 4 : Aktiviti Pencegahan dan Kawalan Denggi Mengikut Daerah bagi Tahun 2020

Daerah	Bil Rumah Diperiksa	Bil Premis Positif *Aedes*	Bil Premis di sembur kabus	Bil Notis (sek. 8)	Bil Kompaun	Bil Tindakan Mahkamah	Bil Gotong Royong
Seremban	159,149	10,499	702,109	41	869	133	46
P.Dickson	15,284	201	36493	5	221	1	4
Jempol	21,181	294	38197	38	198	3	6
Tampin	24,695	200	17,753	54	40	0	1
K.Pilah	24,029	422	27427	8	147	2	2
Rembau	14,068	377	18162	32	16	0	5
Jelebu	10,212	215	16,053	1	39	0	1
N.Sembilan	**268,618**	**12,208**	**856,194**	**179**	**1,530**	**139**	**65**

MALARIA

Pada tahun 2020 sebanyak 12 kes Malaria dilaporkan di Negeri Sembilan berbanding 37 kes pada tahun 2019. Kadar insiden malaria tahun 2020 adalah 0.10/10,000 penduduk dan tiada kematian dilaporkan.

Rajah 1: Kadar Insiden Malaria per 10,000 penduduk bagi Tahun 2016-2020



Taburan Kes Mengikut Daerah

Kebanyakan kes kalaria pada tahun 2020 telah berlaku di daerah Seremban iaitu sebanyak 8 kes, Kuala Pilah 2 kes, masing-masing 1 kes di daerah Tampin dan daerah Rembau manakala daerah Port Dickson, daerah Jempol dan daerah Jelebu tidak mempunyai kes yang didaftarkan.

Jadual 5 : Taburan Kes Malaria Mengikut Daerah Di Negeri Sembilan Bagi Tahun 2019 - 2020

DAERAH	HUMAN MALARIA				ZOONOTIK MALARIA				JUMLAH		Peningkatan/ Penurunan (%)
	2019		2020		2019		2020				
	Indigenous	Import	Indigenous	Import	Indigenous	Import	Indigenous	Import	2019	2020	
Seremban	0	8	0	4	10	0	4	0	18	8	-125%
Port Dickson	0	2	0	0	0	0	0	0	2	0	-100%
Jempol	0	1	0	0	2	0	0	0	3	0	-100%
Tampin	0	0	0	0	4	0	1	0	4	1	-100%
Kuala Pilah	0	0	0	0	3	0	2	0	3	2	-33.3%
Rembau	0	0	0	0	2	0	1	0	2	1	- 50%
Jelebu	0	0	0	0	5	0	0	0	5	0	- 100%
Negeri Sembilan	**0**	**11**	**0**	**4**	**26**	**0**	**8**	**0**	**37**	**12**	**- 208.3%**


Klasifikasi Kes Mengikut Jenis Jangkitan

Berdasarkan klasifikasi kes, tiada kes (0%) diklasifikasi sebagai Tempatan, 4 kes (33.3%) Import A, 0 kes (0%) *Induced* dan 8 kes (66.7%) mendapat jangkitan *Zoonosis*. Tiada perubahan kes jangkitan tempatan pada tahun 2020 berbanding tahun 2019.

Taburan Kes Mengikut Kumpulan Risiko

Berdasarkan kumpulan risiko pula sebanyak 3 kes (25%) perladangan, Orang Asli Pinggiran 0 kes (0%), tentera 0 kes (0%) dan 9 kes (75%) dari kumpulan lain-lain.

Rajah 2 : Kes Malaria Mengikut Kumpulan Umur



Taburan Kes Mengikut Umur

Kebanyakan kes malaria yang dilaporkan di Negeri Sembilan pada tahun 2020 tergolong dalam kumpulan umur 31 hingga 40 tahun.

Kejadian Kes Mengikut Jantina dan Etnik

Daripada 12 kes yang dilaporkan, 12 kes (100%) adalah terdiri daripada golongan lelaki dan tiada kes (0%) daripada golongan perempuan. Kes Malaria kebanyakannya berlaku dalam kalangan etnik Melayu 10 kes (83.3%), India 1 kes (6.9%) diikuti oleh warga asing 1 kes (6.9%).

Kejadian Kes Mengikut Spesis

Kebanyakan kes adalah dari spesis *Plasmodium knowlesi* iaitu 8 kes (66.7%), spesis *Plasmodium falciparum* iaitu 2 kes (16.7%), spesis *Plasmodium malariae* iaitu 1 kes (8.3%) dan spesis *Plasmodium ovale* iaitu 1 kes (8.3%) dan tiada jangkitan campuran (0%).

Taburan Kes Mengikut Sumber Kes

11 kes yang dilaporkan pada 2020 dikesan melalui *Passive Case Detection* (PCD) dan 1 kes dikesan melalui *Active Case Detection (ACD)*.

LAIN-LAIN PENYAKIT BAWAAN VEKTOR

Pada tahun 2020, terdapat sebanyak 27 kes Filariasis dilaporkan melibatkan masing-masing 10 kes di daerah Jempol, 7 kes di daerah Port Dickson, 6 kes di daerah Tampin, 3 kes di daerah Rembau dan 1 kes di daerah Jelebu. Tiada kes Chikungunya, *Typhus, Japanese encephalitis*, Demam Kuning dan Hawar yang dilaporkan di negeri ini pada tahun 2020.

PROGRAM KEPASTIAN KUALITI (*QUALITY ASSURANCE*).

Program Kepastian Kualiti atau *Quality Assurance Programme* menetapkan tiga indikator utama iaitu Kematian Malaria, Indeks Masa Notifikasi Denggi (*Dengue Notification Time Index*-DNTI) dan Indeks Kawalan Wabak Denggi (*Dengue Outbreak Control Index*-DOCI)

a) Kematian Malaria

Piawai kematian bagi malaria adalah sifar. Tiada kematian malaria dilaporkan pada tahun 2020 di Negeri Sembilan.

b) Indeks Masa Notifikasi Denggi (DNTI)

Piawai bagi Indeks Masa Notifikasi Denggi ialah 100% kes denggi yang disyaki mesti dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan atau Pihak Berkuasa Tempatan dalam tempoh 24 jam selepas diagnosa. Pada tahun 2020 pencapaian adalah 99.1%.

Jadual 8 : Perbandingan Keseluruhan Indeks Masa Notifikasi Denggi (DNTI) di Negeri Sembilan Bagi Tahun 2016 - 2020

Perkara	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah kes denggi dilaporkan	2,852	3,055	1,864	2,305	2,891
Bil. kes dilaporkan dalam masa 24 jam	2813	2951	1832	2275	2,864
DNTI (%)	**98.6%**	**96.6%**	**98.3%**	**98.7%**	**99.1%**

c) Indeks Kawalan Wabak Denggi (DOCI)

Piawai bagi DOCI ialah 100% wabak mesti dikawal dalam tempoh 14 hari. Tahun 2020 mencatatkan penurunan bilangan wabak yang dapat tidak dikawal dalam masa 14 hari iaitu 79 wabak berbanding 230 pada tahun 2019. Pencapaian keseluruhan pada tahun 2020 adalah 85.2%.

Jadual 9 : Perbandingan Keseluruhan Indeks Kawalan Wabak Denggi (DOCI) di Negeri Sembilan Bagi Tahun 2016 - 2020

Perkara	2016	2017	2018	2019	2020
Bil. wabak berlaku	279	321	211	270	397
Bil. wabak dikawal dalam masa 14 hari	236	263	194	230	318
DOCI (%)	**90.1%**	**81.9%**	**91.9%**	**85.2%**	**80.1%**

PERKHIDMATAN UNIT MAKMAL VEKTOR

Makmal Vektor Negeri di setiap negeri di Malaysia adalah satu unit di bawah Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor yang berperanan penting dalam dalam pemeriksaan slaid untuk diagnosis penyakit Malaria dan Filariasis.

Objektif utama unit ini ialah mengeluarkan satu keputusan pemeriksaan slaid darah yang tepat dan berkualiti serta mengikut masa yang ditetapkan.

Aktiviti utama Makmal Vektor Negeri selain daripada mengesahkan kes Malaria dan Filariasis melalui pemeriksaan slaid, ianya berfungsi sebagai:

- Pengumpulan data pemeriksaan slaid darah untuk malaria dan Filariasis yang diterima dari daerah-daerah dalam Negeri Sembilan serta menyediakan laporan makmal.
- Melakukan analisis terhadap kawalan mutu pemeriksaan slaid yang dijalankan di makmal-makmal setiap klinik kesihatan dan hospital setiap daerah dan menyediakan laporan mengenainya.
- Tempat yang bertanggungjawab kepada semua aktiviti dari segi perlaksanaan dan pengawasan perkhidmatan makmal khususnya berkaitan dengan diagnosis kes malaria dan Filariasis di semua Klinik Kesihatan dan Klinik Desa.
- Pusat rujukan dan latihan pengukuhan bacaan slaid BFMP kepada semua Juruteknologi Makmal, Pegawai Sains, Penolong Pegawai Sains dan mikroskopis yang bermasalah dalam pengenalan spesies Malaria.
- Tempat latihan kepada Pelatih-pelatih Separa Perubatan seperti Penolong Pegawai Perubatan, Penguatkuasa Kesihatan Awam, Jururawat ,dan Pembantu Kesihatan Awam serta Pegawai Perubatan yang terlibat dalam prosedur untuk mendiagnosis kes Malaria dan Filariasis.
- Pusat maklumat diagnosis makmal bagi kes Malaria dan Filariasis di Negeri Sembilan.
- Pusat penyelidikan *Drug Resistance Study* dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Universiti tempatan untuk kes Malaria di Negeri Sembilan

Pemeriksaan Slaid Darah di Makmal Vektor Negeri

Malaria

Pada tahun 2020 sebanyak 27,344 slaid darah telah diterima dan diperiksa. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 9 kes telah dikesan positif di Makmal Vektor Negeri Sembilan, manakala sebanyak 3 kes lagi dikesan positif oleh makmal vektor luar dari Negeri Sembilan iaitu satu kes di Johor dan dua (2) kes di Selangor.

Pengurangan jumlah slaid Malaria sebanyak 9,353 slaid (25%) juga telah diperiksa pada tahun 2020 berbanding tahun 2019.

Jadual 10: Pecahan slaid ACD, PCD dan lain-lain (INV) yang diterima dari Daerah bagi Tahun 2020

Daerah	ACD	PCD	PCD(HOSP)	INV	Jumlah	Kes positif
Jelebu	5,257	618	227	45	6,147	0
Kuala Pilah	2,280	39	1,347	28	3,694	1
Tampin	123	336	532	3741	4,732	0
Seremban	1,397	34	622	680	2,733	7
Rembau	1,370	594	11	99	2,074	0
P.Dickson	2,084	10	326	37	2,457	1
Jempol	1,547	1,247	386	2327	5,507	0
N. Sembilan	**14,058**	**2,878**	**3,451**	**6,957**	**27,344**	**9**

Jadual 11: Bilangan Kes Malaria mengikut spesies yang di kesan di Negeri Sembilan dalam tahun 2016 hingga 2020

Bil	Spesies Plasmodium	Bil Kes Positif				
		2016	2017	2018	2019	2020
1.	P.falciparum	3	3	7	13	2
2.	P.vivax	7	5	6	3	0
3.	P.malariae	0	0	0	1	0
4.	P.ovale	0	0	1	0	0
5.	P.knowlesi	3	28	29	20	7
6.	Jangkitan Campuran	0	0	1	0	0
	Jumlah	**13**	**36**	**44**	**37**	**9**

Jadual 11 menunjukan peningkatan kes malaria daripada spesies *Plasmodium knowlesi* di Negeri Sembilan sehingga tahun 2018. Namun, terdapat penurunan kes *Plasmodium knowlesi* pada tahun 2019 dan tahun 2020 berbanding tahun 2018.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak Makmal Vektor Negeri dalam memastikan pengesanan kes Malaria lebih efektif dan berkesan. Pihak makmal telah berusaha meningkatkan lagi kompetensi semua JTMP yang bertugas di Makmal Malaria khususnya di daerah. Usaha-usaha tersebut ialah:

- Memastikan semua JTMP yang baru bertugas menjalani kursus Malaria selama 3 hari di Makmal Vektor Negeri.
- Menjalankan audit setiap bulan di makmal hospital dan klinik kesihatan bagi memastikan kompetensi JTMP bertugas, peralatan yang berfungsi dengan baik, reagen pencelupan dan dokumentasi yang terkini serta mematuhi standard yang ditetapkan.
- Menjalankan *attachment* sebulan sekali selama 3 hari di Makmal Vektor Negeri untuk JTMP yang masih memerlukan pembelajaran mengenal pasti Parasit Malaria.
- Membuat lawatan ke semua Klinik Desa untuk mengajar teknik terbaik dalam penyediaan slaid malaria.

FILARIASIS

Pada tahun 2020 sebanyak 11,717 slaid darah Filariasis telah di ambil untuk pemeriksaan berbanding pada tahun 2019 sebanyak 15,006 slaid. Terdapat pengurangan dalam jumlah slaid Filariasis yang diterima dan diperiksa berbanding tahun 2019 sebanyak 3,289 slaid (21%). Sebanyak 27 kes Filariasis telah di kesan pada tahun 2020 berbanding kes Filariasis pada tahun 2019 menunjukkan peningkatan sebanyak 2 kes atau 7%. (Jadual 12)

Jadual 12: Bilangan Slaid Filariasis Yang Diterima Mengikut Jenis Fasiliti Kesihatan Dari Daerah Bagi Tahun 2020

Daerah	Klinik Kesihatan	Hospital	Pejabat Kesihatan	Jumlah	Bil Slaid Positif
Jelebu	0	0	507	507	1
Kuala Pilah	0	0	1,560	1,560	0
Tampin	0	0	3,602	3,602	6
Seremban	0	0	322	322	0
Rembau	0	0	1,199	1,199	3
Port Dickson	0	0	2,058	2,058	7
Jempol	0	0	2,469	2,469	10
Jumlah	**0**	**0**	**11,717**	**11,717**	**27**

Jadual 13: Bilangan kes Filariasis mengikut spesies 2020

Bil	Spesis	Peratusan
1.	Brugia Malayi	0%
2.	Wuchereria Bancrofti	100%

Kes Filariasis yang dikesan di Negeri Sembilan kesemuanya merupakan kes Wuchereria (Jadual 13) dan tiada kes Brugia Malayi sejak tahun 2018.

Secara keseluruhannya, kes Filariasis di Negeri Sembilan telah di kesan di asrama pekerja yang terletak di ladang ternakan ayam, kelapa sawit dan asrama pekerja kilang. Asrama-asrama ini kebanyakannya dihuni oleh pekerja warga negara asing seperti dari Bangladesh, Pakistan, Myanmar dan India.

Jadual 14: Bilangan Slaid Positif Mengikut Kategori Kes Baru dan Ulangan

TAHUN	JUMLAH SLAID DIPERIKSA	BIL. SLAID POSITIF		
		KES BARU	ULANGAN	BIL. POSITIF
2014	5,966	5	0	5
2015	11,125	57	47	104
2016	12,596	42	24	66
2017	13,791	76	20	96
2018	10,883	46	48	94
2019	15,006	21	6	27
2020	11,717	27	4	31

Jadual 14 pula menunjukkan bilangan slaid positif mengikut kategori kes baru dan ulangan, dimana pada tahun 2020 terdapat 31 bilangan slaid positif bagi kes baru dan ulangan iaitu meningkat sebanyak 4 kes atau pun 13%.

LATIHAN DAN KRUSUS

Pada 2020, walaupun peruntukan LDP lebih rendah berbanding tahun sebelumnya, aktiviti kursus dan *attachment* tetap dijalankan oleh Unit Kawalan Penyakit bawaan Vector. Terdapat lapan (8) latihan yang telah dijalankan merangkumi Latihan penggunaan system edengue/evekpro, bengkel penyeliaan, pengurusan klinikal denggi bagi pegawai perubatan dan bengkel Pelan Strategik Eliminasi Malaria Kebangsaan. Kesemua Latihan ini penting bagi memantapkan pengurusan kes denggi dan malaria di semua fasiliti kesihatan di Negeri Sembilan.

Manakala bagi makmal vector pula latihan asas Mikroskopik Malaria adalah penting untuk semua JTMP yang berkhidmat di Klinik Kesihatan dan Hospital di seluruh Negara. Makmal Vektor Negeri Sembilan telah mengadakan 2 siri kursus asas Malaria seperti mana yang disarankan oleh Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia. Berikut adalah kursus dan latihan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020 bagi Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor.

Jadual 15 : Kursus dan Latihan Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor 2020

Bil.	Modul Latihan	Tarikh	Tempat	Kategori & Bilangan Peserta							
				PPKP	PKA	AKS	PKP	PP	FMS	PPKA	JTMP
1	Bengkel Penyediaan Laporan Penyeliaan Bagi Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor	18-19/2/2020	Bilik Ixora, JKNNS	34	2		2			1	
2	Bengkel Penyediaan Dossier Program Eliminasi Malaria Kebangsaan Negeri Sembilan	11-12/2/2020	Bilik Ixora, JKNNS	11	2	1	2	3	1	3	2
3	Bengkel Psemk: Penentuan Tahap Risiko Malaria Re-Introduction (Foci) Peringkat Negeri Sembilan	25/2/2020	Bilik Perbincangan Vektor	10		1	2				
4	Latihan Penggunaan Sistem E-Denggi V2	22-23/7/2020	Makmal ICT, JKNNS	14	2						
5	Latihan Penggunaan Sistem E-Denggi V2 (Sesi 2)	12-13/8/2020	Makmal ICT, JKNNS	12	2		2				
6	Kursus Vekpro Online Siri 1	17/8/2020	Makmal ICT, JKNNS	25	2						
7	Kursus Vekpro Online Siri 2	18/8/2020	Makmal ICT, JKNNS	23	2						
8	Dengue Cme For Primary Care 2020	15/8/2020	Auditorium, HTJ					60			

Modul Latihan	Tarikh	Tempat	Kategori & Bil Peserta			
			JTMP	IK/PKA	Jururawat / PPP	Pegawai Sains
1. Kursus Asas Mikroskopik Malaria Sessi 1/2020	18.03.2020 hingga 18.03.2020	Bilik Ixora JKNNS	8 Orang	-	-	-
2. Bengkel cara penyediaan slaid malaria anjuran JKNNS	18.08.2020	Bilik Seminar Permaipuri	1 Orang	14 orang	6 orang	1 orang (PP)
3. Kursus Asas Mikroskopik Malaria Sessi 2/2020	5.10.2020 hingga 7.10.2020	Bilik Seminar Permaipuri	19 Orang	-	-	-
4. Bengkal Penyelenggaraan ikroskop Bersama ifetech Synergy Sdn Bhd	15.10.2020	Maklmal Entomologi, PKD Seremban	15 orang staf makmal entamologi dan makmal vektor	-	-	-

KESIMPULAN

Penyakit bawaan vektor adalah agenda sepanjang tahun di Negeri Sembilan terutamanya wabak denggi. Pelbagai kelemahan dan penambahbaikan telah dikenal pasti sepanjang tahun 2020. Pengukuhan fungsi dari segi survelan, kawalan dan makmal vektor akan ditingkatkan lagi pada tahun 2021. Selain itu, pemantauan bagi aktiviti pencegahan Malaria turut dipergiatkan lagi bagi mengekalkan sifar kes human malaria indigenous di Negeri Sembilan. Pemantauan terhadap lain-lain penyakit bawaan vektor tetap diteruskan.

2.9. UNIT PENCEGAHAN DAN KAWALAN AIDS / STI DAN HEP

PENGENALAN

Unit HIV/STI dan Hep C telah ditubuhkan di bawah Program Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan sebagai salah satu unit yang bertanggungjawab dalam merancang, melaksana, memantau dan membuat evaluasi terhadap program pencegahan dan kawalan Penyakit HIV, Penyakit Tularan Seks (STI) dan Hepatitis C di peringkat negeri.

VISI

Untuk membentuk satu masyarakat yang progresif dan bebas daripada wabak HIV dan STI berlandaskan kepada prinsip kesihatan awam dan nilai moral yang tinggi.

MISI

Untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang dengan semangat profesionalisme dan berkualiti melalui komitmen, dedikasi dan semangat kerja berpasukan.

OBJEKTIF

Objektif Unit HIV/STI/Hep C Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan adalah selari dengan objektif program pencegahan dan kawalan Cawangan HIV/STI/Hep C, Kementerian Kesihatan Malaysia. Ia juga adalah selaras dengan saranan dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan program UNAIDS.Objektif program ini adalah seperti berikut:

1) Untuk mengurangkan risiko penularan jangkitan HIV, STI dan Hep C.
2) Untuk mengurangkan morbiditi dan mortaliti berkaitan dengan HIV, STI dan Hep C.
3) Untuk menggunakan sumber yang ada dalam mencegah dan mengawal penularan HIV, STI dan Hep C.
4) Untuk mempromosi dan meningkatkan kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan di semua peringkat.

STRATEGI PELAKSANAAN

1) Pengesanan awal jangkitan HIV dan STI melalui program-program saringan.
2) Mengawasi situasi epidemiologi penyakit HIV, STI dan Hepatitis C melalui aktiviti survelan.
3) Memastikan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang disediakan kepada komuniti adalah mencukupi.
4) Menyebarkan maklumat berkenaan HIV dan STI melalui promosi dan pendidikan kesihatan.
5) Menggalakkan perubahan tingkahlaku kepada gaya hidup sihat.

PENCAPAIAN PROGRAM UNIT PENYAKIT HIV/STI/HEP C DI NEGERI SEMBILAN 2020


Kadar insiden kes HIV yang dilaporkan di Negeri Sembilan

Senario epidemik HIV/AIDS di Negeri Sembilan adalah hampir sama dengan senario epidemik HIV/AIDS di Malaysia. Secara keseluruhannya, terdapat penurunan sebanyak 62% bilangan kes jangkitan HIV berbanding bilangan yang dilaporkan pada tahun 2002, tetapi tren penurunan ini telah kekal mendatar semenjak tahun 2010 hingga 2013. Tren epidemik ini telah mula menunjukkan peningkatan semula iaitu kepada 160 kes pada tahun 2015, meningkat sebanyak 52% berbanding 105 kes pada tahun 2014.Tahun 2019 bilangan kes HIV dikesan adalah 163 kes manakala bilangan kes HIV tahun 2020 iaitu 156 kes.

Negeri Sembilan mencatatkan penurunan bagi kadar insiden kes HIV baru pada 2020 iaitu dari 10.9 per 100000 kepada 9.6 per 100000. Kadar insiden kes HIV baru mencapai kadar yang ditetapkan kementerian iaitu kurang 10.5 per 100000


Terdapat sedikit penurunan untuk kes AIDS yang didaftarkan dari 47 kes (2019) kepada 43 kes (2020). Bagi kes kematian AIDS pula mencatatkan penurunan iaitu 31 kes berbanding tahun 2019 iaitu 37 kes. Tiada kematian HIV yang dilaporkan pada tahun 2020.

Rajah 1 : Bilangan kes HIV, AIDS dan kematian di Negeri Sembilan 2015-2020




	2015	2016	2017	2018	2019	2020
HIV	160	135	135	158	163	156
AIDS	51	34	35	35	47	43
KAIDS	42	38	39	39	37	31

Rajah 2 : Kadar insiden Kes HIV baru bagi setiap 100 000 penduduk di Negeri Sembilan



Rajah 3 menunjukkan taburan kes HIV mengikut daerah dari tahun 2015 hingga 2020. Daerah Seremban kekal sebagai penyumbang terbesar diikuti oleh Port Dickson, Jempol dan Tampin. Bagi lain-lain daerah pula, Kuala Pilah mencatatkan sebanyak 5 kes, Rembau sebanyak 3 kes dan Jelebu mencatatkan 1 kes dalam tahun 2020

Rajah 3 : Bilangan kes HIV mengikut daerah di Negeri Sembilan 2015 - 2020




	JELEBU	JEMPOL	KUALA PILAH	PORT DICKSON	REMBAU	SEREMBAN	TAMPIN
2015	10	20	10	28	2	93	12
2016	3	13	6	5	3	87	6
2017	2	10	7	15	5	91	5
2018	7	21	7	13	3	99	8
2019	2	16	5	10	6	116	8
2020	1	16	5	18	3	103	10

Kes Jangkitan HIV Mengikut Jantina

Rajah 4 menunjukkan taburan kes HIV mengikut jantina dari tahun 2015 hingga 2020. Majoriti kes HIV yang dilaporkan setiap tahun adalah lelaki. Dalam tahun 2020 137 kes (87.8%) adalah lelaki dan dan 19 kes (12.2 %) adalah wanita.

Rajah 4: Jangkitan HIV mengikut jantina di Negeri Sembilan tahun 2015 - 2020




	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Lelaki	132	121	121	143	146	137
Perempuan	28	14	14	15	17	19

Kes Jangkitan HIV Mengikut Kumpulan Umur

Rajah 5 menunjukkan tren jangkitan HIV mengikut kumpulan umur tahun 2013 sehingga 2020. Jangkitan HIV paling tinggi adalah di kalangan mereka yang berumur di antara 20-29 dan 30-39 tahun.

Rajah 5 : Peratusan kes HIV mengikut kumpulan umur 2015 - 2020




Faktor Risiko Jangkitan HIV Di Negeri Sembilan

Bermula dari tahun 2014 hingga 2020, didapati tren transmisi jangkitan melalui perkongsian jarum suntikan (***IDU***) menunjukkan penurunan sebaliknya tren transmisi jangkitan melalui hubungan seksual semakin meningkat. Dalam tahun 2020, tren transmisi jangkitan melalui hubungan seks adalah sebanyak 94.3% dan 5.1% melalui IDU.

Pada tahun 2020 terdapat 1 kes bayi mendapat jangkitan HIV secara vertikal kerana ibu tidak di diagnosa positif HIV (saringan antenatal adalah negatif) dan tidak dirawat semasa mengandung menjadikan kadar transmisi melalui vertikal adalah 0.6%. Memandangkan transmisi jangkitan HIV secara seksual semakin bertambah, adalah dijangkakan bahawa peratusan kes HIV melibatkan wanita mungkin akan meningkat pada tahun tahun akan datang (Rajah 6).

Rajah 6: Tren transmisi jangkitan HIV di Negeri Sembilan tahun 2014- 2020



Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Tahun 2020 Untuk Jabatan Kesihatan Negeri Dibawah Seliaan Unit HIV/ STI/ Hep C

Mulai tahun 2020, liputan rawatan antiretroviral therapy merupakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dipantau oleh Unit HIV/STI/HepC. KPI ini adalah petunjuk keberkesanan pengurusan pesakit HIV pada tahun 2020. KPI ini menggantikan kadar notifikasi kes HIV baru yang digunakan pada tahun-tahun lepas. Definasi istilah adalah bilangan kes baru HIV pada tahun semasa yang dimulakan rawatan ART dan dibahagi dengan bilangan kes baru HIV pada tahun semasa , dilaporkan dalam bentuk peratus.

Selari dengan sasaran SDG, Malaysia komited untuk mengakhiri AIDS pada tahun 2030. Ini merujuk kepada penurunan 90% jangkitan HIV baru berbanding tahun 2010. Selari dengan prinsip "undetectable : untransmissible" dan "rawatan sebagai pencegahan" rawatan Antiretroviral (ART) adalah komponen teras dalam program pencegahan dan kawalan jangkitan HIV .

Pencapaian Liputan Rawatan Antiretroviral (ART) di Negeri Sembilan

Daerah	PENCAPAIAN JAN -DIS 2020							
	Seremban	Kuala Pilah	Tampin	Port Dickson	Jempol	Jelebu	Rembau	Negeri Sembilan
Bilangan Yang Dimulakan Rawatan	52/80	2/2	5/5	8/10	11/13	0/0	2/3	80/113
Pencapaian	65%	100%	100%	80%	85%	-	66%	71%

PROGRAM PENGURUSAN PESAKIT HIV PPHIV DI KLINIK KESIHATAN DAN HOSPITAL 2020

Jadual 1 menunjukkan 24 Klinik Kesihatan (FMS/ Visiting FMS) dan 4 klinik pakar yang menjalankan perawatan ARV di Negeri Sembilan . Sebanyak 1142 pesakit yang aktif dan sedang dalam penjagaan di klinik dan hospital. Sebanyak 986 pesakit yang menerima rawatan ARV di keseluruhan fasiliti. Ini mewakili 375 pesakit dirawat di klinik kesihatan manakala 606 pesakit dirawat di hospital. Secara keseluruhan peratusan pesakit yang menerima ARV di klinik kesihatan adalah 38% dan 61.4% lagi di klinik pakar (ID) hospital.

Jadual 1 : Fasiliti kesihatan yang menjalankan perkhidmatan PPHIV 2020

Bil	Daerah	Klinik	Hospital
1	Seremban	KK Nilai KK Senawang KK Seremban KK Sikamat KK Seremban 2 KK Mantin KK Ampangan KK Rantau	Hosp Tuanku Jaafar (HTJ) • Klinik Penyakit Berjangkit • Klinik Pakar Kanak-Kanak
2	Kuala Pilah	KK Kuala Pilah KK Johol	Hosp Tuanku Ampuan Najihah (HTAN)
3	Jempol	KK Bahau KK Palong 4.5.6 KK palong 9,10 KK Bandar Seri Jempol	
4	Port Dickson	KK Linggi KK Port Dickson KK Lukut KK PasirPanjang	Hosp Port Dickson (HPD)


Bil	Daerah	Klinik	Hospital
5	Jelebu	KK Jelebu	
6	Tampin	KK Tampin KK Gemas KK Air Kuning KK Jelai	
7	Rembau	KK Rembau	
	Jumlah	**24 klinik kesihatan**	**4 klinik pakar**

KES STI/HEP C DI NEGERI SEMBILAN

Antara penyakit jangkitan kelamin yang dilaporkan di Negeri Sembilan adalah Gonorrhoea dan Sifilis. Rajah 7 menunjukkan taburan penyakit STI dan Hepatitis C tahun 2015 hingga 2020. Dalam tahun 2019, 72 kes Gonorrhoea telah dilaporkan di mana bilangan ini telah menurun kepada 47 kes pada tahun 2020. Bagi penyakit ***Acquired Syphilis*** pula, bilangan kes menurun sedikit daripada 87 kes pada tahun 2019 kepada 85 kes tahun 2020. Walaubagaimanapun tiada kes Sifilis Congenital (***Congenital Syphilis***) dilaporkan tahun 2020. Semua kes yang dikesan ini telah mendapat rawatan secara sempurna samada di klinik kesihatan atau hospital. Untuk kes Hepatitis C menunjukkan penurunan kes di mana 349 kes pada 2019 kepada 253 kes pada tahun 2020.


Rajah 8 menunjukkan taburan kes STI / Hep C mengikut daerah bagi tahun 2020. Seremban adalah penyumbang terbesar bagi Gonorrhea ,Sifilis (***Acquired Syphilis***) dan Hep C berbanding daerah yang lain.

Rajah 7 : Penyakit STI/Hep C Di Negeri Sembilan tahun 2015-2020



	ACQUIRED SYPHILIS	CONGENITAL SYPHILIS	GONORRHOEA	HEPATITIS C
2015	62	0	54	84
2016	57	2	80	360
2017	63	0	117	379
2018	85	0	91	307
2019	87	0	72	349
2020	85	0	47	253

Rajah 8 : Jangkitan STI /Hep C mengikut daerah tahun 2020



	JELEBU	JEMPOL	K.PILAH	P.DICKSON	REMBAU	SEREMBAN	TAMPIN
ACQUIRED SYPHILIS	3	6	1	12	1	54	8
CONGENITAL SYPHILIS	0	0	0	0	0	0	0
GONORRHOEA	0	2	2	1	3	29	7
HEP.C	15	31	30	22	9	121	25

PROGRAM PENCEGAHAN TRANSMISI HIV DAN SIFILIS DARI IBU KE ANAK (PMTCT) 2020

Jadual 2 menunjukkan seramai 17340 ibu mengandung yang datang ke klinik kesihatan telah menjalani saringan HIV iaitu 100% disaring. Jadual 3 pula menunjukkan dalam tahun 2020, seramai 143 ibu yang hadir di dewan bersalin di Negeri Sembilan yang tidak diketahui status HIV telah disaring. Dari jumlah kedatangan ibu mengandung seramai 17340 orang tersebut, seramai 8 orang ibu mengandung (0.05%)telah dikesan positif HIV (Jadual 3). Kesemua ibu mengandung yang dikesan positif HIV telah menerima rawatan Antiretroviral (ARV)dengan pencapaian 100%. Sehingga Januari 2020 sebanyak 2 kes telah melahirkan anak. Tiada kes menunjukkan transmisi dari ibu kepada anak dilaporkan iaitu menepati sasaran iaitu tiada ***vertical transmission'*** seperti di Jadual 4 dan 5.

Jadual 2: Bilangan ibu mengandung yang disaring ujian HIV tahun 2019 - 2020

JAN-DIS 2019				JAN-DIS 2020		
Daerah	**Bilangan kedatangan ibu mengandung**	**Bilangan disaring HIV**	**% disaring HIV**	**Bilangan kedatangan Ibu mengandung**	**Bilangan disaring**	**% disaring HIV**
Seremban	10,193	10,193	100	10,106	10,106	100
K.Pilah	964	964	100	988	988	100
Tampin	1,418	1,418	100	1,334	1,334	100
Rembau	750	750	100	723	723	100
Jempol	1,639	1,639	100	1,723	1,723	100
Jelebu	542	542	100	631	631	100
P. Dickson	1,867	1,867	100	1,835	1,835	100
JUMLAH	**17,373**	**17,373**	**100**	**17,340**	**17,340**	**100**

Jadual 3: Bilangan Ibu Yang Tidak Diketahui Status HIV Disaring Di Bilik Bersalin Tahun 2019 - 2020

JAN-DIS 2019					JAN-DIS 2020			
Hospital	Bilangan ibu bersalin	Bil Tidak ketahui status HIV	Bil disaring	Bil Disahkan HIV positif	Bil Ibu bersalin	Bil tidak ketahui status HIV	Bil Disaring	Bil disahkan HIV positif
HTJS	10,140	122	122	0	9,519	121	121	0
HTAN	2,883	18	18	0	3,549	5	5	0
H. Tampin	81	0	0	0	40	0	0	0
H. Jempol	119	3	3	0	85	3	3	0
H. Jelebu	78	0	0	0	57	2	2	0
HPD	1,152	6	6	0	1,443	12	12	0
N.Sembilan	**14,453**	**149**	**149**	**0**	**14,693**	**143**	**143**	**0**

Jadual 4 : Bilangan Ibu Mengandung Dan Anak Dikesan HIV positif via '*vertical transmission*' Tahun 2014-2020

	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bilangan ibu mengandung disaring HIV	17,251	17,894	17,539	18,067	17,741	17,373	17,340
Bil ibu mengandung HIV +ve	10	9	9	11	4	4	8
Bil bayi HIV +ve	0	0	0	0	0	0	0
% anak HIV +ve	0%	0%	0%	0%	0%	0%	0%

Jadual 5 di bawah menunjukkan bilangan ibu mengandung dikesan TPHA positif pada tahun 2019 - 2020.Terdapat penurunan jumlah kes iaitu dari 11 kes(2019) kepada 10 kes(2020). Daerah Seremban telah mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu seramai 7 dan 8 kes mengikut tahun 2019 dan 2020. Kesemua ibu mengandung yang dikesan TPHA positif ini telah menerima rawatan dan tiada kes*'Congenital Syphilis'*dilaporkan.

Jadual 5: Bilangan Ibu Mengandung Dikesan TPHA Positif Dan Peratus Anak Yang Mengidap '*Congenital Syphilis*' 2019-2020

JAN-DIS, 2019					JAN-DIS, 2020			
DAERAH	**Ibu TPHA +ve**	**Ibu TPHA +ve& HIV +ve**	**Ibu diberi rawatan**	**Anak Cong Syphilis**	**Ibu TPHA +ve**	**Ibu TPHA +ve&HIV +ve**	**Ibu Diberi Rawatan**	**Anak *Cong Syphilis***
Seremban	7	0	7	**0%**	8	0	8	**0%**
K.Pilah	0	0	0	**0%**	0	0	0	**0%**
Tampin	0	0	0	**0%**	0	0	0	**0%**
Rembau	0	0	0	**0%**	0	0	0	**0%**
Jempol	1	0	1	**0%**	0	0	0	**0%**
Jelebu	0	0	0	**0%**	0	0	0	**0%**
P. Dickson	3	0	3	**0%**	2	0	2	**0%**
Jumlah	**11**	**0**	**11**	**0%**	10	0	10	**0%**

Program Saringan HIV Secara Sukarela (VCT)

Jadual 6 menunjukkan tren saringan HIV sukarela tahun 2015 hingga 2020. Bilangan mereka yang tampil membuat saringan menurun kerana saringan tidak dijalankan sepenuhnya akibat Pandemik Covid-19. Walaubagaimanapun peratusan yang reaktif juga semakin meningkat pada tahun 2020, kes HIV positif yang dikesan adalah 1.9% meningkat berbanding 1.3% yang dilaporkan pada 2019.

Jadual 6: Bilangan klien yang menjalani ujian saringan HIV secara sukarela (VCT) dan peratus klien dikesan HIV positif dari tahun 2015 - 2020

Tahun	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bilangan VCT	1,315	1,034	711	1,068	2,127	848
Bil HIV +	1	10	22	13	28	16
%HIV +	0.08	1.0	3.09	1.2	1.3	1.9

Program Terapi Gantian Methadone (MMT)

Sehingga tahun 2020, jumlah kumulatif klien IDU yang mengikuti Program Terapi Gantian Methadone di Negeri Sembilan adalah seramai 3707 orang. Walaubagaimanapun, kadar 'retensi' klien' di dalam program ini menunjukkan tren yang tidak sekata sejak 5 tahun kebelakangan ini (Jadual 7). Keadaan ini ada kemungkinan disebabkan oleh dua keadaan di mana bilangan klien IDU baru yang mengikuti program ini bertambah dan yang kedua adalah disebabkan oleh peralihan jenis dadah yang digunakan oleh pengguna dadah masakini iaitu dadah jenis Amphetamine type stimulant (syabu).

Walaubagaimanapun, jumlah mereka yang dikesan HIV positif semakin berkurangan. Usaha untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan yang sedia ada masih perlu dipertingkatkan kerana sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa adalah sukar untuk membawa penagih dadah IDU tegar untuk menjalani rawatan pemulihan.

Program Saringan Dalam Komuniti (CBT) yang dimulakan pada November 2018 dan terdiri daripada anggota Kelab Sahabat Meta (KSM) Gemas dan Simpang Pertang yang telah dilatih masih giat melakukan saringan RTK kepada klien yang ditemui semasa aktiviti temuseru (outreach) NSEP mereka di kawasan kawasan 'hotspot' terpilih.

Jadual 7: Bilangan Kumulatif Klien Program Terapi Gantian Methadone Dan Kadar Retensi Di Negeri Sembilan dari tahun 2015 -2020

Tahun	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bil. Klien aktif (A)	1,554	1,579	1,626	1,534	1,364	1,537
Bil. Klien dalam rawatan susulan (B)	2,118	2,271	2,341	2,540	3,537	3,707
Kadar retensi (A/B)%	73.4	69.50	69.50	60.39	56.64	71.92

Saringan Bakal Pengantin (Pra-Perkahwinan)

Jadual 8 di bawah menunjukkan tren bilangan saringan pra-perkahwinan dan bilangan yang positif. Pada 2020 mencatatkan sebanyak 10076 bakal pengantin telah disaring. Sebanyak 4 orang didapati HIV positif.

Jadual 8: Bilangan Saringan HIV Bakal Pengantin Dan Bilangan Yang Positif 2015 - 2020

Tahun	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bil saringan	5,174	8,441	9,231	10,499	9,091	10,076
Bil HIV (reaktif)	1	1	7	9	4	4
Bil +ve HIV (confirm)	1	1	7	9	4	4
% HIV	0.02	0.02	0.07	0.09	0.09	0.04

Jadual 9 adalah ringkasan pencapaian dan perbandingan saringan HIV mengikut pelbagai aktiviti yang dirancang dalam tahun 2019 dan 2020.Saringan melalui aktiviti VCT, derma darah dan banduan menyumbang kepada penemuan kes HIV.

Jadual 9: Ringkasan pencapaian saringan HIV pelbagai aktiviti tahun 2019 – 2020

Program-program saringan	Bil disaring 2020	Bil HIV +ve 2020	HIV +ve 2020	Bil disaring 2019	Bil HIV +ve 2019	HIV +ve 2019
Ibu mengandung (PMTCT)	17,340	8	0.05%	17,373	4	0.02%
Suami/pasangan kepada ibu mengandung	6,385	2	0.03%	7,467	2	0.03%
Ibu mengandung disaring di bilik bersalin hospital kerajaan	143	0	0%	149	0	0%
Bakal Pengantin	10,076	4	0.04%	9,091	4	0.04%
Tanpa nama (VCT)	848	16	1.9 %	2,127	28	1.3%
Penderma Darah (Saringan oleh Pusat Darah Negara)	23,436	5	0.02%	27,078	7	0.03%
Banduan Penjara (Penjara Seremban & Jelebu)	12,283	41	0.33 %	10,095	55	0.54%
Pelatih CCRC (CCRC Jelebu)	1,399	0	0 %	933	0	0%
Program saringan HIV dan Tuberculosis	542	0	0 %	594	8	1.34%

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, sebanyak 72524 saringan telah dijalankan hasil daripada pelbagai aktiviti telah dilaksanakan di Negeri Sembilan.Dari jumlah tersebut, sebanyak 156 kes HIV positif telah dikesan. Kadar insiden bagi kes HIV baru adalah 9.6 per 100,000 penduduk. Dengan pandemik Covid – 19 yang melanda negara dan seluruh dunia, kebanyakan program saringan yang sedia ada seperti aktiviti temuseru (outreach) terbatas disebabkan perintah kawalan pergerakan yang dilaksanakan.

Walaubagaimanapun jumlah keseluruhan saringan yang diadakan sepanjang tahun 2020 adalah hampir menyamai jumlah yang diadakan pada tahun 2019 iaitu sebanyak 75276 . Aktiviti dan program dalam bentuk norma baru akan dipertingkatkan lagi agar lebih ramai golongan yang berisiko tinggi dapat menjalani ujian saringan HIV dan tidak terjejas daripada akibat pandemik.

Pengesanan awal merupakan salah satu strategi Kementerian Kesihatan Malaysia bagi membendung penularan HIV. Disamping itu juga, penularan jangkitan penyakit kelamin (STI) yang lain juga akan sentiasa dipantau dan mereka yang dikenal pasti mestilah mendapat rawatan yang berkaitan.

2.10 UNIT PEMAKANAN

PENGENALAN

Unit Pemakanan mempunyai pelbagai aktiviti pemakanan dijalankan sepanjang tahun bertujuan untuk menyampaikan perkhidmatan pemakanan kepada komuniti. Program Pemakanan merangkumi dua aspek utama iaitu Pemakanan Keluarga dan Pemakanan Komuniti & Inter Agensi. Pemakanan Keluarga ialah aktiviti-aktiviti pemakanan yang dijalankan dari usia seseorang yang baru lahir sehingga melibatkan usia warga emas. Aktiviti ini meliputi aktiviti merancang, memantau dan menilai serta mempromosi pemakanan sehingga tahap pemakanan dari semua peringkat usia mencapai tahap yang optima.

Program Komuniti & Inter agensi pula dijalankan untuk memperkasakan komuniti, anggota kesihatan dan institusi di peringkat inter dan intra agensi. Di antara aktiviti di bawah program ini ialah Program Pengurusan Berat badan, Advokasi Penyusuan Susu Ibu dan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan, Program Menangani Masalah Bantut Dalam Kalangan Kanak-Kanak, Pelaksanaan Logo Pilihan Sihat dan memberi khidmat nasihat dan sumber rujukan teknikal dalam pemakanan institusi.

VISI

Menjadikan Negeri Sembilan sebuah negeri yang mempunyai individu, keluarga dan masyarakat yang sihat dan sejahtera melalui program pemakanan secara profesional, efisyen, saksama dan mesra.

MISI

Melaksanakan program pemakanan menerusi penglibatan individu, keluarga dan masyarakat ke arah peningkatan taraf hidup yang berkualiti untuk mencapai kesejahteraan rakyat Negeri Sembilan.

OBJEKTIF

Objektif Umum

Objektif perkhidmatan Unit Pemakanan ialah untuk meningkatkan status kesihatan dan status pemakanan masyarakat. Ia melibatkan bayi baru lahir sehingga warga usia emas.

Objektif Khusus

- Meningkatkan dan mengekalkan tahap kesejahteraan pemakanan penduduk Negeri Sembilan khususnya.
- Memastikan masyarakat menerima perkhidmatan yang berkualiti daripada anggota kesihatan yang terlatih.
- Memantapkan hubungan inter/intra sektor dan agensi di dalam aktiviti pemakanan.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2020

A. Pengawasan Taraf Pemakanan Kanak-Kanak Bawah 5 Tahun

Menilai saiz komposisi tubuh badan adalah kaedah yang penting dalam penilaian status pemakanan dan menilai pertumbuhan kanak-kanak dan remaja. Melalui pengawasan ini, perkembangan status pemakanan dapat dinilai samada mengalami Kurang Berat Badan, Berat Badan Normal atau Lebih Berat Badan.

Jadual 1: Taraf Pemakanan Kanak-Kanak Bawah Umur 5 Tahun

Berat badan Mengikut Umur	Tahun	Jelebu	Jempol	K.Pilah	Port Dickson	Rembau	Seremban	Tampin	Jumlah (%)
KBB Teruk < -3SD	**2016**	1.2	0.5	0.2	0.6	0.7	0.2	0.5	**0.4**
	2017	0.2	0.0	0.5	0.2	0.5	0.4	0.7	**0.4**
	2018	1.26	0.11	0.54	0.34	0.09	0.27	0.43	**0.3**
	2019	1.34	0.72	0.38	0.31	0.38	0.03	0.37	**0.3**
	2020	1.15	1.57	0.32	0.18	0.00	0.16	0.80	**0.4**
KBB Sederhana -3SD-<-2SD	**2016**	1.7	1.7	1.7	4.0	1.7	3.2	1.1	**2.6**
	2017	2.0	1.0	1.9	2.9	2.2	1.9	1.4	**1.8**
	2018	1.82	2.53	2.53	1.35	3.40	1.96	1.20	**2.1**
	2019	3.01	3.19	1.44	0.69	0.63	0.93	1.92	**1.4**
	2020	4.93	5.14	1.42	0.97	1.19	2.67	2.74	**2.7**
Normal -2SD hingga < +2SD	**2016**	96.4	97.8	98.1	93.5	93.2	95.5	98.1	**96.1**
	2017	97.6	98.9	97.2	95.9	97.1	97.5	97.6	**97.5**
	2018	96.22	97.07	96.48	98.06	95.37	97.53	98.11	**97.3**
	2019	94.98	95.87	98.08	98.70	98.86	98.98	97.25	**98.2**
	2020	93.43	92.66	98.26	98.78	98.55	96.85	96.05	**96.5**
Lebih Berat Badan ≥ +2SD	**2016**	0.7	0.0	0.0	1.9	4.4	1.0	0.4	**1.0**
	2017	0.2	0.1	0.4	1.1	0.1	0.3	0.4	**0.3**
	2018	0.70	0.29	0.45	0.25	1.13	0.24	0.26	**0.4**
	2019	0.67	0.22	0.10	0.31	0.13	0.06	0.46	**0.2**
	2020	0.49	0.63	0.00	0.06	0.26	0.32	0.40	**0.3**

Sumber : KKK 210A

Daripada Jadual 1, didapati peratus kanak-kanak berat badan normal tidak mempunyai perbezaan yang ketara diantara tahun 2016-2020 iaitu diantara 96.0%.- 98.0% .Peratus bagi kanak-kanak lebih berat badan didapati menurun ke 0.3% pada tahun 2020 berbanding 1.0 % pada tahun 2016. Namun begitu, peratus kanak-kanak KBB sederhana didapati meningkat pada tahun 2020 berbanding tahun-tahun sebelumnya iaitu 2.7%. Walaubagaimanapun, peratusan kanak-kanak kurang berat badan di Negeri Sembilan masih mencapai < 3.5% iaitu sebanyak 3.1% pada tahun 2020.

B. Pengawasan Taraf Pemakanan Pelajar Sekolah

Kekurangan zat protein dan tenaga dalam bentuk kekurangan berat badan dan kerencatan pertumbuhan masih wujud terutama dalam kalangan kanak-kanak. Diet yang tidak seimbang ditambah dengan gaya hidup yang kurang aktif boleh membawa kepada masalah obesiti dan berlebihan berat badan yang menjadi penyumbang peningkatan faktor risiko kepada penyakit-penyakit kronik.

Jadual 2 : Taraf Pemakanan Kanak-Kanak Pra-Sekolah

Status Pemakanan	2016	2017	2018	2019	2020
Kurang Berat Badan	8.7	8.5	8.1	8.1	8.5
Normal	80.4	79.0	78.5	80.8	80.7
Lebih Berat Badan	5.7	6.2	5.7	5.7	5.4
Obes	5.2	6.3	4.9	4.5	5.4

Sumber : KSK201

Jadual 3 : Status Pemakanan Kanak-Kanak Tahun 1

Status Pemakanan	2016	2017	2018	2019	2020
Kurang Berat Badan	7.9	9.0	8.8	7.6	6.7
Normal	76.3	74.2	76.5	77.3	71.0
Lebih Berat Badan	7.1	8.3	7.4	7.0	6.3
Obes	8.7	8.5	7.0	7.2	6.7

Sumber : KSK201

Jadual 4 : Status Pemakanan Kanak-Kanak Tahun 6

Status Pemakanan	2016	2017	2018	2019	2020
Kurang Berat Badan	6.0	6.5	6.8	6.1	7.4
Normal	67.8	64.9	64.7	67.3	64.6
Lebih Berat Badan	13.1	14.8	15.4	13.3	13.6
Obes	13.2	13.9	12.1	12.7	14.4

Sumber : KSK201

Jadual 5 : Status Pemakanan Remaja Tingkatan 3

Status Pemakanan	2016	2017	2018	2019	2020
Kurang Berat Badan	4.3	5.9	5.7	4.7	4.5
Normal	77.7	74.0	75.9	75.6	70.4
Lebih Berat Badan	10.5	11.9	10.7	10.9	13.1
Obes	7.5	8.7	7.5	8.6	8.4

Sumber : KSK201

Jadual 2, 3, 4 dan 5 masing-masing menunjukkan taraf pemakanan kanak-kanak Pra sekolah, Tahun 1, Tahun 6 dan Tingkatan 3. Secara umumnya, peratusan lebih berat badan dan obes paling tinggi dalam kalangan kanak-kanak Tahun 6 berbanding kategori yang lain. Pada tahun 2020 didapati peningkatan peratus berlebihan berat badan dan obes dalam kalangan kanak-kanak Tahun 6 iaitu sebanyak 28.0% pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 iaitu sebanyak 27.5%.

C. Pengawasan Status Hemoglobin Ibu Antenatal Di Klinik Kesihatan

Anemia adalah di antara komplikasi yang dikenalpasti semasa mengandung. Di antara penyebab utama anemia semasa hamil adalah kekurangan zat besi dan asid folik. Dalam kalangan ibu hamil, zat besi dan asid folik adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan yang meningkat. Kuantiti tambahan zat besi dan asid folik yang diperlukan semasa hamil boleh diperolehi melalui pengambilan makanan atau supplementasi.

Pelbagai strategi untuk mengurangkan masalah anemia dalam kalangan ibu hamil telah dirancang dan dilaksanakan. Status hemoglobin ibu hamil di klinik kesihatan dipantau secara berkala. Aktiviti demonstrasi masakan, rundingcara pemakanan, ceramah pemakanan anemia dan pemberian hematinik turut dijalankan sepanjang tahun bagi mengatasi masalah ini.

Jadual 6 : Status Hemoglobin Ibu Antenatal Di Klinik Kesihatan

Daerah	Peratus Ibu Antenatal Dengan Hb gm%											
	2018				2019				2020			
	Bil.	<9	9-<11	>11	Bil.	<9	9-<11	>11	Bil.	<9	9-<11	>11
Jelebu	**438**	0.5	14.2	85.4	**431**	1.2	14.2	84.7	**463**	0.4	7.6	92.0
Jempol	**1,295**	0.6	12.0	87.3	**1,258**	0.3	7.2	92.4	**1,315**	0.5	7.4	92.1
K.Pilah	**818**	0.9	10.5	88.6	**726**	0.3	10.2	89.5	**764**	0.1	9.0	90.8
P.Dickson	**1,108**	0.1	10.9	89.0	**1,183**	0.7	13.3	86.1	**1,225**	0.3	13.1	86.5
Rembau	**636**	0.3	11.0	88.7	**533**	0.9	9.6	89.5	**579**	0.2	9.3	90.5
Seremban	**5,553**	0.3	11.3	88.5	**5,829**	0.4	13.4	86.2	**5,955**	0.3	11.8	88.0
Tampin	**974**	0.9	17.2	81.8	**894**	0.7	11.0	88.4	**896**	0.2	8.4	91.4
Jumlah	**10,822**	**0.4**	**11.9**	**87.7**	**10,854**	**0.5**	**12.1**	**87.4**	**11,197**	**0.3**	**10.6**	**89.1**

Sumber : KIB201B

Jadual 6 menunjukkan status hemoglobin ibu antenatal yang diambil pada minggu ke-36 kehamilan. Peratusan dalam data kes anemia bagi Hb<11gm% didapati menurun iaitu sebanyak 10.94% pada tahun 2020 berbanding 12.6% pada tahun 2019.

D. Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM)

Program ini merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan taraf pemakanan kanak-kanak warganegara Malaysia yang berumur di antara 6 bulan hingga 6 tahun yang mengalami masalah kekurangan zat makanan. Keutamaan diberikan kepada mereka yang terdiri dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah iaitu miskin tegar, miskin dan mudah miskin.

Program ini telah disusun merangkumi beberapa aspek seperti sasaran dan liputan, pengagihan makanan dan perkhidmatan, penggunaan bahan makanan dan pengendalian kes yang dapat memberi lebih manfaat kepada kumpulan sasaran.
Setiap kanak-kanak yang layak akan dibekalkan dengan bakul makanan daripada pilihan 13 Pakej Makanan berpandukan Garis Panduan PPKZM. Di Negeri Sembilan, kanak-kanak yang terlibat telah dibekalkan dengan susu khas dan multivitamin bagi meningkatkan berat badan mereka. Mereka diberi bantuan tersebut setiap bulan, sekurang-kurangnya selama 6 bulan atau sehingga disahkan pulih.

Jadual 7 : Kanak-Kanak KZM Yang Menerima Bantuan Mengikut Daerah

Daerah	Bilangan Kes Jan 2020	Kes Baru	Kes Berhenti			Bilangan Kes Dis 2020
			Pulih	Sekolah	Lain-lain	
Jelebu	14	1	4	2	1	8
Jempol	14	8	3	1	2	16
Kuala Pilah	5	10	4	0	4	7
P.Dickson	6	2	1	1	1	5
Rembau	6	1	0	3	2	2
Seremban	6	1	0	0	1	6
Tampin	5	5	7	0	0	3
JUMLAH	**56**	**28**	**19**	**7**	**11**	**47**

Sumber : KZM 201

Jadual 7 menunjukkan terdapat 56 kes penerima baru bakul makanan sepanjang tahun 2020. Sebanyak 19 kes telah diberhentikan disebabkan pulih, 7 kes sudah bersekolah dan 11 kes adalah faktor lain-lain. Bilangan kes yang masih berada dalam program sehingga Disember 2020 adalah sebanyak 47 kes.

E. Projek Dapur Sihat Masyarakat

Projek Dapur Sihat Masyarakat (DSM) diwujudkan sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan lagi pelaksanaan dan keberkesanan aktiviti promosi pemakanan yang dijalankan oleh anggota kesihatan di klinik-klinik kesihatan. Pelaksanaan projek ini juga adalah untuk memperkembangkan skop promosi pemakanan meliputi aspek penyediaan hidangan makanan keluarga dan ekonomi rumahtangga termasuk perancangan menu, pengubahsuaian resipi, kebersihan dan keselamatan makanan dan pengurusan dapur. Ianya juga adalah satu usaha untuk memperluaskan kumpulan sasaran aktiviti promosi pemakanan kepada suri rumah tangga, ahli-ahli keluarga, murid-murid sekolah, golongan remaja, orang dewasa, warga emas dan masyarakat keseluruhannya.

Pelbagai aktiviti melalui tunjuk ajar secara interaktif, *participative, hands-on* dan holistik dengan mengutamakan perkongsian bijak (smart partnership) dalam kalangan masyarakat, agensi kerajaan dan pihak swasta telah diadakan sepanjang tahun 2020.

Jadual 8 menunjukkan sebanyak 69 aktiviti Dapur Sihat Masyarakat di Bahau, Linggi dan Gemencheh yang melibatkan seramai 630 peserta dalam aktiviti-aktiviti DSM pada tahun 2020.

Jadual 8: Aktiviti Dan Bilangan Pengunjung Dapur Sihat Masyarakat

Jenis Aktiviti	Bil aktiviti Dapur Sihat Masyarakat2020		
	Bahau	Linggi	Gemencheh
Ceramah	4	0	10
Kelas masakan	1	3	0
Demo masakan	2	3	2
Uji resepi	1	6	1
Saringan kesihatan	1	0	0
Aktiviti kecergasan	3	1	0
Kursus/ Latihan	2	1	2
Program Sekolah	0	0	1
Uji Amali	0	0	0
Kraftangan	1	0	1
Lawatan	0	0	1
Pertandingan	0	0	0
Bumi hijau	5	0	0
Kunjungan pelawat	1	1	2
Mesyuarat	3	1	1
Gotong royong	2	2	0
Lain-lain	2	0	3
JUMLAH	**27**	**18**	**24**
Bilangan peserta	**179**	**218**	**233**

Sumber : Laporan Tahunan Aktiviti Dapur Sihat Masyarakat DSM 2b

F. Program Makanan Tambahan Susu Tepung Penuh Krim

Program ini merupakan program jangka pendek untuk membantu memulihkan masalah pemakanan seperti kurang berat badan dalam kalangan kanak-kanak, ibu hamil dan ibu menyusukan bayi. Objektif program adalah untuk membantu mencegah dan memulihkan masalah pemakanan seperti kurang berat badan dan kekurangan zat besi dalam kalangan kumpulan sasaran dengan membekalkan 1 kg susu tepung penuh krim selama sekurang-kurangnya 3 bulan.

Jadual 9 : Bilangan Penerima Dan Amaun Edaran Susu Tepung Penuh Krim

Daerah	Bilangan penerima susu tepung penuh krim					Amaun susu tepung penuh krim (kg) diedarkan				
	2016	2017	2018	2019	2020	2016	2017	2018	2019	2020
Jelebu	65	24	24	36	39	305	83	54	103	84
Jempol	100	74	166	189	85	252	170	256	382	309
K.Pilah	62	19	43	46	46	313	156	204	309	252
P.Dickson	48	31	37	18	28	123	91	81	32	52
Rembau	42	20	15	29	37	137	62	19	84	96
Seremban	65	28	75	102	102	212	86	150	261	149
Tampin	49	14	22	30	30	147	53	85	158	211
Jumlah	**431**	**210**	**382**	**450**	**342**	**1489**	**701**	**849**	**1329**	**1,153**

Sumber : KIB 210 Pind.2/2007

Jadual 9, menunjukkan bilangan penerima susu tepung penuh krim dalam kalangan komuniti di semua daerah. Pada tahun 2020, sebanyak 1153 kg susu tepung penuh krim telah diedarkan kepada 342 orang penerima.

G. Program Promosi Penyusuan Susu Ibu

Promosi penyusuan susu ibu telah menjadi komponen yang penting dalam perkhidmatan kesihatan di Malaysia sejak tahun 1970-an lagi. Strategi pelbagai penjuru telah digunakan dalam mempromosikan penyusuan susu ibu. Ini termasuk pendidikan melalui media massa, Latihan Pengurusan Laktasi (20 jam), pemantauan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan, pelaksanaan Inisiatif Hospital Rakan Bayi dan pengwujudan kumpulan sokongan penyusuan susu ibu.

Polisi Penyusuan Susu Ibu Malaysia menyatakan "Semua ibu digalakkan menyusui anaknya dengan susu ibu sahaja dari lahir sehingga berumur enam bulan dan meneruskannya sehingga mencapai umur dua tahun. Makanan pelengkap perlu diberikan kepada bayi mulai umur enam bulan". Sebagai usaha untuk memastikan bahawa setiap bayi yang lahir diberi susu ibu sahaja dari lahir sehingga umurnya mencapai enam bulan, peratus bayi yang menyusu susu ibu secara eksklusif sehingga umur bayi enam bulan dipantau secara berterusan di klinik kesihatan yang menyediakan perkhidmatan ibu dan anak. Data penyusuan susu ibu mula direkodkan pada setiap bulan Mac, Jun dan September berdasarkan bilangan kedatangan bayi yang berumur 4 bulan dan 6 bulan ke klinik kerajaan.

Jadual 10: Amalan Penyusuan Susu Ibu Di Kalangan Bayi

Daerah	Peratus Amalan Penyusuan Susu Ibu Di Kalangan Bayi									
	Bayi 4 Bulan					Bayi 6 Bulan				
	2016	2017	2018	2019	2020	2016	2017	2018	2019	2020
Seremban	74.9	72.1	67.4	64.8	85.2	61.8	65.9	64.7	65.0	82.5
Jelebu	59.5	54.1	60.3	79.6	83.3	49.1	50.4	60.3	77.8	71.1
Jempol	64.4	75.4	71.7	78.0	78.6	61.2	71.0	69.3	76.7	71.2
K.Pilah	68.9	73.3	70.9	65.5	77.3	59.3	71.8	69.2	67.3	71.5
P.Dickson	61.0	57.9	62.0	70.9	63.4	48.5	53.3	68.0	71.9	54.8
Rembau	62.1	63.7	64.2	76.1	77.1	50.0	58.5	65.4	74.4	62.5
Tampin	46.9	56.4	53.1	60.8	53.5	46.1	57.0	48.7	54.6	52.6
JUMLAH	**68.4**	**68.9**	**66.2**	**74.0**	**79.4**	**57.9**	**64.1**	**64.7**	**72.6**	**74.1**

Sumber : PSI 201A/201B

Daripada Jadual 10, peratusan penyusuan susu ibu dalam kalangan bayi berusia 4 bulan telah menunjukkan peratus peningkatan sebanyak 79.4% pada tahun 2020 berbanding data tahun 2019 iaitu 74.0%. Peningkatan peratus juga berlaku dalam kalangan bayi berusia 6 bulan iaitu sebanyak 74.1% pada tahun 2020 berbanding 72.6% pada tahun 2019.

Jadual 11: Amalan Makanan Pelengkap Bayi 6 Bulan

Daerah	Amalan Makanan Pelengkap Pada Umur 6 Bulan (%)				
	2016	2017	2018	2019	2020
Seremban	97.5	98.4	98.4	100.0	100
Jelebu	92.8	93.3	99.4	98.1	97.1
Jempol	87.4	97.1	96.6	100.0	99.7
Kuala Pilah	93.7	99.0	100.0	98.6	99.2
P.Dickson	87	85.4	98.5	98.1	96.0
Rembau	100	99.5	100.0	99.2	99.4
Tampin	87	94.0	96.5	98.7	99.8
JUMLAH	**94.3**	**96.5**	**98.3**	**99.0**	**99.1**

Jadual 11, menunjukkan amalan makanan pelengkap bayi berusia 6 bulan. Peratusan keseluruhan telah meningkat kepada 99.1% pada tahun 2020 berbanding 99.0% pada tahun 2019.

H. Program Latihan Katering Sihat

Latihan Katering Sihat adalah satu latihan yang disasarkan kepada pengusaha restoran, kedai makan, kafeteria, katering, pengusaha restoran makanan segera dan pengusaha kantin sekolah dan tempat kerja. Latihan ini bertujuan meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pengendali makanan mengenai penyediaan hidangan yang sihat dan selamat. Latihan ini meliputi komponen seperti Prinsip Makan Secara Sihat serta Penyediaan Hidangan Sihat dan Selamat.

Seramai 587 orang pengendali makanan di seluruh Negeri Sembilan telah dilatih melalui 14 latihan sepanjang tahun 2020.

Jadual 12 : Latihan Katering Sihat Kepada Pengusaha/Pengendali Makanan

Daerah	Bilangan pengusaha/pengendali makanan yang telah dilatih 2020			
	Fasiliti KKM	Kantin sekolah berasrama	Kantin sekolah harian	Lain-lain
Seremban	0	0	18	55
Jelebu	0	2	34	57
Jempol	2	4	107	80
Kuala Pilah	4	0	0	50
P.Dickson	10	0	32	0
Rembau	0	0	0	72
Tampin	4	0	56	0
JUMLAH	**20**	**6**	**247**	**314**

Sumber : Borang Laporan Katering Sihat

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pencapaian Unit Pemakanan pada tahun 2020 adalah baik. Sebahagian daripada pencapaian tersebut juga merupakan *Key Performance Indicator* (KPI) utama di peringkat Kementerian.

2.11 UNIT PROMOSI KESIHATAN

PENGENALAN

Unit ini bertanggungjawab untuk meningkatkan pengetahuan dan menanam sikap positif kepada kesihatan bagi membolehkan masyarakat mengamalkan cara hidup sihat dan seterusnya menikmati kesihatan yang optima. Unit ini juga memainkan peranan dalam menjalankan aktiviti promosi kesihatan seperti mengadakan pameran kesihatan, memberi ceramah, mengadakan kem-kem kesihatan, karnival kesihatan dan program bersama komuniti seperti Program Tunas Doktor Muda, IMFree, Kelab Doktor Muda, PROSIS, COMBI dan juga mewujudkan *Wellnus Hub* bagi memberi perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat.

VISI

Melaksanakan program promosi kesihatan yang berkualiti bagi merangsang perubahan sikap dan amalan individu, keluarga dan masyarakat untuk mengamalkan kehidupan yang sihat.

MISI

Memastikan penyebaran maklumat kesihatan, memberikan pendidikan kesihatan yang berkualiti dan perkhidmatan sokongan yang kukuh untuk setiap program kesihatan.

OBJEKTIF

- Meningkatkan kefahaman, kemahiran kesihatan individu dan capaian maklumat kesihatan melalui pelbagai media dalam menyokong usaha mereka untuk mencapai kesihatan yang optima dan melahirkan masyarakat yang celik kesihatan.
- Mewujudkan persekitaran sosial, ekonomi, budaya dan fizikal yang kondusif bagi memudahkan amalan kesihatan yang baik.
- Menggerakkan kumpulan dan pertubuhan masyarakat supaya berperanan aktif dalam mempengaruhi masyarakat membudayakan amalan kesihatan yang baik.
- Menjalin kerjasama antara pelbagai sektor supaya bertindak secara bersepadu dalam mempromosikan kesihatan melalui pelaksanaan program yang komprehensif.

PENCAPAIAN AKTIVITI 2020

PROGRAM TUNAS DOKTOR MUDA


i. Program ini bermula pada tahun 2015 dengan 4 buah pra sekolah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan 2 buah tabika KEMAS. Bilangan ini terus bertambah sehingga tahun ini iaitu sebanyak 160 buah tabika KEMAS & pra sekolah JPN telah melaksanakan program ini.

ii. Kanak-kanak akan didedahkan dengan 5 skop utama kesihatan iaitu kebersihan diri, pilihan makanan sihat dan selamat, senaman dan aktiviti fizikal, kebersihan persekitaran dan perkembangan emosi dan sosial.

iii. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah bengkel pemantapan , sesi training of trainers (TOT), pertandingan senamrobik, pertandingan inovasi bahan bantu mengajar, sesi pemantauan, pameran dan aktiviti di tabika dan prasekolah masing-masing.

Pencapaian keseluruhan penguasaan kemahiran asas yang telah dicapai oleh kanak-kanak tabika dan prasekolah JPN di Negeri Sembilan ini telah meningkat dari 60.1% (tahun 2016) ke 89.9 % (tahun 2020). Ini melebihi daripada pencapaian sasaran yang ditetapkan iaitu 80%.

Graf 1 : Pencapaian 5 Tingkah Laku Asas Program Tunas Doktor Muda Peringkat Negeri Sembilan Bagi Tahun 2016 - 2020



PROGRAM PENDIDIKAN DAN PENCEGAHAN AMALAN MEROKOK DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH (IMFREE)


Bagi tahun 2020, IMFREE tidak dilaksanakan dan aktiviti hanya berfokuskan kepada sekolah yang telah melaksanakan IMFree. Kajian juga telah dilaksanakan pada tahun 2020 dari Bahagian Pendidikan Kesihatan untuk melihat keberkesanan program ini.

PROGRAM DOKTOR MUDA

HePiLI merupakan nama baru bagi semua program yang bernaung di bawah Doktor Muda. HePiLI atau Health Promotion In Learning Institution ini merupakan nama terbaru yang bagi semua program-program atau kelab dari Kementerian Kesihatan yang dijalankan di sekolah ataupun di Pengajian Tinggi Awam. Antaranya IMFree, Tunas Doktor Muda, Kelab Doktor Muda Program Pendidikan Khas dan Integrasi (PPKI), Kelab Doktor Muda Sekolah Orang Asli, Kelab Doktor Muda Sekolah Rendah, Kelab Doktor Muda Sekolah Menengah dan Program Siswa Sihat (PROSIS).


Tahun 2020 merupakan tahun yag memberikan impak yag besar di dalam pelaksanaan aktiviti kelab Doktor Muda. Aktiviti yang terhad dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakkan (PKP) serta penutupan sekolah sedikit sebanyak mencatatkan penurunan pelaksanaan aktiviti di semua peringkat samada di Kelab Doktor Muda Sekolah Rendah, Sekolah Menengah mahupun Kelab Doktor Muda Orang asli dan juga Pendidikan Khas dan Integrasi.

Graf 2 : Bilangan penubuhan kelab Doktor Muda bagi Sekolah Rendah bagi tahun 2016 hingga 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Bil. Kelab Doktor Muda Sekolah Rendah	166	180	195	189	179
Bil Ahli Doktor Muda	3132	3582	3819	3064	4191


Graf 3 : Bilangan ahli kelab Doktor Muda bagi Sekolah Rendah bagi tahun 2016 hingga 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Bil Kelab Doktor Muda Sekolah Menengah	19	27	34	43	50
Bil Ahli Doktor Muda	58	767	1148	1245	1523

Bilangan Kelab Doktor Muda Orang Asli kekal dua (2) buah sekolah sahaja iaitu Sekolah Kebangsaan Senibai Kuala Pilah dan Sekolah Kebangsaan Putra Jelebu. Graf 4.0 merupakan indikator pencapaian kemahiran amalan kesihatan. Dari jumlah murid bagi kedua-dua buah sekolah ini, sebanyak 90 orang murid (69%) telah menguasai kemahiran 7 kemahiran mencuci tangan, 80 orang murid (61%) telah menguasai kemahiran menggosok gigi, 100 orang murid (78%) mempunyai kuku yang pendek dan bersih manakala 50 orang murid (38%) mempunyai masalah kesihatan pergigian.

Graf 4 : Peratusan Indikator Pencapaian Kemahiran Amalan Kesihatan Sekolah Murid Orang Asli bagi Sekolah SK Putra Jelebu dan SK Senibai Kuala Pilah bagi tahun 2020.



	Menguasai & langkah mencuci Tangan	Mengosok gigi dengan betul	Kuku Pendek dan Bersih	Mengalami masalah kesihatan pergigian
Menguasai / Ya	31	39	78	62
Tidak	69	61	23	38

PROGRAM SISWA SIHAT (PROSIS)

Program ini adalah salah satu inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memperkasakan siswa/i Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam mengamalkan cara hidup sihat. Program ini menjadi kelab di IPT dengan mengadakan aktiviti cara hidup sihat seperti Makan secara sihat, Lakukan aktiviti fizikal, Tidak merokok, Pupuk minda sihat dan Sihat tanpa alkohol.

Program ini bermula pada tahun 2012 dengan 1 IPT iatu UITM Kuala Pilah dan kini 9 buah IPT telah melaksananya meliputi IPTA , IPTS, Kolej Komuniti dan Kolej Matrikulasi

i. Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Seremban
ii. Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Kuala Pilah
iii. Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Rembau
iv. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
v. Kolej Komuniti Jelebu
vi. Kolej Komuniti Tampin
vii. Kolej UNITI Tanjung Agas, Port Dickson
viii. Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan
ix. Kolej Sri Ayu, Tampin

E-KONVENSYEN HEPILI NEGERI SEMBILAN

Bagi tahun 2020, satu (1) konvensyen telah diadakan bagi membantu ahli Kelab Doktor Muda menyertai pertandingan di peringkat Negeri bagi tujuan penilaian PAJSK. Walaubagaimana pun, pandemik COVID-19 telah memberikan kesan kepada pelaksanaan e-Konvensyen ini kerana terdapat beberapa pertandingan yang dijalankan secara berkumpulan. Atas nasihat daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri, Negeri Sembilan, hanya pertandingan yang melibatkan penyertaan secara individu atau bersama keluarga sahaja yang dibenarkan.

Dua (2) aktiviti telah dijalankan iaitu pertandingan poster Amalan Norma Baharu Kehidupan COVID-19 dan juga aktiviti berjalan 10,000 langkah secara maya iaitu WALK for Life HePiLI. Pertandingan poster Amalan Norma Baharu Kehidupan COVID-19 terbuka kepada semua ahli Kelab Doktor Muda Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Manakala bagi aktiviti berjalan 10,000 langkah iaitu WALK for Life HePiLI, aktiviti ini perlu dijalankan bersama ahli keluarga dan peserta yang berjaya melengkapkan 10,000 langkah akan diberikan sijil penyertaan.

HEALTH PROMOTING CLINIC (HPC)

Pelaksanaan Health Promoting Clinic (HPC) merupakan satu inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menyelaraskan dan mempromosikan pendidikan kesihatan di setting klinik. Klinik merupakan satu setting premis kesihatan yang mana terdapat pelbagai kumpulan sasaran dari kanak-kanan hinggalah kepada warga emas. Justeru, pelbagai aktiviti pendidikan kesihatan dapat dilaksanakan bagi memastikan pelanggan di klinik mendapat maklumat kesihatan yang tepat dan sahih mengenai penyakit-penyakit dan isu-isu kesihatan. HPC juga merupakan satu penjenamaan bagi aktiviti pendidikan kesihatan di klinik-klinik supaya program ini kelihatan lebih sempurna dan berjalan dengan lancar.

Program ini bermula pada tahun 2015 dengan 2 buah klinik kesihatan rintis iaitu Klinik Kesihatan Senawang dan Klinik Kesihatan Seremban 2. Hasil daripada audit pematuhan HPC, kedua-dua klinik ini telah diberi pengiktirafan HPC kerana mendapat markah melebihi 80% dan mematuhi aspek HPC. Justeru itu, program ini diperluaskan dengan 10 buah KK akan ditambah setiap tahun dan pada tahun 2018, bilangan KK telah meningkat menjadi 32 buah KK. Sebanyak 26 KK telah berjaya mematuhi pemarkahan HPC.

Bagi tahun 2020, tiada perluasan HPC dilaksanakan. Walaubagaimanapun, sebanyak 26 buah klinik kesihatan yang mematuhi HPC telah diberi pensijilan HPC.

PROGRAM COMBI

COMBI merupakan persatuan bukan kerajaan yang sentiasa membantu Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan dalam menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan terutamanya bagi menangani penyakit demam denggi melalui perubahan tingkah laku masyarakat. Program ini dilaksanakan di seluruh daerah di Negeri Sembilan. COMBI merupakan persatuan yang dianggotai sukarelawan dalam komuniti yang bertindak sebagai agen penyampai maklumat dalam usaha mendidik masyarakat mengenai kepentingan penjagaan kebersihan rumah bagi mengatasi masalah denggi dan juga masalah kesihatan yang lain.

Penubuhan COMBI di lokaliti adalah berdasarkan kewujudan kes atau wabak yang pernah berlaku di kawasan tersebut. Pendekatan ini adalah salah satu cara untuk membantu Pejabat Kesihatan Daerah dalam mengawal kes denggi dari terus merebak melalui pengaruh warga penduduk yang akan memberikan nasihat kepada penduduk yang lain dalam menjaga kebersihan persekitaran rumah.

Jadual 1.0 : Bilangan COMBI di Negeri Sembilan bagi tahun 2020

Daerah	Jumlah Keseluruhan COMBI
Seremban	207
Kuala Pilah	67
Jempol	59
Port Dickson	111
Tampin	60
Rembau	39
Jelebu	41
JUMLAH	**584**

Pada tahun 2020 juga telah berlangsung beberapa aktiviti bagi membantu COMBI dalam memantapkan COMBI sediada di setiap daerah. Antaranya ialah Bengkel COMBI Remaja. Bengkel tersebut telah dijalankan di Hotel Senteral Melaka, Melaka pada 25-27hb September 2020. Selain itu, Jongok-jongok COMBI Sey telah dilaksanakan sebagai salah satu usaha untuk merapatkan hubungan semua Jawatankuasa COMBI daerah dan mendekati permasalahan yang berlaku di dalam lokaliti COMBI semasa kunjungan dijalankan.

Juga berlangsung pada tahun 2020 adalah Townhall Pembudayaan Norma Baharu bersama Pemimpin COMBI peringkat negeri yang bermatlamat memberi pendedahan dan penerangan kepada ketua-ketua komuniti mengenai amalan pembudayaan norma baharu yang perlu dipraktikan dalam usaha mencegah penularan wabak penyakit COVID-19 di Negeri Sembilan.

WELLNESS HUB **NEGERI SEMBILAN**

Unit Promosi Kesihatan Negeri Sembilan telah menjalankan satu (1) perkhidmatan kesihatan merangkumi aktiviti cara hidup sihat, pemakanan sihat, aktiviti fizikal, rundingan dan nasihat kesihatan serta aktiviti intervensi pengurusan berat badan terus kepada komuniti. Terdapat dua (2) *Wellness Hub* di Negeri Sembilan iaitu *Wellness Hub* Kuala Sawah Rantau, Seremban dan *Wellness Hub* Bagan Pinang, Port Dickson.

Wellness Hub Bagan Pinang, Port Dickson merupakan salah satu perkhidmatan yang pertama dilancarkan di Malaysia dan majlis tersebut telah dihadiri oleh YB. Dato' Seri Dr Adham Bin Baba, Menteri Kesihatan Malaysia pada 12 September 2020. Majlis ini turut disertai oleh YBHG Dato' Dr Chen Chow Min, Ketua Setiausaha KKM dan juga YBHG. Dato' Dr Chong Chee Keong, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Bahagian kesihatan Awam) KKM serta YBHG. Datin Dr. Harlina Binti Abdul Rashid, Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan dan masyarakat setempat.

Kedua-dua *Wellnes Hub* ini perlu mencapai sasaran iaitu 50% pelanggan yang datang ke *Wellness Hub* perlu disaring dengan tiga (3) saringan wajib iaitu saringan tekanan darah, saringan indeks jisim tubuh badan dan ujian kecergasan. Bagi *Wellness Hub* Kuala Sawah, sebanyak 66 orang pelanggan (61.68%) yang telah disaring dari jumlah keseluruhan pelanggan seramai 107 orang. Manakala *Wellness Hub* Bagan Pinang telah mencatatkan kehadiran pelanggan seramai 603 orang dan sebanyak 537 orang (89.05%) pelanggan telah disaring dengan tiga (3) saringan wajib. Secara keseluruhan, *Wellness Hub* Negeri Sembilan telah menjalankan saringan sebanyak 603 orang (84.9%) pelanggan telah disaring dari sejumlah 710 orang pelanggan yang hadir ke *Wellness Hub*.

LATIHAN

Sepanjang tahun 2020 bengkel serta latihan yang telah diadakan adalah :

- Kursus Kepimpinan COMBI peringkat Negeri Sembilan pada 14 hingga 16 Februari bertempat di Pusat Latihan Hospital Pasir Putih Kelantan.
- Kursus *Training of Trainers* Kelab Doktor Muda Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah telah dijalankan pada 24-26 Februari 2020 bertempat di Kem El Azhar, Morib, Selangor.
- Bengkel Pemantapan Program Pengurusan berat badan dalam kalangan penggerak aktiviti fizikal Negeri Sembilan pada 6 – 8 Mac 2020 bertempat di Pusat latihan Guru dalam Perkhidmatan, (PLGDP Kulai Johor)
- Kursus SISPEK Peringkat Negeri Sembilan bertempat di JKN Negeri Sembilan pada 12 Oktober 2020
- Bengkel Remaja COMBI peringkat Negeri di Melaka pada 25 – 27 September 2020
- Kursus Asas Kecergasan peringkat Negeri pada 19 – 21 Oktober 2020 di Port Dickson.

KAJIAN DAN TINJAUAN

Satu sesi tinjauan mengenai Pendidikan Pencegahan HIV dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah telah dilaksanakan pada tahun 2020. Tinjauan ini berdasarkan soal selidik UNGGAS iaitu Pengetahuan Asas (Essential Knowledge) Berkaitan AIDS/HIV Dalam Kalangan Remaja Berumur 15 – 19 Tahun. Sebanyak 4 buah sekolah menengah telah dipilih iaitu Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Cina) Chung Hua Kuala Pilah (sekolah cina), Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar (bandar), Sekolah Menengah Agama Kuala Klawang (luar bandar) dan Kolej Vokasional Kuala Klawang (luar bandar). Soal selidik diedarkan pada sebelum dan selepas program dilaksanakan. Kaedah menyampaikan mesej ialah melalui ceramah, pameran dan edaran risalah.

Hasil tinjauan mendapati Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina Chung Hua Kuala Pilah dapat menjawab semua soalan dengan betul adalah 43.33%, bagi Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar 90% telah menjawab semua soalan dengan betul, manakala Sekolah Menengah Agama Kuala Klawang dan Kolej Vokasional Kuala Klawang dapat menjawab semua soalan dengan betul hanya sebanyak 3.33% masing-masing.

KESIMPULAN

Pada keseluruhannya kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan aktiviti promosi kesihatan di Negeri Sembilan adalah memuaskan dengan pengglembengan daripada pelbagai pihak termasuk komuniti, pelbagai agensi, pemimpin masyarakat, NGO, swasta serta individu.

BAHAGIAN KEJUERUTERAAN

BEKALAN AIR DAN KEBERSIHAN ALAM SEKELILING (BAKAS)

PENGENALAN

Program BEKALAN AIR DAN KEBERSIHAN ALAM SEKELILING (BAKAS) ditubuhkan dengan matlamat utama untuk mencegah kejadian penyakit berjangkit bawaan air dan najis melalui penyediaan bekalan air yang bersih dan sistem sanitasi yang sempurna seperti tandas di kawasan luar bandar dan pedalaman yang tidak mendapat perkhidmatan bekalan air selamat daripada pihak pembekal air atau pihak berkuasa tempatan.

Pelan pelaksanaan dalam program BAKAS adalah mencapai sasaran 100% liputan bagi kemudahan bekalan air bersih dan sistem sanitasi yang sempurna di kawasan luar bandar. Antara strategi yang dilaksanakan ialah meningkatkan penglibatan penduduk ke atas setiap projek yang dijalankan melalui kaedah gotong royong, penggunaan teknologi kos rendah yang efisien serta penggabungan elemen pendidikan kesihatan ketika perlaksanaan projek.

Perancangan dan pembinaan projek BAKAS dilaksanakan oleh pasukan daripada Unit Kejuruteraan Negeri, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP), Pembantu Kesihatan Awam (PKA), Pembantu Rendah Am (PRA) serta pemandu di setiap daerah bagi melancarkan pelaksanaan program.

Antara projek pembinaan di bawah Program BAKAS yang dilaksanakan pada tahun 2020 ialah 21 projek bekalan air SPBA-KKM, 36 projek tandas curah, 813 projek SPAL dan 39 projek SPSP dah telah siap sepenuhnya dengan jumlah peruntukan yang diterima sebanyak RM174,400.00.

Secara keseluruhannya bagi tahun 2020, program BAKAS yang dirancang telah berjaya dilaksanakan dengan baik. Liputan bekalan air bersih telah meningkat iaitu sebanyak 99.53% manakala liputan rumah yang mempunyai tandas sempurna ialah 98.95% merujuk kepada jumlah rumah di luar bandar 2020. Ini secara tidak langsung telah meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar dengan penyediaan kemudahan asas kebersihan walaupun mereka berada jauh daripada kepesatan pembangunan di bandar.

OBJEKTIF

1. Mencegah serta mengawal berlakunya kejadian penyakit berjangkit bawaan air dan najis di kalangan penduduk luar bandar melalui penyediaan kemudahan asas bekalan air bersih dan sistem sanitasi yang sempurna.
2. Melaksanakan semua sasaran pembinaan projek yang telah ditetapkan mengikut jumlah peruntukan diterima.
3. Menjalankan pendidikan kesihatan berkaitan dengan kebersihan diri dan persekitaran kepada masyarakat luar bandar terutamanya penerima projek ketika lawatan data asas dan pemantuan projek dilaksanakan.

STRATEGI PROGRAM

Projek Bekalan Air yang dibina pada tahun 2020 adalah projek sambungan Pihak Berkuasa Air dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pembinaan projek ini dilaksanakan secara kontrak di empat (4) buah daerah iaitu Seremban, Kuala Pilah, Jempol dan Port Dickson. Kesemua projek berjaya disiapkan pada tahun 2020 mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian.

Pembinaan projek bermula dengan kerja awalan termasuk permohonan permit potong jalan, kerja-kerja *tapping main pipe* daripada Pihak Pembekal Air, pemasangan paip komunikasi dan paip servis serta pemasangan meter dan tangki simpanan ke rumah penerima projek.

LIPUTAN PENCAPAIAN

Semenjak Program BAKAS diperkenalkan, pencapaian liputan bagi bekalan air dan sistem sanitasi sempurna di rumah kawasan luar bandar adalah seperti dalam **Jadual 1:-**

Jadual 1 : Pencapian Liputan Bekalan Air dan Sistem Sanitasi Program BAKAS

Bilangan Penduduk Luar Bandar	203,159
Bilangan Rumah Luar Bandar	61,258
Liputan Bekalan Air Selamat (%rumah)	99.54 %
Liputan Tandas Sempurna (%rumah)	98.95 %
Liputan Sistem Pelupusan Air Limbah SPAL (%rumah)	81.86 %
Liputan Sistem Pelupusan Sisa Pepejal SPSP (%rumah)	83.97 %


PENCAPAIAN PROGRAM

Pada tahun 2020, terdapat 2 projek yang dirancang tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Projek yang terlibat adalah projek pembinaan SPBA-KKM yang mana sasaran asal adalah sebanyak 24 projek tetapi hanya 21 projek SPBA-KKM sahaja berjaya dilaksanakan di Negeri Sembilan. Perkara ini disebabkan pertambahan kos binaan dari permohonan asal kerana melibatkan pemotongan jalan serta pembinaan tangki simpanan di rumah penerima projek sepertimana arahan SPAN dan pihak Pembekal Air. Maka, bilangan sasaran terpaksa dikurangkan bagi menanggung kos yang terlibat.

Bilangan projek siap bagi tandas curah juga tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan kerana Pejabat Kesihatan Daerah Tampin membuat permohonan untuk menukar 2 projek tandas kepada 2 projek SPAL dan 2 projek SPSP atas sebab yang tidak dapat dielakkan.

Rajah 1 menunjukkan sasaran dan pencapaian Projek BAKAS bagi tahun 2020 yang telah berjaya disiapkan mengikut spesifikasi kerja yang telah ditetapkan bagi memenuhi objektif program BAKAS.

Rajah 1: Sasaran dan Pencapaian Pembinaan Projek BAKAS Bagi Tahun 2020




	Projek SPBA	Projek Tandas	Projek SPAL	Projek SPSP
Bil. Sasaran	24	38	11	37
Bil Pencapaian	21	36	13	39
Bil Penduduk	73	137	45	133

PENCAPAIAN KEWANGAN

Pada tahun 2020, sebanyak RM 174,400.00 peruntukan telah diterima dan berjaya dibelanjakan dalam tahun tersebut. Peratus perbelanjaan bagi peruntukan yang diterima pada tahun 2020 adalah 100%. Perbelanjaan peruntukan ini digunakan meliputi pembinaan projek projek SPBA KKM, projek sanitasi tandas curah, Projek SPSP dan sistem SPAL di seluruh daerah dalam Negeri Sembilan.

Rajah 2 : Peruntukan BAKAS mengikut pecahan projek yang telah diterima tahun 2020



LAIN-LAIN AKTIVITI

Pemantauan Kualiti Air Rekreasi Semulajadi

Aktiviti Pemantauan Kualiti Air Rekreasi (Air Marin Dan Air Tawar) dan Kualiti Air Kolam Renang dilaksanakan pada setiap bulan dan masih diteruskan lagi pada tahun 2020 bertujuan untuk memantau kualiti air rekreasi dan mengenalpasti risiko kesihatan yang mungkin dihadapi oleh pengguna. Selain itu, pemantauan dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti potensi bahaya yang akan dihadapi di kawasan air rekreasi dan penilaian kesan terhadap kesihatan akibat daripada pencemaran alam sekitar seperti effluen kumbahan domestik dan industri, pembuangan sampah, aktiviti perternakan, pertanian, perhutanan, perikanan dan lain-lain aktiviti pembangunan.

Pusat rekreasi yang telah dipilih adalah kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai dalam melakukan aktiviti air. Terdapat satu penambahan lokasi bagi kolam renang awam yang dipantau berbanding tahun sebelumnya. Senarai lokasi adalah seperti berikut:-

- Rekreasi Ulu Bendol, Kuala Pilah – Air Tawar
- Rekreasi Jeram Toi, Jelebu – Air Tawar
- Pantai Bagan Pinang, Port Dickson – Air Marin
- Pantai Saujana, Port Dickson – Air Marin
- Kolam Renang Tan Sri Dr Mohd Said, Seremban 2
- Kolam Renang Awam, Paroi, Seremban
- Kolam Renang Rantau Eco Park
- Kolam Renang di Klana Resort, Port Dickson

Walau bagaimanapun, terdapat kekangan bagi pelaksanaan program ini pada tahun 2020 memandangkan situasi pandemik Covid-19 yang telah melanda Negara dan pelaksanaan tidak sepertimana yang dijadualkan. Hanya beberapa bulan pada tahun 2020 sahaja dilaksanakan pemantauan kualiti air rekreasi dan seperti biasa sampel yang diambil, dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk tujuan analisa.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pencapaian program BAKAS di Negeri Sembilan adalah baik dan memuaskan. Kesemua sasaran projek BAKAS yang ditetapkan pada awal tahun telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2020 walaupun terdapat kekangan masa akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran pandemik Covid-19 yang melanda negara kita . Peratus liputan penduduk luar bandar di Negeri Sembilan yang telah mendapat bekalan air bersih dan tandas menunjukkan peningkatan dengan masing-masing sebanyak 99.54% dan 98.95% sehingga tahun 2020. Penduduk luar bandar yang belum mendapat liputan air bersih atau tandas sempurna adalah melibatkan rumah-rumah yang baru dibina dan penduduk berpindah kawasan yang mana ini merupakan kebiasaan atau gaya hidup bagi masyarakat orang asli yang hidup di kawasan pedalaman. Bagi aktiviti Pemantauan Kualiti Air Rekreasi pula, pencapaian keseluruhan adalah memuaskan walaupun pemeriksaan tidak berjaya dilaksanakan sekali sebulan disebabkan isu yang semua sedia maklum iaitu pandemik Covid-19 yang melanda negara.

PROGRAM KAWALAN MUTU AIR MINUM KEBANGSAAN (KMAM)

RINGKASAN EKSEKUTIF

Tahap kualiti air terawat yang dibekalkan oleh Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) adalah dipantau oleh Program Kawalan Mutu Air Minum (KMAM) yang terletak di bawah Unit Kejuruteraan (Kawalan Alam Sekitar), Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Program ini telah dimulakan sejak tahun 1983 di bawah Program Mutu Air Minum Kebangsaan, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan (BPK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Aktiviti pemantauan ini meliputi semua daerah di Negeri Sembilan dan ia dilaksanakan oleh tujuh (7) orang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP), U29 serta di bantu oleh lima (5) Pembantu Kesihatan Awam, U17.

SAINS membekalkan air kepada hampir 1.12 juta penduduk di negeri ini (*sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017*) melalui 22 buah loji rawatan air (LRA) miliknya. Daripada 22 loji ini, 20 menjalani proses rawatan penuh manakala dua (2) buah LRA menjalani rawatan separa iaitu Pantai Headwork, Seremban dan Ulu Bendul, Kuala Pilah. Sejumlah 293 stesen persampelan telah dipantau yang terdiri daripada 22 stesen air mentah dan 271 lagi stesen air terawat.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 6,692 sampel telah diambil bagi Kumpulan I, 1,472 sampel bagi kumpulan II, 674 sampel telah diambil bagi kumpulan III manakala bagi Kumpulan IV, 429 sampel yang dirancang telah berjaya diambil. 2020 menyaksikan SAINS telah berjaya mematuhi piawaian bagi keseluruhan lima (5) parameter utama "Quality Assurance Programme" (QAP) iaitu *E.Coli*, baki klorin, kekeruhan dan Aluminium.

Sebanyak empat (4) kajian kebersihan telah berjaya dilakukan di loji setiap daerah. Aktiviti Penyiasatan Mutu Air Minum Ladang juga telah dilaksanakan di mana sebanyak 10 ladang telah dilawati. Secara keseluruhannya, kualiti air terawat yang dibekalkan oleh SAINS adalah baik dan boleh dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

PENGENALAN

Program Kawalan Mutu Air Minum merupakan aktiviti pencegahan utama bagi Penyakit Bawaan Air Minum di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bermula pada tahun 1986. Pembangunan program ini berlandaskan Standard Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan terkini bagi peningkatan kualiti air minum secara berterusan dan ke arah **pelanggaran sifar**. Terdapat beberapa agensi terlibat dalam pelaksanaan program ini di peringkat negeri seperti Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), Operator pembekal air Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Badan Kawal Selia Air (BKSA), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kimia Malaysia (JKM).

Visi utama program ini adalah meningkatkan taraf kesihatan pengguna dengan memastikan keselamatan dan kualiti bekalan air minum awam yang dibekalkan adalah bersih dan mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Melalui Pelan Pengurusan Risiko Penyakit Bawaan Air, sebarang wabak berkaitan mampu dikawal dengan lebih efisen. Secara tidak langsung kerjasama antara agensi-agensi ini mampu meningkatkan kualiti air minum serta memastikan tindakan pencegahan lebih menyeluruh dapat diambil sebelum berlakunya pencemaran.

Standard Kualiti Air Minum Kebangsaan telah dibangunkan oleh KKM pada tahun 1983 dengan mengambil kira scenario di Malaysia. Ini sejajar dengan cadangan yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta amalan di negara-negara lain. Beberapa tambahan dalam garis panduan telah dikemaskini pada 2004 untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan program. Peningkatan aktiviti-aktiviti perbandaran, perindustrian, perhutanan dan pertanian di negeri ini juga tidak selari dengan keadaan dan keupayaan sistem sumber saliran bekalan air yang digunakan. Situasi ini mengakibatkan pertambahan pencemaran dan sisa kumbahan ke dalam sungai dan terusan. Secara tidak langsung pengguna boleh terdedah kepada risiko Penyakit Bawaan Air. Oleh itu, Program Pengawasan Kualiti Air Minum Kebangsaan diberi perhatian khusus untuk memastikan bekalan air yang lebih selamat dan berkualiti kepada pengguna.

VISI

Untuk menjadi pasukan kerja profesional yang berpengetahuan, cekap dan berkemahiran tinggi dalam memberi perkhidmatan kesihatan persekitaran dan perkhidmatan kejuruteraan yang berkualiti dan berinovasi di Negeri Sembilan.

MISI

Untuk membekalkan perkhidmatan berkualiti, bermutu dan tepat kepada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti kesihatan persekitaran dan perkhidmatan kejuruteraan fasiliti-fasiliti kesihatan.

OBJEKTIF

Memastikan pelaksanaan dan pemantauan program kejuruteraan dalam aspek-aspek teknikal kejuruteraan kesihatan umum dan kejuruteraan penjagaan kesihatan yang efisien, efektif dan berkualiti.

ELEMENT UTAMA PROGRAM

Unsur utama program pengawasan air minum meliputi 5 elemen iaitu;

i. Pemantauan
ii. Kajian kebersihan
iii. Pemprosesan dan penilaian data
iv. Tindakan pemulihan
v. Pemeriksaan institusi dan tindakan susulan

PEMANTAUAN

Di bawah aktiviti pemantauan, persampelan air di stesen percontohan dijalankan mengikut perancangan yang disediakan secara tahunan. Tujuan pemantauan adalah mengesan kehadiran bakteria, kimia (kumpulan organik dan bukan organik serta kandungan racun perosak) dan bahan radioaktif seperti di rajah 1. Sampel yang lengkap dianalisis oleh Jabatan Kimia Malaysia (JKM). Jika berlaku sebarang pelanggaran Standard Kualiti Air Minum, pihak pembekal air perlu mengambil tindakan segera supaya kesihatan pengguna tidak terancam.

Rajah 1: Parameter Ujian mengikut kumpulan



KUMPULAN I (Fizikal dan Mikrobiologikal)
Fizikal : pH, Baki Klorin, Warna, Kekeruhan, Jumlah Pepejal Terlarut – Penganalisaan dilakukan di tapak persampelan

Mirobiologikal: *E.Coli* dan *Total Coliform* – Dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia



KUMPULAN II (Kimia Inorganik)
Biological Oxygen Demand (BOD), Chemical Oxygen Demand (COD), Ammonia, Nitrat, Fluoride, Ferum, Manganese, Aluminium, Hardness ($CaCO_3$) dan Chloride.

Dianalisa di Jabatan Kimia Malaysia.



KUMPULAN III (Logam Berat)
Arsenik, Merkuri, Plumbum, Kadmium, Kromium, Argentum, Kuprum, Zink, Magnesium, Natrium, Selenium, Sulphate, Trihalomethana (Kloroform,Bromodiklorомethana, Klorodibromomethana, Bromoform)

Dianalisa di Jabatan Kimia Malaysia.



KUMPULAN IV (Pesticide)
Aldrin/Dealdrin, DDT, Heptachlor / Heptachlor Epoxide, Methoxychlor, Lindane, Chlordane, Endosulfan Hexachlorobenzena

Dianalisa di Jabatan Kimia Malaysia.



KUMPULAN V (Radioaktif)
Gross α, gross β. Diiuji hanya apabila perlu.

Dianalisa di Agensi Nuklear Malaysia.

Kajian Kebersihan

Selain pensampelan rutin, Kajian Kebersihan juga dijalankan setiap tahun di semua sistem bekalan air termasuk kawasan tadahan air, loji rawatan air dan sistem agihan. Dalam kajian ini, penilaian dan pemeriksaan lapangan dijalankan untuk memeriksa keadaan punca dan bekalan air. Selain itu sistem bekalan air dinilai supaya perkara-perkara yang boleh membahayakan kesihatan pengguna tidak wujud. Pasukan Kajian terdiri daripada pelbagai agensi seperti KKM, SPAN, SAINS, Jabatan Kimia Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Pemprosesan Dan Penilaian Data

Pengurusan data melalui perisian *Water Quality Surveillance* (WQS) digunakan di peringkat Daerah, Negeri dan Kementerian. Melalui perisian ini penyediaan laporan, penambahbaikan pengurusan, operasi dan mengenalpasti isu yang berlaku.

Tindakan Pemulihan

Pembekal Air perlu mengambil tindakan pemulihan dengan segera apabila terdapat isu yang dikenalpasti. Tindakan ini bertujuan memastikan bekalan air bersih yang diterima oleh pengguna terjamin selamat.

Pemeriksaan Institusi

Pemeriksaan institusi secara berkala dijalankan bagi memastikan tahap keberkesanan organisasi dalam pengurusan Pihak Pembekal Air.

MAKLUMAT ASAS SISTEM BEKALAN AIR



7 **daerah** yang menjalankan program KMAM iaitu Seremban, Jelebu, Port Dickson, Kuala Pilah, Tampin, Rembau dan Jempol.

BILANGAN LRA



22

Loji Rawatan Air yang beroperasi di bawah Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS)

JUMLAH RANGKAIAN

37

Rangkaian air yang membekalkan air kepada lebih kurang 1.12 juta orang penduduk di negeri ini (*sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017*)

JENIS RAWATAN

20 Rawatan Penuh

2 Rawatan Separa (LRA Pantai & LRA Ulu Bendul)

STESEN PERSAMPELAN

293



Stesen Persampelan Air (SPA) yang dipantau dengan bilangan stesen air mentah sebanyak 22 dan 271 stesen air terawat.

Ringkasan Aktiviti Tahun 2020

Indeks Kualiti Air Minum (*Drinking Water Quality Index)* DWQI.

DWQI berfungsi sebagai pengukur skop, frekuensi, dan amplitud parameter-parameter yang dipantau yang tidak mematuhi standard kualiti air. Ketiga-tiga pengukuran ini digabungkan untuk menjadikan satu skor yang dapat mewakili keadaan bekalan air sesuatu rangkaian. Pengiraan skor bermula dari 0 sehingga 100, yang mana semakin tinggi nilai akan menunjukkan semakin baik kualiti air yang dibekalkan. Terdapat lima kategori skor yang menunjukkan indeks kualiti air iaitu *Excellent, Good, Fair, Marginal* dan *Poor.*

Melalui indeks ini, status kualiti air minuman secara lebih menyeluruh yang dibekalkan kepada pengguna boleh diketahui. Pelaporan DWQI mula digunapakai pada tahun 2016 sebagai percubaan dalam penentuan indeks kualiti air. Pada tahun 2017 laporan bulanan DWQI telah diedarkan kepada pihak pembekal air berdasarkan lima parameter (Baki Klorin & *E.Coli*, *E.Coli*, Kekeruhan, Baki Klorin dan Aluminium). Bagaimanapun pada tahun 2020 Indeks dijana berdasarkan 11 parameter (rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Parameter bagi Indeks DWQI 2020

Parameter bagi indeks DWQI 2020		Parameter bagi indeks DWQI 2016	
Parameter Kumpulan 1	**Parameter Kumpulan 2**	**Parameter Kumpulan 1**	**Parameter Kumpulan 2**
Total Coliform	Klorida	Total Coliform	Aluminium
E-Coli	Ammonia	E-Coli	
Kekeruhan	Nitrat	Kekeruhan	
Baki Klorin	Ferum	Baki Klorin	
	Keliatan		
	Aluminium		
	Mangan		

Sebanyak 36 rangkaian air yang beroperasi di Negeri Sembilan telah dipantau pada tahun 2020. Dari jumlah ini, 5,492 sampel air terawat telah dianalisa, dimana Indeks bagi Loji Air Minum di perolehi berdasarkan sebelas parameter tersebut. Pada tahun 2020, Disember adalah pencapaian terbaik bagi Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), sementara bulan April 2020 terdapat 1 loji bertaraf *Marginal* (Jadual 2). Berdasarkan pemerhatian ini, loji yang mendapatkan indeks *Marginal* perlulah meningkatkan keupayaan dalam proses merawat air yang dibekalkan kepada pengguna.

Jadual 2 : Indek bagi rangkaian loji air di Negeri Sembilan 2020

Indek bagi Rangkaian Loji-loji Air di Negeri Sembilan tahun 2020					
Bulan / Kategori	**Excellent**	**Good**	**Fair**	**Marginal**	**Poor**
	95 - 100	**80-94**	**65-79**	**45-64**	**0 - 44**
Januari	30	5	1	0	0
Februari	27	6	3	0	0
Mac	27	9	0	0	0
April	23	11	1	1	0
Mei	19	17	0	0	0
Jun	26	10	0	0	0
Julai	25	10	1	0	0
Ogos	26	10	0	0	0
September	34	1	1	0	0
October	31	5	0	0	0
November	30	6	0	0	0
Disember	33	3	0	0	0

Audit Teknikal

Objektif utama audit teknikal adalah memperkemaskan lagi perancangan, pemantauan, pelaksanaan dan penilaian KMAM di peringkat daerah. Pada tahun 2020, antara daerah yang terlibat adalah Seremban, Port Dickson, Rembau dan Jempol.

Kajian Kebersihan

Kajian kebersihan merupakan akiviti di mana loji rawatan air dinilai dari segi kemampuannya untuk merawat dan menghasilkan air yang berkualiti serta mematuhi piawaian Mutu Air Minum Kebangsaan. Pada tahun 2020 sebanyak empat (4) buah LRA telah dijalankan kajian kebersihan iaitu:

i. LRA Ulu Bendul, Kuala Pilah
ii. LRA Pasir Besar, Tampin
iii. LRA Jempol, Jempol
iv. LRA Sg. Terip, Seremban

Penyiasatan Mutu Air Minum Ladang

Terdapat 10 buah ladang dengan bekalan air persendirian dan campuran yang telah disiasat oleh Program KMAM di Negeri Sembilan pada tahun 2020. Ladang-ladang tersebut adalah:

Jadual 3: Ladang yang dijalankan penyiasatan tahun 2020

Daerah	Nama Ladang
Seremban	Ladang Kombok, Mantin
Jelebu	Ladang Felcra Kawasan Gagu Ladang Gunung Pertanian
Kuala Pilah	Ladang Jeram Padang Ladang Johol
Tampin	Ladang Tampin Ladang Nam Bee
Jempol	Ladang Batang Jelai (Palong Div) Ladang Kok Foh Ladang Air Hitam (Malay Rompin Div)

Latihan /Bengkel

5 FEBRUARI 2020

Bengkel Laporan Tahunan Ladang 2019; Makmal Komputer UKM

19 – 21 FEBRUARI 2020

Bengkel Penyediaan Laporan Tahunan Aktiviti Program Kawalan Mutu Air Minum Bagi Tahun 2019; Makmal Komputer HTAN

20 - 23 OKTOBER 2020

Program Penyediaan Jadual Persampelan Kawalan Mutu Air Minum (Kmam), Imperial Heritage Hotel, Melaka



11 – 13 FEBRUARI 2020

Kursus Kompetensi Protokol Persampelan Bagi Pemantauan Kualiti Air Minum; Ancasa Hotel, Port Dickson

8 – 10 JULAI 2020

Kursus Kalibrasi Peralatan Persampelan Air; Permai Puri JKNNS

Penilaian Prestasi KMAM 2020

Tahun 2020, sebanyak 9,351 sampel air telah dirancang dan sebanyak 9,185 sampel air yang berjaya diambil bagi tujuan pemantauan. Catatan peratus keseluruhan pencapaian persampelan bagi tahun 2020 adalah 98.22 %. lanya termasuk air mentah dan terawat yang dianalisa dalam empat (4) kumpulan. Jadual berikut menunjukkan pencapaian persampelan air mengikut kumpulan I, II, III dan IV bagi seluruh daerah di Negeri Sembilan.

Jadual 5 : Pencapaian persampelan air program KMAM 2020

Daerah	Kumpulan I		Kumpulan II		Kumpulan III		Kumpulan IV	
	P	B	P	B	P	B	P	B
Jelebu	735	732	154	154	76	76	50	50
Kuala Pilah	1,206	1,206	274	274	108	108	78	78
Port Dickson	860	860	180	180	90	90	45	45
Rembau	726	674	166	152	68	59	46	46
Seremban	1,596	1,594	336	336	156	156	98	98
Tampin	852	852	194	194	80	80	56	56
Jempol	801	763	168	134	96	86	56	52
JUMLAH	**6,776**	**6,681**	**1,472**	**1,424**	**674**	**655**	**429**	**425**

P= Jumlah sampel dirancang
B=Jumlah sampel diambil


Tahap Kualiti Air Mentah Di Negeri Sembilan

Kumpulan I

Bagi Kumpulan I, jumlah ketidakpatuhan bagi kesemua parameter iaitu *Total Coliform* dan *E.Coli* didapati meningkat berbanding tahun 2019. Peningkatan peratusan ketidakpatuhan ini menunjukkan bahawa kualiti air mentah di loji-loji rawatan air di Negeri ini adalah merosot.

Sepanjang tahun 2020, air mentah di sungai-sungai di negeri ini mengalami penyusutan kualiti akibat dari keadaan cuaca yang panas, menyebabkan kuantiti air berkurangan dan ini seterusnya meningkatkan kepekatan bahan pencemar di dalam air. Secara keseluruhannya kualiti sumber air bagi air minum terus merosot setiap tahun dari aspek mikrobiologi.


Graf 1 : Peratus pelanggaran bagi *Total Coliform* dan *E.coli* (Melebihi 5000 MPN/100ml) 2016 – 2020 bagi Negeri Sembilan



	2016	2017	2018	2019	2020
E.Coli	8.78%	11.35%	11.40%	13.31%	13.92%
Total Coliform	20.45%	25.17%	27.95%	30.79%	35.03%

Air mentah yang mengandungi *Total coliform* yang tinggi (>5,000 MPN dalam 100ml sampel air mentah) dianggap air tidak selamat kerana kandungan air yang tercemar berisiko kepada pengguna mengalami penyakit ekoran kehadiran bakteria *enteric waterborne pathogen*. Bakteria ini mudah dikesan sekitar sistem kumbahan dan perairan semulajadi berpunca daripada hasil buangan manusia, haiwan ladang atau haiwan liar dan burung (WHO, 1996). Graf 1, menunjukkan dari tahun 2016 sehingga 2020 peratusan pelanggaran Jumlah Coliform dan *E. coli* sentiasa berlaku. Bagi memastikan masalah ini tidak berterusan, tindakan penambaikan segera telah dan perlu diambil oleh pihak berkepentingan bagi menangani masalah tersebut.

Graf 2: Peratus Pelanggaran *Total Coliform* Dan *E.Coli* Mengikut Daerah, 2020




	Jelebu	Kuala Pilah	Rembau	Seremban	Tampin	Jempol
Total Coliform	11.24%	24.16%	19.01%	52.13%	53.70%	54.72%
E-coli	5.62%	12.08%	0.83%	32.98%	17.28%	18.87%

Kumpulan II


Kumpulan 2, pada tahun 2020 mempunyai 13 parameter air mentah yang dipantau. Daripada jumlah keseluruhan ini, tiga mengalami masalah peratusan pelanggaran tertinggi iaitu Aluminium (27.39%), Ferum (32.48%) dan *Chemical Oxygen Demand* (10.07%). Manakala bagi parameter lain peratusan pelanggaran adalah kurang daripada 8%. *Chemical Oxygen Demand* (COD) dan *Biological Oxygen Demand* (BOD) adalah merupakan keperluan oksigen terlarut dalam air yang diperlukan dalam proses penguraian bahan inorganik. Kehadiran COD dan BOD yang tinggi dalam sumber air mentah menunjukkan tahap oksigen terlarut dalam air adalah rendah, dimana ia bermaksud kualiti air mentah adalah rendah. Ia adalah indikator menunjukkan bahawa sungai mempunyai banyak aktiviti pencemaran.

Graf 3: Peratus Ketidakpatuhan Parameter COD dan BOD dalam Air Mentah bagi tahun 2016 hingga 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
COD	15.3	18.93	18.24	16.82	10.07
BOD	5.88	1.2	2.94	2.26	1.73

Graf 4 : "Trend" Ketidakpatuhan Parameter Ammonia, Ferum dan Aluminium dalam Air Mentah bagi tahun 2016 hingga 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Ammonia	2.19	1.26	0	2.6	1.29
Ferum	35.4	48.98	47.5	40.95	32.48
Aluminium	41.24	43.21	31.65	28.02	27.39

Ferum dan Mangan sememangnya merupakan unsur surih yang diperlukan dalam badan manusia. Namun, penurunan unsur ini dalam air mentah di Negeri Sembilan pada tahun 2020 menjadi indikator yang menunjukkan terdapatnya pengawalan aktiviti guna tanah dalam sungai contohnya seperti pengorekan pasir. Sekatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga memainkan peranan dalam mengurangkan aktiviti guna tanah sepanjang tahun 2020.


Julat yang dicadangkan bagi Ammonia dalam air mentah adalah 0.0 – 1.5 mg/L. Pada nilai bacaan 1.5 mg/L, Ammonia dikatakan mampu menghasilkan bau yang kurang enak namun ia tidaklah boleh menyebabkan mudarat kepada kesihatan. Walau bagaimanapun, tahap Ammonia yang tinggi dalam air boleh menyebabkan tindakbalas kimia berlaku di antara Ammonia dengan Klorin membentuk sebatian Kloramin. Ini mengakibatkan tahap baki klorin dalam air terawat menjadi rendah dan seterusnya merisikokan kehadiran bakteria dalam air terawat. Kehadiran Ammonia dalam air mentah mungkin di sebabkan oleh pembuangan najis (aktiviti penternakan haiwan), aktiviti pertanian (baja) dan perindustrian. Biasanya, Ammonia wujud dalam keadaan semulajadi pada tahap kepekatan di bawah 0.2 mg/L. Keadaan cuaca kemarau memberi kesan kepada kuantiti air dalam sungai di mana kuantiti air sungai berkurangan dan ini akan menyebabkan kandungan mineral dalam sungai semakin tinggi kepekatannya.

Kajian-kajian epidemiologi menunjukkan hubungan yang positif antara parameter Aluminium dalam air minuman dengan penyakit Alzheimer. Alum (aluminium sulfat) dan polialuminium klorida adalah koagulan yang banyak digunakan dalam proses merawat air mentah kerana sangat berkesan, mudah didapati dan murah. Namun jika kedua-dua bahan ini tidak digunakan dengan betul boleh menyebabkan peningkatan tahap sisa Aluminium dalam air minuman. Bagaimanapun pencapaian bagi kumpulan 2 pada tahun 2020 ini lebih baik dibandingkan tahun-tahun sebelumnya.

Kumpulan III

Pada tahun 2020, 18 parameter Kumpulan 3 yang dianalisa, 2 parameter merekodkan pelanggaran dalam air mentah di seluruh Negeri Sembilan iaitu parameter markuri (Jelebu) dan arsenic (Seremban). Ringkasan untuk Kumpulan III bagi parameter air mentah dalam tempoh 5 tahun iaitu 2016 hingga 2020, Arsenik merekodkan peningkatan ketidakpatuhan dalam air mentah pada tahun 2020. Kehadirannya dalam tempoh 5 tahun dikesan dalam Sungai Linggi, Seremban. Arsenik boleh membawa kesan akut dan kronik pada manusia. Simptom keracunan arsenik boleh terdiri daripada muntah, sakit di bahagian abdomen, diarrhea, dan “dermal lesion”. Kesan pada sistem kardiovaskular juga dapat dilihat pada kanak-kanak dengan kadar pendedahan kepada arsenik sebanyak 0.6 mg/L selama tujuh (7) tahun. Selain itu, arsenik juga boleh menjadi faktor risiko kepada kanser kulit, paru-paru, ginjal dan buah pinggang. Banyak kajian telah membuktikan perkaitan di antara keracunan Arsenik dengan kanser.

Graf 5: “Trend” Ketidakpatuhan Parameter Arsenik, Plumbum dan Merkuri dalam Air Mentah bagi tahun 2016 hingga 2020



Kumpulan IV


Sepanjang tahun 2020, tiada ketidakpatuhan bagi parameter-parameter yang dikelaskan dalam kumpulan IV dikesan.

Tahap Kualiti Air Terawat Di Negeri Sembilan

Kumpulan I

Enam (6) parameter dipantau dalam Program KMAM untuk Kumpulan I iaitu *Total coliform*, *E.coli*, baki klorin, pH, kekeruhan dan juga warna.

Graf 6: Ketidakpatuhan Parameter Kumpulan I dalam Air Terawat bagi tahun 2016 hingga 2020




Parameter *E.coli, Total Coliform,* pH dan warna menunjukkan peningkatan kepada ketidakpatuhan piawaian yang dicadangkan oleh Unit KMAM, BPK, KKM. Daerah yang merekodkan bacaan yang tidak mematuhi piawaian bagi parameter *E.coli* adalah daerah Port Dickson – LRA Linggi (Si Rusa) (0.12%) merekodkan 1 ketidakpatuhan. Bagi parameter *Total Coliform*, terdapat lima (5) daerah yang merekodkan ketidakpatuhan iaitu daerah Jelebu, Kuala Pilah, Port Dickson, Seremban dan Jempol dengan peratus ketidakpatuhan adalah 0.53%. Agihan/rangkaian retikulasi di daerah Port Dickson dan Jempol adalah sangat jauh dan ia memerlukan proses pembasmian kuman kedua untuk memastikan klorin mampu bertindak untuk melindungi air dari bakteria hingga ke peti yang paling jauh. Masalah utama yang dihadapi di daerah ini adalah fungsi "*secondary dosing*" yang selalu gagal.

SAINS juga turut memaklumkan bahawa permintaan air yang kurang menyebabkan air "*stagnant*" dalam tangki dan ini secara tidak langsung menyebabkan kandungan baki klorin menurun dan keupayaan bakteria untuk membiak di dalam air yang dibekalkan adalah tinggi.

Kumpulan II

Mangan, Ammonia, Ferum dan Aluminium adalah merupakan parameter dari kumpulan II yang merekodkan kemerosotan kualiti pada tahun 2020.

Graf 7: Ketidakpatuhan Parameter Kumpulan II dalam Air Terawat bagi tahun 2016 hingga 2020



Perlanggaran Mangan direkodkan tinggi di daerah Rembau (2.04%). Ketidakpatuhan Fluoride direkodkan di semua daerah manakala Aluminium berjaya mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh KKM(<10.0%) iaitu sebanyak 9.38%.

Kumpulan III

Kesemua parameter logam berat yang dipantau dalam Program KMAM adalah mematuhi piawaian yang dicadangkan oleh KKM pada tahun 2020.


Kumpulan IV

Kesemua parameter pestisid yang dipantau dalam Program KMAM adalah mematuhi piawaian yang dicadangkan oleh KKM pada tahun 2020.

Pencapaian Program Penjaminan Mutu (*Quality Assurance Programme*, QAP)


Pada tahun 2020, SAINS berjaya mematuhi kesemua lima (5) parameter QAP iaitu *E.Coli*, kekeruhan, baki klorin, *E.Coli* & baki klorin dan aluminium bagi Negeri Sembilan. Walaupun QAP secara keseluruhan adalah baik namun penyumbang terbesar kepada kemerosotan parameter QAP *E.Coli* (0.12%) dari daerah Port Dickson, parameter kekeruhan (3.09%) adalah dari daerah Jelebu, parameter baki klorin (2.75%) adalah dari daerah Jempol, parameter Aluminium dari daerah Rembau (13.27%). Graf 8 hingga 11 memaparkan pencapaian QAP bagi tahun 2020 mengikut daerah.

Graf 8: Peratus Pencapaian QAP bagi Parameter E.coli Tahun 2020




	Jelebu	Kuala Pilah	Port Dickson	Rembau	Seremban	Tampin	Jempol	Negeri Sembilan
E.coli	0	0	0.12	0	0	0	0	0.02
Piawaian QAP	0.15	0.15	0.15	0.15	0.15	0.15	0.15	0.15

Graf 9: Peratus Pencapaian QAP bagi Parameter Baki Klorin Tahun 2020




	Jelebu	Kuala Pilah	Port Dickson	Rembau	Seremban	Tampin	Jempol	N. Sembilan
Baki Klorin	0.17	0	0	0	0	0.17	2.75	0.37
Piawaian QAP	0.8	0.8	0.8	0.8	0.8	0.8	0.8	0.8

Graf 10 : Peratus Pencapaian QAP bagi Parameter Kekeruhan Tahun 2020



	Jelebu	Kuala Pilah	Port Dickson	Rembau	Seremban	Tampin	Jempol	N. Sembilan
Kekeruhan	3.09	0	2.65	0	0.08	0.31	2.45	1.07
Piawaian QAP	2	2	2	2	2	2	2	2

Graf 11: Peratus Pencapaian QAP bagi Parameter Aluminium Tahun 2020



	Jelebu	Kuala Pilah	Port Dickson	Rembau	Seremban	Tampin	Jempol	N. Sembilan
Aluminium	7.84	8.5	13.1	13.27	6.47	10.96	6.78	6.39
Piawaian QAP	10	10	10	10	10	10	10	10

Daerah Jempol merekodkan ketidakpatuhan Parameter Baki Klorin dalam air terawat yang agak tinggi iaitu 2.75% berbanding piawaian yang dibenarkan <1.85%. Stesen yang dikenalpasti kerap berlakunya perlanggaran ini adalah di Felda Palong 7, Palong 9, Palong 12 dan Palong 14 (Rangkaian Air dari LRA Gemas).

Agihan/rangkaian retikulasi di daerah Jempol adalah sangat jauh dan ia memerlukan proses pembasmian kuman kedua untuk memastikan klorin mampu bertindak untuk melindungi air dari bakteria hingga ke peti yang paling hujung. Masalah utama yang dihadapi di daerah ini adalah fungsi "*secondary dosing*" yang dibina adalah gagal. Justeru, jumlah baki klorin adalah kurang dari piawaian yang dicadangkan oleh KKM iaitu 0.2 mg/dl hingga 5.0 mg/dl.
Isu ini telah dibincangkan bersama SAINS dengan kehadiran SPAN Cawangan Wilayah Selatan. Lawatan ke lokasi "*secondary dosing*" juga telah dilakukan bersama SPAN dan kesihatan namun malangnya ia masih berterusan dari 2016 hingga ke tahun 2020. SAINS juga turut memaklumkan bahawa permintaan air yang kurang menyebabkan air "*stagnant*" dalam tangki dan ini akan menyebabkan kandungan baki klorin menurun.
Di daerah Rembau, pencapaian QAP bagi parameter Aluminium sangat tinggi iaitu 13.27%. Lokasi yang dikenalpasti sering melebihi piawaian bagi parameter ini adalah di stesen TPO Sawah Raja, SRO Bukit Kunyit dan SRO Rembau (Rangkaian LRA Sawah Raja).

Semua maklumat berkaitan pencapaian pematuhan QAP dalam Program KMAM di Negeri Sembilan telah dimaklumkan kepada SAINS melalui bersurat dan medium – medium perbincangan bersama SPAN dan agensi-agensi lain.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kualiti air yang dibekalkan pada tahun 2020 oleh Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) di Negeri Sembilan pada kesemua loji dan rangkaian air adalah semakin baik. Masih ada banyak ruang untuk penambahbaikan dari segi kualiti. Isu kualiti air di daerah Jempol juga sudah agak lama dan masih belum dapat diatasi dengan baik bagi parameter baki klorin terutamanya.

Pada tahun 2020 ini juga mencatatkan penurunan kualiti air yang sangat ketara bagi daerah Port Dickson. Pihak SAINS perlu meningkatkan fokus dari segi penambahbaikan kualiti air dan penyelenggaran *"secondary dosing"* kepada daerah-daerah yang mempunyai rangkaian air yang panjang/jauh seperti di daerah Port Dickson dan Jempol.

Air yang dibekalkan mestilah selamat untuk diminum. Objektif ini akan dapat dicapai melalui kerjasama yang baik di antara pelbagai agensi yang berkaitan bagi memastikan kelestarian sumber air yang bersih. Perbincangan berkaitan kualiti air di pelbagai peringkat haruslah sentiasa dilaksanakan bagi memastikan air yang bersih ini dapat dinikmati oleh rakyat.

3.3. OPERASI HOSPITAL

PENGENALAN

Unit Kejuruteraan (Operasi Hospital) bertanggungjawab dalam membuat pemantauan ke atas kontrak Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH). Kontrak PSH ini adalah kontrak penyelenggaraan selama sepuluh (10) tahun bermula 1 April 2015. Skop perkhidmatan yang terdapat di dalam kontrak PSH ini termasuklah:

I. *Facility Engineering Maintenance Services* (FMS)
II. *Facilities Management Services* (FEMS)
III. *Biomedical Engineering Maintenance Services* (BEMS)
IV. *Cleansing Services* (CLS)
V. *Healthcare Waste Management Services* (HWMS)
VI. *Linen and Laundry Services* (LLS)

Sebanyak enam (6) buah hospital di Negeri Sembilan yang terlibat di dalam kontrak PSH ini iaitu Hospital Tuanku Ja'afar, Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Hospital Port Dickson, Hospital Tampin, Hospital Jempol dan Hospital Jelebu. Syarikat yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti penyelenggaraan bagi semua hospital tersebut ialah Medivest Sdn Bhd.

VISI

Perkhidmatan kejuruteraan yang profesional, berpengetahuan, cekap dan berkemahiran tinggi dalam memberi perkhidmatan kejuruteraan berkualiti dan berinovatif.

MISI

Memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada:

- Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti perkhidmatan kejuruteraan fasiliti dan peralatan biomedikal, perkhidmatan pembersihan, pembekalan linen dan pengurusan sisa klinikal serta perkhidmatan penyelenggaraan fasiliti kesihatan.
- Perancangan, pelaksanaan, penyeliaan projek-projek fizikal di fasiliti kesihatan.

OBJEKTIF

I. Memastikan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) dilaksanakan mengikut kontrak dan sistem kejuruteraan hospital berfungsi dengan optimum.
II. Memberikan khidmat nasihat teknikal mengikut "*best engineering practice*" serta lain-lain yang berkaitan.
III. Memperkukuhkan dan memperkasakan pemantauan PSH melalui pembangunan modal insan dan kompetensi serta pemahaman terhadap kontrak PSH.


PENCAPAIAN AKTIVITI UNIT

Objektif utama Unit Kejuruteraan (Operasi Hospital) ialah memastikan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) dilaksanakan mengikut kontrak dan sistem kejuruteraan hospital berfungsi dengan optimum. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan bagi mencapai objektif ini adalah dengan memantau pencapaian sasaran *uptime* bagi aset yang terdapat di semua hospital.

Sasaran *uptime* bagi setiap aset adalah berpandukan kepada usia dan kategori aset tersebut sepertimana yang dinyatakan di dalam dokumen kontrak Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH). Bagi tahun 2020, sasaran *uptime* yang telah ditetapkan ke atas aset yang berusia 15 tahun ke bawah adalah 93%.


Aset-aset di hospital boleh dikategorikan kepada dua (2) iaitu aset FEMS dan aset BEMS. Jumlah aset FEMS dan BEMS berusia 15 tahun ke bawah yang terdapat di setiap hospital pada tahun 2020 adalah seperti berikut.

Carta 1 : Jumlah Aset FEMS dan BEMS Berusia 15 Tahun ke Bawah



Bagi tahun 2020, pemantauan sasaran *uptime* telah dilaksanakan ke atas 22,157 buah aset FEMS dan BEMS yang berusia 15 tahun dan ke bawah. Daripada jumlah itu, sebanyak 21,827 buah aset atau 98.51% telah mencapai sasaran *uptime* yang telah ditetapkan. Carta berikut menunjukkan peratusan aset BEMS dan FEMS yang mencapai sasaran *uptime* mengikut hospital bagi tahun 2020.


Carta 2: Jumlah Peratusan Aset BEMS Dan FEMS yang Mencapai Sasaran *Uptime*



Jumlah peratusan aset FEMS dan BEMS yang mencapai sasaran *uptime* pada tahun 2020 didapati telah menurun sebanyak sebanyak 0.32% menjadi 98.51% daripada tahun sebelumnya. Walaubagaimanapun, ia masih mencapai sasaran yang telah ditetapkan iaitu 93%.

Berikut ialah carta yang menunjukkan peningkatan bagi peratusan pencapaian sasaran *uptime* bermula dari tahun 2015 iaitu tahun kontrak Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital ditandatangani.

Carta 3: Peratusan Pencapaian Sasaran *Uptime* Mengikut Tahun



KESIMPULAN

Secara umumnya, pencapaian sasaran *uptime* bagi setiap aset yang terdapat di semua hospital secara tidak langsung dapat memberi gambaran ke atas tahap Perkhidmatan Sokongan Hospital bagi skop perkhimatan BEMS dan FEMS yang dilaksanakan di hospital. Pencapaian sasaran *uptime* yang tinggi ini menunjukkan bahawa perkhidmatan ini telah dilaksanakan dengan baik.

3.4. FASILITI KLINIK

Unit Fasiliti Klinik berperanan dalam memastikan pengurusan penyelenggaraan fasiliti kesihatan dan peralatan biomedikal dilaksanakan dengan mengikut amalan kejuruteraan yang baik serta terma kontrak.

i. Pelaksanaan dan pemantauan Kontrak Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK) bagi perkhidmatan penyelenggaraan kejuruteraan fasiliti, perkhidmatan pembersihan dan pengurusan sisa klinikal untuk 12 klinik kesihatan & 1 klinik pergigian.
ii. Pemantauan pelaksanaan penyelenggaraan perlatan perubatan serta pembekalan dan pemasangan peralatan perubatan baru berdasarkan penentuan GAP dibawah kontrak *Medical Equipment Enhancement Tenure* (MEET).
iii. Memberikan khidmat nasihat teknikal kejuruteraan berkaitan fasiliti klinik kesihatan dan peralatan biomedikal.

PENGENALAN PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIK (PSK)

Objektif PSK adalah untuk memastikan pembaikan dan selenggaraan dilaksanakan secara komprehensif dan sistematik terhadap aset dan fasiliti klinik kesihatan dan klinik pergigian bagi skop perkhidmatan FEMS, CLS dan CWMS. Syarikat yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah RND Resources Sdn Bhd dimana kontrak bermula pada 1 Jun 2019 hingga 31 Mei 2022.

SKOP PERKHIDMATAN PSK

Skop perkhidmatan yang terlibat adalah:

- **Facility Engineering Maintenance Services (FEMS)**
  Melibatkan PPM dan CM ke atas bangunan, infrastruktur dan sistem-sistem kejuruteraan mekanikal dan elektrikal termasuk penyelenggaraan lanskap serta kawalan serangga perosak.
- **Cleansing Services (CLS)**
  Melibatkan pencucian, pembersihan ruangan dalaman dan luaran bangunan serta menyediakan peralatan, kelengkapan dan bahan-bahan pencucian / kebersihan diri.
- **Clinical Waste Management Services (CWMS)**
  Melibatkan proses pengutipan, penyimpanan, pengangkutan termasuk pengurusan pelupusan oleh Kualiti Alam dan juga pembekalan bahan guna habis.

SENARAI FASILITI KESIHATAN YANG TERLIBAT

1. Klinik Kesihatan Bahau
2. Klinik Kesihatan Gemas
3. Klinik Kesihatan Gemencheh
4. Klinik Kesihatan Johol
5. Klinik Kesihatan Juasseh
6. Klinik Kesihatan Kuala Pilah
7. Klinik Kesihatan Lukut
8. Klinik Kesihatan Port Dickson
9. Klinik Kesihatan Rembau
10. Klinik Kesihatan Senawang
11. Klinik Kesihatan Seremban
12. Klinik Kesihatan Seremban 2
13. Pusat Pergigian Pakar Seremban

BILANGAN KERJA PEMBAIKAN YANG DILAKSANAKAN

Kontrak Perkhidmatan Sokongan Klinik menyediakan peruntukan bagi kerja pembaikan aset , sistem kejuruteraan dan kenderaan di 12 klinik kesihatan & 1 klinik pergigian. Pembaikan dilaksanakan oleh RND Resources Sdn Bhd bagi memastikan asset, kenderaan dan sistem kejuruteraan boleh berfungsi secara optimum dan efisyen. Bilangan kerja pembaikan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

Nama Klinik	Bilangan Keseluruhan Kerja Pembaikan
Klinik Kesihatan Seremban	14
Klinik Kesihatan Seremban 2	15
Klinik Kesihatan Senawang	18
Pusat Pakar Pergigian Zaaba	13
Klinik Kesihatan Rembau	15
Klinik Kesihatan Gemencheh	19
Klinik Kesihatan Gemas	22
Klinik Kesihatan Port Dickson	18
Klinik Kesihatan Lukut	27
Klinik Kesihatan Kuala Pilah	15
Klinik Kesihatan Johol	11
Klinik Kesihatan Juasseh	16
Klinik Kesihatan Bahau	31

PENGENALAN *MEDICAL EQUIPMENT ENHANCEMENT TENURE* (MEET)

Program MEET ini adalah kontrak penyelenggaraan dan pembekalan peralatan biomedikal selama tiga belas (13) tahun bermula 17hb Disember 2014 sehingga 16hb Disember 2027. Semua klinik kesihatan, klinik pergigian dan klinik desa termasuklah klinik komuniti di Negeri Sembilan terlibat dalam kontrak MEET ini. Syarikat yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah Quantum Medical Solutions Sdn Bhd.

SKOP PERKHIDMATAN

Skop perkhidmatan yang utama kontrak MEET adalah:

i. Penyelenggaraan Peralatan Perubatan
   a. Penyelenggaran berjadual dan tidak berjadual bagi;
      i. *Existing Biomedical Equipment* (EBE)
      ii. *New Biomedical Equipment* (NBE) & *Purchase Biomedical Equipment* (PBE)

ii. Pembekalan & Pemasangan Peralatan Perubatan
   a. Perolehan peralatan NBE & PBE berdasarkan senarai *equipment gap*.

KATEGORI PERALATAN BIOMEDIKAL

Bilangan peralatan biomedikal mengikut kategori adalah seperti berikut:

Kategori Peralatan	Bilangan Peralatan Biomedikal			
	Kesihatan		Pergigian	
	2019	2020	2019	2020
Existing Biomedical Equipment (EBE)	3,951	3,864	2,031	1,996
New Biomedical Equipment (NBE)	1,341	1,389	652	665
Purchase Biomedical Equipment (PBE)	1,126	1,152	246	249
JUMLAH	**6,418**	**6,345**	**2,929**	**2,910**

Sumber daripada *Computerized Asset Maintenance Management System* (CAMMS)

Pertambahan peralatan biomedikal adalah melalui perolehan peralatan dalam kontrak MEET iaitu PBE & NBE. Manakala pengurangan bilangan peralatan EBE adalah kerana pelupusan peralatan.

KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)

Pencapaian prestasi syarikat Quantum Medical Solutions Sdn. Bhd. adalah ditentukan berdasarkan KPI seperti berikut:

Bil.	*KEY PERFORMANCE INDICATORS*	2019	2020
1.	*Response Time (Clinic's Operational Days)*	99.87%	100.00%
2.	*Repair Time (Clinic's Operational Days)*	91.06%	94.53%
3.	*Preventive Maintenance (To be completed within the scheduled month)*	98.16%	99.86%

Sumber daripada *Computerized Asset Maintenance Management System* (CAMMS)

BAHAGIAN PERUBATAN

1. UNIT PERKEMBANGAN DAN AMALAN PERUBATAN

PENGENALAN

Unit Perkembangan & Amalan Perubatan, Bahagian Perubatan, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan merupakan sebuah unit yang menjalankan 2 fungsi utama yang meliputi aktiviti Amalan Perubatan dan Perkembangan Perubatan. Unit ini diketuai oleh seorang Ketua Unit, seorang pegawai perubatan dan 5 orang paramedik. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan merangkumi keseluruhan aspek pengurusan klinikal dan non klinikal di tujuh (7) buah hospital di N. Sembilan iaitu:

a. Hospital TuankuJaafar, Seremban
b. Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah
c. Hospital Port Dickson
d. Hospital Tampin
e. Hospital Jempol
f. Hospital Jelebu
g. Hospital Rembau

VISI

Bersedia untuk memberikan perkhidmatan perawatan yang efisien, cekap, dinamik dan selamat kepada semua pesakit yang memerlukannya.

MISI

Selaras dengan Misi Bahagian Perubatan JKNNS , unit ini mempunyai misi iaitu :

i. Menyediakan perkhidmatan perubatan yang berkualiti, komprehensif, efisyen dan selamat.
ii. Menjalankan latihan yang berterusan kepada setiap anggota bagi memastikan pengetahuan ditahap optimum.

OBJEKTIF

Unit ini berusaha memastikan perkhidmatan perubatan yang berkualiti, efisyen, responsif, selamat dan berdaya saing bagi memenuhi ekspektasi masyarakat dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti perawatan perubatan yang holistik sesuai dengan perkembangan teknologi terkini.

Skop perkhidmatan bagi sub Amalan Perubatan adalah:-
i. Menyelaras pendaftaran, penempatan dan pemerkasaan sumber manusia dikalangan pegawai pengurusan dan professional agar berada ditahap optimum
ii. Menyelaras aktiviti berkenaan medikolegal di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri
iii. Menyelaras aduan yang diterima oleh hospital-hospital Negeri Sembilan

Skop perkhidmatan bagi sub Perkembangan Perubatan adalah:-

i. Pelaksanaan dan Pemantauan Polisi Pengoperasian Hospital
ii. Pemantauan penyampaian perkhidmatan klinikal di hospital-hospital
iii. Menyelaras aktiviti Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) di hospital-hospital
iv. Menyelaras aktiviti Clinical Practice Guideline (CPG) di peringkat negeri
v. Mengkaji permohonan projek pembangunan di fasiliti hospital dan memantau perkembangan projek
vi. Mengkaji permohonan dan melaksanakan agihan kewangan bagi pengoperasian hospital-hospital
vii. Menyelaras dan mengkaji permohonan peralatan perubatan di peringkat JKN
viii. Menyelaras penempatan dan pemerkasaan sumber manusia dikalangan pegawai pengurusan dan professional agar berada ditahap optimum
ix. Menyelaras aktiviti-aktivitil seperti *Pre Hospital Care, Organ Donation, Wound Care, Blood Transfusion, Clinical Research Center*, *Medical Standby* dan lain-lain di peringkat negeri
x. Menyelaras pelaksanaan inisiatif Hospital Kluster dan Sistem Casemix
xi. Menyelaras inisiatif bersama Kerajaan Negeri bagi perkhidmatan rawatan pesakit di hospital-hospital
xii. Menjadi urusetia bagi Mesyuarat-mesyuarat teknikal yang berkaitan di peringkat negeri.
xiii. Menyelaras maklumbalas soalan DUN

PENCAPAIAN:

1. Maklumat fasiliti hospital-hospital Negeri Sembilan

Jadual 1: Maklumat fasiliti hospital-hospital Negeri Sembilan

Hospital	Bilangan Katil	Bilangan Unit Rawatan Rapi	Bilangan Dewan Bedah	Bilangan Hemodialisis Mesin (pesakit kronik)	Kemudahan Radiologi
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban (HTJS)	1,143	ICU: 18 HDW: 12 CCU: 8 SCN:30 PICU: 8 NICU: 30	16	38	MRI CT scan Ultrasound Mammography Fluoroscopy X-ray
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah (HTAN)	314	ICU: 8 CCU: 6 OICW: 2 SCN: 20 NICU: 4	3	15	CT scan Ultrasound Mammography X-ray
Hospital Port Dickson (HPD)	116	ICU/CCU: 4 HDW: 2 SCN:7	2	20	Ultrasound X-ray
Hospital Tampin	108	4	2	14	X-ray
Hospital Jempol	108	4	2	10	X-ray
Hospital Jelebu	76	-	-	13	X-ray
Hospital Rembau	76	4	2	12	X-ray

Sepanjang tahun 2020, terdapat perubahan corak perkhidmatan yang diberikan di hospital-hospital Negeri Sembilan susulan pandemik Covid-19. Status pengoperasian setiap hospital adalah seperti berikut:

Jadual 2: Status pengoperasian fasiliti hospital

Hospital	Status
Hospital Rembau	*Fully Covid Hospital*
Hospital Tampin	*Fully Covid Hospital*
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	*Hybrid Covid Hospital*
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	*Non Covid Hospital*
Hospital Port Dickson	*Non Covid Hospital*
Hospital Jempol	*Non Covid Hospital*
Hospital Jelebu	*Non Covid Hospital*

Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) juga telah dibuka di beberapa lokaliti di Negeri Sembilan bagi menampung jumlah pesakit Covid-19 yang perlu dirawat. Ini meliputi:

Jadual 3: Senarai PKRC yang dibuka di Negeri Sembilan

PKRC	Tarikh dibuka	Kapasiti katil
PKRC Akademi Imigresen Malaysia, Port Dickson	28.10.2020	197
PKRC Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Rembau	06.11.2020	500
PKRC Kolej Komuniti Jelebu	12.11.2020	240
PKRC Politeknik Port Dickson	14.11.2020	900
PKRC Bakti, Penjara Seremban	26.11.2020	900
PKRC Harapan, Penjara Jelebu	19.12.2020	600

Urusan pentadbiran PKRC ini diletakkan di bawah seliaan hospital-hospital berhampiran dan diketuai oleh seorang komanden. Bagi pengoperasian PKRC ini, mobilisasi anggota yang terdiri daripada pegawai perubatan, jururawat, penolong pegawai perubatan, pembantu perawatan kesihatan daripada hospital-hospital dan klinik kesihatan seluruh Negeri Sembilan telah dilaksanakan. Mobilisasi peralatan perubatan dan bukan perubatan juga turut dilaksanakan bagi tujuan tersebut.

2. Perkhidmatan Kepakaran dan Subkepakaran di Hospital-hospital Negeri Sembilan

Di Negeri Sembilan, terdapat 4 buah hospital yang mempunyai perkhidmatan pakar residen, manakala 3 buah hospital lagi memmberikan perkhidmatan kepakaran secara pakar atas lawatan dan inisiatif hospital kluster. Senarai kepakaran dan subkeparan residen adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 4: Perkhidmatan kepakaran dan subkepakaran (residen) yang ditawarkan

Perkhidmatan kepakaran / subkepakaran	HOSPITAL						
	HTJS	HTAN	HPD	HTAM	HJEM	HJEL	HREM
Anaesthesia	/	/	/				
Intensive Care	/						
Pain Medicine	/						
Emergency Medicine	/	/	/				
Forensic Medicine	/						
General Medicine	/	/	/				
Dermatology	/						
Infectious Disease	/						
Nephrology	/						
Respiratory Medicine	/						
Endocrinology	/						
Gastroenterology	/						
Geriatrics	/						
Neurology	/						
Rheumatology	/						
Hematology	/						
General Surgery	/	/	/				

Perkhidmatan kepakaran / subkepakaran	HOSPITAL						
	HTJS	HTAN	HPD	HTAM	HJEM	HJEL	HREM
Colorectal Surgery	/						
Neurosurgery	/						
Paediatric Surgery	/						
Obstetric& Gynaecology	/	/	/				
Gynaeoncology	/						
Urogynae	/						
Opthalmology	/	/					
Vitreoretinal	/						
ORL	/	/					
Orthopedics	/	/	/				
Pathology- Hematology	/	/	/	/			
Pathology- Histopathology	/						
Pathology- Microbiology	/	/					
Chemical Pathology	/						
Paediatric Medicine	/	/	/				
Neonatology	/						
Paediatric Nephrology	/						
Psychiatry	/	/	/				
Sports Medicine	/						
Transfusion Medicine	/						
Radiology	/	/					
Rehabilitation Medicine	/						
Oral Surgery (Adults)	/	/					
Paediatric Dental	/	/					
Jumlah	**43**	**15**	**9**	**1**			

Perkidmatan bagi kes non covid-19 masih diteruskan di *Non Covid* dan *Hybrid Hospital.* Walau bagaimanapun, perkhidmatan yang dijalankan secara elektif telah disusun dan dijadualkan semula bagi memberi fokus kepada kes-kes yang perlu diberi keutamaan.

Perkhidmatan ICU/CCU Hospital Jempol juga telah dibuka pada Disember 2020 bagi menampung jumlah kes Non Covid yang memerlukan perawatan rapi khususnya bagi Kluster HTAN memandangkan Hospital Tampin telah digunakan sepenunya bagi perawatan kes Covid-19.

3. Laporan Perbelanjaan Belanja Mengurus Aktiviti Perubatan tahun 2020

Sehingga penghujung tahun 2020, sebanyak RM 576,710,092.90 telah diperuntukkan bagi aktiviti belanja mengurus di bawah Objek Am 10000 dan Objek Am 20000 Program Perubatan di Negeri Sembilan. Agihan pecahan Objek Am tersebut mengikut hospital adalah seperti berikut:

Jadual 5 : Agihan peruntukan keseluruhan belanja mengurus Program Perubatan mengikut Pusat Tanggungjawab (PTJ)

PTJ	Jumlah Peruntukan (RM)
Bahagian Perubatan, JKNNS	5,288,821.40
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	329,825,007.45
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	106,438,185.26
Hospital Port Dickson	51,552,970.14
Hospital Tampin	32,242,489.92
Hospital Jempol	26,173,359.37
Hospital Jelebu	18,836,055.36
Hospital Rembau	6,353,204.00
Jumlah	**576,710,092.90**

Jadual 6 : Agihan peruntukan belanja mengurus di bawah Objek Am 10000 dan Objek Am 20000 Program Perubatan mengikut Pusat Tanggungjawab (PTJ)

PTJ	OA 10000	OA20000
Bahagian Perubatan, JKNNS	3,600,220.00	1,688,601.40
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	234,323,711.00	95,501,296.45
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	72,369,827.00	34,068,358.23
Hospital Port Dickson	23,239,276.00	13,502,504.14
Hospital Tampin	38.050,466.00	9,003,213.92
Hospital Jempol	18,198,490.00	7,974,869.37
Hospital Jelebu	14,060,479.00	4,775,576.36
Hospital Rembau	3,027,497.00	3,325,710.00
Jumlah	**406,869,963.00**	**169,840,129.90**

4. Aktiviti Latihan Dalam Perkhidmatan

Sehingga peghujung tahun 2020, sebanyak RM219,395.00 telah diperuntukkan bagi aktiviti Latihan Dalam Perkhidmatan. Ianya menunjukkan penurunan peruntukan sebanyak 72% daripada tahun sebelumnya. Daripada jumlah peruntukan yang diterima tersebut, sebanyak RM 191,381.79 (87.23%) telah berjaya dibelanjakan. Sebanyak 219 kursus telah dilaksanakan dan dihadiri oleh seramai 3,206 anggota di Bahagian Perubatan dan hospital-hospital, Negeri Sembilan.

Jadual 7: Laporan Prestasi Latihan Dalam Perkhidmatan Program Perubatan, JKN Negeri Sembilan

Bil.	Gred / Kumpulan	Bilangan Perjawatan	Bilangan Anggota Di Isi	Kursus Pendek		Bilangan Anggota Yang Tidak Hadir Berkursus (c)	Bilangan Anggota Yang Hadir Kursus Panjang Lebih 3 Bulan (d)
				Bilangan Anggota Yang Hadir Lebih 7 Hari Setahun (a)	Bilangan Anggota Yang Hadir Kurang 7 Hari Setahun (b)		
1	JUSA	36	30	1	6	24	0
2	Pengurusan & Profesional	1,531	1,497	88	508	895	6
3	Sokongan 1 (Gred 17 - 40)	3,825	3,706	134	1,916	1,624	27
4	Sokongan 2 (Gred 1 - 16)	1,263	1,144	25	496	624	2
Jumlah		**6,655**	**6,377**	**248**	**2,926**	**3,167**	**35**

KESIMPULAN

Secara keseluruhan bagi tahun 2020 menyaksikan perubahan corak perkhidmatan yang diberikan susulan pandemik Covid-19. Walaupun fokus diberikan kepada perawatan kes Covid-19, namun perkhidmatan bagi perawatan kes Non Covid masih diutamakan dengan penyusunan semula kemasukan pesakit, jadual klinik dan pembedahan/ prosedur mengikut keutamaan.

Pandemik yang berlaku juga menyaksikan setiap anggota dititikberatkan dengan kepatuhan dalam pemakaian *Personal Protective Equipment* (PPE) selain pematuhan kepada *Standard Operating Procedure* (SOP) dalam melaksanakan aktiviti yang melibatkan ramai anggota.

Peruntukan Modal Insan tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya disebabkan kekangan penganjuran kursus secara bersemuka. Selain itu, fokus penganjuran kursus juga diberikan kepada kursus-kursus yang wajib dilaksanakan demi kepentingan perkhidmatan. Pelaksanaan kursus dan mesyuarat juga dilaksanakan secara norma baharu dengan penjarakan sosial selain pelaksanaan secara atas talian.

4.2 UNIT KUALITI PERUBATAN

PENGENALAN

Unit Kualiti Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan berfungsi untuk menyelaraskan dan memantau semua aktiviti inisiatif kualiti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Terdapat satu Unit Kualiti berdedikasi di setiap hospital yang menjalankan aktiviti-aktiviti inisiatif kualiti bagi memastikan perkhidmatan perubatan yang berkualiti diberikan kepada pesakit-pesakit di Negeri Sembilan.

VISI

Selaras dengan Visi Bahagian Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan iaitu melalui hospital kerajaan di seluruh Negeri Sembilan bersedia untuk memberi perkhidmatan penentuan penyakit , perawatan dan pemulihan yang bermutu tinggi dengan cekap dan berkesan kepada pesakit dalam dan pesakit luar yang memerlukan rawatan menyelamatkan nyawa dan menghilangkan kesakitan bagi mencapai pemulihan yang awal dan maksima.

MISI

Selaras dengan Misi Bahagian Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan iaitu melalui hospital kerajaan di seluruh Negeri Sembilan:

i. Menyediakan perkhidmatan penentuan penyakit, perawatan dan pemulihan yang berkualiti, mesra, cekap dan berkesan kepada pesakit-pesakit untuk menyelamatkan nyawa, melegakan kesakitan dan mencapai pemulihan yang awal dan maksima.
ii. Memberikan latihan yang bermutu dan sempurna di peringkat basik, pos basik dan lepasan ijazah kepada pelbagai kategori pelatih dan anggota.

OBJEKTIF

Unit ini berusaha memastikan perkhidmatan perubatan berkualiti, komprehensif, efisyen, berkesan, selamat dan *responsive* kepada keperluan dan ekspektasi masyarakat dengan hospital kerajaan di seluruh Negeri Sembilan melalui pengumpulan maklumat / data secara berkala serta mengenalpasti kelemahan sistem dan mengambil tindakan penambahbaikan perkhidmatan pelanggan hospital.

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

1. Memantau dan menyelaras pencapaian indicator *Hospital Performance Indicator for Accountability / Key Performance Index* (HPIA/ KPI) klinikal di hospital-hospital di Negeri Sembilan.
2. Pelaksanaan audit pemantauan pencapaian indikator HPIA / KPI.
3. Memantau pelaksanaan laporan *Shortfall in Quality / Root Caue Analysis* (SIQ / RCA) untuk HPIA / KPI yang tidak tercapai.
4. Memantau dan menyelaras pencapaian KPI PKN dan TPKN dan membuat audit pemantauan di hospital-hospital di Negeri Sembilan.
5. Menyelaras laporan *Clinical Departmental Profile* dan *Hospital Parameter* di hospital-hospital di Negeri Sembilan.
6. Memantau aktiviti Malaysian Patients Safety Goals (MPSG) di hospital-hospital.
7. Merancang, menyelaras dan memantau aktiviti-aktiviti *Lean Healthcare* di hospital.

8. Merancang, menyelaras dan memantau aktiviti-aktiviti audit organisasi ke atas Sistem Pengurusan ISO 9001:2015 dan Akreditasi MSQH hospital.
9. Memantau dan mengkoordinasi pelaksanaan aktiviti program Bebas Kesakitan dan *Pain as 5th Vital Sign*.
10. Memantau pelaksanaan pelaporan *virtual* Perioperative Mortality Review (vPOMR) di hospital-hospital berpakar di Negeri Sembilan.
11. Merancang, menyelaras dan memantau pelaporan kekerasan & keganasan terhadap anggota-anggota KKM di hospital-hospital di Negeri Sembilan.
12. Memantau pelaksanaan dan menganalisa kes-kes pelaporanan insiden *(Incidental Reporting*) serta memantau pelaksanaaan *Root Cause Analysis* (RCA) untuk kes-kes IR yang berkaitan.
13. Memantau pelaksanaan aktiviti-aktiviti kawalan infeksi dan antibiotik Negeri Sembilan.
14. Bertindak sebagai Penyelaras Kualiti Negeri bagi Konvensyen QA peringkat Kebangsaan dan program bersama IHSR.
15. Menyelaras perlaksanaan Konvensyen QA Peringkat Negeri Sembilan setiap tahun.


AKTIVITI

1. PERFORMANCE INDICATOR SURVEILLANCE PROGRAM

Pemantauan Performance Indicator yang digariskan oleh Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia di setiap hospital iaitu *Hospital Performance Indicator for Accountability* (HPIA) dan KPI Perkhidmatan Klinikal. Namun demikian mengambilkira situasi semasa pandemik Covid-19 di Negeri Sembilan, perlaksanaan audit KPI/HPIA diantara hospital-hospital telah dilaksanakan secara audit dalaman di hospital masing-masing sahaja dan mengikut SOP (*standard operating procedure*)norma baru yang telah ditetapkan

Perlaksanaan audit ini adalah bagi memantau pencapaian dan kepatuhan terhadap perlaksanaan HPIA dan KPI Perkhidmatan Klinikal. Pencapaian audit bagi tahun 2020 seperti di **Rajah 1.**


Rajah 1 : Pencapaian Audit Kepatuhan HPIA dan KPI Klinikal hospital KKM di Negeri Sembilan Tahun 2020



2. *KEY PERFORMANCE INDICATORS(KPI)* PENGARAH KESIHATAN NEGERI (PKN)


Unit Kualiti Perubatan adalah merupakan sekretariat KPI PKN di Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan. Bagi tahun 2020, terdapat 46 indikator KPI PKN yang dipantau dan melibatkan 6 Program KKM. Pencapaian indikator yang mencapai sasaran mengikut program adalah seperti di **Rajah 2** dan *trend* pencapaian sejak tahun 2015 hingga 2020 adalah seperti di **Rajah 3.** Audit dalam secara *cross sectional* antara bahagian di JKN dilaksanakan bagi memastikan data pencapaian KPI yang dikemukakan ke KKM adalah disemak dan diperakukan. Dalam rajah yang ditunjukkan, faktor pandemik covid19 banyak mempengaruhi ketidakcapaian indikator-indikator sesuatu program.

Rajah 2 : Jumlah indikator KPI PKN dan pencapaian indikator yang mencapai standar bagi tahun 2020



	PERUBATAN	KES. AWAM	PERGIGIAN	FARMASI	BKKM	P&ST
JUM IND	13	13	6	4	6	4
JUM.IND CAPAI	12	12	3	2	6	4

Rajah 3 : *Trend* bilangan indikator yang dipantau dan pencapaian KPI PKN mengikut tahun 2015 hingga 2020



	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Peratus Indikator KPI PKN Mencapai Standard	88.46%	89.29%	93.10%	88.64%	90.50%	84.78%
Bilangan Indikator yang dipantau mengikut tahun	27	28	29	42	47	46

3. PEMBUDAYAAN INOVASI DI HOSPITAL

Inovasi iaitu hasil cetusan idea-idea yang kreatif dalam beberapa aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti kepada organisasi. Cetusan idea-idea berkenaan adalah meliputi pelbagai aspek dan boleh merangkumi apa-apa perubahan dalam bentuk sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi. Pada tahun 2020, pelbagai innovasi baru yang dihasilkan sebelum ini oleh hospital-hospital di Negeri Sembilan telah dibudayakan dan direplikasikan seperti di **Jadual 1.**

Jadual 1 : Nama projek inovasi yang direplikasikan dan dibudayakan antara hospital

NAMA HOSPITAL	NAMA PROJEK YANG DIREPLIKASI	HOSPITAL YANG MENGHASILKAN INOVASI
Hospital Tuanku Ampuan Najihah	Baju 'Easy Don'	Hospital Tuanku Ja'afar Seremban
Hospital Port Dickson		
Hospital Tampin		
Hospital Jelebu		
Hospital Jempol		
Hospital Tuanku Ja'afar Seremban	CSAD- Cahaya Systematik Ampule *Dispenser*	Hospital Jelebu

4. PERSIJILAN MS ISO HOSPITAL NEGERI SEMBILAN

Semua hospital kerajaan di Negeri Sembilan telah memperoleh persijilan versi MS ISO 9001:2015. Tempoh laku persijilan tersebut adalah seperti di **Jadual 3**.


Jadual 3 : Tempoh laku persijilan MS ISO 9001:2015 mengikut hospital

HOSPITAL	STATUS MS ISO	VERSI	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT
Hospital Tuanku Jaafar	Ada	9001:2015	11.07.2019	10.07.2022
Hospital Tuanku Ampuan Najihah	Ada	9001:2015	18.09.2020	19.07.2023
Hospital Port Dickson	Ada	9001:2015	1.10.2020	12.10.2023
Hospital Tampin	Ada	9001:2015	8.08.2019	05.10.2021
Hospital Jempol	Ada	9001:2015	10.10.2018	10.10.2020
Hospital Jelebu	Ada	9001:2015	5.11.2019	12.02.2022


5. KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA

Pelaporan kes-kes kekerasan dan keganasan terhadap anggota-anggota Hospital KKM di Negeri Sembilan pada tahun 2020 mencatatkan penurunan dari tahun sebelumnya (35 kes tahun 2019, 23 kes tahun 2020) . Terdapat 23 kes yang dilaporkan melibatkan pelbagai jenis kekerasan dari segi fizikal, lisan, seksual, vandalisma, kerosakan harta benda, ancaman bertulis atau buli. Kes tertinggi direkodkan di Jabatan Perubatan di Hospital-hospital di Negeri Sembilan (Rajah 4) . Kes melibatkan kekerasan terhadap Pegawai Perubatan adalah yang tertinggi di Negeri Sembilan seperti di Rajah 5.

Rajah 4 : Kes Kekerasan terhadap anggota hospital KKM di Negeri Sembilan mengikut jabatan



Rajah 5 : Kes Kekerasan terhadap anggota hospital KKM di Negeri Sembilan Tahun 2020



5. PAIN FREE PROGRAME

Pain Free Programe (Program Bebas Kesakitan) bukan sahaja dilaksanakan di peringkat hospital, malah ia mula diperkenalkan di klinik kesihatan mahupun di klinik kesihatan pergigian. Ini adalah wajar dalam memastikan penjagaan kesihatan yang *holistik* dan berterusan (*continuity of care*) bagi pesakit bukan hanya ketika berada di hospital malah di mana-mana fasiliti kesihatan. Seperti tahun-tahun sebelumnya, Bahagian Perubatan telah melaksanakan Kursus *TOT Pain As 5th Vital Sign* Peringkat Negeri . Untuk tahun 2020, program tersebut telah dilaksanakan dengan kerjasama Hospital Port Dickson di Dewan Auditorium Pejabat Tanah Port Dickson pada 12 Mac 2020 dan dihadiri oleh hampir 150 peserta dari pelbagai lapisan jawatan dan fasiliti kesihatan (klinik kesihatan, klinik pergigian dan hospital) di Negeri Sembilan. Perlaksanaan kursus sesuai dengan norma baru berikutan Covid19 yang mula melanda negara.



Gambar 1: *Dr*. Mohd Zulfa bin Mohamad Pengarah Hospital Port Dickson(kiri) di pembukaan Kursus TOT Pain as 5th Vital Sign Peringkat Negeri. Turut dilihat peserta-peserta yang hadir di kursus tersebut (kanan).

6. LEAN HEALTHCARE

Mengikut Pelan Strategik JKN Negeri Sembilan untuk tahun 2020, *Lean Healthcare* akan lebih dikukuhkan dan diperluaskan ke klinik pakar di Hospital Tuanku Jaafar Seremban. Sehubungan dengan itu Bengkel Lean Healthcare telah diadakan pada 29 hingga 30 September 2020 dengan kerjasama UniKL . Sesi bengkel tersebut melibatkan pelbagai jabatan yang terpilih di HTJS. Menerusi aktiviti ini dapat memberi penambahbaikan servis secara berterusan dengan mengoptimakan sumber sedia ada termasuklah masa, sumber manusia, tenaga dan juga kewangan. Latihan dalaman berkenaan Lean Healthcare turut dilaksanakan di hospital-hospital lain di Negeri Sembilan.

7. *PERIOPERATIVE MORTALITY REVIEW* (POMR)

POMR dipantau di peringkat hospital terutamanya hospital yang mempunyai servis pembedahan. Pemantauan di peringkat hospital terus diperkukuhkan dengan pemantauan laporan dan latihan kepada koordinator dan pegawai perubatan dari jabatan yang berkaitan. Kursus vPOMR Peringkat Negeri telah dilaksanakan di Bilik ICT , JKN Negeri Sembilan dengan melibatkan 3 hospital iaitu HTJ, HTAN dan HPD pada 13/2/2021. Penceramah dan fasilitator termasuklah Dr Faizah Muhammad Zin yang merupakan Ketua Unit Audit Klinikal KKM beserta KJ Aidaliani dari unit yang sama. Sebanyak dua sesi melibatkan kehadiran pakar, pegawai perubatan dari Jabatan Pemebedahan, Jabatan Anaest, Jabatan Orthopedic, Jabatan Oftalmologi, Jabatan Ginekologi dan Jabatan ENT dari Hospital Tuanku Jaafar, Hospital Tuanku Ampuan Najihah serta Hospital Port Dickson.



Gambar 2: Kursus Pengukuhan Vpomr yang dihadiri oleh Pakar, Pegawai Perubatan dan koordinator dari hospital yang berkenaan

9. TAKLIMAT DAN LATIHAN PINDAAN MATRIX HPIA 7.2.1 DAN KPI 6.2.1 HOSPITAL

Terdapat pindaan kepada Matrix HPIA dan KPI Klinikal yang dimaklumkan oleh KKM seperti di surat dengan ruj KK600-28/2/8 JLD.7 (24) bertarikh 26 Jun 2020. Sehungan dengan itu, pihak JKN telah melaksanakan taklimat dan latihan (hands on) kepada penyelaras kualiti hospital pada 24 Julai 2020 dalam cara penggunaan matrix dan kemasukan data. Selain itu para peserta turut menyemak matrix dan kamus bagi memastikan isi kandungan matrix dan kamus adalah sama.



Gambar 3: Taklimat Dan Latihan Pindaan Matrix Hpia 7.2.1 Dan Kpi 6.2.1 Hospital yang diberikan oleh Dr. Muhammad Ikhwan

10. PENUBUHAN DAN PENGENALAN KEPADA AKTIVITI UNIT KUALITI DI HOSPITAL REMBAU

Tahun 2020 merupakan tahun pertama Hospital Rembau memulakan operasi. Pada awalnya servis yang dijalankan adalah Jabatan Kecemasan dan Trauma diikuti Wad Pediatrik dan Wad Bersalin. Hospital Rembau kemudiannya telah digazetkan sebagai *Full Covid Hospital* berikutan peningkatan kes covid19 di Negeri Sembilan. Walaubagaimanapun, menyedari pentingnya perlaksanaan dan pemantauan aktiviti kualiti di hospital, beberapa sesi taklimat bersama Hospital Rembau telah dilaksanakan pada tahun 2020 .

Taklimat Pengurusan Aktiviti Unit Kualiti Hospital Rembau

Sesi taklimat ini diadakan di Bilik Cengal,Bahagian Perubatan, JKN Negeri Sembilan pada 27 Ogos 2020 dan dihadiri oleh Pengarah Hospital, Dr. Fatin Mahirah bersama pegawai-pegawai lain yang terdiri dari Timbalan Pengarah Hospital, Penyelaras Kualiti Hospital, Penyelia Jururawat dan Ketua Jururawat.

Dalam sesi ini, semua aktiviti unit kualiti hospital yang perlu dipantau di peringkat hospital ditelusuri dan dibincangkan. Proses perlaksanaan di hospital secara berperingkat untuk tahun 2020 dan dilaksanakan secara sepenuhnya pada tahun 2021.



Gambar 4 : Sesi taklimat bersama pasukan Hospital Rembau yang diberikan oleh Dr Siti Hanisah (Pengenalan Aktiviti Kualiti Secara Keseluruhan), Dr Muhammad Ikhwan (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Patient Safety), Matron Rohaiza (KPI/HPIA, SERVQUAL) dan Sister Norhashimah (KPI PKN, Parameter).

Bengkel Penyelaras HPIA/KPI Hospital Rembau

Pada 5 Oktober Hospital Rembau telah menganjurkan Bengkel Penyelaras KPI/HPIA yang dihadiri oleh semua penyelaras KPI/HPIA.Bengkel ini juga telah dibantu oleh Unit Kualiti JKNNS ,Hospital Port Dickson dan Hospital Tuanku Ampuan Najihah sebagai fasilitator .

Program Bengkel ini meliputi pengenalan unit kualiti, tanggungjawab *personal in charge*(PIC), Pengenalan KPI/HPIA Hospital (cara pengumpul data dan penghantaran data), Audit KPI/HPIA Hospital, Pengenalan borang KPI/HPIA (cara mengisi borang dan penghantaran) dan sesi praktikal di wad/unit**.**



Gambar 5 : Ceramah bengkel yang diberikan oleh PJ Rohaizah (JKNNS), KJ Wan Azizah(HTAN) dan KUP Liz See Zuei Mei di Hospital Rembau.



Gambar 6 :Sesi praktikal cara mengumpul data, kefahaman indikator, penghantaran data dan mengisi borang SIQ serta RCA bersama penyelaras KPI/HPIA hospital oleh PJ Rohaizah, KJ Norhashimah, KJ Wan Azizah, KUP Liz See Zuie Mei dan Penyelaras Unit kualiti Rembau.

PENGURUSAN PANDEMIK COVID 19 DI PERINGKAT JABATAN KESIHATAN NEGERI SEMBILAN

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar semenjak penemuan kes Covid 19 sehingga membawa kepada pengisytiharan pandemik di seluruh dunia. Bagi merancang strategi dalam penatalaksanaan Covid 19 di Negeri Sembilan khususnya, semua unit di Bahagian Perubatan telah berganding bahu untuk tujuan tersebut.

Antaranya adalah dengan mengidentifikasi dan menyediakan fasiliti yang akan menerima pesakit Covid 19, samaada fasiliti sedia ada (hospital) maupun fasiliti kerajaan lainnya yang digazetkan sebagai PKRC (Pusat Kuarantin dan Rawatan Beresiko Rendah). Bahagian Perubatan JKNNS terlibat secara langsung dengan agensi kerajaan yang lain dalam persediaan dan penggoperasikan PKRC yang pertama di Negeri Sembilan.

Selain itu, Unit Kualiti Perubatan juga bertanggungjawab dalam penyelarasan dan pengumpulan data Linelisting Pesakit Covid 19 yang dirawat di hospital dan PKRC di Negeri Sembilan untuk keperluan pihak KKM pada masa yang ditetapkan setiap hari. Data ini penting sebagai input dan *projection* kepada pengurusan tertinggi di Negeri mahupun KKM dalam menyusun strategi yang selanjutnya untuk menghadapi pandemik tersebut.



Gambar 7 : Pegawai-pegawai di Bahagian Perubatan sewaktu lawatan tapak yang dicadangkan sebagai PKRC pertama di Negeri Sembilan



Gambar 8 : Sesi taklimat kepada pegawai-pegawai yang dimobilisasi dari lain-lain hospital bagi tujuan pengoperasian PKRC



Gambar 9: Sesi Simulasi diadakan sebelum pengoperasian sebenar supaya semua pihak bersedia dan dapat menambahbaik kekurangan yang mungkin timbul.

4.3. CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA (CKAPS)

PENGENALAN

Penubuhan CKAPS / UKAPS
Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS) dulu dikenali sebagai Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta (UKAPS) telah ditubuhkan pada 23 Oktober 2003.

Pada mulanya nama CKAPS digunakan untuk organisasi di Ibu Pejabat di bawah Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia yang ditubuhkan pada Februari 2003. Manakala nama UKAPS digunakan untuk organisasi di bawah Bahagian Perubatan bagi setiap Jabatan Kesihatan Negeri dan Wilayah Persekutuan.

Penjenamaan semula CKAPS / UKAPS
Walau bagaimanapun, penjenamaan semula nama CKAPS di Bahagian Amalan Perubatan kepada CKAPS HQ dan UKAPS JKN/ JKWP kepada CKAPS JKN/ JKWP telah dikuatkuasakan bermula 02 Januari 2019. (Ruj KKM 87/A2/100-5/0/3 Jld 2 (27) bertarikh 17 Januari 2019).

Peranan / Fungsi
CKAPS berperanan untuk memantau (*monitor*), mengawal (*control)* dan mengawal selia (*regulate*) Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) di Negeri Sembilan selaras dengan peruntukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-peraturannya.

Fungsi utama CKAPS adalah melaksana dan menguatkuasakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] yang mula dikuatkuasakan pada 1 Mei 2006 menggantikan Akta Hospital Persendirian 1971.

VISI

Ke arah perkhidmatan kesihatan swasta yang selamat dan berkualiti

MISI

Mengawal dan mengawalselia Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta melalui penguatkuasaan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) dan peraturan-peraturannya serta akta-akta yang berkaitan

MOTTO

“Keselamatan Pesakit Diutamakan, Penjagaan Kesihatan Berkualiti Dipastikan”

OBJEKTIF

i. Memastikan semua Klinik Perubatan Swasta dan Klinik Pergigian Swasta didaftarkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].
ii. Memastikan semua Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta selain dari Klinik Perubatan Swasta dan Klinik Pergigian Swasta dilesenkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 dan lain-lain akta berkaitan yang akan diwartakan.

iii. Memastikan semua Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta mematuhi kehendak di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 dan peraturan-peraturannya.
iv. Menguatkuasakan undang-undang Akta 586 terhadap pemegang lesen, pemegang perakuan pendaftaran dan orang yang bertanggungjawab oleh anggota penguatkuasa yang berintegriti.

DIMENSI

Selaras dengan peruntukan Seksyen 3 dan Seksyen 4, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586], CKAPS perlu mengawal dan mengawalselia kemudahan dan perkhidmatan seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Senarai Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) yang perlu dilesenkan atau didaftarkan di bawah Akta 586

Seksyen 3 (Lesen)	Seksyen 4 (Daftar)
(a) Hospital Swasta	(i) Klinik Perubatan Swasta
(b) Hospital Psikiatri Swasta	(ii) Klinik Pergigian Swasta
(c) Pusat Jagaan Ambulatori Swasta	
(d) Rumah Jagaan Kejururawatan Swasta	
(e) Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta	
(f) Rumah Bersalin Swasta	
(g) Bank Darah Swasta	
(h) Pusat Hemodialisis Swasta	
(i) Hospis Swasta	
(j) Pusat Kesihatan Mental Masyarakat Swasta	
(k) Lain-lain yang ditentukan oleh Menteri melalui Warta	
(l) Gabungan dua atau lebih (a) hingga (k)	

STATISTIK

Statistik Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta di Negeri Sembilan, 2016 – 2020

Secara keseluruhan didapati bilangan premis di Negeri Sembilan yang perlu dikawalselia oleh CKAPS JKNNS terus meningkat dari tahun ke tahun.

Jadual 2 di bawah merupakan statistik berkaitan Klinik Perubatan Swasta dan Klinik Pergigian Swasta di Negeri Sembilan dalam tempoh lima tahun.

Jadual 2 : Statistik Klinik Perubatan Swasta dan Klinik Pergigian Swasta Berdaftar di Negeri Sembilan, 2016 - 2020

Jenis Klinik	2016	2017	2018	2019	2020
Klinik Perubatan Swasta	272	276	284	295	300
Klinik Pergigian Swasta	56	65	70	74	80
JUMLAH	**328**	**341**	**354**	**369**	**380**

Jadual 3 menunjukkan statistik berkaitan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta selain Klinik Perubatan Swasta dan Klinik Pergigian Swasta di Negeri Sembilan dalam tempoh lima tahun.

Jadual 3 : Statistik Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) Berlesen di Negeri Sembilan, 2016 – 2020

Jenis KPJKS	2016	2017	2018	2019	2020
Hospital Swasta	8	8	7	8	8
Pusat Hemodialisis Swasta	28	29	29	29	30
Pusat Jagaan Ambulatori Swasta	1	1	1	1	3
Rumah Bersalin Swasta	0	1	1	1	1
JUMLAH	**37**	**39**	**38**	**39**	**42**

Premis baru dan lupus 2020

Sepanjang tahun 2020, terdapat sejumlah 20 premis baharu didaftarkan, tiga premis baharu dilesenkan dan 11 premis dilupuskan.


Premis baharu yang didaftarkan terdiri daripada 15 buah Klinik Perubatan Swasta dan lima buah Klinik Pergigian Swasta. Didapati terdapat penurunan yang ketara dari segi jumlah Klinik Perubatan Swasta yang didaftarkan pada tahun 2020 berbanding tahun 2019.

Bagi premis baharu yang perlu dilesenkan pula, terdapat dua buah Pusat Jagaan Ambulatori Swasta dengan perkhidmatan kepakaran oftalmologi dan sebuah Pusat Hemodialisis Swasta telah mendapat lesen.


Manakala premis yang dilupuskan pada tahun 2020 terdiri dari tujuh buah Klinik Perubatan Swasta dan empat buah Klinik Pergigian Swasta.

Rajah 1 dan Rajah 2 masing-masing menunjukkan bilangan Klinik Perubatan Swasta dan bilangan Klinik Pergigian Swasta yang baharu didaftarkan dan dilupuskan dalam tempoh lima tahun.

Rajah 1 : Bilangan Klinik Perubatan Swasta (*Private Medical Clinic*, PMC) Baharu dan Lupus di Negeri Sembilan, 2016 – 2020



Rajah 2 : Bilangan Klinik Pergigian Swasta (*Private Dental Clinic*, PDC) Baharu dan Lupus di Negeri Sembilan, 2016 – 2020



Taburan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) di Negeri Sembilan

Taburan KPJKS yang berdaftar dan berlesen mengikut daerah di Negeri Sembilan di dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa majoriti KPJKS terletak di daerah Seremban. Tiada kemudahan Hospital Swasta, Pusat Jagaan Ambulatori Swasta dan Rumah Bersalin Swasta yang dilesenkan di daerah selain Seremban.

Jadual 4 : Taburan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta Mengikut Daerah di Negeri Sembilan sehingga 31 Disember 2020

Jenis KPJKS	Seremban	Kuala Pilah	Port Dickson	Jempol	Tampin	Jelebu	Rembau	Jumlah
Klinik Perubatan Swasta	221	7	25	22	13	4	8	**300**
Klinik Pergigian Swasta	62	2	9	3	2	0	2	**80**
Hospital Swasta	8	0	0	0	0	0	0	**8**
Pusat Hemodialisis Swasta	16	3	3	3	3	1	1	**30**
Pusat Jagaan Ambulatori Swasta	3	0	0	0	0	0	0	**3**
Rumah Bersalin Swasta	1	0	0	0	0	0	0	**1**
JUMLAH	**311**	**12**	**37**	**28**	**18**	**5**	**11**	**422**

Nota:
i. Klinik Perubatan Swasta dan Klinik Pergigian Swasta merupakan KPJKS yang perlu didaftarkan
ii. Manakala KPJKS selain klinik perlu dilesenkan dan lesen perlu diperbaharui setiap dua tahun

Semua KPJKS yang didaftarkan atau dilesenkan hanya dibenarkan menggunakan kapasiti yang didaftarkan atau dilesenkan dan menjalankan perkhidmatan selaras dengan Perakuan Pendaftaran atau Lesen yang dikeluarkan untuk premis masing-masing.

Jadual 5 menunjukkan jumlah keseluruhan kapasiti katil, kerusi dialisis dan yang seumpamanya yang dilesenkan mengikut jenis lesen premis.

Jadual 5 : Statistik Kapasiti KPJKS (Berlesen) Di Negeri Sembilan Mengikut Jenis Kemudahan Sehingga 31 Disember 2020

Kapasiti / Jenis kemudahan	Katil	Kot	Bassinet	Kerusi Sandar	Kerusi dialisis			Jumlah
					Non Hep	Hep B	Hep C	
Hospital Swasta	602	6	44	6	91	5	6	**760**
Pusat Hemodialisis Swasta	0	0	0	0	269	1	5	**275**
Pusat Jagaan Ambulatori Swasta	4	0	0	3	0	0	0	**7**
Rumah Bersalin Swasta	2	0	2	0	0	0	0	**4**
JUMLAH	**608**	**6**	**46**	**9**	**360**	**6**	**11**	**1,046**

Terdapat lapan buah Hospital Swasta di Negeri Sembilan di mana enam buah adalah hospital dengan pelbagai disiplin kepakaran (*multidiscipline*) manakala dua buah hospital adalah *niche* Obstetrik dan Ginekologi. Tiga dari enam buah hospital *multidiscipline* dilesenkan dengan perkhidmatan hemodialisis.

Jadual 6 di bawah menunjukkan kapasiti katil, kerusi dialisis dan yang seumpamanya bagi Hospital Swasta di Negeri Sembilan.

Jadual 6 : Kapasiti Lesen Hospital Swasta Di Negeri Sembilan Mengikut Premis Sehingga 31 Disember 2020

NAMA HOSPITAL SWASTA	KATIL	KOT	BASSINET	KERUSI SANDAR	KERUSI DIALISIS
NSCMH Medical Centre	62	0	10	0	24
KPJ Seremban Specialist Hospital	206	1	9	0	34
Columbia Asia Hospital	114	5	9	2	0
Nilai Medical Centre	84	0	4	4	0
Klinik Pakar Wanita & Rumah Bersalin Rekha Sdn. Bhd	2	0	2	0	0
SALAM Senawang Specialist Hospital	100	0	6	0	0
Hospital Bersalin Sukhilmi	4	0	4	0	0
Mawar Medical Centre	30	0	0	0	44
JUMLAH	**602**	**6**	**44**	**6**	**102**

Manakala Jadual 7 menunjukkan kapasiti kerusi dialisis bagi Pusat Hemodialisis Swasta di Negeri Sembilan.

Majoriti Pusat Hemodialisis Swasta di Negeri Sembilan memberikan perkhidmatan hemodialisis untuk kategori non-hepatitis. Hanya terdapat sebuah Pusat Hemodialisis Swasta di daerah Seremban yang ada memberikan rawatan hemodialisis untuk kategori Hepatitis C dengan kapasiti 4 kerusi dialisis dan sebuah Pusat Hemodialisis di daerah Jempol yang memberikan rawatan hemodialisis untuk kategori Hepatitis B dan Hepatitis C dengan sebuah kerusi dialisis bagi setiap kategori.

Jadual 7 : Taburan Dan Kapasiti Kerusi Dialisis di Pusat Hemodialisis Swasta Berlesen Yang Dilesenkan Mengikut Daerah Di Negeri Sembilan Sehingga 31 Disember 2020

Perkara	Seremban	Kuala Pilah	Port Dickson	Jempol	Tampin	Jelebu	Rembau	Jumlah
Bilangan Kerusi Dialisis (Non-Hepatitis)	144	31	20	33	25	6	10	**269**
Bilangan Kerusi Dialisis (Hepatitis B)	0	0	0	1	0	0	0	**1**
Bilangan Kerusi Dialisis (Hepatitis C)	4	0	0	1	0	0	0	**5**
Jumlah Kerusi Dialisis di Pusat Hemodialisis Swasta	**148**	**31**	**20**	**35**	**25**	**6**	**10**	**275**

AKTIVITI CKAPS JKNNS

Aktiviti CKAPS boleh dibahagikan kepada aktiviti kawalan atau regulatori iaitu aktiviti yang melibatkan pendaftaran dan pelesenan KPJKS dan aktiviti kawalseliaan iaitu aktiviti berkaitan pengendalian aduan KPJKS dan aktiviti penguatkuasaan.

Aktiviti kawalan dilaksanakan oleh Sektor Pendaftaran dan Pelesenan (SDL) yang terdiri daripada seorang Pegawai Perubatan dan dua orang Paramedik. Manakala aktiviti kawalseliaan dilaksanakan oleh Sektor Aduan dan Penguatkuasaan (SAP) yang terdiri daripada seorang Pegawai Perubatan dan seorang Paramedik.

Namun, kedua-dua Sektor ini (SDL & SAP) masih perlu melakukan dan membantu tugas antara satu sama lain kerana kekangan anggota terutama bagi aktiviti pembaharuan lesen, penguatkuasaan dan lain-lain yang memerlukan anggota yang lebih ramai. CKAPS JKNNS juga bekerjasama erat dengan Unit Amalan dan Perkembangan Pergigian JKNNS (Penguatkuasa Pergigian) bagi aktiviti kawalan dan kawalseliaan Klinik Pergigian Swasta dan perkhidmatan pergigian swasta yang lain.

PENCAPAIAN AKTIVITI KAWALAN

Seperti yang dimaklumi, pada tahun 2020 seluruh dunia tidak terkecuali Malaysia menghadapi pandemik COVID-19. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 di mana secara amnya premis kerajaan dan swasta telah diarahkan supaya ditutup bagi mengurangkan pergerakan orang ramai sebagai salah satu cara membendung penularan wabak COVID-19 kecuali perkhidmatan *essential services* termasuk sektor kesihatan. Justeru itu, terdapat beberapa perubahan dari segi urusan dan aktiviti CKAPS yang dibuat selaras dengan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Aktiviti penerimaan dokumen secara *drop off* bagi permohonan pendaftaran klinik dan pembaharuan lesen boleh dijalankan namun tiada urusan di kaunter atau perbincangan bersemuka. Aktiviti lawatan pra pendaftaran klinik, pembaharuan lesen dan pasca pendaftaran semasa tempoh PKP telah ditunda sehingga sektor ekonomi dibuka semula pada bulan Mei 2020.

Aktiviti Kawalan Klinik Perubatan Swasta dan Klinik Pergigian Swasta

Sepanjang tahun 2020, CKAPS JKNNS hanya menerima sebanyak 27 permohonan pendaftaran klinik di mana 19 permohonan pendaftaran Klinik Perubatan Swasta dan 8 permohonan Klinik Pergigian Swasta berbanding 35 permohonan pada tahun sebelumnya.

Bagi lawatan pemeriksaan pra pendaftaran klinik, ianya bergantung kepada notifikasi siap ubahsuai/bina klinik yang diterima. Sebanyak 21 lawatan perlu dijalankan pada tahun ini berbanding 39 lawatan pada tahun sebelumnya. Lawatan pemeriksaan pra pendaftaran ini perlu dilaksanakan dalam tempoh 7 hari bekerja selepas notifikasi siap ubahsuai/bina diterima oleh CKAPS.

Selain itu, CKAPS juga perlu menjalankan lawatan pasca pendaftaran klinik. Ia merupakan lawatan pemeriksaan ke atas Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta yang perlu dijalankan dalam tempoh 12 bulan selepas sesuatu klinik itu didaftarkan.

Lawatan verifikasi bagi pengubahsuaian klinik atau permohonan pelupusan klinik pula akan dilaksanakan susulan arahan daripada CKAPS HQ apabila pihak premis mengemukakan permohonan pindaan kepada CKAPS HQ.


Rajah 3 dan Rajah 4 di bawah menunjukkan pencapaian aktiviti kawalan bagi Klinik Perubatan Swasta dan Klinik Pergigian Swasta di Negeri Sembilan bagi tempoh lima tahun.

Rajah 3: Aktiviti Berkaitan Klinik Perubatan Swasta (PMC), 2016 - 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Bilangan Permohonan Pendaftaran PMC yang diterima	14	22	17	22	19
Bilangan Lawatan Pra-Pendaftaran PMC	17	19	23	28	16
Bilangan Lawatan Pasca Pendaftaran PMC	19	14	17	20	17
Bilangan Lawatan Verifikasi PMC	6	19	8	12	12

Rajah 4: Aktiviti Berkaitan Klinik Pergigian Swasta (PDC), 2016 - 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Bilangan Permohonan Pendaftaran PDC yang diterima	5	8	11	13	8
Bilangan Lawatan Pra-Pendaftaran PDC	6	8	6	11	5
Bilangan Lawatan Pasca Pendaftaran PDC	4	7	8	6	10
Bilangan Lawatan Verifikasi PDC	0	0	6	3	5


Aktiviti Kawalan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (selain klinik)

Sebanyak 18 permohonan pembaharuan lesen yang telah diterima pada tahun 2020 di mana 11 permohonan pembaharuan lesen Pusat Hemodialisis Swasta dan selebihnya masing-masing enam buah Hospital Swasta dan satu buah Pusat Jagaan Ambulatori Swasta (ACC). Setiap pemegang lesen dikehendaki memperbaharui lesen premis masing-masing setiap dua tahun.
Permohonan pembaharuan lesen perlu dikemukakan oleh pihak premis kepada CKAPS JKNNS selewat-lewatnya enam bulan sebelum lesen premis tersebut tamat. Lawatan pemeriksaan pembaharuan lesen akan dilakukan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas permohonan pembaharuan lesen diterima oleh CKAPS JKNNS.

Selain itu, pihak CKAPS JKNNS juga akan melakukan lawatan pra-pelesenan bagi permohonan lesen baharu dan lawatan verifikasi bagi peluasan atau pengubahsuaian premis apabila menerima surat daripada Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Lawatan ini akan dilakukan sama ada bersama-sama CKAPS HQ atau dilakukan oleh CKAPS JKNNS sendiri.

Rajah 5 di bawah menunjukkan pencapaian aktiviti kawalan bagi jenis kemudahan Hospital Swasta, Pusat Jagaan Ambulatori Swasta (ACC) dan Rumah Bersalin Swasta (MH) di Negeri Sembilan bagi tempoh 2016-2020. Pada tahun 2020, enam dari lapan buah Hospital Swasta perlu dilawati bagi tujuan pembaharuan lesen.


Rajah 5: Aktiviti Berkaitan Hospital Swasta, Pusat Jagaan Ambulatori Swasta (ACC) dan Rumah Bersalin Swasta (MH), 2016 – 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Permohonan Pembaharuan Lesen Hospital Swasta	7	1	7	1	6
Permohonan Pembaharuan Lesen ACC / MH	1	0	1	1	1
Lawatan Pembaharuan Lesen Hospital Swasta	5	1	7	2	6
Lawatan Pembaharuan ACC / MH	1	0	1	1	1
Lawatan Verifikasi Hospital Swasta	2	1	2	4	0
Lawatan Verifikasi ACC / MH	1	0	0	0	0
Lawatan Verifikasi Bersama Hospital Swasta	1	0	0	1	1
Lawatan Verifikasi ACC / MH Bersama HQ	0	0	0	0	1

Manakala Rajah 6 di bawah merupakan pencapaian aktiviti kawalan bagi jenis kemudahan Pusat Hemodialiasis Swasta di Negeri Sembilan bagi tempoh 2016-2020. Sebanyak sembilan buah Pusat Hemodialisis Swasta yang perlu dilakukan lawatan pemeriksaan pembaharuan lesen pada tahun 2020 telah dilawati.

Rajah 6: Aktiviti Berkaitan Pusat Hemodialisis Swasta (PHS), 2016 – 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Permohonan Pembaharuan Lesen PHS	9	13	13	14	11
Lawatan Pembaharuan PHS	12	14	10	15	9
Lawatan Verifikasi PHS	2	3	9	4	1
Lawatan Verifikasi PHS Bersama HQ	0	0	0	0	2

PENCAPAIAN AKTIVITI KAWALSELIAAN


Aktiviti kawalseliaan iaitu aktiviti pengendalian aduan dan penguatkuasaan masih perlu dilakukan walaupun PKP dilaksanakan susulan pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, aktiviti tersebut dijalankan mengikut keutamaan dan pematuhan ketat terhadap *hand hygiene, social distancing,* penggunaan *face mask* serta status kesihatan.

Aktiviti Pengendalian Aduan

Pada tahun 2020, sebanyak 23 aduan diterima oleh CKAPS JKNNS iaitu terdapat penurunan berbanding tahun sebelumnya. Kebanyakan aduan iaitu sejumlah 17 aduan yang diterima oleh CKAPS JKKNS adalah melalui CKAPS HQ. Jenis kemudahan yang banyak diadu adalah Klinik Perubatan Swasta dan Hospital Swasta. Manakala kategori aduan tertinggi adalah aduan berkaitan perkhidmatan di mana kes yang diadu perlu dikendalikan oleh pihak premis untuk menjalankan tatacara ketidakpuasan hati (*grievance mechanism*) bersama pengadu selaras dengan Akta 586 dan peruntukan peraturan yang berkenaan.


Rajah 7 hingga 11 berikut merupakan maklumat berkaitan aktiviti pengendalian aduan oleh CKAPS JKNNS bagi tempoh lima tahun dari 2016 hingga 2020.

Rajah 7: Bilangan Aduan Diterima oleh CKAPS JKNNS, 2016 – 2020




	2016	2017	2018	2019	2020
Bilangan aduan yang diterima	18	20	15	31	23

Rajah 8: Cara Penerimaan Aduan oleh CKAPS JKNNS, 2016 – 2020




	2016	2017	2018	2019	2020
Hadir sendiri	1	1	0	2	1
Surat	0	0	0	1	1
Emel	0	0	1	1	2
Telefon	2	2	2	2	1
SMS	1	0	1	0	0
Faks	0	0	1	0	0
Media Massa	0	0	0	0	0
Arahan atasan	0	0	0	0	0
Melalui agensi lain	0	2	2	2	1
Incident report	2	0	1	0	0
CKAPS HQ	12	15	7	23	17

Rajah 9: Bilangan Aduan KPJKS Mengikut Jenis Kemudahan, 2016 – 2020




	2016	2017	2018	2019	2020
Klinik Perubatan Swasta	8	12	5	14	11
Klinik Pergigian Swasta	0	0	0	1	1
Hospital Swasta	8	7	6	11	8
Rumah Bersalin Swasta	0	0	1	0	0
Pusat Hemodialisis Swasta	1	1	3	3	1
Pusat Ambulatori Swasta	1	0	0	1	0
Lain - lain	0	0	0	1	2
JUMLAH	18	20	15	31	23

Rajah 10: Kategori Aduan Yang Diterima Oleh CKAPS JKNNS, 2016 – 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Perkhidmatan	15	13	15	25	19
Kemudahan	1	1	0	0	0
Personel	2	6	0	4	5
Lain-lain	0	0	0	2	1

Rajah 11: Cara Pengendalian Aduan KPJKS, 2016 – 2020




	2016	2017	2018	2019	2020
Pengendalian aduan melalui Grievanve Mechanism (GM)	12	12	11	20	16
Pengendalian aduan melalui siasatan	5	7	3	9	3
Lain-lain	1	1	1	2	4

Aktiviti Penguatkuasaan

Aktiviti penguatkuasaan terdiri dari lawatan pemantauan, aktiviti *undercover* (intipan & risikan) dan aktiviti serbuan sama ada bagi pengkompaunan kesalahan atau pendakwaan serta lawatan bagi melengkapkan kertas siasatan.

Pada tahun 2020, peningkatan aktiviti pemantauan disumbangkan oleh aktiviti pemantauan Klinik Pergigian Swasta seperti yang ditunjukkan di Rajah 12. Peningkatan aktiviti pemantauan Klinik Pergigian Swasta ini adalah sejajar dengan peningkatan bilangan premis Klinik Pergigian Swasta yang berdaftar pada tahun tersebut yang perlu dilakukan pemantauan.


Rajah 12: Aktiviti Lawatan Pemantauan KPJKS, 2016 - 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Pemantauan KPJKS (selain PDC)	94	35	31	59	45
Pemantauan PDC	35	40	46	56	79
Jumlah lawatan pemantauan	129	75	77	115	124

Sementara itu, terdapat aktiviti serbuan yang dijalankan ke atas satu premis iaitu sebuah rumah yang disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 4, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dengan menyediakan perkhidmatan Klinik Pergigian Swasta tanpa berdaftar oleh pengamal tidak bertauliah. Kertas Siasatan (*Investigation Paper*, IP) telah diserahkan kepada Unit Pendakwaan, CKAPS HQ untuk semakan bagi tindakan selanjutnya. Tiada aktiviti pengkompaunan kesalahan dan pendakwaan pada tahun 2020. Rajah 13 menunjukkan aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh CKAPS JKNNS bagi tempoh 2016 hingga 2020.

Rajah 13: Aktiviti Penguatkuasaan KPJKS, 2016 – 2020




***KEY PERFORMANCE INDIKATOR* (KPI)**

Terdapat satu KPI Ketua Pengarah Kesihatan yang dilatakan kepada Pengarah Kesihatan Negeri dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Bahagian Perubatan untuk tindakan CKAPS JKNNS iaitu peratus Klinik Perubatan Swasta berdaftar yang dipantau dalam tempoh dua belas bulan setelah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pada tahun 2020, sejumlah 23 buah Klinik Perubatan Swasta perlu dilakukan pemeriksaan pasca pendaftaran. Walaupun PKP dilaksanakan pada akhir bulan Mac hingga Mei 2020 di mana tiada aktiviti lawatan pasca pendaftaran dapat dilakukan pada bulan tersebut, kesemua klinik telah dapat dilawati dalam tempoh 12 bulan setelah didaftarkan seperti yang ditunjukkan di Rajah 14. Ini kerana lawatan pasca pendaftaran telah dirancang dan dijalankan lebih awal tanpa menunggu pada bulan terakhir. Tiada Klinik Perubatan Swasta yang didaftarkan pada bulan Januari 2019 yang perlu dipantau selewat-lewatnya pada Januari tahun 2020.


Rajah 14: Pencapaian KPI - Pemeriksaan Pasca Pendaftaran Klinik Perubatan Swasta pada tahun 2020



	Februari	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September	Oktober	November	Disember
Bilangan yang perlu dipantau	2	2	4	1	2	1	1	1	2	4	3
Pencapaian (%)	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
Sasaran (%)	95	95	95	95	95	95	95	95	95	95	95

Rajah 15 di bawah pula menunjukkan pencapaian KPI lawatan pemeriksaan pasca pendaftaran Klinik Perubatan Swasta bagi tempoh 2016 – 2020.

Rajah 15: Pencapaian KPI - Pemeriksaan Pasca Pendaftaran Klinik Perubatan Swasta, 2016 – 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Bilangan Klinik yang perlu dipantau	19	16	18	17	23
Bilangan pemeriksaan tempoh 12 bulan	18	16	18	17	23
Pencapaian (%)	95	100	100	100	100
Sasaran (%)	70	80	90	95	95

LATIHAN

Pada tahun 2020, latihan yang dihadiri oleh staf hanya melibatkan aktiviti CPD yang diadakan oleh CKAPS Negeri Sembilan (JKNNS) atau Ibu Pejabat (HQ). Tiada aktiviti latihan di luar dapat dihadiri susulan pandemik COVID-19.

Jadual 8: Latihan yang dihadiri oleh staf CKAPS JKN Negeri Sembilan pada tahun 2020

BIL	PERKARA	TARIKH / TEMPOH	TEMPAT	PENGANJUR
1	CPD 1/2020: Rampasan alat digital Oleh: Dr. Nora binti Nasir	22.01.2020 9.00 – 11.00 pagi	Bilik Mesyuarat Cengal, JKNNS	CKAPS, JKNNS
2	CPD 2/2020: Pengendalian Eksibit ICT Oleh: Pegawai Farmasi, JKNNS	23.01.2020	Bilik Mesyuarat Cengal, JKNNS	CKAPS, JKNNS
3	CPD 3/2020: Keselamatan Sinaran dan Keperluan Regulatori di bawah Akta 304 bagi Fasiliti Perubatan Oleh: Pn Nurul Faeizin	06.02.2020 10.00 – 11.30 pagi	Bilik Mesyuarat Cengal, JKNNS	CKAPS, JKNNS
4	Virtual CPD: RMP – Perspektif Akta 586 Oleh: Dr Afidah Ali	14.02.2020 9.00 – 10.30 pagi	Virtual Bilik Mesyuarat Cengal, JKNNS	CKAPS HQ, BAP KKM
5	CPD 4/2020: General requirement P.U (A) 138/2006 (Part 1)	11.03.2020 2.30 – 3.30 petang	Bilik Mesyuarat Cengal, JKNNS	CKAPS, JKNNS
6	Virtual CPD: Tafsiran KPJKS bawah Akta 586 – Part 2	13.03.2020 9.00 – 10.00 pagi	Virtual Bilik Mesyuarat Cengal, JKNNS	CKAPS HQ, BAP KKM
7	CPD 5/2020: General requirement P.U (A) 138/2006 (Part 2) Oleh: PPP Mahdzir bin Muhammad	18.05.2020 9.00 – 10.00 pagi	Bilik Mesyuarat Cengal, JKNNS	CKAPS, JKNNS
8	Sesi Latihan MedPCS Versi 2 Oleh: Dr. Noraziah binti Abd. Rahman	04.09.2020 9.00 pagi – 5.00 petang	Makmal ICT, JKNNS	CKAPS, JKNNS
9	Virtual CPD: Pembacaan Akta 586	16.11.2020 2.30 – 3.30 petang	Virtual Bilik Mesyuarat Berlian, JKNNS	CKAPS HQ, BAP KKM
10	Virtual CPD: Pembacaan Akta 586 Bahagian 2	23.11.2020 2.30 – 3.30 petang	Virtual Bilik Mesyuarat Berlian, JKNNS	CKAPS HQ, BAP KKM
11	Virtual CPD: Pembacaan Akta 586 Bahagian 3	07.12.2020 2.30 – 3.30 petang	Virtual Bilik Mesyuarat Berlian, JKNNS	CKAPS HQ, BAP KKM
12	Virtual CPD: Pembacaan Akta 586 Bahagian 4	14.12.2020 2.30 – 3.30 petang	Virtual Bilik Mesyuarat Berlian, JKNNS	CKAPS HQ, BAP KKM

AKTIVITI LAIN

Staf CKAPS JKNNS telah turut terlibat membantu Bahagian Perubatan JKNNS dalam penubuhan dan pengendalian pusat kuarantin untuk pesakit COVID-19 yang berisiko rendah terutamanya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan bermula 18 Mac 2020 sehingga sektor ekonomi mula dibuka pada bulan Mei 2020. *Quarantine Station* ILKKM Seremban yang pertama di Negeri Sembilan telah mula beroperasi pada 02 April 2020.

Berikut adalah beberapa gambar aktiviti penglibatan CKAPS JKNNS semasa proses penubuhan dan pengoperasian *Quarantine Station* ILKKM Seremban.












KESIMPULAN

Susulan pandemik COVID-19 pada tahun 2020 dan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan di seluruh Malaysia bermula 18 Mac 2020, tugas dan aktiviti CKAPS terutamanya berkaitan aktiviti kawalan iaitu lawatan pra pendaftaran dan lawatan pembaharuan lesen telah tertunda selama hampir tiga bulan. Aktiviti kawalseliaan iaitu pengendalian aduan masih berjalan dan aktiviti penguatkuasaan perlu dilaksanakan mengikut keutamaan. Apabila sektor ekonomi dibuka semula pada bulan Mei 2020, CKAPS perlu memastikan segala aktiviti termasuk yang tertangguh dijalankan dengan memastikan pematuhan terhadap norma baharu bagi mencegah jangkitan dan penularan COVID-19 selaras dengan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Alhamdulillah, CKAPS JKNNS telah dapat melaksanakan peranan yang diberikan dengan baik hasil semangat dan kerjasama berpasukan.

4.4 UNIT REKOD PERUBATAN

PENGENALAN

Unit Rekod Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan bertanggungjawab memantau dan menyelia laporan dari semua hospital KKM di Negeri Sembilan menerusi Sistem Pengurusan Maklumat Kesihatan (HMIS) dan juga laporan dari hospital swasta melalui sistem e-Reporting.

Unit Rekod Perubatan merupakan salah satu perkhidmatan yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus perkara berhubung rekod perubatan pesakit dan statistik hospital bagi membantu dalam perawatan pesakit yang cekap, berkesan dan berkualiti.

Unit Rekod Perubatan sentiasa berusaha memastikan sistem pengurusan rekod perubatan pesakit berada ditahap yang terbaik dan sistematik dengan memberikan perkhidmatan yang memenuhi kepuasan pelanggan.

MISI

Kearah mewujudkan satu sistem pengurusan maklumat rawatan pesakit yang berkualiti dan efisien serta memenuhi keperluan seiring dengan perubahan teknologi dan persekitaran.

VISI

Menyediakan perkhidmatan rekod perubatan yang cekap dan cepat kepada masyarakat dengan menekankan kepada aspek berorientasikan pelanggan:

- Memastikan kerahsiaan pelanggan dilindungi, dipenuhi dan menghormati kemuliaan insan.
- Mewujudkan satu sistem yang unggul bagi memastikan rekod perubatan dipelihara dan disimpan dengan selamat dan teratur.
- Mengamalkan budaya kerja yang menekankan kepada komunikasi yang berkesan. Perkhidmatan secara professional yang cekap, cepat dan tepat serta semangat kerja berpasukan.
- Memelihara kebajikan anggota dan mewujudkan persekitaran dan suasana kerja yang selamat dan selesa.

OBJEKTIF

i. Mengumpul, menyemak, menganalisa, menyimpan dan menjaga maklumat kesihatan yang dibekalkan melalui 6 buah hospital dan 7 buah Pejabat Kesihatan Daerah dan Klinik Komuniti Negeri Sembilan.
ii. Mengumpul, menyemak, menganalisa, menyimpan dan menjaga maklumat kesihatan daripada kemudahan dan perkhidmatan jagaan swasta bagi Negeri Sembilan.
iii. Mengumpul, menyemak, menyimpan dan menjaga maklumat tabung darah yang dibekalkan melalui 6 buah hospital bagi Negeri Sembilan.
iv. Mengurus permohonan penubuhan Lembaga Perubatan ke atas pegawai-pegawai kerajaan dan lain-lain kakitangan.
v. Merancang dan mengendalikan kursus, seminar, bengkel bagi anggota Unit Rekod perubatan di Peringkat Jabatan, Hospital dan Negeri.


1. KATIL DAN KADAR PENGGUNAAN KATIL

Jumlah katil dan kadar penggunaan katil antara faktor penting dalam menentukan beban kerja di hospital. Berikut dinyatakan dalam Jadual 1 dan Jadual 2 bagi hospital-hospital di Negeri Sembilan. Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban merupakan hospital negeri dan mempunyai bilangan katil hospital yang banyak berbanding dengan hospital daerah yang lain.

Jadual 1 : Jumlah Katil Mengikut Kelas Bagi Hospital-Hospital Di Negeri Sembilan, 2020

Hospital	Bilangan Katil	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas VIP / Diraja
Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban	1,143	59	84	1,000	0
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	314	16	12	286	0
Hospital Port Dickson	116	4	0	112	0
Hospital Tampin	108	0	24	84	0
Hospital Jelebu	76	0	12	64	0
Hospital Jempol	108	0	0	108	0
Hospital Rembau	76	0	20	56	0
PKRC Akademi Imigresen Malaysia, PD	188	0	0	188	0
PKRC Institusi Pemulihan Dadah, Jelebu	600	0	0	600	0
PKRC Penjara Seremban	900	0	0	900	0
PKRC Kolej Komuniti Jelebu	240	0	0	240	0
PKRC Politeknik Port Dickson	900	0	0	900	0
PKRC Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Rembau	500	0	0	500	0
Jumlah	**1,941**	**79**	**152**	**1,710**	**0**

Jadual 2 : Kadar Penggunaan Katil Hospital-Hospital Di Negeri Sembilan bagi Tahun 2016 - 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Negeri	70.76%	67.73%	75.18%	75.07%	63.77%
Hospital Rembau	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	44.91%
Hospital Jelebu	46.00%	58.90%	55.96%	56.52%	53.28%
Hospital Jempol	50.80%	51.61%	55.43%	55.79%	50.54%
Hospital Tampin	46.50%	49.41%	57.34%	66.13%	51.70%
Hospital Port Dickson	70%	72.63%	88.25%	88.76%	71.79%
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	74.00%	77.59%	74.60%	73.39%	66.27%
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	76%	79%	79.02%	78.40%	66.49%

2. JUMLAH PESAKIT DALAM

Jumlah kemasukan pesakit dalam pada tahun 2020 adalah 119,242 berbanding tahun 2019 iaitu 132,400. Penurunan kemasukan pesakit sebanyak 13,158 (9.9%) adalah berikutan pandemik COVID-19. Terdapat 6 Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah dibuka bagi tujuan tersebut seperti yang dinyatakan di **Jadual 3**.

Jadual 3 : Jumlah Kemasukan Pesakit Dalam Di Hospital-Hospital Negeri Sembilan 2016 - 2020

Hospital	2016	2017	2018	2019	2020
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	71,359	74,507	75,046	77,034	65,762
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	23,271	24,277	25,227	24,496	22,436
Hospital Port Dickson	9,515	9,775	11,420	11,532	9,846
Hospital Tampin	6,972	7,283	8,576	8,942	6,282
Hospital Jempol	7,087	6,990	6,847	7,077	6,104
Hospital Jelebu	3,413	3,622	3,240	3,319	3,148
Hospital Rembau	-	-	-	-	1,808
PKRC Akademi Imigresen Malaysia, PD	-	-	-	-	189
PKRC Institusi Pemulihan Dadah, Jelebu	-	-	-	-	175
PKRC Penjara Seremban	-	-	-	-	877
PKRC Kolej Komuniti Jelebu	-	-	-	-	220
PKRC Politeknik Port Dickson	-	-	-	-	1,961
PKRC Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Rembau	-	-	-	-	654
Jumlah	**121,617**	**126,454**	**130,356**	**132,400**	**119,242**

3. SEBAB KEMASUKAN UTAMA

10 sebab kemasukan ke hospital di Negeri Sembilan bagi tahun 2020 dapat dilihat melalui Jadual 4. Kumpulan kod penyakit *Pregnancy, Childbirth and the Puerperium* merupakan sebab yang utama iaitu 12.18% diikuti dengan kumpulan *Certain Conditions Originating In The Perinatal Period* sebanyak 5.82% dan seterusnya kumpulan *disease of respiratory system* iaitu 5.75%.

Jadual 4 : 10 Sebab Utama Kemasukan Pesakit Dalam Di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2020

Bil.	Kod Penyakit	Kumpulan Penyakit	Jumlah
1.	O00-O99	Pregnancy, childbirth and the puerperium	14,521
2.	P00-P96	Certain Conditions Originating In The Perinatal Period	6,939
3.	J00-J99	Disease of respiratory system	6,854
4.	I00-I99	Disease of circulatory system	6,602
5.	A00-B99	Certain infectious and parasitic disease	5,039
6.	U00-U89	Codes For Special Purposes	4,681
7.	S00-T98	Injury, poisoning and certain other consequences of external causes	4,660
8.	K00-K93	Disease of digestive system	2,652
9.	N00-N99	Disease of genitourinary system	2,474
10.	E00-E90	Endocrine, nutritional and metabolic diseases	2,087

Mengikut 'Major Cause Groups ICD 10th Revision'

4. SEBAB UTAMA KEMATIAN

Jumlah kematian mencatat penurunan sebanyak 10.42% (323 kematian) pada tahun 2020. Hospital Tuanku Jaafar Seremban mengalami penurunan yang paling ketara iaitu 18.58% (371 orang), Hospital Tuanku Ampuan Najihah pula mencatat kenaikan jumlah kematian iaitu sebanyak 6.40% (42 orang) pada tahun 2020. Jumlah kematian di hospital-hospital Negeri Sembilan tahun 2016-2020 adalah seperti di **Jadual 5.**

Jadual 5 : Jumlah Kematian Di Hospital-hospital Negeri Sembilan, 2016 - 2020

Hospital	2016	2017	2018	2019	2020
Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban	1,902	2,007	1,881	1,997	1,626
HospitalTuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	624	684	670	656	698
Hospital Port Dickson	166	189	184	190	229
Hospital Tampin	92	112	117	110	89
Hospital Jempol	86	88	105	98	81
Hospital Jelebu	46	49	42	48	52
Hospital Rembau	0	0	0	0	1
Jumlah	**2,916**	**3,129**	**2,999**	**3,099**	**2,776**

Mengikut 'Major Cause Groups ICD 10th Revision'

5. KELAHIRAN

Secara keseluruhan, jumlah kelahiran pada tahun 2020 di Negeri Sembilan adalah 14,778 berbanding 14,549 pada tahun 2019 iaitu terdapat kenaikan sebanyak 229 (1.6%).

Hospital Tuanku Jaafar mencatatkan kelahiran tertinggi iaitu 5,667 kes bersalin biasa, 3,414 kelahiran melalui *caesarean*, 67 kes kelahiran dengan bantuan *forceps,* 352 kes kelahiran dengan bantuan *vacuum* dan secara lain-lain adalah sebanyak 73 kes.

Jumlah kelahiran di hospital-hospital Negeri Sembilan tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti di **Jadual 6.**

Jadual 6 : Jumlah Kelahiran Di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2016 -2020

Hospital	Tahun	Jenis bersalin					Jumlah
		Biasa	Caesarean	Forceps	Vacuum	Lain-Lain	
Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban	2016	7,162	3,012	19	453	29	10,675
	2017	7,136	3,437	42	433	54	11,102
	2018	6,500	3,602	15	365	61	10,543
	2019	6,143	3,626	91	326	67	10,253
	2020	5,667	3,414	67	352	73	9,573
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	2016	2,803	874	8	86	21	3,792
	2017	2,680	864	1	65	18	3,628
	2018	2,683	873	16	32	20	3,624
	2019	2,211	886	15	67	12	3,191
	2020	2,499	894	31	131	16	3,571

Hospital	Tahun	Jenis bersalin					Jumlah
		Biasa	Caesarean	Forceps	Vacuum	Lain-Lain	
Hospital Port Dickson	2016	466	1	-	-	1	468
	2017	494	-	2	-	3	499
	2018	856	269	71	4	7	1,207
	2019	810	284	3	30	5	1,132
	2020	1,072	317	-	53	8	1,450
Hospital Tampin	2016	129	-	-	-	1	130
	2017	156	-	-	-	3	159
	2018	132	-	-	-	1	133
	2019	82	-	-	-	-	82
	2020	38	-	-	-	-	38
Hospital Jempol	2016	120	-	-	-	1	121
	2017	157	-	-	-	-	157
	2018	129	-	-	-	-	129
	2019	114	-	-	-	-	114
	2020	84	-	-	-	-	84
Hospital Jelebu	2016	129	-	-	-	-	129
	2017	115	-	-	-	-	115
	2018	32	-	-	-	1	33
	2019	77	-	-	-	-	77
	2020	57	-	-	-	-	57
Hospital Rembau	2020	5	-	-	-	-	5

6. RAWATAN PESAKIT LUAR

Kategori pesakit luar terdiri daripada pesakit:

- Klinik Pakar
- Jabatan Pesakit Luar
- Jabatan Kecemasan

Jadual 7 menunjukkan kedatangan pesakit ke Klinik Pakar dan Jabatan Kecemasan hospital-hospital di Negeri Sembilan. Hospital Tuanku Jaafar, Seremban dan Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah menawarkan perkhidmatan rawatan pesakit luar pakar manakala bagi lain-lain hospital adalah perkhidmatan pesakit luar pakar atas lawatan sahaja. Jumlah kedatangan pesakit luar ke hospital di Negeri Sembilan pada tahun 2020 menurun sebanyak 177,140 orang (21.96%). Peratus pengurangan kedatangan pesakit yang paling ketara adalah di kecemasan Hospital Tampin iaitu 41.28% (21,530 orang). Jumlah kedatangan pesakit luar ke hospital-hospital di Negeri Sembilan tahun 2019 sehingga 2020 seperti **Jadual 7.**

Jadual 7 : Jumlah Kedatangan Pesakit Luar di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2019 - 2020

Hospital	Klinik Pakar		Kecemasan		Jumlah	
	2019	2020	2019	2020	2019	2020
Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban	268,301	227,742	146,111	100,033	414,412	327,775
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	75,529	64,405	55,404	36,821	130,933	101,226
Hospital Port Dickson	31,855	28,192	72,967	47,042	104,822	75,234
Hospital Tampin	14,800	11,266	52,157	30,627	66,957	41,893
Hospital Jempol	12,418	11,772	42,289	30,151	54,707	41,923
Hospital Jelebu	3,565	4,962	31,352	22,182	34,917	27,144
Hospital Rembau	0	251	0	14,162	0	14,413
Jumlah	**406,468**	**348,590**	**400,280**	**281,018**	**806,748**	**629,608**

7. PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIKAL

7.1 Perkhidmatan Patologi

Secara keseluruhan jumlah ujian makmal pada tahun 2020 mencatat peningkatan sebanyak 2.30% (133,726 ujian) berbanding tahun 2019. Kebanyakan hospital mengalami penurunan jumlah ujian makmal berikutan kurangnya kemasukan pesakit dalam tetapi berbeza dengan Hospital Tuanku Ja'afar yang meningkat sebanyak 282,865 ujian (9.04%). Jumlah ujian makmal di hospital Negeri Sembilan tahun 2016 sehingga 2020 adalah seperti di **Jadual 8.**

Jadual 8 : Jumlah Ujian Makmal Di Hospital-hospital Negeri Sembilan, 2016 - 2020

Hospital	2016	2017	2018	2019	2020
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	1,669,132	1,231,699	2,809,594	3,129,998	3,412,863
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	941,242	890,304	1,342,836	1,443,006	1,254,606
Hospital Port Dickson	271,772	168,727	404,126	506,239	400,345
Hospital Tampin	366,627	95,479	303,543	362,329	290,453
Hospital Jempol	61,418	55,206	194,553	201,581	400,161
Hospital Jelebu	87,649	40,143	159,942	161,969	167,045
Hospital Rembau	0	0	0	0	13,375
Jumlah	**3,397,840**	**2,481,558**	**5,214,594**	**5,805,122**	**5,938,848**

7.2 Perkhidmatan Fisioterapi

Rawatan yang diberikan kepada pesakit menurun pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 iaitu sebanyak 44.91% (140,096). Jumlah rawatan fisioterapi di hospital-hospital Negeri Sembilan tahun 2019 sehingga 2020 seperti **Jadual 9.**

Jadual 9 : Jumlah Rawatan Fisioterapi di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2019 - 2020

Hospital	2019			2020		
	Pesakit Dalam	Pesakit Luar	Jumlah	Pesakit Dalam	Pesakit Luar	Jumlah
Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban	98,804	74,533	173,337	53,246	28,429	81,675
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	19,573	24,002	43,575	18,129	15,269	33,398
Hospital Port Dickson	18,925	31,660	50,585	15,580	12,595	28,175
Hospital Tampin	6,470	12,410	18,880	3,728	4,729	8,457
Hospital Jempol	649	10,000	10,649	906	5,888	6,794
Hospital Jelebu	1,631	13,268	14,899	1,725	7,457	9,182
Hospital Rembau	0	0	0	26	4,122	4,148
Jumlah	**146,052**	**165,873**	**311,925**	**93,340**	**78,435**	**171,829**

7.3 Perkhidmatan Tabung Darah

Pada tahun 2020, jumlah kutipan darah mengalami penurunan 13.57% (3,675) berbanding tahun 2019. Bilangan penerima darah meningkat iaitu sebanyak 6.31% (893 orang). Jumlah kutipan dan penggunaan darah di hospital-hospital Negeri Sembilan tahun 2019 dan 2020 adalah seperti di dalam **Jadual 10.**

Jadual 10 : Jumlah Kutipan Dan Penggunaan Darah Di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2019 - 2020

Hospital	Kutipan Darah						Penggunaan Darah			
	Tabung Darah		Tabung darah Bergerak		Jumlah		Bil. Penerima		Bil. Unit Darah	
	2019	2020	2019	2020	2019	2020	2019	2020	2019	2020
Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban	5,193	6,608	13,349	10,070	18,542	16,678	9,521	10,902	22,778	24,069
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	637	1,048	4,323	2,947	4,960	3,995	2,209	1,849	4,375	3,513
Hospital Port Dickson	182	622	1,670	469	1,852	1,091	1,235	1,072	1,700	1,444
Hospital Tampin	123	524	1,439	1,015	1,562	1,539	520	291	680	331
Hospital Jempol	0	0	0	0	0	0	506	682	975	1,121
Hospital Jelebu	38	88	120	8	158	96	159	214	237	283
Hospital Rembau	0	0	0	0		0	0	33	0	52
Jumlah	**6,173**	**8,890**	**20,901**	**14,509**	**27,074**	**23,399**	**14,150**	**15,043**	**30,745**	**30,813**

8. Penubuhan Lembaga Perubatan

Lembaga Perubatan ini ditubuhkan untuk tujuan Pemeriksaan Kesihatan bagi kemungkinan persaraan, pengesahan cuti sakit dan penilaian Ex-Gratia.

Statistik permohonan di bawah menunjukkan jabatan serta agensi yang memohon untuk penubuhan lembaga perubatan. Pada tahun 2020, sebanyak 69 permohonan dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu 6 minggu dari tarikh permohonan lengkap. Statistik penubuhan lembaga perubatan adalah seperti **Jadual 11.**

Jadual 11 : Statistik Penubuhan Lembaga Perubatan

Bilangan Penubuhan Mengikut Agensi	2017		2018		2019		2020	
	Kerajaan	Swasta	Kerajaan	Swasta	Kerajaan	Swasta	Kerajaan	Swasta
Jumlah	79	0	75	2	81	3	68	1

KESIMPULAN

Perkhidmatan Unit Rekod Perubatan di Negeri Sembilan telah dapat melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing di peringkat hospital dan juga Jabatan Kesihatan Negeri dengan sokongan daripada semua pihak. Pada tahun 2020 adalah diharapkan kualiti perkhidmatan Unit Rekod Perubatan dapat dipertingkatkan lagi dengan jalinan kerjasama yang baik di antara unit dan jabatan di hospital-hospital.

BAHAGIAN PERGIGIAN

PENGENALAN

Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Sembilan merupakan komponen Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan yang memberi perkhidmatan kesihatan pergigian secara holistik kepada masyarakat di Negeri Sembilan melalui kolaborasi dengan agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan.

Pengurusan perkhidmatan diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) yang bertanggung jawab kepada Pengarah Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan.

Terdapat tujuh buah Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah di Negeri Sembilan iaitu Seremban, Kuala Pilah, Port Dickson, Tampin, Jelebu dan Rembau di mana pentadbiran adalah dibawah Pegawai Pergigian Daerah.

Fungsi Bahagian Kesihatan Pergigian merangkumi perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian semua aktiviti-aktiviti utama perkhidmatan kesihatan pergigian, keperluan sumber kewangan, sumber manusia, infrastruktur dan pentadbiran am.

Fungsi utama adalah seperti berikut:

Fungsi 1 : Pengurusan
- Kewangan / Perolehan
- Perkhidmatan
- Pentadbiran

Fungsi 2 : Penjagaan Kesihatan Pergigian
- Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer
- Penjagaan Kesihatan Pergigian Kepakaran
- Penjagaan Kesihatan Pergigian Masyarakat
- Peningkatan Kualiti - *KPI/NIA/DSA*
- Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015
- Epidemiologi dan Kajian

Fungsi 3 : Amalan Dan Perkembangan Kesihatan Pergigian
- Perundangan dan Penguatkuasaan
- Amalan Kesihatan Pergigian Profesional dan Auksiliari
- Pengendalian Kecederaan Akibat Alatan Tajam
- Perkhidmatan sokongan - *QMS, MEET*, PSK
- Pembangunan Kemudahan Pergigian
- Peningkatan Kualiti- Inisiatif Inovasi, KIK, QA

Fungsi 4 : Pengurusan Teknikal Kesihatan Pergigian
- Perkembangan Profesion Kesihatan Pergigian
- Promosi Kesihatan Pergigian
- Latihan lapangan (*Accreditation & Globalisation/Elective Posting*)
- Teknologi Maklumat dan Pengurusan Maklumat – *TPC - OHCIS/HRMIS*
- Peningkatan Kualiti - EKSA,*QA*,Waktu Menunggu Rawatan Dan Kajian Kepuasan Pelanggan
- Pengendalian Aktiviti Pendidikan Kesihatan Pergigian

VISI DAN MISI

Adalah selaras dengan Visi dan Misi Kementerian Kesihatan Malaysia

VISI

Negara menggembeleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik

MISI

Misi Kementerian Kesihatan adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama:

i. untuk memudahkan dan membolehkan rakyat:
   - mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
   - menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
   - mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka

ii. untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi iaitu:
   - mengutamakan pelanggan
   - saksama
   - tidak membebankan
   - cekap
   - wajar mengikut teknologi
   - boleh disesuaikan mengikut persekitaran
   - inovatif

iii. dengan menekankan:
   - sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
   - sifat menghormati maruah insan
   - penglibatan masyarakat

OBJEKTIF

Mempertingkatkan taraf kesihatan pergigian penduduk melalui perkhidmatan pergigian, promosi kesihatan pergigian, pencegahan, perawatan dan pemulihan dengan memberi keutamaan kepada kumpulan sasaran utama supaya taraf kesihatan masyarakat dikekalkan selaras dengan kemajuan sosio-ekonomi negara.

PENCAPAIAN PROGRAM

1.0 PENGURUSAN

1.1 Sumber Kewangan

Bagi tahun 2020, Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan telah menerima peruntukan sejumlah RM56,413,293.00 di bawah Belanja Mengurus dan sebanyak RM 58,700,426.00 (104.1%) telah dibelanjakan. Bahagian ini juga telah menerima sejumlah RM 1,331,112.00 di bawah lain-lain peruntukan dan telah membelanjakan sebanyak RM 1,324,142.90 (99.5%). Ini menjadikan keseluruhan peruntukan yang diterima adalah sebanyak RM 57,744,405.00 manakala perbelanjaan adalah sebanyak RM 60,024,568.90 (103.9%). Peruntukan dan perbelanjaan bagi tahun 2020 adalah seperti di Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Prestasi Perbelanjaan Tahun 2020

Kod Aktiviti	Emolumen		Perkhidmatan & Bekalan		Lain-lain		Jumlah	
	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan
040000	50,343,776.00	52,532,959.00	6,069,517.00	6,167,467.00	-	-	56,413,293.00	58,700,426.00
00105 (LDP)					32,200.00	32,195.40	32,200.00	32,195.40
BP 00600					337,597.00	335,326.50	337,597.00	335,326.50
BP 00700					55,500.00	55,000.00	55,500.00	55,000.00
BP 00900					98,015.00	94,962.80	98,015.00	94,962.80
01100					807,800.00	806,658.20	807,800.00	806,658.20
JUMLAH	**50,343,776.00**	**52,532,959.00**	**6,069,517.00**	**6,167,467.00**	**1,331,112.00**	**1,324,142.90**	**57,744,405.00**	**60,024,568.90**

1.2 Sumber Manusia

Perjawatan

Pada tahun 2020 sebanyak 874 daripada 946 perjawatan telah diisi (92.4%). Kedudukan perjawatan dari tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti di Jadual 2. Terdapat 168 orang Pegawai Pergigian menyandang jawatan kontrak di dalam program *New Dental Officer* (NDO) dan 4 orang Juruteknologi Pergigian serta 42 orang Pembantu Pembedahan Pergigian juga menyandang jawatan kontrak.

Jadual 2: Kedudukan Perjawatan Dari Tahun 2016 Hingga 2020

Perkara	2016	2017	2018	2019	2020
Bil. Perjawatan	916	912	922	918	946
Bil. & Peratus Pengisian	841 (91.81%)	913 (100.1%)	858 (93.06%)	881 (95.97%)	874 (92.4%)
Bil. & Peratus Kekosongan	75 (8.19%)	-1 (0.1%)	64 (6.94%)	37 (4.03%)	72 (7.6%)

1.3 Kemudahan

Jumlah fasiliti adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3 : Kemudahan Fasiliti Pergigian

BIL	JENIS KLINIK PERGIGIAN	JUMLAH
1	Klinik Pergigian 'Standalone'	7
2	Klinik Pergigian Pakar di Hospital	2
3	Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan	40
4	Klinik Pergigian UTC	1
5	Klinik Pergigian Sekolah Rendah	28
6	Klinik Pergigian Sekolah Menengah	9
7	Klinik Pergigian Bergerak	1
8	Makmal Pergigian Bergerak	1
9	Pasukan Pergigian Bergerak Sekolah Rendah	34
10	Pasukan Pergigian Bergerak Sekolah Menengah	
11	Pasukan Pergigian PraSekolah	
12	Lain-lain klinik/Klinik Pergigian di Institusi Lain	4
	JUMLAH	**127**

2.0 PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN

Bahagian Kesihatan Pergigian bertanggungjawab dalam menyediakan aksess kepada penjagaan kesihatan pergigian yang mencukupi terutamanya kepada populasi yang kurang mendapat perkhidmatan dan memantau hasil akhir bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.


2.1 Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer

Perkhidmatan Pergigian yang diberikan mengikut kumpulan keutamaan adalah seperti berikut :

- Toddler
- Kanak-kanak prasekolah
- Murid Sekolah Rendah dan Menengah
- Kanak-kanak Bekeperluan Khas
- Ibu Mengandung
- Orang Dewasa
- Warga Emas


Penggunaan fasiliti Kesihatan Pergigian KKM di Negeri Sembilan mengikut kumpulan keutamaan adalah seperti yang ditunjukkan di Graf 1**.** Pesakit dewasa merupakan kumpulan yang paling tinggi mendapat perkhidmatan pergigian bagi tahun 2020.

Graf 1 : Peratus Kedatangan Pesakit Baru di Fasiliti KKM Tahun 2020 Berdasarkan Kumpulan Sasaran



Terdapat peningkatan dari segi bilangan pesakit luar yang hadir ke Klinik Pergigian pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya seperti yang ditunjukkan dalam Graf 2. Peningkatan sebanyak 7.6% pesakit baru yang telah menerima perkhidmatan pergigian pada tahun 2020 berbanding tahun 2019.

Graf 2 : Kedatangan Pesakit Baru Dan Jumlah Kedatangan Pesakit Ke Klinik Pergigian Tahun 2016 - 2020




	2016	2017	2018	2019	2020
Kedatangan Baru	163,512	191,132	160,588	196,738	198,655
Jumlah Kedatangan	272,263	328,833	292,256	355,870	315,622

2.1.1 Program Toddler

Graf 3 menunjukkan sejumlah 12,780 toddler telah diperiksa pada tahun 2020 dan terdapat penurunan berbanding tahun 2019. Di dalam program ini ibubapa/ penjaga diberi *Anticipitory guidance* (AG) manakala toddler akan menerima aplikasi *Fluoride Varnish* (FV).

Graf 3 : Bilangan Toddler Yang Diperiksa Tahun 2016 - 2020




	2016	2017	2018	2019	2020
Bilangan Toddler	19,337	23,247	22,252	25,462	12,780

2.1.2 Program Pra Sekolah / Tadika

Perkhidmatan kesihatan pergigian diberikan kepada kanak-kanak di prasekolah/tadika kerajaan dan tadika swasta. Program ini dijalankan untuk menanam minat serta kesedaran terhadap penjagaan kesihatan pergigian. Aktiviti-aktiviti bawah program ini merangkumi latihan memberus gigi (LMG), ceramah dan *'role play'* serta rawatan tampalan *ART* melalui sesi lawatan sebanyak dua kali setahun ke prasekolah/ tadika oleh Juruterapi Pergigian. Pada tahun 2020, terdapat penurunan yang mendadak dari dari segi peratusan kanak-kanak sekolah diperiksa dan liputan bagi kanak-kanak pra sekolah berbanding tahun 2019.

Graf 4 : Pencapaian Program Prasekolah Tahun 2016 - 2020



	% Kanak-kanak Prasekolah Diperiksa	% Liputan Kanak-kanak Prasekolah
2016	93.5	93.1
2017	95.9	94.1
2018	95.6	94.2
2019	97	94.9
2020	15.3	17.3


2.1.3 Program Sekolah Rendah dan Menengah

Terdapat 351 buah sekolah rendah dan 124 buah sekolah menengah di bawah perkhidmatan Pergigian tetapi pada tahun 2020 hanya 131 buah sekolah rendah dan 63 buah sekolah menengah yang telah dilawati. Pencapaian bagi sekolah rendah dan menengah adalah seperti di Jadual 4 dan Graf 5 & 6.


Jadual 4: Peratus Pesakit Baru Sekolah Tahun 2016 - 2020

BIL	INDIKATOR	2016	2017	2018	2019	2020
1	Peratus murid sekolah rendah dirawat (kes baru)	90%	99.6%	99.5%	99.5 %	37.5 %
2	Peratus murid sekolah menengah dirawat (kes baru)	98.9%	99.1%	98.7%	99.1 %	48.2 %

Graf 5 : Petunjuk Impak bagi Program Sekolah Rendah Tahun 2016 - 2020



Graf 6 : Petunjuk Impak bagi Program Sekolah Menengah Tahun 2016 - 2020




Graf 5 menunjukkan pada tahun 2020 terdapat penurunan peratusan TPR bagi murid sekolah rendah,murid 6 tahun mulut bebas karies dan juga murid 12 tahun bebas karies. Graf 6 juga menunjukkan penurunan bagi peratusan murid sekolah menengah TPR & peratusan murid 16 tahun bebas karies.

2.1.4. Program Kanak-Kanak Berkeperluan Khas


Pada tahun 2020 hanya 1,282 kanak-kanak berkeperluan khas yang diperiksa dan ia menunjukkan penurunan berbanding tahun 2019. Bilangan ini merupakan 34.7 % dari keseluruhan KKI yang berada di PDK dan Kelas Pendidikan Khas Sekolah Rendah dan Menengah (dari Graf 7). Peratus tidak perlu rawatan (TPR) meningkat bagi sekolah menengah manakala menurung bagu sekolah rendah dan Pusat Dalam Komuniti (dari Graf 8). Usaha-usaha penerapan penjagaan kesihatan pergigian kendiri kepada pelatih dan penjaga perlu dipertingkatkan bagi pelatih di PDK memandangkan peratus tidak perlu rawatan mereka yang masih rendah iaitu hanya 36.1%.

Graf 7: Pesakit Baru KKI Yang Diperiksa Di Institusi Dan Sekolah Tahun 2016 - 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Pesakit Baru KKI	3,094	2,945	3,272	3,407	1,282

Graf 8: Peratus KKI yang Tidak Perlu Rawatan Tahun 2016 - 2020




2.1.5 Program Ibu Mengandung


Program ini dijalankan bagi memberi kesedaran tentang kepentingan kesihatan mulut bagi ibu dan anak. Aktiviti terdiri dari pemeriksaan mulut,rawatan serta ceramah pergigian.

Pada tahun 2020, terdapat penurunan bagi bilangan kes baru ibu mengandung berbanding tahun 2019. Sebanyak 46.23 % pesakit yang mendaftar di Klinik Ibu dan Anak (KKIA) telah menjalani pemeriksaan pergigian dan 47.17 % telah menerima pendidikan kesihatan pergigian serta hanya 49.1 % ibu mengandung yang diperiksa telah menerima rawatan pergigian sehingga selesai kes.

Graf 9 : Bilangan Kes Baru Ibu Mengandung Tahun 2016 - 2020



Graf 10 : Pencapaian Indikator bagi Program Ibu Mengandung Tahun 2016 - 2020




	2016	2017	2018	2019	2020
% Pemeriksaan IM di KP	57.5	61.4	63.54	72.8	46.2
% IM menerima ceramah	62.2	67.8	68.43	80	47.1
% Kes Selesai	52.3	54.7	49.02	53.1	49.1

2.1.6 Program Kesihatan Pergigian Warga Emas

Bagi golongan warga emas, mereka diberi laluan keutamaan untuk mendapatkan rawatan pergigian bagi pesakit yang hadir ke klinik pergigian. Selain itu pembangunan fasiliti juga dibuat selaras dengan keperluan mereka.Program khas juga dijalankan di institusi warga emas dibawah kelolaan kerajaan dan swasta yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bilangan Pesakit Baru Warga Emas di Klinik Pergigian dan Institusi hanya meliputi 13,872 daripada 148,500 (9.34%) keseluruhan warga emas di Negeri Sembilan. Pada tahun 2020 hanya 4 buah institusi sahaja telah dilawati.

Graf 11 : Bilangan Pesakit Baru Warga Emas di Klinik Pergigian Dan Institusi Tahun 2016 - 2020




	2016	2017	2018	2019	2020
Bi. Kes Baru	16,444	17,818	17,982	19,448	13,872

2.1.7 Program Kesihatan Pergigian Primer Untuk Orang Asli

Pada tahun 2020 sebanyak 2 daripada 66 (3.03%) buah kampung orang asli telah dilawati. Aktiviti yang dijalankan semasa program tersebut ialah pemeriksaan dan rawatan pergigian, ceramah kesihatan pergigian, latihan memberus gigi dan pameran. Secara keseluruhan bilangan orang asli yang diperiksa hanya 976 daripada 13,078 (7.5%) pada tahun 2020 meningkat berbanding tahun 2019.

Graf 12 : Bilangan Orang Asli Menjalani Pemeriksaan Pergigian Tahun 2016 -2020




	2016	2017	2018	2019	2020
Bil.OA Diperiksa	1,306	952	971	830	976

2.1.8 Perkhidmatan Makmal Pergigian Bergerak (MPB)

Pada tahun 2020, Makmal Pergigian Bergerak telah digunakan di 5 lokasi sahaja dan telah memberi perkhidmatan kepada 33 orang pesakit. Sejumlah 60 gigi palsu telah dapat dihasilkan pada tahun ini.

Graf 13 : Perkhidmatan Makmal Pergigian Bergerak Tahun 2016 - 2020



	BIL PROGRAM	BIL PESAKIT	BIL DENTUR
2016	20	132	231
2017	29	172	311
2018	28	143	246
2019	36	167	287
2020	5	33	60


2.2 Kesihatan Pergigian Kepakaran

Terdapat 5 Kepakaran Pergigian di Negeri Sembilan yang dikategorikan sebagai kepakaran *Hospital Based* dan Kepakaran *Non Hospital Based*. Kepakaran *Hospital Based* terdiri dari Kepakaran Bedah Mulut & Maksilofasial dan Kepakaran Pergigian Pediatrik manakala Kepakaran *Non Hospital Based* terdiri dari Ortodontik, Pergigian Periodontik dan Pergigian Restoratif. Jadual 5 menunjukkan lokasi dan taburan klinik kepakaran di Negeri Sembilan. Graf 14 menunjukkan pertambahan bilangan pesakit yang menerima rawatan kepakaran pergigian sepanjang tahun 2020.

Jadual 5 : Lokasi dan Taburan Klinik Pergigian Pakar di Negeri Sembilan

Kepakaran Bedah Mulut dan Maksilofasial	Bertempat di Hospital Tuanku Jaafar Seremban dan Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah.
Kepakaran Pergigian Pediatrik	Bertempat di Hospital Tuanku Jaafar Seremban dan Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah.
Kepakaran Ortodontik	Bertempat di Pusat Pakar Pergigian Seremban, Klinik Pergigian Seremban 2, Klinik Pergigian Senawang,Klinik Pergigian Kuala Pilah, Klinik Pergigian Port Dickson dan Klinik Pergigian Tampin.
Kepakaran Pergigian Periodontik	Bertempat di Pusat Pakar Pergigian Seremban dan Klinik Pergigian Kuala Pilah.
Kepakaran Pergigian Restoratif	Bertempat di Pusat Pakar Pergigian Seremban dan Klinik Pergigian Kuala Pilah.

Graf 14 : Bilangan Pesakit Baru Yang Menerima Rawatan Kepakaran Tahun 2016 - 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Bil. Pesakit Baru	12,185	12,183	12,926	13,172	11,207

2.3 Kesihatan Pergigian Masyarakat

2.3.1 Program Pemfloridaan Bekalan Air Minuman

Pemfloridaan bekalan air awam adalah salah satu cara untuk mencegah kejadian karies. Ia adalah selamat, efektif dan ekonomi dalam kaedah pencegahan dan kawalan karies. Bagi kawalan kejadian karies ini, paras optimum florida mesti berada dalam julat 0.4 ppm hingga 0.6 ppm. Pada tahun 2020 dianggarkan 96.26 % daripada penduduk Negeri Sembilan telah menerima bekalan air berfluorida. Jadual 6 menunjukkan paras optimal florida di tapak retikulasi.

Jadual 6: Pencapaian Peratusan Paras Optima Florida Di Tapak Retikulasi

Tahun	Paras < 0.4 ppm (25%)	Paras < 0.6 ppm (7%)
2016	0.00	0.00
2017	2.28	0.20
2018	1.79	0.00
2019	1.14	2.56
2020	0.43	0.00

2.3.2 Pencegahan Klinikal

i. Program Pengapan Fisur Berasaskan Sekolah - seramai 1,805 orang pelajar telah menerima pengapan fisur melibatkan 3,274 batang gigi.

ii. Program Sapuan Fluorida - seramai 4,120 orang kanak-kanak yang berisiko terhadap karies telah menerima sapuan fluorida manakala 224 orang telah selesai menerima 4 kali sapuan (sapuan pertama pada tahun 2018).

Jadual 7: Pencapaian Program Pencegahan Klinikal

Bil.	Indikator	2016	2017	2018	2019	2020
1	Pengapan Fisur	4,997 (2,453 gigi)	4,409 (9,457 gigi)	6,307 (12,779 gigi)	6,788 (12,885 gigi)	1,805 (3,274 gigi)
2	Sapuan Florida	1,965	1,887	5,303	11,527	4,120
3	Selesai 4 Kali Sapuan Florida	4	258	2	346	224

2.3.3 Program Pencegahan Dan Pengesanan Awal Prakanser Dan Kanser Mulut

Program ini meliputi pemeriksaan mulut, ceramah pergigian dan pameran pendidikan kesihatan pergigian. Kes akan dirujuk kepada Pakar Bedah Mulut sekiranya perlu. Saringan ini dijalankan ke atas pesakit yang berisiko di estet / ladang dan juga semasa program kemasyarakatan serta pesakit luar yang hadir ke klinik.

Dari Jadual 8 di bawah, didapati pada tahun 2020 terdapat peningkatan yang ketara dari segi bilangan pesakit yang dirujuk kepada Pakar Bedah Mulut.

Jadual 8 : Saringan Kanser Mulut (2016- 2020)

Bil.	Indikator	2016	2017	2018	2019	2020
1	Jumlah Pesakit >18 Tahun Yang Disaring	1,292	7,858	6,932	7,407	9,050
2	Jumlah Komuniti yang dilawati	41	77	55	42	8
3	Jumlah Komuniti diberi ceramah	1,920	3,360	3,331	3,492	2,317
4	Jumlah Pesakit Dengan Lesi Mulut Dirujuk ke Pakar Bedah Mulut	2	22	22	22	23 (3 Squamous Cell Carcinoma, 3 Tidak Hadir, 17 lain-lain lesi

2.3.4 Program Kampung Angkat

Program Kampung Angkat Pergigian merupakan satu inisiatif baharu dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian yang telah dimulakan di Negeri Sembilan pada tahun 2019 dan telah dikembangkan ke seluruh negara pada tahun 2020. Penggunaan istilah 'kampung' dalam program ini merujuk kepada sesebuah kelompok penempatan komuniti sama ada di kampung atau di bandar termasuk penempatan golongan B40, masyarakat terpinggir dan golongan miskin bandar. Program ini melibatkan kolaborasi antara Bahagian Kesihatan Pergigian dan pihak pengurusan di sesebuah komuniti dimana setiap klinik pergigian akan bertanggungjawab dalam penjagaan kesihatan pergigian masyarakat kampung di bawah jagaan masing-masing. Berikut adalah pencapaian program seperti di jadual 9.

Jadual 9: Pencapaian Program Kampung Angkat (Jan 2019 - Dis 2020)

Bil.	Indikator	Jan 2019 - Dis 2020
1	Peratus Klinik Pergigian Primer Yang Mempunyai Kampung Angkat	100% (36/36)
2	Peratus Kampung Yang Dijadikan Kampung Angkat Pergigian	8.69 % (36/414)
3	Peratus Keluarga Yang Dilawat	12.13 % (1053/8678)

2.3.5 Program Perumahan Rakyat (PPR)

Program Perumahan Rakyat adalah satu program kerajaan untuk penempatan semula setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah (B40). Negeri Sembilan mempunyai 2 PPR iaitu PPR Ladang Siliau dan PPR Bersepadu Senawang 2.

Justeru itu, perkhidmatan pergigian juga diberikan kepada penduduk PPR seperti pemeriksaan mulut, ceramah pergigian dan pameran pendidikan kesihatan pergigian. Pada tahun 2020, tiada aktiviti dapat dilaksanakan.

2.4 Pencapaian Peningkatan Kualiti - KPI/ NIA/ DSA

2.4.1 Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Jadual 10 menunjukkan pencapaian indikator Petunjuk Prestasi Utama tahun 2020 mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Terdapat 7 KPI yang tidak mencapai piawaian seperti berikut:

- Peratus liputan ibu mengandung
- Peratus murid sekolah rendah mencapai status *orally-fit* (liputan)
- Peratus murid sekolah menengah mencapai status *orally-fit* (liputan)
- Peratus murid sekolah rendah dengan status maintaining *orally-fit* (KPI baharu 2019)
- Peratus murid sekolah rendah yang perlu sealan fisur mendapat rawatan sealan fisur
- Peratus murid sekolah yang dikenalpasti sebagai perokok semasa yang telah menjalani sekurang-kurangnya 3 kali sesi intervensi lanjutan melalui program KOTAK
- Peratus warga emas berumur 60 tahun yang mempunyai ≥20 batang gigi yang berfungsi

Jadual 10 : Pencapaian *Key Performance Indicator* 2020

KRA	KPI	Sasaran 2019 (%)	N	D	Pencapaian (%)
Akses kepada perkhidmatan kesihatan pergigian	1. Peratus klinik pergigian (KP) yang menyediakan perkhidmatan pesakit luar setiap hari	≥84.0	37	41	90.2%
	2. Peratus Klinik Kesihatan (KK) yang mempunyai komponen fasiliti pergigian	≥75.0	36	46	78.3%
	3. Peratus Liputan Ibu Mengandung	≥ 60	7,935	17,163	46.23%
Taraf kesihatan pergigian murid sekolah	4. Peratus murid sekolah rendah mencapai status *orally-fit* (liputan)	≥ 96.5	26,055	104,342	24.97
	5. Peratus murid sekolah menengah mencapai status *orally-fit* (liputan)	≥ 85.0	27,374	81,049	33.77
Taraf kesihatan pergigian murid sekolah	6. Peratus murid sekolah rendah dengan status *maintaining orally-fit* **(KPI baharu 2019)**	≥ 65	71,819	102,648	62.43
	7. Peratus murid sekolah menengah dengan status *maintaining orally-fit*	≥ 70	22,169	29,948	74.02
	8. Peratus murid 6 tahun bebas penyakit karies gigi **(KPI baru untuk 2019)**	≥ 50	2,436	4,735	51.45
	9. Peratus murid 12 tahun bebas penyakit karies gigi	≥ 70.5	4,155	5,019	82.79
	10. Peratus murid 16 tahun bebas penyakit karies gigi **(KPI baru untuk 2019)**	≥ 50	3,734	5,460	68.39
	11. Peratus murid sekolah rendah yang perlu sealan fisur mendapat rawatan sealan fisur	≥ 96	1,805	2,102	85.87
Taraf kesihatan pergigian murid sekolah	12. Peratus murid sekolah yang dikenalpasti sebagai perokok semasa yang telah menjalani sekurang-kurangnya 3 kali sesi intervensi lanjutan melalui program KOTAK - Murid sekolah rendah dan sekolah menengah	≥ 58	357	1,004	35.56
Taraf kesihatan pergigian ibu mengandung	13. Peratus ibu mengandung mencapai status *orally fit* **(KPI baru 2019)**	≥ 45.0	4,006	8,160	49.09
Taraf kesihatan pergigian warga emas	14. Peratus warga emas berumur 60 tahun yang mempunyai ≥20 batang gigi yang berfungsi	≥ 60.0	467	1,151	40.57
Pemberian Perkhidmatan Dentur	15. Peratus pesakit mendapat dentur dalam tempoh 3 bulan	≥ 64.0	1,913	2,726	70.18
	16. Peratus pesakit berumur 60 tahun ke atas mendapat dentur dalam tempoh 8 minggu	≥ 50.0	770	1,398	55.08

KRA	KPI	Sasaran 2019 (%)	N	D	Pencapaian (%)
Kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan	17. Peratus ikon gigi (iGG) yang menjalankan aktiviti sekurang-kurangnya 1 kali sebulan	≥ 40	32	38	84.21
	18. Peratus Peruntukan Tahunan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) Program Kesihatan Pergigian, KKM Selesai Dibelanja Pada Minggu Pertama Disember Tahun Semasa	100	RM 51,600.40	RM 51,605.40	99.99
Perkhidmatan Pergigian Berkualiti dan Pensijilan MS ISO	19. Peratus klinik pergigian dengan persijilan MS ISO 9001:2015	≥ 85.0	41	41	100
	20. Peratus Fasiliti Pergigian KKM yang mencapai ≥ 80% pematuhan semasa Audit Keselamatan Dan Kesihatan	≥ 95.0	59	60	98.33
Pemantauan ke atas Klinik Pergigian Swasta	21. Peratus pemeriksaan pemantauan yang dijalankan ke atas Klinik Pergigian Swasta (KPS) yang dikenalpasti	100	79	79	100
Indeks Pematuhan Piagam Pelanggan	22. Peratus peakit luar yang mendapat rawatan dalam masa 60 minit **(penambahbaikan)**	≥ 86.0	153,599	162,015	94.81
Indeks Kepuasan Pelanggan	23. Peratus pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan/ rawatan yang diterima	≥ 95.0	576	580	99.31
Indeks Pembudayaan Inovasi KKM	24. Pembudayaan Inovasi- Replikasi/ Pengamalan Inovasi Klinik Pergigian - semua Klinik Pergigian mereplikasi / mengamal inovasi (inovasi merujuk kepada pereplikasian inovasi dan pengamalan inovasi yang dibangunkan dalam tempoh 2 (dua) tahun.	≥ 80	41	41	100
Indeks Penyelesaian Aduan	25. Peratus aduan dalam kategori mudah dan sederhana yang diterima melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) yangdiselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan	≥ 85	13	13	100

2.4.2 *National Indicator Approach* (NIA)

Indikator-indikator NIA diukur mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Indikator untuk NIA mempunyai 4 indikator.

Secara keseluruhannya, 2 daripada 4 indikator NIA tidak mencapai sasaran. Terdapat penurunan dari segi pencapaian peratus murid sekolah rendah dan menengah yang mengekalkan *status orally fit* (TPR) berbanding tahun 2019.

Jadual 11 : Pencapaian *National Indicator Approach* Tahun 2016 - 2020

Bil	Indikator NIA	Piawai	2016	2017	2018	2019	2020
1	Peratus murid sek. rendah mengekalkan status orally fit (TPR)	>65%	57.9%	61.9%	65.7%	69.9%	62.43%
2	Peratus murid sek. menengah mengekalkan status orally fit (TPR)	>80%	63.6%	69.6%	68.8%	74.2%	74.02%
3	Peratus ketidakpatuhan paras optima florida di tapak retikulasi Paras < 0.4ppm	≤25%	0.0%	2.3%	1.8 %	1.1%	0.43%
4	Peratus ketidakpatuhan paras optima florida di tapak retikulasi Paras > 0.6ppm	≤7%	0.0%	0.2%	0.0%	2.6%	0.0%

2.4.3 Pencapaian Indikator *District Specific Approach* (DSA)

Pada tahun 2020,1 indikator DSA yang melibatkan ibu mengandung tidak tercapai manakala 2 indikator melibatkan Min D bagi sekolah rendah & sekolah menengah ini telah tercapai.

Jadual 12 : Pencapaian *District Spesific Approach* Tahun 2016 - 2020

Indikator	Piawai	2016	2017	2018	2019	2020
1. Peratus ibu mengandung diberi PKP	≥ 75	62.2	67.8	68.43	80.03	47.17
2a. Min D murid sekolah rendah	≤ 0.07	-	-	-	0.05	0.05
2b. Min D murid sekolah menengah	≤ 0.18	-	-	-	0.14	0.14

2.5 EPIDEMIOLOGI DAN KAJIAN *(HEALTH SYSTEM RESEARCH)*

Terdapat sembilan (9) kajian aktif pada tahun 2020 dimana dua (2) telah selesai, lima (5) kajian sedang berjalan dan dua (2) adalah kajian baru untuk tahun 2020. Topik penyelidikan adalah seperti berikut:

1) *Acute Facial Cellulitis of Odontogenic Origin in Children - Multicentre study* (sedang berjalan)
2) *Oral Health Status And Practice Of Adult Orang Asli In Tampin District* (sedang berjalan)
3) *Characteristic of Patient with Oral Cancer in Negeri Sembilan* (sedang berjalan)
4) *The Prevalence Of Early Childhood Caries (ECC) And Comparison Between dmft Index And Significant Caries Index (SIC) Among Children 36-71 Month In Seremban, Negeri Sembilan* (sedang berjalan)
5) *Oral Hygiene Awareness And Practice Of Fixed Appliance Patients In Orthodontic Unit, Seremban Dental Specialist Centre* (telah selesai)
6) *Survival Analysis Of Endocrowns: A Retrospective Follow-Up Of Documented Endocrown Cases* (sedang berjalan)
7) *Prevalence Of Gingival Overgrowth Induced By Calcium Channel Blocker Of Periodontal Clinic Seremban* (telah selesai)
8) *Oral Health Literacy and Oral Health Practice Among Adults Who Attend Government Dental Clinic In Seremban* (projek baru 2020)
9) *Bracket Detachment in Orthodontic Patients in Orthodontic Unit, Pusat Pakar Pergigian Seremban* (projek baru 2020)

3.0 AMALAN DAN PERKEMBANGAN KESIHATAN PERGIGIAN

3.1 Pendaftaran Klinik Pergigian Baru & Pemantauan Klinik Pergigian Swasta

Pada tahun 2020, sebanyak 5 permohonan yang mematuhi Akta Perkhidmatan & Jagaan Kesihatan Swasta 1998 telah diverifikasi. Pemeriksaan setelah pendaftaran untuk kepatuhan klinik-klinik berdaftar telah dilaksanakan. Sebanyak 79 buah klinik swasta sedia ada telah dipantau sepanjang tahun 2020.

3.2 Lain-Lain Inisiatif Kualiti

Selain pemantauan terhadap indikator kualiti yang dipantau di bawah Penjagaan Kesihatan Pergigian terdapat juga beberapa inisiatif kualiti lain.

a) MS ISO 9001 : 2015

Bahagian Kesihatan Pergigian telah menerima persijilan MS ISO 9001:2015 dari SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 4 Disember 2017. *Audit Surveillance* telah diadakan pada 4, 5 dan 6 November 2020 dengan melibatkan 41 buah klinik pergigian di seluruh Negeri Sembilan. Skop pensijilan adalah Pengurusan Perancangan, Pemantauan dan Penilaian Aktiviti-aktiviti Utama Perkhidmatan Kesihatan Pergigian di Negeri Sembilan.

Audit pada tahun 2020 telah diadakan secara "*remote audit*" iaitu secara di atas talian kerana penularan virus COVID-19 dan tidak dapat dijalankan secara bersemuka.

b) Inovasi

- Pada tahun 2020, beberapa projek inovasi telah menyertai pertandingan iaitu:

1. *Cermin MSE Sekolah* (Kuala Pilah) telah dapat anugerah *Silver Medal* dalam *International Invention & Innovation In Dentistry* 2020 anjuran UiTM.

2. *Golden Wheel* (Rembau) dan *Smart LP6* (Seremban) telah menyertai Konvensyen Kualiti Pergigian pada 9-10 Mac 2020 dan Saringan Inovasi Kategori Proses Anugerah Inovasi KKM pada 25 September 2020.

3. *Denture Kit* (Seremban), *Softbook Poster* (Rembau) dan *Portable Dental Shield C19* (Port Dickson) dan *Cermin MSE Sekolah* (Kuala Pilah) telah menyertai Saringan Kategori Produk peringkat JKNNS pada 26 Jun 2020 seterusnya Projek *Denture Kit* tercalon untuk ke peringkat Anugerah Inovasi KKM.

4. *Busy Board Chair* (Jempol) telah berjaya ke Peringkat Akhir Pertandingan Inovasi Masjid Negeri Sembilan.

- Enam (6) projek inovasi lain yang telah dijalankan oleh kakitangan Bahagian Kesihatan Pergigian di daerah telah selesai pada tahun 2020. Inovasi tersebut adalah seperti berikut:

1. *D-wax heater* (Port Dickson)
2. *Sort@Ray* (Seremban)
3. Kad Laporan Status Kebersihan Gigi dan Mulut Pelajar, Program *Twinkle* (Seremban)
4. *D-Tracker* (Port Dickson)
5. *Smart* Caj (Seremban)
6. *Step Dispender* (Port Dickson)

- Projek inovasi baru telah dijalankan oleh kakitangan Bahagian Kesihatan Pergigian di daerah pada tahun 2020 dan dijangka selesai pada tahun 2021. Inovasi tersebut adalah seperti berikut:

1. *E-Dent* (Seremban)
2. *Adjustable seat on dental chair for paediatric patient* (Seremban)
3. *Customer Satisfaction Apps* (Jelebu)
4. *Smart Tray Rendaman* (Jelebu)
5. *Denture appointment card* (Port Dickson)
6. *Educational spittoon (*Port Dickson)
7. *E-MOS (*Tampin)
8. Apps Cermin MSE (Kuala Pilah)
9. Dental Pallete (Seremban)
10. *Cotton Roll Holder* (Seremban)
11. *Denture Box Trimmer* (Seremban)
12. *Hepafilter* (Seremban)
13. *E Dental Drugs* (Jempol)

c) Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

- Projek KIK telah dijalankan oleh kakitangan Bahagian Kesihatan Pergigian di daerah pada tahun 2019 dan 2020 dan telah selesai pada tahun 2020. Inovasi tersebut adalah seperti berikut:

1. *Interventions To Increase The Percentage Of Antenatal Mothers Visit To Dental Clinic In Jelebu District (Jelebu)*
2. *SMS Blast (Rembau)*
3. *KOJAU (Tampin)*

- Projek KIK telah dijalankan oleh kakitangan Bahagian Kesihatan Pergigian di daerah pada tahun 2020 dan dijangka selesai pada tahun 2021. Inovasi tersebut adalah seperti berikut:

1. *FEFO-D (Jelebu)*
2. *Kad Appointment Antenatal (Port Dickson)*

d) *Quality Assurance* (QA)

- Beberapa projek QA telah dimulakan pada tahun 2019 dan lima (5) projek telah siap pada tahun 2020 seperti berikut:

1. *To Analyze Factors Leading To High D/100 In Secondary Schools In Jelebu* Meningkatkan Peratus Kedatangan Pesakit Baru Yang Diperiksa di Pusat Dalam Komuniti (PDK) Daerah Seremban
2. Meningkatkan kepatuhan toddler mengikuti temujanji sapuan varnis fluorida di KP Rembau
3. Meningkatkan kedatangan ibu mengandung di KP Sendayan
4. Meningkatkan kedatangan Toddler di KP Senawang
5. *To Reduce Percentage Of Students With GIS 3 In Smk Bukit Kepayang,Seremban 2*

4.0 PENGURUSAN TEKNIKAL KESIHATAN PERGIGIAN

4.1 Kolaborasi Kesihatan Pegigian dan Badan Agama (KOA)

Program dijalankan melalui penglibatan badan keagamaan bagi memperbaiki perspektif masyarakat terhadap kesihatan bahawa penjagaan kesihatan diri sendiri adalah sebahagian daripada kehidupan beragama. Majoriti masyarakat akan memberi sepenuh perhatian semasa ceramah yang diadakan dalam majlis keagamaan.

Melalui program seperti ini, dapat membina satu jaringan (*networking*) promosi kesihatan pergigian bersama institusi keagamaan yang lebih sistematik. Pada tahun 2020, hanya 1 aktiviti sahaja yang dapat dilaksanakan (seperti di Jadual 13).

Jadual 13: Pencapaian Aktiviti Kolaborasi Kesihatan Pergigian dan Badan Agama 2020

Bil	Aktiviti	Bil Diadakan	Pemeriksaan		Ceramah		Pameran	
			Bil	Peserta	Bil	Peserta	Bil.	Peserta
1.	KOA Islam	1	1	72	1	72	1	72
2.	KOA Buddha	0	0	0	0	0	0	0
3.	KOA Hindu	0	0	0	0	0	0	0
4.	KOA Kristian	0	0	0	0	0	0	0
	Jumlah	**1**	**1**	**72**	**1**	**72**	**1**	**72**

4.2 Ikon Gigi

Program Ikon Gigi (iGG) dilaksanakan dengan penglibatan komuniti sebagai medium pengantara dalam penyampaian maklumat dengan lebih berkesan melalui konsep *community empowerment*. Dalam program ini, wakil komuniti yang dipilih akan bertindak sebagai pemudahcara untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan kesihatan pergigian. Sepanjang tahun 2020, 38 orang ikon gigi (iGG) talah menjalankan aktiviti. Mereka telah menjalankan sebanyak 622 aktiviti penyampaian maklumat kesihatan pergigian kepada 22,128 orang.


4.3 Kolaborasi Program Kesihatan Pergigian Bersama Institut Perguruan

Program bersama Institut Perguruan dijalankan bagi memperkasakan guru-guru dalam memberi sumbangan yang berkesan terhadap peningkatan taraf kesihatan pergigian murid-murid. Di Negeri Sembilan dua institut perguruan terlibat iaitu :

- Institut Perguruan Raja Melewar, Seremban
- Institut Perguruan Teknik Kampus Bandar Enstek, Nilai

Graf 15 di bawah menunjukkan peningkatan bilangan bakal guru yang telah menjalani program ini bagi tahun 2020.


Graf 15 : Bilangan Guru Pelatih Menjalani Program Tahun 2016 - 2020




4.4 Aktiviti Promosi Kesihatan Pergigian

Graf 16 dan 17 menunjukkan peningkatan aktiviti promosi kesihatan pergigian dari 2016 hingga 2020. Aktiviti-aktiviti ini melibatkan pelbagai peringkat umur masyarakat. Pada tahun 2020 terdapat penurunan yang ketara bagi semua aktiviti promosi Kesihatan Pergigian termasuk ceramah, latihan memberus gigi , pameran dan projek komuniti. Ini berlaku akibat pandemic COVID-19 dimana dan bagi mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan dan mengelakkan jangkitan dalam masyarakat berlaku. Walaubagaimanapun Pendidikan Kesihatan Pergigian sentiasa dijalankan melalui media sosial iaitu *Facebook* dan *Instagram* rasmi Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri/ Daerah.

Graf 16 : Bilangan Peserta Menjalani Latihan Memberus Gigi Dan Ceramah (2016 - 2020)



Graf 17 : Bilangan Pameran Dan Projek Komuniti Dijalankan (2016 – 2020)



4.5 Perkembangan Profesion Kesihatan Pergigian

Latihan Dalam Perkhidmatan diberikan kepada semua kakitangan bagi meningkatkan kompetensi mereka. Pada tahun 2020, semua kakitangan telah menghadiri kursus dengan 51.9% daripadanya hadir sekurang-kurangnya 7 hari. Terdapat penurunan peratusan tersebut bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019.

Jadual 14: Pencapaian Latihan Dalam Perkhidmatan Tahun 2016 - 2020

Indikator	2016	2017	2018	2019	2020
Bilangan kakitangan yang menghadiri kursus	842 (100%)	910 (100%)	989 (100%)	1078 (100%)	1093 (100%)
Bilangan kakitangan minima 7 hari berkursus	753 (89.4%)	799 (87.8%)	833 (84.2%)	697 (64.7%)	567 (51.9%)

4.6 Pengurusan Teknologi Maklumat

Teleprimary Care-Oral Health Clinical Information System (TPC-OHCIS) telah dimulakan sebagai projek rintis di 7 buah Klinik Pergigian di Daerah Seremban. Jadual 15 menunjukkan klinik-klinik yang terlibat. Projek Peluasan TPC OHCIS telah dilaksanakan di 3 buah klinik pergigian di Daerah Seremban dan 21 buah klinik di daerah-daerah lain seperti di Jadual 16.

Jadual 15 : Senarai Klinik Projek Rintis TPC-OHCIS

Bil	Klinik Pergigian
1.	Pusat Pakar Pergigian Seremban
2.	Klinik Pergigian Seremban
3.	Klinik Pergigian Senawang
4.	Klinik Pergigian Seremban 2
5.	Klinik Pergigian Ampangan
6.	Klinik Pergigian Sikamat
7.	Klinik Pergigian Mantin

Jadual 16 : Senarai Klinik Projek PerluasanTPC-OHCIS

Daerah	Klinik Pergigian
Seremban (telah menggunakan TPC-OHCIS)	Klinik Pergigian Rantau
	Klinik Pergigian Kuarters KLIA
	Klinik Pergigian Sendayan
Kuala Pilah	Klinik Pergigian KK3 Kuala Pilah
	Klinik Pergigian Juasseh
	Klinik Pergigian Kuala Pilah
	Klinik Pergigian Johol
Port Dickson	Klinik Pergigian Bukit Pelandok
	Klinik Pergigian Linggi
	Klinik Pergigian Pasir Panjang
	Klinik Pergigian Port Dickson
	Klinik Pergigian Lukut
	Unit Pergigian Orthodontik Port Dickson
Tampin	Klinik Pergigian Tampin
	Klinik Pergigian Gemencheh
	Klinik Pergigian Jelai
	Klinik Pergigian Gemas
Jempol	Klinik Pergigian Bandar Seri Jempol
	Klinik Pergigian Bahau
Jelebu	Klinik Pergigian Jelebu
	Klinik Pergigian Petaling
Rembau	Klinik Pergigian Rembau
	Klinik Pergigian Astana Raja
	Klinik Pergigian Pedas

ISU DAN CABARAN

Tahun 2020 adalah tahun yang mencabar bagi semua lapisan masyarakat di Malaysia berikutan pengisytiharan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) wabak COVID-19 sebagai pandemik pada 11 Mac 2021. Penularan wabak ini juga menyebabkan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian terjejas. Norma baharu perlu dipraktikkan bagi mendepani cabaran ini dengan mematuhi prosedur pengendalian pesakit yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Seperti mana yang kita ketahui taraf kesihatan mulut bagi penduduk Negeri Sembilan masih berada ditahap sederhana. Kos bagi merawat penyakit pergigian adalah agak tinggi dan menyebabkan peningkatan beban kewangan bagi pesakit yang kurang berkemampuan. Oleh yang demikian, promosi kesihatan pergigian perlu dibuat dengan lebih meluas dan berkesan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai supaya masyarakat sedar tentang kepentingan menjaga kesihatan pergigian. Rawatan pencegahan juga perlu dipertingkatkan bagi kumpulan sasaran kerana ia lebih berkesan dari segi kos berbanding rawatan penyakit pergigian.

Selain itu, perkembangan program dan fasiliti baharu yang tidak selari dengan bilangan jawatan kumpulan sokongan sedia ada. Tahun 2017 merupakan tahun pertama diperkenalkan Program *New Dental Officer (NDO)* lantikan kontrak di Kementerian Kesihatan Malaysia manakala pada tahun 2019 diperkenalkan lantikan kontrak bagi jawatan Juruteknologi Pergigian dan Pembantu Pembedahan Pergigian. Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Sembilan turut menerima bilangan anggota kontrak yang tinggi. Oleh itu, terdapat kewajaran untuk Pegawai Pergigian terlibat dengan lebih meluas dalam aktiviti *outreach* seperti Projek Kampung Angkat (Inisiatif Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Sembilan) yang telah dijalankan pada pertengahan Tahun 2019.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya pada tahun 2020, pencapaian perkhidmatan Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Sembilan adalah menurun terutamanya perkhidmatan kemasyarakatan dan perkhidmatan sekolah. Perkhidmatan Pergigian terjejas disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan yang telah diistiharkan pada 18 Mac 2020 berikutan penularan virus COVID-19 yang melanda negara ini. Sehubungan itu, sekolah serta institusi berkaitan tidak dapat dilawati. Aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan kampung-kampung dan Program Perumahan Rakyat juga tidak dapat dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, usaha perlu dipertingkatkan bagi mencapai dan mengekalkan pencapaian piawaian bagi indikator yang telah ditetapkan. BKPNS juga bertanggungjawab untuk menyediakan akses jagaan kesihatan pergigian yang selamat dan mencukupi. Pihak BKPNS juga berusaha menyediakan bilik rawatan *Aerosol Generating Procedure* (AGP) serta aset sokongan seperti *Air Decontamination Unit* (ADU) dan *Extraoral Vacuum Suction* (EOVS) bagi menjalankan rawatan dalam keadaan yang selamat. Manakala perkhidmatan dengan menggunakan Klinik Pergigian Bergerak, Pasukan Pergigian Bergerak dan Makmal Pergigian Bergerak kepada penduduk yang kurang mendapat perkhidmatan melalui program khidmat masyarakat akan dilaksanakan selepas pandemik COVID-19 berada dalam keadaan terkawal dan telah mendapat kebenaran daripada pihak atasan untuk menjalankan program yang berkenaan.

BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI

PENGENALAN

Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan terdiri daripada tiga cawangan iaitu Pengurusan Farmasi, Amalan dan Perkembangan Farmasi dan Penguatkuasaan Farmasi.

Aktiviti Pengurusan Farmasi bertanggungjawab untuk memastikan perancangan strategik dan dasar dilaksana mengikut sasaran yang ditetapkan, pengagihan sumber manusia mengikut keperluan dan kepentingan perkhidmatan, pembangunan modal insan yang relevan serta memastikan urusan pentadbiran dan kewangan mengikut peraturan.

Aktiviti Amalan dan Perkembangan Farmasi merupakan khidmat sokongan kepada Program Perubatan dan Kesihatan Awam. Berperanan mengoptimakan terapi ubat-ubatan dan pemberian penjagaan farmaseutikal dengan memastikan pengurusan pemilihan, pembelian dan pengedaran farmaseutikal yang berkesan serta penggunaan ubat yang rasional.

Aktiviti Penguatkuasaan Farmasi berperanan untuk memastikan semua produk farmaseutikal, tradisional dan kosmetik dalam pasaran adalah sah dari segi pendaftaran dan notifikasi. Penguatkuasaan farmasi juga berfungsi untuk memastikan bahawa pengendalian rangkaian bekalan dan pemasaran, iklan-iklan produk dan penggunaannya dikendalikan dengan mematuhi peruntukan akta-akta dan undang-undang yang berkaitan.

VISI

Menerajui pengurusan berkualiti ke atas ubat-ubatan melalui tenaga kerja yang berdaya saing, sains dan teknologi bersesuaian dan perkongsian dengan semua pihak yang berkepentingan.

MISI

Memastikan ubat-ubatan berkualiti untuk negara.

OBJEKTIF

Memastikan semua keluaran farmaseutikal dan produk penjagaan kesihatan yang berada di pasaran adalah berkualiti, selamat, berkesan dan dikawal mengikut undang-undang yang berkaitan serta digunakan secara rasional.

1. CAWANGAN PENGURUSAN FARMASI

Pengurusan Farmasi bertanggungjawab untuk memastikan perancangan sumber manusia mengikut keperluan dan kepentingan perkhidmatan, pembangunan modal insan yang relevan serta memastikan urusan pentadbiran dan kewangan mengikut peraturan.

Sumber Manusia

Sumber manusia untuk Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Negeri Sembilan mengikut kategori dan bilangan jawatan adalah seperti Jadual 1 dan Jadual 2.

Jadual 1 : Perjawatan Anggota Farmasi di Negeri Sembilan, 2016 - 2020

Tahun	Pegawai Farmasi		Penolong Pegawai Farmasi	
	Bilangan Jawatan	Bilangan Pengisian (%)	Bilangan Jawatan	Bilangan Pengisian (%)
2016	348	316 (90.8%)	175	166 (94.9%)
2017	348	317 (91.1%)	175	170 (97.1%)
2018	348	318 (91.4%)	175	167 (95.4%)
2019	348	332 (95.4%)	175	171 (97.7%)
2020	356	349 (98.0%)	182	169 (92.8%)

Jadual 2 : Perjawatan Anggota Farmasi Mengikut Fasiliti di Negeri Sembilan, 2020

Jawatan	Bahagian Perkhidmatan Farmasi		Hospital		Kesihatan	
	Jawatan	Pengisian (%)	Jawatan	Pengisian (%)	Jawatan	Pengisian (%)
Pegawai Farmasi	27	27 (100%)	199	195 (98.0%)	130	127 (97.7%)
Penolong Pegawai Farmasi	0	0	67	63 (94.0%)	115	106 (92.2%)
Jumlah	**27**	**27 (100%)**	**266**	**258 (97.0%)**	**245**	**233 (95.1%)**

Latihan

Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Sembilan telah diperuntukkan sebanyak RM 13,650.00 bagi tujuan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) bagi tahun 2020. Pengagihan peruntukan LDP bagi tahun 2016 - 2020 adalah seperti Jadual 3.

Jadual 3: Peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan, 2016 - 2020

Peruntukan LDP	2016	2017	2018	2019	2020
Peruntukan (RM)	55,000.00	27,500.00	18,334.00	60,000.00	13,650.00
Perbelanjaan (RM) / Peratus Perbelanjaan (%)	54,927.40 (99.9%)	27,486.80 (99.95%)	18,331.00 (99.98%)	59,998.00 (100. 0%)	13,646.00 (99.97%)

Sebanyak 13 latihan telah dilaksanakan pada tahun 2020. Seramai 499 anggota telah menghadiri latihan pada tahun 2020 iaitu seramai 449 anggota kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 50 anggota kumpulan sokongan.

Senarai latihan yang dianjurkan pada tahun 2020 adalah seperti di Jadual 4.

Jadual 4 : Senarai Latihan Yang Dianjurkan Pada Tahun 2020

Bil.	Nama Kursus	Tarikh
1	Kursus Minda Positif	9-10 Mac 2020
2	Kursus Pemantapan Pendispensan Methadone	4-5 Ogos 2020
3	*Technical Aspects On Administration Of Drugs: Dilution & Infusion Rate*	11-12 Ogos 2020
4	Kursus *Updates on Peadiatric*	25-26 Ogos 2020
5	Kursus *Pain Management*	10-Sep-20
6	Bengkel Kaunseling Ubat-ubatan Pegawai Farmasi	22-23 Sept 2020
7	Bengkel *Open Source Intelligence* untuk Media dan Aplikasi Akta dalam Garispanduan	28-30 Sept 2020

Bil.	Nama Kursus	Tarikh
8	Bengkel Keselamatan Pengubatan	6-7 Okt 2020
9	Kursus *Qualitative Study*	20-21 Okt 2020
10	Taklimat Pengurusan Tatatertib	22 Oktober 2020
11	Kursus Infografik	27-28 Okt 2020
12	Bengkel Audit Verifikasi CPD	30 Oktober 2020
13	Bengkel Pengukuhan Kualiti	3-Nov-20

PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI PENGURUSAN FARMASI

Bahagian ini juga menyelaras dan memantau semua aktiviti yang berkaitan peningkatan kualiti termasuk *Quality Assurance Programme (QAP), Key Performance Indicators (KPI)* dan lain-lain aktiviti-aktiviti inisiatif kualiti. Pencapaian indikator QAP untuk aktiviti Pengurusan Farmasi adalah seperti di Jadual 5.

Pencapaian indikator KPI OBB untuk aktiviti Pengurusan Farmasi adalah seperti di Jadual 5.

Jadual 5 : Pencapaian Indikator KPI OBB untuk Cawangan Pengurusan Farmasi, 2016 – 2020

Bil	Indikator KPI	2016	2017	2018	2019	2020
1.	Peratus Preskripsi Didispens Dalam Tempoh 30 Minit. ***Sasaran: 95% Preskripsi***	91.8%	85.86%	90.05%	94.14	95.86
2.	Peratus Pegawai Farmasi yang mencapai mata minimum CPD: Januari – Disember = 40 mata ***Sasaran: 100%***	100%	100%	100%	100%	100%
3.	Peratus Penolong Pegawai Farmasi yang mencapai mata minimum CPD: Januari – Disember = 30 mata ***Sasaran: 100%***	100%	100%	100%	100%	100%
4.	Peratus Fasiliti Farmasi KKM Menjalankan Penyelidikan Farmasi atau Inisiatif Kualiti & Inovasi Farmasi ***Sasaran: ≥90%***	[redacted]			100% (14/14)	100% (14/14)
5.	Bilangan Pembentangan Hasil Penyelidikan dan Inisiatif Kualiti & Inovasi Farmasi di Peringkat Tempatan dan Antarabangsa				64 ***(sasaran: 18)***	24 ***(sasaran: 22)***
6	Peratus perbelanjaan bagi peruntukan Pelan Operasi Latihan (POL) berbanding peruntukan yang diterima dalam setahun. ***Sasaran: ≥95%***					99.97%

2. CAWANGAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI

Amalan dan Perkembangan Farmasi mempunyai objektif utama memastikan keperolehan dan kepenggunaan ubat-ubatan yang berkualiti melalui amalan farmasi yang berkesan bagi meningkatkan perkhidmatan farmasi di hospital dan klinik kesihatan di Negeri Sembilan.

OBJEKTIF AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI

i. Mengoptimakan terapi ubat-ubatan melalui penyampaian perkhidmatan farmasi yang berkesan, dinamik dan progresif, amalan berkualiti terkini serta perkhidmatan yang professional.
ii. Memastikan perbelanjaan ubat-ubatan berada di tahap yang ekonomik.
iii. Mempromosikan kesedaran berkenaan penggunaan ubat secara rasional, keselamatan pengubatan dan pelaporan kesan advers ubat mahupun kesan sampingan ubat.
iv. Mengoptimakan penggunaan tenaga kerja bagi perkhidmatan penjagaan farmaseutikal di dalam negara.
v. Memastikan pencapaian perkhidmatan berkualiti yang berterusan.

PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI

Bahagian ini juga menyelaras dan memantau semua aktiviti yang berkaitan peningkatan kualiti termasuk *Quality Assurance Programme (QAP), Key Performance Indicators (KPI)* dan lain-lain aktiviti-aktiviti inisiatif kualiti. Pencapaian indikator QAP untuk aktiviti Amalan & Perkembangan Farmasi adalah seperti di Jadual 6.

Jadual 6 : Pencapaian Indikator QAP untuk aktiviti Amalan & Perkembangan Farmasi, 2016 – 2020

Bil	Indikator QAP	2016	2017	2018	2019	2020
1.	*QAP 1: Percentage of prescriptions wrongly filled and detected before dispensing to the total number of prescriptions counterchecked* ***(Standard: 0%)***	0.103%	0.076%	0.071%	0.071%	0.053%
2.	*QAP 2: Percentage of toxicity cases interpreted and recommendations communicated* ***within two hours*** *to the requesting Doctor / Units to the total number of toxicity cases received* ***(Standard: 100%)***	100%	100%	100%	100%	[redacted]
	QAP 2: Percentage of toxicity cases interpreted and recommendations communicated ***within one hour*** *to the requesting Doctor / Units to the total number of toxicity cases received* ***(Standard: 100%)***	[redacted]				100%
3.	*QAP 3: Percentage of Value of Stocks Disposed and written off to value of stocks handled annually* ***(Standard: 0%)***	0%	0%	0%	0%	0%

Pencapaian indikator KPI untuk aktiviti Amalan & Perkembangan Farmasi adalah seperti di Jadual 7.

Jadual 7 : Pencapaian Indikator KPI untuk aktiviti Amalan & Perkembangan Farmasi, 2019 - 2020

Bil	Indikator KPI	2019	2020
1.	Peratus fasiliti KKM yang berjaya mencapai paras simpanan stok ubat yang optimum (1-3 bulan) ***Sasaran 2019 : >90%***	100% (13/13)	85.71% (12/14)
2.	Peratus fasiliti farmasi yang diaudit oleh Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF) mendapat tahap pematuhan baik ***Sasaran: ≥60%***	88.46% (23/26)	85.18% (23/27)
3.	Peratus preskripsi susulan yang didispens melalui Perkhidmatan Tambah Nilai (VAS) berbanding preskripsi susulan diterima. ***Sasaran: ≥20%***	23.38% (225,616/965,134)	29.23% (214,290 / 733,217)
4.	Peratus pencapaian aktiviti kaunseling ubat-ubatan kepada pesakit seperti yang ditetapkan ***Sasaran: 100%***	102 % (90,976/ 89,200)	99.64% (88,682 / 89,000)
5.	Peratus klinik kesihatan yang mencapai kepatuhan penuh bagi kriteria amalan keselamatan pengubatan yang ditetapkan. ***Sasaran: ≥80%***	84.6% (11/13)	95.65 % (44/46)
6.	Peratus pencapaian pengambilan sejarah pengubatan pesakit semasa kemasukan ke wad seperti yang ditetapkan ***Sasaran : 100%***	107.4% (17,285/16,100)	15,422 (96.39%)
7.	Peratus fasiliti mencapai sasaran penggunaan PhIS yang ditetapkan ***Sasaran:100%***	70% (44/63)	60/64 (93.75%)

PENCAPAIAN AKTIVITI AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI SEPANJANG TAHUN 2020

Perkhidmatan Perolehan Ubat-ubatan

Pembekalan ubat kepada pesakit adalah aktiviti utama di dalam perkhidmatan farmasi. Untuk melaksanakan aktiviti ini peruntukan kewangan yang mencukupi diperlukan. Jadual berikut menunjukkan jumlah peruntukan ubat bagi tahun 2016 – 2020.

Jadual 8 : Peruntukan dan Perbelanjaan Ubat, 2016 - 2020

Tahun	Peruntukan Ubat (RM)	Perbelanjaan Ubat (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
2016	77,742,924.11	77,667,998.35	99.90
2017	93,705,111.78	93,574,678.98	99.86
2018	96,638,387.23	96,503,720.06	99.86
2019	114,216,683.07	114,209,756.24	99.99
2020	104,935,322.38	104,918,629.36	99.98

Perkhidmatan Farmasi Klinikal dan Teknikal

Matlamat perkhidmatan farmasi di hospital dan kesihatan adalah untuk menyediakan penjagaan farmaseutikal yang berorientasikan pesakit. Perkhidmatan Farmasi Ambulatori menekankan kualiti penggunaan ubat, promosi cara hidup yang sihat dan pemberian perkhidmatan yang inovatif untuk memberi impak positif kepada pesakit.

Perkhidmatan Farmasi Klinikal menyediakan perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan, *Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)*, Kaunseling Methadone, Farmasi Wad, Pusat Maklumat Ubat, Farmakokinetik Klinikal, Nutrisi Parenteral dan Farmasi Onkologi.

Pencapaian bagi aktiviti farmasi klinikal dan teknikal bagi tahun 2020 seperti berikut:

Jadual 9: Pencapaian Perkhidmatan Farmasi Klinikal (Hospital), 2020

Bil	Aktiviti	HTJ	HTAN	HPD	HTAM	HJEL	HJEM	HREM	Jumlah
1	Perkhidmatan Pendispensan Ubat : Bilangan Preskripsi yang diterima								
	a) Pesakit Luar	315,823	109,960	78,839	41,382	21,115	33,190	4,785	605,094
	b) Pesakit Dalam (termasuk discaj)	224,739	125,440	30,010	33,692	14,285	35,281	1,350	464,797
2	Perkhidmatan Kaunseling Ubat								
	a) Pesakit Luar	8,326	4,273	3,462	2,542	904	966	8	20,481
	b) Pesakit Dalam	10,204	3,020	1,050	711	242	412	12	15,651
	c) Pesakit Discaj	10,689	1,495	2,780	1,053	475	300	1	16,793
3	Perkhidmatan Nutrisi Parenteral: Bilangan kes/ sediaan								
	a) Dewasa	204 / 77	17 / 0	9 / 0					230 / 77
	b) Kanak-Kanak	292 / 2,062	45 / 0	3 / 0					340 / 2,062
4	Perkhidmatan Admikstur Intravena								
	a) Jenis sediaan/Bil. Sediaan	2 / 1,290							2 / 1,290
5	Perkhidmatan Ubat Titis								
	a) Bil. Sediaan	4,966	5,337	0	1,016				11,319
6	Farmakokinetik Klinikal								
	a) Bilangan Kes	955	238	73	21	13	4	1	1,305
	b) Bilangan Analisa	2,235	452	123	21	23	4	2	2,860
7	Perkhidmatan Rekonstitusi Ubat Sitotoksik								
	Bilangan kes/ sediaan	1,874 / 7,920	132 / 0	8 / 0					2,014 / 7,920
	a) Dewasa								
	b) Kanak-Kanak	4 / 14	46 / 0						50 / 14
8	Maklumat Ubat								
	a) Laporan ADR	364	140	64	43	16	25	10	662
	b) Bil. Pertanyaan	1,658	3,384	698	169	190	132	33	6,264
9	*Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)*								
	a) Bil. Kaunseling	5,076	5,647	2,123	974	22	17	0	6,264
10	Bilangan Jenis Intervensi								
	a) Pesakit Luar	2,092	5,487	902	487	217	462	142	9,789
	b) Pesakit Dalam	14,089	6,538	2,358	1,060	229	381	31	24,674


Jadual 10 : Pencapaian Perkhidmatan Farmasi Klinikal (Kesihatan) 2020

Bil	Aktiviti	PKD Seremban	PKD Kuala Pilah	PKD Port Dickson	PKD Tampin	PKD Jelebu	PKD Jempol	PKD Rembau	Jumlah
1	Perkhidmatan Pendispensan Ubat: Bil. Preskripsi yang diterima	965,262	183,201	220,916	206,329	92,247	231,679	111,330	2,010,964
2	Perkhidmatan Kaunseling Ubat	14,382	3,807	3,502	3,818	3,052	4,948	2,248	36,137
3	Maklumat Ubat-Ubatan a) Laporan ADR b) Bil. Pertanyaan	 272 1,266	 85 570	 55 342	 41 547	 32 450	 52 711	 12 83	 549 3,969
4	*Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)* Bil. Kaunseling	1,340	131	225	121	48	51	43	1,959
5	Bilangan Jenis Intervensi	20,158	952	1,237	1,991	2,110	3,313	717	30,478

i. Kaunseling Ubat-ubatan

Kaunseling individu di Hospital meliputi pesakit dalam, pesakit luar dan pesakit discaj. Pada tahun 2020, seramai 20,481 pesakit diberi kaunseling pesakit luar dan 32,444 kaunseling pesakit dalam di hospital manakala 35,757 pesakit diberi kaunseling di klinik kesihatan. Rajah 1 menunjukkan bilangan pesakit yang diberi kaunseling oleh Pegawai Farmasi pada tahun 2016 – 2020.

Rajah 1 : Bilangan Kaunseling, 2016 - 2020




	2016	2017	2018	2019	2020
Pesakit Luar (Hospital)	13,462	16,200	14,381	19,535	20,481
Pesakit Dalam (Hospital)	23,197	26,608	27,371	35,459	32,444
Pesakit Luar (Kesihatan)	25,785	24,931	27,358	35,528	35,757

ii. *Medication Therapy Adherence Clinic* (MTAC)

Aktiviti MTAC adalah untuk mengoptimakan terapi ubat penyakit kronik seperti penyakit diabetes mellitus, penyakit retroviral (RVD), warfarin, nefrologi, respiratori, hipertensi, epilepsi, psoriasis dan hemofilia. Rajah 2 menunjukkan bilangan kaunseling oleh Pegawai Farmasi melalui aktiviti MTAC. Bagi aktiviti kaunseling MTAC hospital sebanyak 13,859 kaunseling dilakukan oleh pegawai farmasi manakala di kesihatan sebanyak 1,959.

Rajah 2 : Bilangan Kaunseling MTAC, 2016 - 2020




	2016	2017	2018	2019	2020
Klinik Kesihatan	1,768	1,854	2,218	2,223	1,959
Hospital	9,768	10,730	17,656	15,768	13,859

iii. Pendispensan dan Kaunseling Methadone


Aktiviti pendispensan Methadone dilakukan oleh pegawai farmasi. Pendispensan Methadone kepada pesakit adalah melalui *Direct Observe Therapy* (DOT) dan juga melalui Dos Bawa Balik (DBB) seperti di Rajah 3. Pada tahun 2020, terdapat peningkatan sebanyak 19.98% iaitu 286,386 DBB telah diberikan kepada pesakit berbanding tahun 2019. Manakala bilangan kaunseling Methadone secara individu mahupun kaunseling berkumpulan adalah seperti di Rajah 4.

Rajah 3 : Bilangan Pendispensan Methadone, 2016 - 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Directly Observed Theraphy (DOT)	248,759	226,063	221,230	206,213	147,375
Dos Bawa Balik (DBB)	254,824	251,124	235,106	229,160	286,386

Rajah 4: Bilangan Kaunseling Methadone, 2016 - 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Individu	4,922	3,208	2,274	2,217	1,640
Bil. Pesakit (kumpulan)	623	499	359	273	78
Sesi Berkumpulan	69	52	19	15	10

Perkhidmatan Farmasi Wad

Pegawai Farmasi Klinikal telah ditempatkan di wad dengan pelbagai disiplin. Mereka melibatkan diri secara aktif dalam rondaan wad dengan pakar perubatan dan anggota kesihatan ke arah mengoptimakan terapi ubat pesakit demi meningkatkan taraf kesihatan pesakit.


Perkhidmatan Farmasi Wad meliputi disiplin perubatan, pembedahan, pediatrik, rawatan rapi dan ortopedik. Perkhidmatan Farmasi Wad terdapat di Hospital Tuanku Ja'afar, Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Hospital Port Dickson, Hospital Tampin dan Hospital Jelebu.

Perkhidmatan Maklumat Ubat-ubatan

Pegawai-pegawai Farmasi juga memberikan maklumat tentang ubat-ubatan serta maklumbalas terhadap isu-isu berkaitan dengan penggunaan ubat-ubatan. Pertanyaan maklumat ubat bukan saja diterima dari anggota kesihatan malah daripada orang awam.

Maklumat pertanyaan maklumat ubat-ubatan dan laporan ADR (2016 - 2020) adalah seperti Rajah 5.

Rajah 5 : Bilangan Pertanyaan Ubat-ubatan dan ADR, 2016 – 2020




	2016	2017	2018	2019	2020
Pertanyaan Hospital	12,013	19,658	18,112	12,649	6,264
Pertanyaan Kesihatan	6,867	6,822	7,361	3,921	3,969
ADR Kesihatan	150	173	500	482	549
ADR Hospital	367	590	832	760	662

Perkhidmatan Farmasi Pesakit Luar dan Dalam


Pendispensan ubat untuk pesakit luar adalah aktiviti utama yang dijalankan di farmasi hospital dan klinik kesihatan. Pembekalan ubat kepada pesakit dalam dilakukan menggunakan *Unit Dose System* (UDS). Rajah 6 dan 7 menunjukkan jumlah preskripsi yang diterima di hospital dan kesihatan bagi tahun 2016 - 2020.

Rajah 6: Jumlah Preskripsi Diterima di Hospital, 2016 – 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Preskripsi Pesakit Luar	653,281	700,935	730,527	721,433	605,094
Preskripsi Pesakit Dalam & Discaj	1,343,734	779,968	491,546	513,171	464,797
Jumlah Item (Pesakit Dalam & Discaj)	2,893,148	3,099,196	3,191,303	3,389,761	2,716,663
Jumlah Item (Pesakit Luar)	2,330,750	2,691,651	2,541,597	2,698,394	2,035,248

Rajah 7: Jumlah Preskripsi Diterima di Kesihatan, 2016 - 2020




	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah Preskripsi	2,153,817	2,383,326	2,452,000	2,437,584	2,010,964
Jumlah Item	7,188,306	8,111,326	8,554,605	8,142,821	6,802,464

Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal

Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal terdapat di Hospital Tuanku Ja'afar. Rajah 8 menunjukkan pencapaian perkhidmatan farmakokinetik klinikal bagi tahun 2016 - 2020.

Rajah 8: Pencapaian Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal, 2016 - 2020




	2016	2017	2018	2019	2020
Bilangan Kes	1,241	1,195	1,442	1,572	1,350
Bilangan Analisa	2,907	2,747	3,013	2,832	2,905

Perkhidmatan Sediaan Steril


Perkhidmatan sediaan steril meliputi perkhidmatan nutrisi parenteral, rekonstitusi ubat sitotoksik dan admikstur intravena serta penyediaan ubat titis mata / hidung dan telinga.

Rajah 9: Pencapaian Perkhidmatan Rekonstitusi Ubat Sitotoksik, 2016 - 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Bil. Pesakit	901	800	915	1,643	2,064
Bil. Sediaan	3,095	2,910	3,297	6,455	7,934

Rajah 10 : Pencapaian Perkhidmatan Sediaan Steril, 2016 - 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Bil. Sediaan TPN	4,068	5,373	5,978	4,435	2,139
Bil. Sediaan Ubat Titis Mata & Lain-lain	10,299	11,209	13,497	13,766	11,319
Bil. Sediaan IV Ad	1,247	1,300	1,155	1,738	1,290

3. Cawangan Penguatkuasaan Farmasi

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) adalah sebuah cawangan di bawah Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Sembilan yang menjalankan penguatkuasaan undang-undang. Antara undang-undang yang dikuatkuasakan adalah:-

1. Akta Racun 1952 dan Peraturan-peraturannya
2. Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturannya
3. Akta Pendaftaran Farmasi1951 dan Peraturan-peraturannya
4. Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dan Peraturan-peraturannya
5. Akta Dadah Berbahaya 1952

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri Sembilan terbahagi kepada empat (4) buah seksyen iaitu:-

1. Seksyen Pelesenan, Pemeriksaan dan Pintu Masuk
2. Seksyen Perisikan dan Operasi
3. Seksyen Siasatan dan Pendakwaan
4. Seksyen Kawalan Iklan dan Perkembangan Penguatkuasaan Farmasi

PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI PENGUATKUASAAN FARMASI NEGERI SEMBILAN

Berikut adalah pencapaian QAP Cawangan Penguatkuasaan Farmasi untuk 2016 - 2020

Jadual 11 : Pencapaian QAP Penguatkuasa Farmasi, 2016 - 2020

Bil.	*QAP Indicator*	Tahun				
		2016	**2017**	**2018**	**2019**	**2020**
1.	*Complaint related to infringement of pharmacy laws verified and responded within 2 weeks*	Pencapaian (%)				
		100	100	100	100	100
		Sasaran (%)				
		100	100	100	100	100
2.	*Tactical Intelligence Completed With Operation Order Within 2 Months*	Pencapaian (%)				
		98.4	100	100	100	100
		Sasaran (%)				
		95	95	95	95	95
3.	*Completion of investigation papers within 4 months*	Pencapaian (%)				
		92	94.9	98.1	91.9	92
		Sasaran (%)				
		85	85	85	85	85
4.	*Follow-up actions taken after inspection of premises within 3 months*	Pencapaian (%)				
		100	100	98.5	98.8	99
		Sasaran (%)				
		95	98	98	98	98

Pencapaian QAP pada tahun 2020 secara keseluruhan mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Berikut adalah pencapaian KPI Cawangan Penguatkuasaan Farmasi untuk 2016 - 2020:

Jadual 12 : Pencapaian KPI Penguatkuasaan Farmasi, 2016 - 2020

Bil	KPI	Tahun				
		2016	2017	2018	2019	2020
PK1	Peratus pengeluaran lesen/permit baru yang dikeluarkan di bawah Akta Racun 1952 dalam tempoh 7 hari berkerja	Pencapaian (%)				
		100	82.4	99	100	100
		Sasaran (%)				
		90	90	90	90	90
PK2	Peratus aduan awam mengenai penjualan/pengiklanan produk yang tidak mematuhi undang-undang yang berjaya diambil tindakan penguatkuasaan (serbuan/pemeriksaan) dalam tempoh 60 hari daripada tarikh penerimaan aduan (indikator baru bermula tahun 2020)	Pencapaian (%)				
		TB	TB	TB	TB	0
		Sasaran (%)				
		100	100	100	100	100
PK3	Peratus kes yang berjaya dalam perbicaraan mahkamah daripada jumlah kes yang didakwa di mahkamah	Pencapaian (%)				
		98.3	100	97.8	97.4	100
		Sasaran (%)				
		80	85	85	95	100
PK4	Peratus kertas penyiasatan yang berjaya mendapat sanksi/arahan untuk mendakwa daripada Timbalan Pendakwa Raya	Pencapaian (%)				
		88	88.5	92.6	97.1	100
		Sasaran (%)				
		85	85	90	90	90
PK5	Peratus iklan ubat-ubatan di dalam media cetak yang dipantau mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan.	Pencapaian (%)				
		TB	100	96	92.3	100
		Sasaran (%)				
		TB	TB	90	90	90
PK6	Peratusan Laporan Pemprofilan yang diambil tindakan dalam tempoh 14 hari bekerja	Pencapaian (%)				
		TB	TB	TB	87.5	100
		Sasaran (%)				
		TB	TB	TB	70	90


Seksyen Pelesenan, Pemeriksaan dan Pintu Masuk

a) Pelesenan

Aktiviti ini meliputi pengeluaran Lesen Jenis A, B, E, Permit *NaOH* (Natrium Hidroksida) dan Permit Psikotropik (Methadone & Burprenorphine) kepada pemohon yang dipertimbangkan layak oleh Pegawai Pelesenan Negeri (lantikan diberikan kepada Pengarah Kesihatan Negeri) di bawah peruntukan Akta Racun 1952 untuk mengendalikan ubat-ubatan dan bahan kimia yang mengandungi bahan-bahan terkawal dalam aktiviti perniagaannya.

Mulai tahun 2017, permohonan lesen A, B, E, Permit NaOH (Natrium Hidroksida) telah dijalankan secara atas talian melalui sistem My.Pharma-C. Manakala permohonan Permit Psikotropik (Methadone & Burprenorphine) dan Permit Psikotropik (Industri) masih melalui sistem atas talian MySpikes sejak permit diperkenalkan pada 1 Julai 2011.

Rajah 11 : Aktiviti Pengeluaran Lesen Racun & Permit, 2016 - 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Lesen B	52	54	51	55	50
Lesen E	0	0	0	0	0
Permit NaOH	120	119	93	110	110
Permit Psikotropik (M/B)	14	10	13	14	17
Permit Psikotropik	1	1	2	2	2


Pada tahun 2020, sebanyak 410 lesen racun dikeluarkan oleh Pegawai Pelesenan Negeri Sembilan. Lesen Racun Jenis A paling banyak dikeluarkan iaitu 231 diikuti oleh 110 Permit *Sodium Hydroxide*, 50 Lesen Racun Jenis B, 17 Permit Psikotropik (Methadone & Buprenorphine) dan 2 Permit Psikotropik untuk kegunaan industri.

Lesen Racun Jenis A dikeluarkan kepada ahli farmasi swasta yang berdaftar di bawah Lembaga Farmasi Malaysia. Lesen ini dikeluarkan kepada ahli farmasi yang ingin menjalankan perniagaan farmasi secara runcit, borong atau borong dan runcit. Lesen Racun Jenis B pula dikeluarkan kepada mana-mana yang layak untuk mengimport, menyimpan dan menjual secara borong 'racun' (bahan kimia yang disenaraikan di bawah Akta Racun 1952) seperti syarat-syarat yang dinyatakan sewaktu permohonan lesen tersebut. Permit Membeli, Menyimpan dan Mengguna *Natrium Hidroksida* dikeluarkan kepada mana-mana individu untuk membeli, menyimpan dan mengguna *Natrium Hidroksida* yang kepekatannya tidak kurang daripada 12%.

Permit Psikotropik (Methadone & Burprenorphine) dikeluarkan untuk mengawal pembelian dan penggunaan Methadone dan Buprenorphine bagi tujuan rawatan terapi gantian dadah jenis opiod oleh pengamal perubatan swasta.

Rajah 12 menunjukkan bilangan pemegang lesen dan permit di dalam Negeri Sembilan dari tahun 2016 hingga 2020.

Rajah 12: Bilangan Pemegang Lesen dan Permit, 2016-2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Lesen A	134	138	153	170	194
Lesen B	52	54	51	46	47
Permit NaOH	120	119	93	100	97
Permit Psikotropik Industri	1	2	2	2	2
Permit Psikotropik Methadone	14	10	13	12	13

b) Pemeriksaan

Aktiviti pemeriksaan dijalankan ke atas premis-premis yang mengendalikan ubat-ubatan atau bahan-bahan kimia seperti yang disenaraikan di dalam Senarai Racun, Akta Racun 1952. Selain itu, aktiviti pemeriksaan juga dilakukan bagi menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturannya, Akta Pendaftaran Farmasi 1951 dan Peraturan-peraturannya, serta Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dan Peraturan-peraturannya.

Jadual 13 memperincikan bilangan pemeriksaan premis yang dilakukan mengikut kategori premis dari tahun 2016 hingga 2020.

Jadual 13 : Aktiviti Pemeriksaan Premis Berlesen / Berdaftar / Tidak Berlesen, 2016 - 2020


JENIS PREMIS	Tahun				
	2016	2017	2018	2019	2020
Premis Berlesen	**319**	**323**	**300**	**331**	**331**
Farmasi (Runcit sahaja/ Borong sahaja/ Runcit & Borong/ Pengilang/ Veterinar)	125	134	134	154	164
Lesen Racun Jenis B	56	54	53	56	49
Lesen Racun Jenis E	0	0	0	0	0
Permit NaOH	122	118	99	106	99
Permit Psikotropik (Methadone & Buprenorphine)	14	16	12	13	17
Permit Psikotropik (Industri)	2	1	2	2	2
Premis Berdaftar	**172**	**157**	**166**	**166**	**118**
Klinik Perubatan	143	120	115	188	80
Klinik Pergigian	22	24	31	30	25
Klinik Haiwan	3	8	14	9	7
Hospital Swasta	4	5	6	9	6
Premis Tidak Berlesen	**487**	**371**	**381**	**362**	**284**
Kedai Runcit/ Kedai Ubat/ Pasar Mini/ Supermarket	421	274	327	212	231
Pengamal TCM	6	13	7	1	5
Premis Lain	55	69	36	148	46
Salun Kecantikan/ SPA/ Aromatherapy/ Pusat Rawatan Rambut	5	15	11	1	2
Lesen Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) (Lesen Borong / Lesen Pengimport / Lesen Pengilang)	**35**	**30**	**22**	**19**	**12**

Secara keseluruhannya, sejumlah 745 pemeriksaan telah dilakukan pada tahun 2020. Pemeriksaan yang paling banyak dilakukan adalah melibatkan premis berlesen.

c) Pintu Masuk

Terdapat satu pintu masuk yang ada di dalam Negeri Sembilan iaitu Jeti CIQ Port Dickson. Jeti ini menerima kemasukan penumpang feri dari Dumai, Indonesia. Segala proses keluar masuk di dalam Negeri Sembilan berlaku di jeti ini. Cawangan Penguatkuasaan Farmasi membantu pihak Kastam Di Raja Malaysia dalam membuat saringan bagasi penumpang bagi memastikan tiada kemasukan ubat atau produk kesihatan yang tidak berdaftar di Malaysia. Jeti ini mula beroperasi pada tahun 2016. Sekiranya pihak Kastam menemui ubat atau produk kesihatan yang mencurigakan, penumpang tersebut akan dirujuk kepada pegawai penguatkuasa farmasi yang bertugas. Rajah 13 menunjukkan bilangan bagasi penumpang yang dirujuk oleh Pihak Kastam Di Raja Malaysia mengikut tahun. Pada tahun 2020, bilangan bagasi penumpang yang dirujuk menunjukkan trend penurunan yang banyak disebabkan oleh penutupan pintu sempadan ekoran daripada pandemik Covid-19.

Rajah 13: Bilangan Penumpang yang Dirujuk oleh Pihak Kastam Di Raja Malaysia, 2016 - 2020



Seksyen Perisikan dan Operasi

Seksyen Perisikan & Operasi terdiri daripada Unit Aduan, Unit Risikan, Unit Serbuan dan Unit Siber Forensik.

a) Perisikan

Pengesahan aduan/maklumat adalah antara aktiviti utama dalam menjalankan fungsi risikan. Aktiviti ini penting bagi mengesahkan sama ada sesuatu aduan itu berasas atau tidak untuk tindakan penguatkuasaan. Sumber aduan yang diterima terdiri daripada pelbagai pihak termasuk Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM, CPF Negeri, aduan awam dan lain-lain sumber. Perisikan yang baik menjamin aktiviti penguatkuasaan yang berkesan.

b) Serbuan

Berikut adalah taburan pencapaian bagi aktiviti serbuan oleh Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri Sembilan. Serbuan melibatkan premis dan sasaran di dalam Negeri Sembilan. Serbuan dijalankan dengan kekuatan anggota di Negeri Sembilan atau dengan melibatkan bantuan daripada anggota penguatkuasa daripada Cawangan Penguatkuasaan Farmasi negeri-negeri berdekatan.

Jadual 14 : Aktiviti Serbuan, 2016 - 2020

Bil.	Jenis Aktiviti	2016	2017	2018	2019	2020
1.	Bilangan Serbuan	73	64	60	60	53
2.	Bilangan perkara dirampas	1209	851	906	1,685	863
3.	Nilai Rampasan Keseluruhan (RM)	311,268	1,824,837	1,240,839	5,014,306	157,450

Operasi serbuan dijalankan berdasarkan aduan atau maklumat yang telah disahkan. Berikut adalah pecahan nilai rampasan mengikut kategori produk yang telah dilakukan.


Jadual 15 : Jumlah Nilai Rampasan Mengikut Produk, 2016 - 2020

Bil.	Kategori Produk	Nilai Rampasan (RM)				
		2016	2017	2018	2019	2020
1.	Produk Racun	146,053	27,236	209,414	4,280,823	28,111
2.	Produk OTC	44,156	1,524,201	77,460	42,018	25,341
3.	Produk Tradisional	95,721	184,784	98,103	269,094	67,423
4.	Produk Kosmetik	25,578	87,922	654,729	31,978	20,439
5.	Minuman / Makanan / Bahan Mentah	60	2,864	200,433	331,822	6,499
6.	Lain-lain	0	0	0	0	6,145

Nilai tertinggi di dalam rampasan kategori produk racun dalam tahun 2020 adalah melibatkan produk tradisional. Terdapat peningkatan permintaan kepada produk tradisional yang tidak berdaftar untuk tahun 2020.

Rajah 14 menunjukkan perbandingan nilai rampasan bagi aktiviti serbuan, serahan sewaktu pemeriksaan dan serahan sewaktu saringan bagasi di pintu masuk.

Rajah 14: Jumlah Nilai Rampasan Aktiviti Serbuan, Pemeriksaan dan Pintu Masuk, 2016 - 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Pemeriksaan	31,078	18,333	47,075	9,840	47,075
Pintu Masuk	1,411	1,338	21,971	2,460	164
Serbuan	311,268	1,824,837	1,240,839	5,014,306	157,458

Jumlah nilai rampasan aktiviti serbuan bagi tahun 2020 menunjukkan penurunan mendadak berbanding tahun-tahun yang sebelumnya. Ini disebabkan oleh banyak premis-premis ditutup dan tidak beroperasi atas arahan PKP yang dilaksanakan berikutan penularan wabak pandemik COVID-19. Oleh itu operasi serbuan hanya dijalankan mengikut keutamaan dan keperluan sahaja. Manakala terdapat peningkatan pada nilai rampasan / serahan di dalam aktiviti pemeriksaan pada tahun 2020. Ini disumbangkan oleh peningkatan pemeriksaan yang lebih teliti ke atas premis tidak berdaftar.


Seksyen Siasatan dan Pendakwaan

Cawangan ini menjalankan siasatan kes perlanggaran undang-undang berkaitan keluaran farmaseutikal/ kosmetik, racun dan bahan kimia yang dikawal di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan serta mengendalikan pendakwaan dan perbicaraan kes di mahkamah setelah mendapat sanksi /arahan mendakwa daripada Timbalan Pendakwa Raya.

a) Siasatan


Siasatan kes dilakukan bagi mengumpulkan keterangan mengenai kesalahan yang telah dilakukan oleh tertuduh sewaktu operasi serbuan atau penguatkuasaan dilakukan. Rajah 5 menunjukkan bilangan kertas siasatan baru yang dibuka mengikut tahun.

Rajah 15: Bilangan Kes Siasatan Baru yang Dibuka, 2016 - 2020



Sebanyak 42 kes siasatan baru dibuka pada tahun 2020. Siasatan pada tahun 2020 melibatkan 2 kes siasatan iklan dan 40 kes siasatan yang melibatkan serbuan premis. Pada tahun 2020, sebanyak 29 kes siasatan telah berjaya diselesaikan manakala 58 kes siasatan masih dalam proses siasatan yang akan diselesaikan pada tahun berikutnya.

Rajah 16: Bilangan Kesalahan mengikut Akta Farmasi, 2016 – 2020



	2016	2017	2018	2019	2020
Akta Jualan Dadah 1952	57	55	49	47	33
Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956	5	1	2	4	2
Akta Racun 1952	9	8	10	8	7

Rajah 16 menunjukkan pecahan kes siasatan mengikut undang-undang yang dikuatkuasakan dari tahun 2016 hingga tahun 2020. Kesalahan di bawah Akta Jualan Dadah 1952 masih menjadi kesalahan utama yang disiasat oleh Bahagian ini. Kesalahan ini melibatkan penjualan produk-produk tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dan kosmetik-kosmetik yang tidak bernotifikasi dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pada tahun 2020, terdapat 2 kes kesalahan iklan yang disiasat di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956, walaupun banyak saringan ke atas iklan di media cetak, media baru (media sosial, laman web dan e-dagang) dan iklan di premis perniagaan telah dijalankan. Ini adalah kerana sekiranya iklan tersebut berkaitan mempromosikan produk tidak berdaftar, tindakan siasatan akan dibuat di bawah Akta Jualan Dadah 1952 di mana dendanya adalah lebih tinggi berbanding denda di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

b) Pendakwaan

Tindakan pendakwaan dijalankan setelah siasatan selesai dilakukan dan mendapat persetujuan daripada Timbalan Pendakwa Raya. Berikut adalah perincian berkaitan aktiviti pendakwaan yang dijalankan. Pada tahun 2020 jumlah keseluruhan kehadiran ke mahkamah untuk kes pendakwaan adalah sebanyak 63 kali. Sebanyak 27 kes merupakan kes sebutan pertama. Bilangan ini merupakan penurunan hampir 50% berbanding tahun 2019 disebabkan oleh tiada sebutan kes dijalankan oleh mahkamah sepanjang tempoh PKP dan PKPB dilaksanakan. Sebanyak 1 kes telah memohon untuk dibicarakan dalam tahun 2020. Terdapat 1 kes perbicaraan dari tahun terdahulu yang telah selesai pendakwaan dengan mendapat *prima facie* pada Peringkat Pendakwaan dan OKS telah menukar pengakuan kepada pengakuan bersalah pada Peringkat Pembelaan. Ringkasan aktiviti pendakwaan dari tahun 2016 sehingga 2020 adalah seperti dalam Jadual 16.

Jadual 16 : Aktiviti Pendakwaan, 2016 - 2020

Jenis Aktiviti		2016	2017	2018	2019	2020
1.	Bilangan kehadiran ke mahkamah	107	133	99	103	63
2.	Bilangan Kes Sebutan Pertama di Mahkamah	64	76	50	45	27
3.	Bilangan Kes Mengaku Salah	60	69	44	36	27
Jumlah Denda (RM)		**176,030**	**253,550**	**159,700**	**144,600**	**127,000**


Seksyen Kawalan Iklan dan Perkembangan Penguatkuasaan Farmasi

a) Unit Kawalan Iklan

Akta Ubat (Iklan dan Penjualan),1956 memperuntukkan kawalan ke atas pengiklanan ubat, alat, penyembuh (*remedy)* dan iklan berkaitan perkhidmatan perubatan dan kesihatan. Pemonitoran iklan ini melibatkan aktiviti pengawalseliaan semua iklan yang disiarkan di dalam media cetak seperti akhbar utama dan tempatan, majalah pelbagai bahasa, risalah untuk umum, bahan-bahan promosi oleh syarikat jualan langsung dan media elektronik seperti radio, televisyen serta media baru seperti laman media sosial, platform e-Dagang, blogspot dan lain-lain lagi.

Aktiviti pemantauan ini melibatkan semua jenis produk ubat, makanan, kosmetik, peranti perubatan dan juga iklan perkhidmatan yang disiarkan bagi memastikan tiada iklan melanggar undang-undang di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

Rajah 17: Taburan Saringan Iklan, 2016-2020




	2016	2017	2018	2019	2020
Pelbagai	8	6	18	165	329
Pemeriksaan	94	141	228	153	99
Media Cetak	198	239	136	125	105
Media Elektronik	10	1	9	0	0

Rajah 17 menunjukkan jenis iklan yang disaring bagi tahun 2016-2020. Pada tahun 2020, sejumlah 533 iklan telah disaring peningkata sebanyak 26%. Pecahan saringan terdiri daripada 99 saringan iklan semasa pemeriksaan, diikuti 105 iklan di media cetak (majalah, akhbar dan lebuhraya), dan 329 iklan pelbagai (media baru) telah dilakukan. Jika dibandingkan tahun sebelumnya, bagi tahun 2020 saringan iklan pelbagai yang melibatkan media baru telah meningkat hampir 50% kepada 329 iklan. Ini disebabkan oleh peningkatan perniagaan secara atas talian akibat daripada penutupan premis secara fizikal atas arahan PKP bagi mengekang penularan virus COVID-19.

Pecahan saringan iklan pelbagai yang melibatkan media baru adalah seperti rajah 18.

Rajah 18: Pecahan Iklan Pelbagai



Pada tahun 2020 saringan iklan-iklan papantanda di Lebuhraya Utara Selatan di antara Nilai hingga ke Linggi diteruskan. Sebanyak 93 papantanda iklan telah disaring sepanjang tahun 2020 yang merangkumi 49 papantanda berkaitan produk kosmetik, 34 papantanda berkaitan produk makanan/minuman, 3 papantanda berkaitan produk OTC, 6 papantanda berkaitan produk tradisional dan 1 papantanda berkaitan produk suplemen.

b) Aktiviti Kesedaran *Stakeholder*

Tahun 2020 merupakan tahun yang sangat mencabar bagi Cawangan ini untuk melaksanakan aktiviti kesedaran yang mengkhususkan kepada *stakeholder* (pihak berkepentingan) di Negeri Sembilan disebabkan oleh pandemik Covid-19 ini. Banyak aktiviti yang telah dirancang terpaksa ditangguhkan bagi mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Aktiviti kesedaran hanya dapat dilaksanakan pada awal tahun iaitu sebelum PKP dilaksanakan dan sekitar bulan Ogos apabila dibenarkan dan diberi kelonggaran untuk menjalankan aktiviti. Namun sepanjang tempoh PKP berlangsung aktiviti kesedaran masih dijalankan tetapi mengikut norma baru iaitu secara atas talian melalui perkongsian dalam FB Live, slot Radio dan menggunakan paparan LED yang disediakan oleh syarikat luar.

Aktiviti kesedaran yang ditumpukan adalah berkaitan kepatuhan kepada undang-undang dan polisi-polisi terkini daripada ibu pejabat Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia. Antara isu-isu yang diketengahkan adalah seperti berikut: -

- Kawalan iklan produk/ubat dan perkhidmatan perubatan : kerjasama bersama Lembaga Iklan Ubat
- Pengiklanan produk yang betul di media baru melalui tagline #biarbetuliklanni!
- Penerangan label keselamatan yang baru iaitu Farmatag dengan kerjasama syarikat Techno Print Secure Sdn Bhd

Berikut adalah aktiviti-aktiviti kesedaran stakeholder (Jadual 17) dan jenis dialog (Jadual 18) yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020.

Jadual 17: Aktiviti Kesedaran yang dijalankan pada Tahun 2020

Bil.	Aktiviti	Pencapaian
1	Aktiviti ceramah kepada *stakeholders*	7
2	Aktiviti dialog dengan *stakeholders*	3
3	Aktivtii pameran kepada *stakeholders*	1
4	Sesi Rundingcara bersama-sama *stakeholders*	26
5	Penceramah Jemputan oleh agensi lain	5

Jadual 18: Aktiviti Pameran, Ceramah & Dialog Dengan *Stakeholder* 2020

Tarikh	Tajuk / Tema
2 & 9 Februari 2020	Pameran semasa Kursus Asas Haji Anjuran Tabung Haji NS
2 Mac 2020	Ceramah dan Pameran sempena Dialog Bersama Pemegang Lesen PBKD di Negeri Sembilan
5 Mac 2020	Pameran semasa program anjuran Badan Kebajikan Islam (BAKI) MBS
9 Mac 2020	Ceramah sempena Dialog Label Keselamatan Farmatag Kepada Anggota Bahagian Perkhidmatan Farmasi di Negeri Sembilan
4 Ogos 2020	Ceramah di Kursus Pemantapan Pendispensan Metadone Bagi Pegawai Farmasi Dan Penolong Pegawai Farmasi 2020
3 September 2020	Pameran semasa Hari Keselamatan Makanan Peringkat Kebangsaan 2020
24 September 2020	Ceramah sempena Latihan Peringkat Negeri Kepada Pegawai Farmasi dan Penolong Pegawai Farmasi Mengenai Label Keselamatan Hologram Farmatag
25 September 2020	Pameran semasa Hari Farmasi Sedunia, Peringkat Negeri Sembilan
6 Oktober 2020	Ceramah di Kursus Keselamatan Pengubatan Anggota Farmasi Tahun 2020 Anjuran JKN Negeri Sembilan

Gambar 1: Skrin LED Memaparkan Maklumat Kesedaran Pengguna



Lokasi: Seremban



Lokasi : Tampin

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Negeri Sembilan telah mencapai sasaran OBB, KPI dan QAP bagi tahun 2020. Namun terdapat juga aktiviti kualiti yang tidak tercapai disebabkan penularan pandemik Covid-19. Penularan pandemik Covid-19 menyebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dengan keperluan pematuhan kepada SOP yang telah ditetapkan.

Aspek-aspek ini akan diberi perhatian serius bagi memastikan perkhidmatan diberikan berjalan lancar sejajar dengan misi dan visi Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan mengamalkan norma-norma baharu dan pematuhan terhadap SOP yang telah ditetapkan.

BAHAGIAN KESELAMATAN & KUALITI MAKANAN

BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI

PENGENALAN

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan bertanggungjawab dalam merancang, melaksana, memantau dan menilai aktiviti keselamatan dan kualiti makanan bagi melindungi masyarakat daripada bahaya-bahaya kesihatan yang berpunca daripada pencemaran makanan dan penipuan dalam penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan.

Program ini merangkumi aktiviti-aktiviti utama seperti Pensijilan, Pelesenan dan Pembangunan Industri Makanan, Komunikasi dan Kepenggunaan, Survelan Makanan, Pematuhan dan Kawalan Makanan Domestik, Import dan Eksport, Penguatkuasaan Akta Makanan 1983, Akta Juruanalisis Makanan 2011 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Terdapat empat (4) unit di bawah Bahagian ini iaitu:

- Unit Industri Makanan, Komunikasi dan Kepenggunaan
- Unit Survelan Makanan
- Unit Pematuhan Makanan
- Unit Pengurusan

VISI

Peneraju kawalan keselamatan dan kualiti makanan negara.

MISI

Memperkasakan kawalan keselamatan dan kualiti makanan di sepanjang rantaian bekalan makanan melalui akauntabiliti bersama pemegang taruh bagi memastikan rakyat mendapat makanan yang selamat dan berkualiti.

OBJEKTIF

Melindungi orang ramai terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan serta mempermudahkan perdagangan makanan melalui:

- Pengukuhan dasar dan perundangan keselamatan dan kualiti makanan;
- Pengukuhan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan ke atas makanan import, domestik dan premis makanan bagi memastikan kepatuhan terhadap perundangan makanan negara;
- Pengukuhan kawalan makanan eksport;
- Pemantapan intervensi dalam menangani isu dan cabaran keselamatan makanan;
- Penggunaan sains dan teknologi baharu dalam penghasilan maklumat keselamatan dan kualiti makanan berasaskan bukti saintifik;
- Pemerkasaan keupayaan komunikasi dan pendidikan berhubung keselamatan dan kualiti makanan;
- Pemerkasaan industri makanan dan pengguna dalam pembudayaan keselamatan dan kualiti makanan; dan
- Pemantapan kolaborasi dengan semua pemegang taruh di dalam dan luar negara bagi melindungi kepentingan negara berkaitan keselamatan dan kualiti makanan.

PENCAPAIAN AKTIVITI

PENSAMPELAN MAKANAN

Pensampelan makanan adalah satu aktiviti penting dalam program Keselamatan dan Kualiti Makanan. Sampel makanan boleh diambil secara formal atau informal. Pensampelan formal adalah untuk tujuan penguatkuasaan dan pensampelan informal adalah untuk tujuan pengawasan. Aktiviti pensampelan makanan boleh dibahagikan kepada;

i) Mikrobiologi
ii) Kimia
iii) Fizikal
iv) Radioaktif
v) Bioteknologi

Jadual 1 menunjukkan jumlah pencapaian pensampelan dari tahun 2016 hingga 2020. **Rajah 1** menunjukkan bilangan sampel yang diambil dari tahun 2016 hingga 2020. Pada tahun 2020, jumlah keseluruhan sampel yang telah diambil telah melebihi sasaran yang ditetapkan (rujuk **Jadual 4**) dan ini adalah berkaitan dengan keperluan pensampelan berdasarkan *Food Alert,* sampel untuk tujuan pemantauan, sampel untuk tujuan pengeluaran sijil kesihatan, krisis dan juga keperluan untuk mengambil sampel-sampel baru.

Jadual 2 menunjukkan pencapaian parameter sampel berdasarkan spesifikasi output perjanjian program tahun 2020. Jumlah sasaran sampel yang diambil dalam satu-satu jenis parameter bergantung kepada maklumat sampel yang melanggar pada tahun-tahun lepas dan pemantauan berkala.

Jadual 3 menunjukkan pencapaian bilangan sampel pemantauan residu dadah veterinar yang diambil dan bilangan sampel yang positif. Sebanyak enam (6) sampel bagi analisis residu dadah veterinar telah diambil dan tiada yang positif kehadiran residu dadah veterinar. Penumpuan telah diberikan terhadap pensampelan analisis kumpulan antibakteria.


Jadual 1 : Kategori Pembahagian Sampel (Tahun 2016-2020)

Tahun	Mikrobiologi	Non mikro	Jumlah
2016	238	486	**724**
2017	140	409	**549**
2018	106	291	**397**
2019	122	408	**530**
2020	162	333	**495**

Jadual 2 : Persampelan Makanan Mengikut Parameter Analisis (Tahun 2016 - 2020)

Parameter	Tahun				
	2016	2017	2018	2019	2020
Mikrobiologi	238	140	106	122	162
Kimia	448	237	232	389	332
Fizikal	22	30	18	6	1
Radioaktif	6	1	34	0	0
Bioteknologi	10	1	7	13	0
Jumlah	**724**	**409**	**397**	**530**	**495**

Rajah 1 : Bilangan Sampel yang Diambil dari Tahun 2016 hingga 2020



Jadual 3 : Bilangan Sampel Pemantauan Residu Dadah Veterinar

Jenis Analisis Residu	2016		2017		2018		2019		2020	
	A	B	A	B	A	B	A	B	A	B
Beta Agonist	5	1	2	0	3	0	4	0	2	0
Tetracycline	3	0	12	0	9	0	2	0	4	0
Chloramphenicol	24	0	5	0	0	0	1	0	0	0
Kumpulan Antibakteria	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Anthelminthics	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	**34**	**1**	**19**	**0**	**12**	**0**	**7**	**0**	**6**	**0**

Nota : *A – Bilangan Sampel Diambil ; B – Bilangan Sampel Positif*

Jadual 4 : Pencapaian Persampelan Makanan Mengikut Daerah


Daerah	2016			2017			2018			2019			2020		
	Sasaran	Sampel diambil	%	Sasaran	Sampel diambil	%	Sasaran	Sampel diambil	%	Sasaran	Sampel diambil	%	Sasaran	Sampel diambil	%
Seremban	93	940	1010.8	98	864	881.7	96	810	843.6	140	836	597	88	744	845
K.Pilah	60	142	236.7	53	79	149.1	46	173	376.1	79	163	206	84	172	205
Tampin	55	85	154.5	43	85	197.7	44	68	154.5	83	112	142	96	110	115
P.Dickson	67	299	446.3	29	180	620.7	48	159	331.3	86	215	250	100	2,104	2,104
Jempol	73	191	261.6	77	114	148.1	67	105	156.8	83	140	169	90	124	138
Jelebu	57	69	121.1	65	69	106.2	55	58	105.5	63	80	127	65	92	142
Rembau	34	167	491.2	44	97	220.5	41	66	160.8	58	79	136	37	77	208
Jumlah	**439**	**1,893**	**431.2**	**409**	**1,488**	**363.8**	**397**	**1,439**	**362.5**	**592**	**1,625**	**275**	**560**	**3,423**	**3,757**

Jadual 5 di bawah menunjukkan peratus pelanggaran sampel makanan yang diambil mengikut daerah di Negeri Sembilan. **Rajah 2** pula menunjukkan peratusan pelanggaran sampel makanan bagi tahun 2020. Sampel makanan diambil untuk tujuan pemantauan dan juga untuk tujuan penguatkuasaan. Sebanyak 2,521 sampel yang telah diambil dari setiap daerah untuk tujuan pemantauan dan ini termasuk sampel untuk pengeluaran sijil kesihatan. Sebanyak 30 sampel yang positif iaitu hanya 1.2% dari sampel keseluruhan termasuk sampel pemantauan dan penguatkuasaan yang didapati melanggar Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985. Daerah Jelebu mencatatkan peratusan pelanggaran yang tinggi iaitu sebanyak 12.2%.

Jadual 5 : Peratusan Pelanggaran Sampel

Daerah	2016			2017			2018			2019			2020		
	Bil Keputusan Diterima	Keputusan Melanggar	% Melanggar	Bil Keputusan Diterima	Keputusan Melanggar	% Melanggar	Bil Keputusan Diterima	Keputusan Melanggar	% Melanggar	Bil Keputusan Diterima	Keputusan Melanggar	% Melanggar	Bil Keputusan Diterima	Keputusan Melanggar	% Melanggar
Seremban	364	9	2.47	864	4	0.46	215	3	1.4	784	9	1.2	239	3	1.3
K.Pilah	300	6	2.00	79	4	5.06	148	31	20.94	139	32	23	74	0	0
Tampin	77	0	0.00	84	2	2.38	68	6	8.82	112	0	0	30	6	20
P.Dickson	181	0	0.00	180	17	9.4	159	6	3.77	216	16	7.4	2,049	13	0.6
Jempol	138	8	5.80	114	13	11.4	78	1	1.3	140	5	3.6	62	0	0
Jelebu	63	2	3.17	69	1	1.45	58	4	6.9	80	5	6.25	41	5	12.2
Rembau	117	1	0.85	97	1	1.03	49	0	0	79	3	3.8	26	3	11.5
Jumlah	**1,240**	**26**	**2.10**	**1,488**	**42**	**2.82**	**775**	**51**	**6.58**	**1,574**	**70**	**4.5**	**2,521**	**30**	**1.2**


Rajah 2 : Peratus Pelanggaran Sampel Makanan 2020



Jadual 6. Pencapaian Tindakan Mahkamah dari Tahun 2016 – 2020

Perkara	2016	2017	2018	2019	2020
Bil sampel diambil	1,893	1,488	1,439	1,625	3,428
Bil perlanggaran	26	42	51	70	30
Bil denda (mahkamah)	16	11	4	11	0
Jumlah Kutipan (RM)	**26,950**	**22,800**	**11,100**	**31,400**	**0**

Rajah 3 : Bilangan Sampel yang Diambil dan Bilangan Perlanggaran dari Tahun 2016 hingga 2020



Jadual 6 dan **Rajah 3** menunjukkan pencapaian tindakan mahkamah bagi tahun 2016 hingga 2020 di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Bagi tahun 2020, sebanyak 30 kes telah melanggar termasuk sampel pemantauan dan penguatkuasaan, namun tiada kes yang dibawa ke mahkamah kerana pandemik Covid-19.

AKTIVITI PEMERIKSAAN DAN PENILAIAN PREMIS MAKANAN

Salah satu aktiviti dalam Program Keselamatan dan Kualiti Makanan adalah pemeriksaan kebersihan premis makanan. Premis makanan yang diperiksa termasuk restoran, gerai, penjaja, kantin, dapur asrama dan kilang. Aktiviti penguatkuasaan dan operasi bersepadu sering dilaksanakan bersama pihak berkuasa tempatan bagi memantau kebersihan premis-premis ini. Ringkasan aktiviti pemeriksaan premis makanan adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 7**, **Jadual 8** dan **Rajah 4.**

Jumlah premis yang terdapat di Negeri Sembilan adalah sebanyak 6,631 premis penjualan makanan. Daripada Jadual 8, bagi tahun 2020 sebanyak 5 premis makanan yang mendapat penilaian di bawah 50%. Manakala sebanyak 44 buah premis telah diambil tindakan tutup sementara.

Jadual 7: Perbandingan Pemeriksaan dan Penutupan Premis Makanan 2016-2020

Daerah	2016			2017			2018			2019			2020		
	Periksa	< 50%	Tutup	Periksa	< 50%	Tutup	Periksa	<50%	Tutup	Periksa	<50%	Tutup	Periksa	<50%	Tutup
Seremban	2,234	17	56	2,080	23	87	1,847	12	74	1,968	12	51	824	2	20
K.Pilah	774	2	12	660	0	1	843	0	3	1,012	0	5	408	0	3
Tampin	971	1	5	711	0	9	850	1	3	714	0	7	570	0	0
P.Dickson	471	2	21	866	2	28	984	4	16	1,223	2	15	590	0	12
Jempol	607	2	9	575	1	11	748	0	7	972	1	2	452	2	6
Jelebu	758	0	7	635	1	2	693	0	0	405	0	3	510	0	2
Rembau	668	1	15	652	1	2	681	0	1	619	0	2	275	0	1
Jumlah	**6,483**	**25**	**125**	**6,179**	**28**	**140**	**6,646**	**17**	**104**	**6,631**	**15**	**85**	**3,629**	**5**	**44**

Jadual 8 : Pencapaian Pemeriksaan Tahap Kebersihan Premis Makanan 2020

(1) Daerah	(2) Bil Premis Ada [a]	(3) Bil. diperiksa	BIL. PREMIS TERLIBAT [b]			(7) Bil.Premis ditutup [c]
			(4) < 50%	*(5)* 51-75%	*(6)* 76-100%	
Seremban	4,401	824	2	140	682	20
Kuala Pilah	1,012	408	0	48	360	3
Tampin	714	570	0	13	557	0
P.Dickson	1223	590	0	76	514	12
Jempol	972	452	2	63	387	6
Jelebu	405	510	0	4	506	2
Rembau	619	275	0	28	247	1
JUMLAH	**9,346**	**3,629**	**4**	**372**	**3,253**	**44**

Nota :

1. [a] : Data Bancian pada Dis' 2015 (HMIS.KMM 219)

2. [b] : % Pencapaian Penilaian

26 - 50 % : Tidak Memuaskan (C)


51 - 75 % : Memuaskan (B)

76 -100% : Sangat Memuaskan (A)

Penilaian berdasarkan Jadual Penilaian Kebersihan, Kem.Kesihatan Malaysia.

3. [c] : Penutupan Sementara Premis Makanan di bawah Akta Makanan 1983 (Sek.11)

Rajah 4 : Tahap Kebersihan Premis Makanan dari Tahun 2016 hingga 2020



AKTIVITI RAMPASAN MAKANAN

Aktiviti rampasan dan penyitaan makanan juga dilakukan bagi sampel makanan yang tidak mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 9** berikut:

Jadual 9 : Aktiviti Rampasan Makanan

Perkara	Tahun				
	2016	2017	2018	2019	2020
Bilangan operasi	96	75	73	133	326
Nilai rampasan (RM)	**30,787.56**	**48,375.86**	**26,665.45**	**33,206.75**	**7,381.91**

PEMERIKSAAN KANTIN SEKOLAH DAN DAPUR ASRAMA

Pemeriksaan premis makanan iaitu kantin dan dapur asrama sekolah telah dijalankan sepanjang tahun bagi memastikan kebersihan dan keselamatan makanan di kantin dan dapur asrama sekolah adalah baik dan memuaskan. Pencapaian bagi pemeriksaan bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 10** berikut:

Jadual 10 : Pengredan Kantin Sekolah dan Dapur Asrama

Kategori Premis	2016	2017	2018	2019	2020
Kantin Sekolah					
Gred A	183	193	191	194	177
Gred B	218	216	224	229	119
Gred C	49	36	35	26	17
Tiada Gred	0	0	0	0	0
Dapur Asrama					
Gred A	40	56	49	40	22
Gred B	26	15	17	29	9
Gred C	6	1	5	3	2
Tiada Gred	0	0	0	0	0

KRISIS MAKANAN (*FOOD ALERT*) DAN ARAHAN PEMANTAUAN KESELAMATAN MAKANAN

Pada tahun 2020, sebanyak 1 *Food Alert* telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Berikut adalah senarai *Food Alert* seperti ditunjukan di dalam **Jadual 11.**

Jadual 11 : Senarai Food Alert

Perkara	2020
Food Alert	1. *Miludeer (Extra Strong Beer)* kadar methanol tidak mematuhi paras yang dibenarkan

PENGURUSAN ADUAN


Selain aktiviti pemeriksaan premis dan persampelan makanan, aktiviti di dalam Program Keselamatan dan Kualiti Makanan merangkumi juga siasatan aduan dari segi keselamatan makanan atau premis makanan. Siasatan aduan merangkumi dari semua aspek keselamatan makanan daripada penerimaan bahan mentah makanan sehingga makanan siap dimakan. Siasatan aduan perlu dilaksanakan bagi memastikan aduan yang diterima adalah berasas dan memastikan makanan yang dibekalkan kepada pengguna adalah selamat dan bebas daripada ancaman kesihatan.

Pada tahun 2020, sebanyak 67 aduan diterima di mana daripada aduan tersebut adalah aduan mengenai kebersihan premis makanan. Jadual 12 menunjukkan pecahan aduan yang diterima dan Rajah 5 menunjukkan bilangan aduan yang diterima mengikut kategori.

Jadual 12 : Bilangan Pecahan Aduan Mengikut Kategori

Kategori Aduan	Bilangan Aduan		
	2018	2019	2020
Benda Asing	9	4	2
Kebersihan Premis Makanan	113	155	32
Keracunan Makanan	1	2	3
Makanan Rosak	6	8	6
Pencemaran Makanan	0	4	7
Pelabelan Makanan	0	1	1
Makanan Tamat Tempoh	3	3	2
Lain-Lain	8	5	14
Jumlah	**140**	**182**	**67**

Rajah 5 : Bilangan Aduan yang Diterima Mengikut Kategori bagi Tahun 2018 Hingga 2020



	Benda Asing	Kebersihan Premis Makanan	Makanan Rosak	Pelabelan Makanan	Pencemaran Makanan	Makanan Tamat Tempoh	Keracunan Makanan	Lain-lain
2018	9	113	6	0	0	3	1	8
2019	4	155	8	1	4	3	2	5
2020	2	32	3	6	7	1	2	14

PROGRAM PENGIKTIRAFAN BERSIH, SELAMAT DAN SIHAT (BeSS)

Pengiktirafan "Bersih, Selamat dan Sihat" atau BeSS adalah satu pengiktirafan yang diberikan kepada pengusaha premis makanan bagi menggalakkan pengusaha premis makanan menyediakan makanan yang selamat dan sihat kepada pelanggan sekaligus dapat meningkatkan pendapatan mereka dan tahap kebersihan serta keselamatan makanan di premis.

Pengiktirafan ini diberikan secara percuma dan pengusaha makanan perlu memenuhi empat (4) kriteria seperti berikut bagi mendapat pengiktirafan BeSS:

- Premis makanan adalah bersih dan mendapat markah pemeriksaan premis makanan melebihi 86%
- Menyediakan makanan yang selamat
- Menyediakan makanan yang sihat
- Menyediakan makanan dalam saiz hidangan yang betul mengikut keperluan individu

Pengiktirafan BeSS diberikan kepada premis makanan yang telah mematuhi kedua-dua komponen iaitu komponen keselamatan makanan dan komponen pemakanan seperti yang dinyatakan di dalam garis panduan Pengiktirafan "Bersih,Selamat dan Sihat".

Sebanyak 50 premis makanan yang merangkumi premis gerai makanan Fasiliti Kerajaan, Fasiliti Swasta, Kantin Sekolah dan Dewan Makan Asrama telah berjaya mendapat pengiktirafan premis makanan BeSS sehingga Disember 2020.

Jadual 13 menunjukkan bilangan pemegang sijil BeSS mengikut jenis premis makanan dan daerah yang mendapat pengiktirafan BeSS pada tahun 2020.

Jadual 13 : Pemegang Sijil BeSS Mengikut Jenis Premis di Negeri Sembilan Tahun 2020

Bil.	Jenis Premis	Bilangan Premis
1.	Fasiliti Kerajaan (Kafeteria / Dapur /Kantin)	1
2.	Fasiliti Swasta (Kafeteria / Dapur / Kantin / Restoren / Gerai Makan / Medan selera / *Food Truck*)	36
3.	Sekolah (Dewan Makan Asrama / Kantin)	13
	Jumlah	**50**

PENSIJILAN

i. Pensijilan *Hazard Analysis and Critical Control Point* (HACCP)

Pengiktirafan bagi pensijilan *Hazard Analysis and Critical Control Points* (HACCP) diwujudkan bagi memberi pengiktirafan rasmi kepada industri yang berjaya melaksanakan elemen-elemen HACCP sekaligus memenuhi kehendak keselamatan makanan dan kehendak pengguna. Bermula pada 19 April 2001, Skim Pensijilan HACCP telah dilancarkan secara rasmi dan objektif skim ini adalah untuk memberikan pengiktirafan rasmi kepada premis makanan yang berjaya mengamalkan dan mengekalkan sistem HACCP bagi produk makanan mereka.

Premis pemegang sijil HACCP KKM akan mendapat manfaat iaitu pengeluaran sijil kesihatan bagi tujuan pengeksportan ke luar negara dalam masa 3 hari dari tarikh permohonan berbanding bagi premis yang tiada HACCP KKM dalam masa 19 hari dari tarikh permohonan. Jumlah pemegang sijil HACCP sehingga tahun 2020 adalah sebanyak 18 premis. Senarai pemegang sijil HACCP pada tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 14.**

Jadual 14 : Pemegang Sijil HACCP di Negeri Sembilan Tahun 2020

Bil.	Syarikat		Sijil	
	Nama	Alamat	Bermula	Tamat
1	Cereal Partners (Malaysia) Sdn. Bhd.	Lot 691, Jalan Perusahaan Utama, Kawasan Perindustrian Chembong, 71300 Rembau, Negeri Sembilan	21.07.2020	20.07.2023
2	Far East Import-Export (Serdang) Sdn. Bhd.	Lot No 9&10, Jalan Tiara Sentra 1, Nilai Utama, 71800 Nilai, Negeri Sembilan	04.11.2019	03.11.2022
3	Greenlife Harvest (M) Sdn. Bhd.	No 23 & 25, Jalan PS 2/2, Taman Pinggiran Senawang, 71450 Seremban, Negeri Sembilan	03.09.2019	02.09.2022
4	Kian Joo Canpack Sdn. Bhd.	No. 107, Jalan Permata 1, Kawasan Industri Arab-Malaysian, 71800 Nilai, Negeri Sembilan	12.03.2020	11.03.2023
5	Nestle Asean (Malaysia) Sdn. Bhd.	Lot 691, Jalan Perusahaan Utama, Kawasan Perindustrian Chembong, 71300 Rembau, Negeri Sembilan	21.07.2020	20.07.2023
6	Nestle Manufacturing (Malaysia) Sdn Bhd	Lot 691, Jalan Perusahaan Utama, Kawasan Perindustrian Chembong, 71300 Rembau, Negeri Sembilan	12.04.2017	11.04.2020
7	Pure Circle Sdn Bhd	Pt.23419, Lengkuk Teknologi, Techpark @ Enstek, 71760 Negeri Sembilan	17.08.2018	16.08.2021
8	Titi Eco Organic Food Industry Sdn Bhd	Pt 5111, Jln Sungai Rotan, Mukim Glami Lemi, Daerah Jelebu, 71650 Negeri Sembilan	04.09.2020	12.01.2023
9	Vitaton (M) Sdn. Bhd.	Lot 5043, Kg. Sompo, Jalan Setul - Lenggeng, 71750 Lenggeng, Negeri Sembilan	29.10.2019	28.10.2022
10	Mission Foods Malaysia Sdn Bhd	Pt 29516, Lengkok Teknologi 2 Techpark @ Enstek, 71760 Bandar Enstek Negeri Sembilan	30.03.2018	29.03.2021
11	Jitar Sdn Bhd	No.26, Jalan Lombong Emas 5, Seremban Light Industrial Park, Jalan Tun Dr. Ismail, 70200 Negeri Sembilan	28.08.2018	20.08.2021
12	Yuen Chun Industries Sdn Bhd	18, Lengkuk Teknologi 4, Taman Teknologi Enstek (Fasa 1), 71760 Bandar Enstek Negeri Sembilan	28.08.2018	20.08.2021
13	Kellogg Asia Products Sdn. Bhd.	Lot 1-5, Jalan Teknologi 5, Taman Teknologi Enstek Techpark @ Enstek, Phase 2A, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan	17.01.2019	16.01.2022
14	QL Poultry Farms Sdn. Bhd.	Lot 1338/5, Pajam, 71700 Mantin, Negeri Sembilan	27.03.2019	26.03.2022
15	Hokto Malaysia Sdn. Bhd.	No.19 Lengkuk Teknologi Enstek 4, Taman Teknologi Enstek (Fasa 1), Techpark @ Enstek, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan	09.12.2019	08.12.2022
16	Perniagaan Wafada Sdn. Bhd.	Lot 31, Jalan Tiara Sentral 1, Nilai Impian, 71800 Nilai, Negeri Sembilan	13.03.2019	20.11.2021
17	Hospital Jempol	Bandar Seri Jempol, 72120 Jempol, Negeri Sembilan	27.02.2020	26.2.2023
18	Yakult (Malaysia) Sdn. Bhd.	No. 276, Jalan Haruan 1, Oakland Industrial Park, 70300 Seremban, Negeri Sembilan	08.01.2020	07.01.2024

ii. Pensijilan Amalan Pengilangan Yang Baik / *Good Manufacturing Practise* (GMP)

Pengiktirafan bagi pensijilan *Good Manufacturing Practice* (GMP) diwujudkan bagi memberi pengiktirafan rasmi kepada industri yang berjaya mengamalkan elemen-elemen GMP sekaligus memenuhi kehendak-kehendak keselamatan makanan dan kehendak pengguna. Skim Pensijilan GMP telah dilancarkan untuk memberikan pengiktirafan rasmi kepada premis makanan yang berjaya mengamalkan dan mengekalkan sistem GMP di premis makanan.

Pengiktirafan ini akan meningkatkan keyakinan pengguna ke atas produk yang dikeluarkan dan membantu dalam meluaskan pasaran produk ke peringkat antarabangsa dan juga bagi mematuhi Perundangan dan Peraturan Makanan serta standard semasa.

Jumlah pemegang sijil GMP sehingga tahun 2020 adalah sebanyak 24 premis. Senarai pemegang sijil GMP pada tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 15.**

Jadual 15 : Senarai Pemegang Sijil GMP di Negeri Sembilan Tahun 2020

Bil.	Syarikat		Sijil	
	Nama	Alamat	Bermula	Tamat
1	Cereal Partners (Malaysia) Sdn. Bhd.	Lot 691, Jalan Perusahaan Utama, Kawasan Perindustrian Chembong, 71300 Rembau Negeri Sembilan	21.07.2020	20.07.2023
2	Far East Import-Export (Serdang) Sdn. Bhd.	Lot No 9&10, Jalan Tiara Sentra 1, Nilai Utama, 71800 Nilai Negeri Sembilan	04.11.2019	03.11.2022
3	Greenlife Harvest (M) Sdn. Bhd.	No 23 & 25, Jalan Ps 2/2, Taman Pinggiran Senawang, 71450 Seremban, Negeri Sembilan	03.09.2019	02.09.2022
4	Kian Joo Canpack Sdn. Bhd.	No. 107, Jalan Permata 1, Kawasan Industri Arab-Malaysian, 71800 Nilai, Negeri Sembilan	12.03.2020	11.03.2023
5	Nestle Asean (Malaysia) Sdn. Bhd.	Lot 691, Jalan Perusahaan Utama, Kawasan Perindustrian Chembong, 71300 Rembau, Negeri Sembilan	21.07.2020	20.07.2023
6	Nestle Manufacturing (Malaysia) Sdn Bhd	Lot 691, Jalan Perusahaan Utama, Kawasan Perindustrian Chembong, 71300 Rembau, Negeri Sembilan	12.04.2017	11.04.2020
7	Pure Circle Sdn Bhd	Pt.23419, Lengkuk Teknologi, Techpark @ Enstek, 71760 Negeri Sembilan	17.08.2018	16.08.2021
8	Titi Eco Organic Food Industry Sdn Bhd	Pt 5111, Jln Sungai Rotan, Mukim Glami Lemi, Daerah Jelebu, 71650 Negeri Sembilan	04.09.2020	12.01.2023
9	Vitaton (M) Sdn. Bhd.	Lot 5043, Kg. Sompo, Jalan Setu I - Lenggeng, 71750 Lenggeng, Negeri Sembilan	29.10.2019	28.10.2022
10	Mission Foods Malaysia Sdn Bhd	Pt 29516, Lengkok Teknologi 2 Techpark@Enstek, 71760 Bandar Enstek Negeri Sembilan	30.03.2018	29.03.2021
11	Jitar Sdn Bhd	No.26, Jalan Lombong Emas 5, Seremban Light Industrial Park, Jalan Tun Dr. Ismail, 70200 Negeri Sembilan	28.08.2018	20.08.2021
12	Yuen Chun Industries Sdn Bhd	18, Lengkuk Teknologi 4, Taman Teknologi Enstek (Fasa 1), 71760, Bandar Enstek Negeri Sembilan	28.08.2018	20.08.2021
13	Kellogg Asia Products Sdn. Bhd.	Lot 1-5, Jalan Teknologi 5, Taman Teknologi Enstek Techpark @ Enstek, Phase 2A, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan	17.01.2019	16.01.2022

Bil.	Syarikat		Sijil	
	Nama	Alamat	Bermula	Tamat
14	QL Poultry Farms Sdn. Bhd.	Lot 1338/5, Pajam, 71700 Mantin, Negeri Sembilan	27.03.2019	26.03.2022
15	Hokto Malaysia Sdn. Bhd.	No.19 Lengkuk Teknologi Enstek 4, Taman Teknologi Enstek (Fasa 1), Techpark @ Enstek, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan	09.12.2019	08.12.2022
16	Perniagaan Wafada Sdn. Bhd.	Lot 31, Jalan Tiara Sentral 1, Nilai Impian, 71800 Nilai, Negeri Sembilan	13.03.2019	20.11.2021
17	Hospital Jempol	Bandar Seri Jempol, Jempol 72120 Negeri Sembilan	27.02.2020	26.2.2023
18	Yakult (Malaysia) Sdn. Bhd.	No. 276, Jalan Haruan 1, Oakland Industrial Park, 70300 Seremban, Negeri Sembilan	08.01.2020	07.01.2024
19	Hospital Jelebu	Kuala Klawang, 76100 Jelebu Negeri Sembilan	01.11.2019	31.20.22
20	Hospital Port Dickson	KM 11 Jalan Pantai, 71050 Port Dickson Negeri Sembilan	29.01.2019	28.01.2019
21	Hospital Tuanku Ampuan Najihah	Jabatan Dietetik Dan Sajian, Hospital Tuanku Ampuan Najihah, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan	25.06.2019	24.06.2021
22	Hospital Tuanku Jaafar	Jabatan Dietetik Dan Sajian, Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Jalan Rasah, 70300 Seremban, Negeri Sembilan	06.12.2018	05.12.2021
23	Bioton Corporation Sdn. Bhd.	Lot. 113 & 114, Jalan Nilai 3/12, Kawasan Perindustrian Nilai 3, Nilai, 71800,Seremban Negeri Sembilan	06.12.2018	05.12.2021
24	Thoyyib Pharma Industries (M) Sdn. Bhd.	No. 83&84, Jalan Nilai 3/23, Nilai 3 Industrial Park 71800 Nilai, Negeri Sembilan	27.02.2020	26.02.20233

iii. Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI)

Skim Pensijilan MeSTI adalah satu skim yang dijenamakan semula bagi menggantikan Skim Keselamatan Makanan 1 Malaysia (SK1M). Skim Pensijilan MeSTI adalah merupakan hasil penambahbaikan dari SK1M bagi memudahkan premis makanan terutamanya pihak Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk memenuhi keperluan-keperluan yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Premis yang mendapat pensijilan MeSTI pada tahun 2020 adalah sebanyak 36 premis. Senarai pemegang sijil MeSTI di Negeri Sembilan bagi tahun 2020 adalah seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual 16**.

Jadual 16: Pemegang Sijil MeSTI di Negeri Sembilan Tahun 2020

Bil.	Daerah	Nama Syarikat	Alamat Syarikat
1	Rembau	OPM United (M) Sdn. Bhd.	Lot 1390, Jalan Fajar Harapan 3, Kampung Chenong, Mukim Chengkau, 71300 Rembau, Negeri Sembilan
2	Rembau	Kerabat Processing House (Pedas) Sdn. Bhd	Lot PT No. 1769, Kawasan Miel Pedas Halal Park, 71400 Rembau Negeri Sembilan
3	Seremban	Cream Resources Sdn Bhd	Lot 17569, Jalan Nilai 3/29, Kawasan Perindustrian Nilai 3, 71800 Nilai Negeri Sembilan
4	Seremban	Oishiy Rich Empire	5562, Balai Informasi Pertanian, Jalan Besar Lenggeng-Broga, 71750 Lenggeng, Negeri Sembilan
5	Jempol	Unit Dietetik Dan Sajian Hospital Jempol	Hospital Jempol, Bandar Seri Jempol, 72120 Negeri Sembilan
6	Seremban	Thoyyib Pharma Industries (M) Sdn. Bhd.	No. 83 & 84, Jalan Nilai 3/23, Nilai 3 Industrial Park, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
7	Seremban	Kian Joo Canpack Sdn. Bhd.	No. 107, Jalan Permata 1, Kawasan Industri Arab Malaysian, 71800 Nilai, Negeri Sembilan

Bil.	Daerah	Nama Syarikat	Alamat Syarikat
8	Seremban	Rc Concept Bakery & Pastries Sdn. Bhd.	No 6, Jalan KPRM 1, Kawasan Perindustrian Ringan Mantin, 71700 Mantin, Negeri Sembilan
9	Seremban	Home Peanut Garden Food Industries Sdn Bhd	Lot 86, Jalan Permata 2/3, Arab Malaysian Industrial Park, 71800 Nilai Negeri Sembilan
10	Seremban	Maji Enterprise	55, Jalan S2C2, Green Technology Park, 70300 Seremban, Negeri Sembilan
11	Seremban	Phoenix BC Sdn. BHd.	No 36, Jalan PS 1/5, Taman Pinggiran Senawang, 71450 Seremban, Negeri Sembilan
12	Seremban	Ros N Dzul Enterprise	No 1442, Lot Perniagaan Jalan Semarak 40, Taman Panchor Jaya, 70400 Seremban Negeri Sembilan
13	Seremban	QL Poultry Farms Sbn. Bud.	Lot 1338/5, Pajam, 71700, Mantin, Negeri Sembilan
14	Seremban	Samirah Frozen Food	Lot 302, Jalan Bahagia 1, Kampung Bahagia Jiboi, Ampangan 70400 Seremban, Negeri Sembilan
15	Seremban	Inabah Enterprise	Lot 10, Kedai Koperasi Labu, Batu 10, 71900 Labu, Negeri Sembilan
16	Jelebu	SHR Kasih Enterpeise	No 2, Gerai MDJ, Taman Bukit Pertang, Jelebu 72300 Negeri Sembilan
17	Rembau	Nestle Asan Malaysia Sdn. Bhd.	Lot 691, Jalan Perusahaan Utama, Kawasan Perindustrian Chembong, 71300 Rembau, Negeri Sembilan
18	Rembau	Nestle Manufacturing Sdn. Bhd.	Lot 691, Jalan Perusahaan Utama, Kawasan Perindustrian Chembong, 71300 Rembau, Negeri Sembilan
19	Seremban	Hai Yong Food Sdn, Bhd,	138 & 139, Lorong P/AM 2/1, Arab Malaysian Industrial Park,71800 Nilai, Negeri Sembilan
20	Seremban	Foodteller Sdn. Bhd.	PT 8266, Kawasan Perindustrian Pinggiran Senawang, 71450 Seremban, Negeri Sembilan
21	Seremban	Lenang Timur Sdn. Bhd.	No. 46, Jalan Bunga Raya 7, Taman Tasik Jaya, 70400 Senawang, Negeri Sembilan
22	Seremban	Atlas Edible Ice Sdn. Bhd. (Cawangan Nilai)	PT 2192, Jalan TS 2/8C, Taman Semarak II, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
23	Seremban	Titi Eco Organic Food Industry Sdn. Bhd.	PT 5111, Jalan Sungai Rotan, Mukim Glami Lemi, 71650 Daerah Jelebu, Negeri Sembilan
24	Tampin	Zees Valley Bioscience Sdn. Bhd.	Bangunan Terminal Chembong, Kawasan Perindustrian Chembong, 71300 Rembau, Negeri Sembilan
25	Seremban	Seremban Ice Cube	Lot 38079, Jalan Industri Gala 14, Gala Industrial Park, 70200 Seremban Negeri Sembilan
26	Seremban	Marhas Trading	Lot1585, Kampung Jelebu, 71750, Lenggeng, Negeri Sembilan
27	Seremban	Intan Zack Enterprise	6269, Jalan Station, Kuala Sawah, 71200 Rantau Negeri Sembilan
28	Seremban	Inspirience Sdn. Bhd.	No 261, Jalan TA 2, Taman Asoka, 71700 Mantin, Negeri Sembilan
29	Seremban	Thoyyib Bio Sdn. Bhd.	Lot 77 Jalan Nilai 7/7, Nilai Inland Port, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
30	Rembau	Sepri Natural Sdn Bhd.	Pusat Pertanian Kendong, Jalan Seremban-Tampin, 71350 Kota, Negeri Sembilan
31	Seremban	Ummi Auni Enterprise	No 449 G, Jalan Bandar Senawang 18, Pusat Bandar Senawang, 70450 Seremban, Negeri Sembilan
32	Jempol	Tian Pin Yan Sdn. Bhd.	No 24 & 25 Jalan Kasih Putera, 72100 Bahau, Negeri Sembilan
33	Rembau	Darul Khusus Venture Sdn. Bhd.	Lot 517, Kampung Mungkal, 71350 Kota Rembau, Negeri Sembilan
34	Kuala Pilah	NS Dairy Farm Sdn. Bhd.	No 3720 Padang Ragut, Rembang Panas Juasseh, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan
35	Rembau	Olley Food Industries	Bengkel Pertanian Industri Asas Tani, Kampung Lada Chengkau, 71300 Rembau, Negeri Sembilan
36	Tampin	Fresh Dairy Hill	Lot 1184, Batu 2 Jalan Tampin, 73400 Gemas, Negeri Sembilan

EKSPORT

Pengeluaran sijil eksport bagi produk makanan perlu mematuhi keperluan negara pengimport dan mematuhi kehendak-kehendak Akta Makanan serta Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Sijil eksport terbahagi kepada dua (2) iaitu:

i. Sijil Kesihatan Bagi Produk Makanan dan Bahan Bersentuhan Makanan
- Permohonan sijil ini dikeluarkan di peringkat Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)
- Fi bagi Sijil Kesihatan adalah seperti berikut:

a. Pemegang sijil HACCP KKM : RM 100.00 / sijil
b. Tiada HACCP KKM : RM 300.00 / sijil

ii. Sijil Penjualan Bebas bagi Produk Makanan
- Permohonan sijil ini dikeluarkan di peringkat Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM), Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS)
- Fi bagi Sijil Penjualan Bebas adalah RM100.00 / sijil

Jadual 17 menunjukkan bilangan pengeluaran Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas mengikut bulan pada tahun 2020. Jumlah pengeluaran Sijil Eksport bagi Tahun 2020 adalah **1,066 sijil** dengan jumlah kutipan fi sebanyak **RM139,800.00.**

Jadual 17: Bilangan Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas Mengikut Bulan Pada Tahun 2020

Bil.	Bulan	Jumlah Sijil Yang Dikeluarkan		
		Sijil Kesihatan		Sijil Penjualan Bebas
		Pemegang Sijil HACCP KKM (3 hari)	Tiada HACCP KKM (19 hari)	
1	Januari	51	10	8
2	Februari	67	19	10
3	Mac	48	6	14
4	April	60	7	1
5	May	31	2	13
6	Jun	71	4	14
7	Julai	78	13	6
8	Ogos	52	11	19
9	September	80	13	7
10	Oktober	69	10	10
11	November	58	8	6
12	Disember	56	13	21
JUMLAH PENGELUARAN SIJIL		**721**	**116**	**129**
JUMLAH KUTIPAN FI		**RM72,100**	**RM34,800**	**RM12,900**

PELESENAN


i. Pelesenan Mesin Jual Air (MJA)

Pelesenan Mesin Jual Air (MJA) merupakan permohonan lesen pengendalian Mesin Jual Air daripada sumber air terawat atau bekalan air awam yang perlu melalui beberapa proses seperti penurasan, osmosis songsang, penyulingan, pengionan atau proses yang setara dan diikuti proses penyahjangkitan.

Bagi tujuan pengoperasian, Mesin Jual Air (MJA) mestilah mematuhi standard yang ditetapkan di bawah Peraturan 360C di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Manakala peruntukan di bawah Peraturan 53 dan 55, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan pula menetapkan beberapa spesifikasi yang perlu ada dan perlu dipatuhi oleh setiap pemohon.


Sehingga tahun 2020 sebanyak 211 MJA telah dilesenkan iaitu 26.0% daripada jumlah 810 Mesin jual Air yang direkodkan bagi seluruh Negeri Sembilan bagi tahun semasa. **Rajah 6** menunjukkan bilangan mesin jual air yang mendapat lesen mengikut daerah di Negeri Sembilan sehingga tahun 2020 manakala **Rajah 7** menunjukkan data keseluruhan mesin jual air mengikut status permohonan lesen bagi tahun 2020.

Rajah 6 : Bilangan Mesin Jual Air (MJA) Yang Mendapat Lesen Mengikut Daerah Di Negeri Sembilan Sehingga Tahun 2020



	Seremban	Jempol	Port Dickson	Tampin	Rembau	Kuala Pilah	Jelebu
Bilangan MJA Berlesen	125	18	29	12	10	10	7
Bilangan MJA	376	152	105	65	55	30	27

Rajah 7 : Data Keseluruhan Mesin Jual Air Mengikut Status Permohonan Lesen Bagi Tahun 2020



*Berdasarkan jumlah bilangan keseluruhan MJA : 810

ii. Pelesenan Air Mineral Semulajadi (AMS)

Pelesenan Air Mineral Semulajadi (AMS) bagi air mineral semulajadi daripada sumber air yang diperolehi daripada strata kandungan air bawah tanah melalui mata air, telaga, lain-lain jalan keluar, dengan atau tanpa tambahan karbon dioksida.

Semua produk AMS yang dijual atau diperdagangkan untuk orang awam, sama ada sumber air tempatan atau diimport mestilah mempunyai kelulusan lesen daripada KKM dan tertakluk kepada pematuhan Peraturan 360A di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Senarai pemegang lesen AMS di Negeri Sembilan bagi tahun 2019 adalah seperti yang dinyatakan di **Jadual 18**.

Jadual 18 : Senarai Pemegang Lesen AMS di Negeri Sembilan Tahun 2020

Bil	Daerah	Nama Syarikat	Alamat Syarikat
1.	Seremban	Vitaton (M) Sdn Bhd.	Lot 5043, Kg. Sompo, Jalan Setul - Lenggeng, Lenggeng, Negeri Sembilan
2.		Sciensterra Sdn Bhd	Telaga Al Asr, Lot 18308, Kompleks Al Ammar, Kg Kanchong, 71200 Rantau, Negeri Sembilan
3.	Rembau	Darul Khusus Venture Sdn. Bhd.	No. 517, Kampung Mungkal 71350 Kota, Rembau Negeri Sembilan
4.		JW Glory Holding Sdn Bhd	Lot 1390, Jalan Fajar Harapan 3, Ampung Chenong, Mukim Chengkau, 71300 Rembau, Negeri Sembilan

iii. Pelesenan Air Minuman Berbungkus (AMB)

Pelesenan Air Minuman Berbungkus (AMB) adalah merupakan permohonan lesen air minuman diperlakukan selain daripada AMS yang terkedap di dalam botol atau bungkusan-bungkusan lain dan dicadangkan bagi kegunaan manusia.

Sumber AMB adalah daripada air dari sistem bekalan awam, air permukaan (tasik, sungai dan kolam) dan air tanah (telaga, tiub dan mata air). Senarai pemegang lesen AMB di Negeri Sembilan bagi tahun 2020 adalah seperti yang dinyatakan di **Jadual 19**.

Jadual 19 : Pemegang Lesen AMB di Negeri Sembilan Tahun 2020

Bil.	Daerah	Nama Syarikat	Alamat Syarikat
1.	Seremban	Pro Network Sdn. Bhd	22, Jalan Lombong Emas 12, Seremban Light Industries Park, Jalan Tun Dr. Ismail, 70200 Seremban
2.		Apple Green Water Supply	PT 8036, Jalan BBN 5/3B, Jasmine Avenue 71800 Nilai Negeri Sembilan
3.		Gemspring Sdn.Bhd	No.25899, Jalan S2C6, Green Technology Park, Seremban 2, 70300 Seremban Negeri Sembilan
4.		RO Water Sdn Bhd	Lot 3430,Batu 8,Jalan Lenggeng, Kawasan Industri Kecil Mantin, Mukim Setul, Seremban, Negeri Sembilan
5.		Coca-Cola Bottlers (M) Sdn Bhd	PT 486, Persiaran Teknologi 4, Techpark @ ENSTEK, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan

Bil.	Daerah	Nama Syarikat	Alamat Syarikat
6.		Bioton Corporation Sdn Bhd	Lot 113&114, Jalan Nilai 3/12, Kawasan Perindustrian Nilai 3, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
7.		Efficient RE Sdn Bhd	Lot 34650, Lengkuk Teknologi 4, Taman Teknologi Enstek, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan
8.		Vitaton (M) Sdn Bhd.	Lot 5043, Kg. Sompo, Jalan Setul – Lenggeng, Lenggeng Negeri Sembilan
9.	Port Dickson	Cheok Cheng Loon Enterprise Sdn. Bhd.	28, Taman Perindustrian Palong Lukut, Jalan Lukut-Sepang, 71010 Lukut, Port Dickson
10.	Rembau	Aquario Beverages Sdn Bhd	Kawasan Perindustrian Halal MIEL Pedas, 71400 Pedas, Negeri Sembilan
11.		DNR Maju Resources	Lot 988&989 Jalan Durian Daun, Kampung Pulau Bukit, 71300 Rembau, Negeri Sembilan

iv. Pelesenan Ais

Pelesenan ais ialah permohonan lesen bagi produk dari air minuman yang boleh diminum dan diproses sejukbeku. Semua ais yang disediakan untuk perdagangan / jualan mestilah dilesenkan dan mematuhi standard peraturan di bawah Peraturan 394A di bawah Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) 2009 berkuatkuasa pada 1 September 2009.

Terdapat 3 jenis ais iaitu Ais Kiub/Tiub, Ais Blok dan Ais *Flake*. Tempoh sah bagi Lesen ais adalah (1) satu tahun dari tempoh kelulusan lesen dan perlu diperbaharui setiap tahun. Pemantauan kilang dan pensampelan juga dijalankan setiap tahun bagi memastikan kilang ais yang berlesen sentiasa mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Senarai pemegang lesen ais di Negeri Sembilan adalah seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20: Pemegang Lesen Ais di Negeri Sembilan Tahun 2020

Bil.	Daerah	Nama Syarikat	Alamat Syarikat
1.	Seremban	Atlas Edible Ice Sdn. Bhd (Senawang)	Lot 2105, Jalan Tampin, Kawasan Perindustrian Sri Senawang, 71450 Seremban, Negeri Sembilan
2.		Atlas Edible Ice Sdn. Bhd (Nilai)	Pt 2192, Jalan TS 2/8C, Taman Semarak II, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
3.		Seremban Ice Cube Sdn Bhd	Lot 38079 Jln Industri Galla 14, Galla Industrial Park, 70200 Seremban, Negeri Sembilan
4.	Jempol	Atlas Edible Ice Sdn. Bhd (Bahau)	2008, Taman Industri Bahau, 72100 Bahau, Negeri Sembilan
5.	Port Dickson	SP Tube Ice Enterprise Sdn Bhd	No.138,Jalan Bukit Palong, Taman Perindustrian Perdana, 71010 Lukut, Port Dickson, Negeri Sembilan

AKTIVITI PROMOSI

i. Program Lawatan Pengarah Kesihatan Negeri Ke Pusat Kuarantin





Pusat Kuarantin IAB

i. Program Lawatan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (BKKM) ke Sekolah dan Agensi



Lawatan Pemantauan SM Sains Tuanku Jaafar, Kuala Pilah



Lawatan Kunjung Hormat ke KPDN HEP, Negeri Sembilan



Lawatan Kunjung Hormat Daripada Bahagian Hab Halal, JAHEINS ke BKKM,JKNNS

ii. Pameran Keselamatan Makanan di Klinik Kesihatan Sikamat







iv. Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia 2020 (KIP Mall, Senawang)






AYAM SEGAR
SAYUR SEGAR


SUNWAI CALIBRE
BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
JABATAN KESIHATAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

v. Pameran Statik di Lobi Utama JKN, Negeri Sembilan





AKTIVITI INOVASI BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

Pada tahun 2020 ini, kumpulan Inovasi BKKM Negeri Sembilan yang diberi nama Jetsetter telah mengambil bahagian di Pertandingan Anugerah Inovasi KKM Peringkat Kebangsaan bagi kategori perkhidmatan. Projek inovasi yang dipertandingkan adalah KIT4Me yang memberi impak kepada perkhidmatan pelanggan bagi menerangkan semua aktiviti Program Keselamatan dan Kualiti Makanan dengan mudah, efisien, dan lengkap.



Sebelum Inovasi



Selepas Inovasi

Projek yang dibangunkan ini adalah hasil dari anggota BKKM di Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, Pejabat Kesihatan Daerah Seremban, Rembau, Tampin, dan Kuala Pilah. Projek Kit4Me ini juga telah mengangkat Kumpulan Jetsetter mendapat Tempat Pertama di Pertandingan Akhir Anugerah Inovasi KKM Peringkat Kebangsaan bagi Kategori Perkhidmatan sekaligus membawa pulang trofi kejuaraan, sijil penyertaan dan wang tunai bernilah RM5000.00.

Kit4Me terdiri dari tiga roda yang berlainan saiz dan informasi bagi memudahkan penyampaian maklumat dalam satu masa serta sesuai sebagai “one stop centre information”.

Roda Pertama : Maklumat kategori premis seperti di dalam sistem Fosim Domestik (Pangkalan Data Sistem Pendaftaran Premis Makanan)

Roda Kedua : Maklumat berkenaan aktiviti Program Keselamatan dan Kualiti Makanan seperti Pensijilan, Pengiktirafan, Pelesenan, Keperluan eksport dan Sekolah Latihan Pengendalian Makanan

Roda Ketiga: Maklumat berkaitan tempoh sah pelesenan dan pensijilan

Bagi melengkapkan lagi informasi dalam Kit4Me ini maklumat pembayaran fi bagi setiap pelesenan dan pensijilan juga dirangkumkan dalam Jadual di bahagian belakang Kit4Me serta arahan penggunaan Kit4Me ini. Ini menjadikan Kit4Me ini lebih mesra pelanggan, kreatif, elegan dan *compact*.



Kumpulan Jetsetter

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya pencapaian Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan bagi tahun 2020 adalah baik dan memuaskan meskipun berdepan dengan cabaran pandemik Covid-19. Bahagian ini telah menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dengan baik dan dengan bertambahnya anggota yang terlibat dalam aktiviti pengurusan dan pemantauan akan dapat memberikan satu aras perkhidmatan yang terbaik serta mengukuhkan lagi aktiviti pemantauan keselamatan makanan yang lebih sistematik. Usaha berterusan juga sedang dan akan dijalankan bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa dipertingkatkan dan berjalan lancar sejajar dengan misi dan visi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia.